



SIRI 3 2022

ISU-ISU KONTEMPORARI DALAM

**PENGAJIAN LINGUISTIK ARAB &
KETAMADUNAN**

PENYUNTING

MOHAMAD SYUKRI ABDUL RAHMAN
NORMAH HUSIN
MARIAM MAT DAUD
MOHD ZAKI AHMAD



**ISU-ISU KONTEMPORARI DALAM
PENGAJIAN LINGUISTIK ARAB
DAN KETAMADUNAN**

SIRI (3) 2022



PENYUNTING

MOHAMAD SYUKRI ABDUL RAHMAN
NORMAH HUSIN
MARIAM MAT DAUD
MOHD ZAKI AHMAD

PENERBIT FPPI

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
2022

HAK CIPTA

Hak Cipta/*Copyright* Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), KUIS, 2022

Hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku digital ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan semula, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk, atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit FPPI terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit FPPI.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*

PENERBIT FAKULTI PENGAJIAN PERADABAN ISLAM (FPPI)

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan
<http://www.kuis.edu.my/fppi/>
03-89117000 ext: 7167

e ISBN 978-967-2808-25-1

ISU-ISU KONTEMPORARI DALAM PENGAJIAN LINGUISTIK ARAB DAN KETAMADUNAN (SIRI 3)
2022
9789672808251

KATA ALU-ALUAN

Segala pujian dan setinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah SWT, Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, Ahli Keluarga Baginda dan Para sahabat. Ucapan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan untuk saya menukikan sepatah dua kata dalam buku digital ini bagi mewakili pihak pengurusan Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI).

Ucapan syabas dan tahniah kepada Pengarah dan Ahli Jawatankuasa Penganjur *International Conference on Islamic Civilizational Studies* (IConICS 2022) yang terus berusaha dengan sepenuh jiwa mendokong Fakulti dan KUIS meneruskan program pengembangan akademik dan keilmuan serta jihad pendidikan bagi melaksanakan tanggungjawab memartabatkan ummah. Tahniah juga kerana berjaya menerbitkan buku *Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Linguistik Arab Dan Ketamadunan* bersempena dengan penganjuran *International Conference on Islamic Civilizational Studies* (IConICS 2022) oleh Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) pada tahun 2022. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat dengan penerbitan buku digital ini, sama ada sebagai penerbit, penyunting dan penyumbang artikel.

Seperti yang kita maklumi, Islam merupakan agama yang mengatur kehidupan manusia (*way of life*) dalam setiap dimensi kehidupan dan peredaran zaman. Islam menjadi instrumen yang amat penting dalam pembangunan ummah dan pendidikan pasca pandemik Covid 19. Islam yang bersifat dengan kesempurnaan dan kesejagatan sangat relevan dalam mendepani situasi ini.

Terdapat pelbagai isu kontemporari dalam aspek penguasaan dan penghayatan ilmu dalam dunia masa kini khususnya pasca pandemik ini. Dalam mendepani situasi ini, kaedah dan pendekatan terkini dalam penyampaian dan penerapan ilmu kepada pelajar sangat penting. Selain itu, isu-isu lain seperti pemisahan antara ilmu aqli dan naqli, proses pengajaran yang berkonsep *knowledge transfer* tanpa elemen pendidikan (*tarbiyah*) dan lain-lain juga perlu diberikan perhatian serius.

Diharapkan dengan penerbitan buku digital ini dapat menjadi satu wadah diskusi yang sangat signifikan bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat terhadap isu-isu kontemporari dalam bidang pengajian Islam. Semoga usaha ini akan menjadi peneraju tradisi ilmu dalam usaha memberikan pencerahan dan informasi demi memperkasa usaha pembudayaan ilmu dan dakwah di jalan Allah SWT.

Sekian, Salam hormat.

DR. MD NOOR BIN HUSSIN

Dekan,

Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI)

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

SEUNTAI KATA

Alhamdulillah, segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadirat Allah SWT. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, penghulu segala nabi dan rasul, pemimpin umat ke jalan kebenaran.

Buku digital ini adalah hasil daripada *3rd International Conference On Islamic Civilisation Studies 2022* (ICONICS 2022). Seminar ini bertujuan untuk memberikan pendedahan isu-isu semasa dalam Pengajian Islam. Justeru, tema utama seminar kali ini ialah *Pengajian Islam dan Peradaban Islam Fasa Endemik*. Tema ini dibahagikan kepada beberapa subtema yang berkaitan dengan Pengajian Islam dengan harapan ianya dapat melestarikan pengajian ilmu-ilmu Islam dan peradabannya dalam menghadapi fasa endemik.

Saya dengan rendah hati mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para ilmuwan dan pengkaji yang berkongsi ilmu dan hasil penyelidikan dalam bentuk penulisan buku digital ini. Buku digital ini merupakan kesinambungan daripada siri buku digital sebelum ini dan bertujuan sebagai wadah perkongsian ilmu, pengalaman, dapatan baru dalam bidang Pengajian Islam.

Akhirnya, ucapan tahniah dan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat dalam penerbitan buku digital ini yang terdiri daripada para pensyarah Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI) KUIS. Ucapan terima kasih juga kepada Universiti Fatoni, Thailand dan Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara, Indonesia sebagai penganjur bersama seminar ICONICS 2022 ini. Mudah-mudahan usaha kita semua dinilai sebagai amal saleh di sisi Allah SWT. Semoga perkongsian ilmu ini memberikan manfaat serta kemaslahatan kepada insan lain. Sekian, terima kasih.

ABDUL HADI AWANG
Pengarah IConICS 2022,
Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI),
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

PRAKATA

إن الحمد لله نحمده ونستعينه ونستغفره ونستهديه، ونعوذ بالله من شرور أنفسنا ومن سيئات أعمالنا، ومن يهده الله فلا مضل له ومن يضلل فلا هادي له، وأشهد أن لا إله إلا الله وأن محمدا عبده ورسوله. أما بعد:

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kami panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya buku digital ini dapat diterbitkan dengan sempurna. Buku digital ini memfokuskan kepada perbincangan berkaitan isu-isu kontemporari dalam pengajian Linguistik Arab Dan ketamadunan. Buku digital ini sarat dengan hasil penyelidikan terkini sama ada kajian yang berbentuk teori mahupun yang berbentuk kajian lapangan. Penghasilan buku digital ini merupakan usaha pengembangan ilmu yang berterusan.

Himpunan kertas kerja ilmiah dan hasil penyelidikan dalam buku digital ini akan memperkaya lagi sumber rujukan ilmu dan pemangkin kepada penyelidikan seterusnya dalam bidang pengajian linguistik Arab dan ketamadunan. Selain itu diharapkan buku digital ini dapat menjawab sebahagian persoalan yang dihadapi oleh umat Islam dalam bidang tersebut.

Pihak editor mengucapkan jutaan terima kasih kepada pengurusan tertinggi KUIS dan FFPI, Jawatankuasa Seminar *Islamic Conference on Islamic Civilisation Studies (ICONICS) 2022*, Jawatankuasa Kertas Kerja dan semua pihak yang terlibat dalam menerbitkan buku digital ini sama ada secara langsung atau pun tidak langsung. Kami merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada para penulis artikel atas sumbangan karya-karya ilmiah dalam buku digital ISU-ISU KONTEMPORARI DALAM PENGAJIAN LINGUISTIK ARAB DAN KETAMADUNAN (SIRI 3) 2022 terbitan Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) ini. Di samping itu pihak editor ingin memohon kemaafan atas kekurangan dan kelemahan buku digital ini.

Adalah diharapkan dengan penerbitan buku digital ini para pembaca dan pengkaji dalam bidang linguistik Arab dan ketamadunan khususnya dan bidang pengajian Islam umumnya dapat menjadikannya sebagai bahan bacaan dan rujukan bagi kajian-kajian yang akan dijalankan. Mudah-mudahan hasil perkongsian para ahli akademik ini memberi sumbangan yang besar dalam bidang keilmuan. Sekian, selamat membaca.

MOHAMAD SYUKRI ABDUL RAHMAN
NORMAH HUSIN
MARIAM MAT DAUD
MOHD ZAKI AHMAD

Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab
Fakulti Pengajian Peradaban Islam
KUIS

KANDUNGAN

	HALAMAN
KATA ALU-ALUAN	iii
SEUNTAI KATA	iv
PRAKATA	v
ISI KANDUNGAN	vi
PENDAHULUAN	x
BAB 1 PERSEPSI PELAJAR SARJANA MUDA BAHASA AL-QURAN DI KUIS TERHADAP PEMBELAJARAN DALAM TALIAN Nasimah binti Abdullah & Mohd @ Mohamed bin Mohamed Zin	1
BAB 2 PENTERJEMAHAN ELEMEN FIGURATIF TERHADAP TERMINOLOGI SUFI AL-‘AḤWĀL BERDASARKAN TEKNIK PENTERJEMAHAN LARSON Adnan bin Mat Ali, Khairatul Akmar bin Abd Latif, Muhammad Firdaus bin Abdul Manaf & Md Noor bin Hussin	11
BAB 3 ANALISIS TERJEMAHAN AL-HAL DALAM SURAH AL-BAQARAH DALAM TAFSIR PIMPINAN AR-RAHMAN KEPADA PENGERTIAN AL-QURAN, ABDULLAH BASMEIH Afiqah binti Ismail & Mohamad Syukri Abdul Rahman	22
BAB 4 KESAN PENGAJARAN MODUL KEMAHIRAN MENULIS KARANGAN BAHASA ARAB (KMKBA) TERHADAP SKOR PENCAPAIAN KEMAHIRAN MENULIS KARANGAN DALAM KALANGAN PELAJAR SARJANA MUDA BAHASA ARAB DI UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM) Mohamad Rofian Ismail, Ahmad Redzaudin Ghazali & Khairatul Akmar Abdul Latif	37
BAB 5 ASPEK MAKNA TEKSTUAL DALAM TERJEMAHAN: ANALISIS TERJEMAHAN KATA NAMA DALAM HADIS DARI KITAB AL-HALAL WA AL-HARAM FI AL-ISLAM Husni bin Abdullah & Abdul Manan bin Yusuf	46
BAB 6 METODOLOGI PEMBANGUNAN PROTOTAIP APLIKASI I-REHLAH KE ARAH MELESTARIKAN PELANCONGAN ISLAM DI NEGERI SELANGOR Mohammad Imran Ahmad, Ahmad Syukri Adnan, Mohammad Najib Jaffar, Noor Azli Mohamed Masrop & Naqibah Mansor	59

BAB 7	SOLUSI PARADIGMA PENDEKATAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB DARI PERSPEKTIF MOTIVASI Mohd Zaki Ahmad & Ithar Hanani Mohd Zaki	73
BAB 8	TERJEMAHAN MAF'UL LIAJLIH DALAM SURAH AL-ISRA': ANALISIS PERBANDINGAN TERJEMAHAN TAFSIR PIMPINAN AR-RAHMAN DAN TAFSIR QURAN KARIM Nur Arisya Hazman, Mohamad Syukri Abdul Rahman	80
BAB 9	KESILAPAN SINTAKSIS DALAM KEMAHIRAN LISAN BAHASA ARAB PELAJAR INSTITUT PENGAJIAN TINGGI Siti Salwa Mohd Noor & Norasyikin Osman	89
BAB 10	TERJEMAHAN AYAT BERUNSUR <i>HADHF AL-KALIMAH</i> DALAM SURAH YASIN Mohamad Syukri Abdul Rahman, Md Noor Hussin, Muhammad Daoh, Ahmad Redzaudin Ghazali, Mohamad Rofian Ismail, Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Salman Zainal Abidin, Sri Andayani Mahdi Yusuf	96
BAB 11	ANALISA TERJEMAHAN MELAYU BERKAITAN KEINDAHAN DESA DALAM NOVEL ZAINAB KARYA MUHAMMAD HUSAYN HAYKALRU Wan Moharani bin Mohammad, Nurhasma Muhamad Saad, Muhammad Marwan bin Ismail, Zulkipli bin Md. Isa & Sulaiman bin Ismail	105
BAB 12	KAJIAN RINTIS PENGGUNAAN APLIKASI MUDAH ALIH MORFOLOGI BAHASA ARAB DI KALANGAN PELAJAR SARJANA MUDA BAHASA ARAB Hasanah Binti Haji Iksan, Ghazali bin Zainuddin & Noor Azli bin Masrop	114
BAB 13	PROSEDUR PENTERJEMAHAN ELEMEN BUDAYA: TUMPUAN KEPADA HADIS KITAB AL-SHAMAIL AL-MUHAMMADIYYAH Saifulah bin Samsudin, Abdul Manan bin Yusof, Diyak Ulahman bin Mat Saad, Fatimah Azzaharaa' Binti Wan Abdullah	121
BAB 14	KESEDIAAN PELAJAR MENGIKUTI PEMBELAJARAN BAHASA ARAB BERASASKAN PEMBELAJARAN BERBALIK MENERUSI APLIKASI GOOGLE Norasyikin Osman, Siti Salwa Mohd Noor, Norhayati Che Hat, Nurazan Mohmad Rouyan, Khoirun Nisak Mat Saad	128

BAB 15	ISU PEMBELAJARAN BAHASA ARAB DALAM TALIAN SEPENUHNYA Norasyikin Osman, Siti Salwa Mohd Noor, Norhayati Che Hat, Nurazan Mohmad Rouyan, Khoirun Nisak Mat Saad	137
BAB 16	STRATEGI PEMBELAJARAN BERPUSATKAN PELAJAR MENGGUNAKAN TEKNIK PEMIKIRAN VERBAL Siti Salwa Mohd Noor & Norasyikin Osman	143
BAB 17	PERBEZAAN JAWAPAN PELAJAR DAN PANDANGAN PENSYARAH DARI ASPEK PENGUASAAN KEMAHIRAN BERBAHASA ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR PSMBA DI IPTA MALAYSIA Khairatul Akmar Ab Latif, Ahmad Redzaudin Ghazali dan Mohd Rofian Ismail	150
BAB 18	KESEDIAAN GURU PELATIH DALAM MELESTARIKAN PELAKSANAAN PEDAGOGI DIGITAL ERA ENDEMIK Nor Azhan Norul'Azmi, Noor Shamshinar Zakaria & Shahirah Sulaiman	165
BAB 19	حذف الجمل في سورة يس محمد نور حسين	177
BAB 20	تحقيق الانغماس اللغوي في تعليم اللغة العربية من خلال الأنشطة الطلابية عمر بن محمد دين	184
BAB 21	أهم التحديات والصعوبات في عملية التعليم والتعلم الالكتروني مريم مت دأود	207
BAB 22	اقتراحات لتطوير مهارة الكلام لدى طلبة اللغة العربية الناطقين بغيرها في المدارس والجامعات الماليزية يعقوب بن حسن، عبدالرزيف بن زيني، نور فائزة بنت حميدين	214
BAB 23	قياس إتقان كتابة الناء المفتوحة والثناء المربوطة لدى الطلاب البكالوريوس في دراسات اللغة العربية بجامعة السلطان زين العابدين	222

حسنى عقيلة بنت قمر الزمان ونور عاشقين بنت عثمان

- BAB 24 مدى الصحة العقلية لدى الطلبة البكالوريوس في دراسات لغة القرآن (عصر جائحة كورونا) في مواجهة التعليم والتعلم عن بعد بالكلية الجامعية الإسلامية العالمية بسلانجور نورمه بنت حسين 232
- BAB 25 غزل الأوطان والبلدان في شعر مانع سعيد العتيبة صالح أحمد الحميد، نورحسمى محمد سعد، بدر المنير محمد نور 238
- BAB 26 ترجمة الرواية الإنجليزية "كبرياء وهوى" إلى العربية: دراسة تحليلية في ضوء تحليل الخطاب الناقد محمد مروان بن إسماعيل، شذى محمد رازيف، فرح ناديا هارون، وان مهاراني بن محمد، نور حسمى محمد سعد. 248

PENDAHULUAN

Kemajuan dalam Era globalisasi memperlihatkan ledakan teknologi maklumat dan perkembangan ilmu yang begitu pantas dan memberi kesan secara langsung atau tidak langsung dalam kehidupan komuniti dunia. Perkembangan ini membawa bersama isu dan cabaran terhadap bidang pengajian Islam secara umum dan bidang linguistik Arab dan ketamadunan secara khusus.

Buku digital *Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Linguistik Arab Dan Ketamadunan* merupakan himpunan kertas kerja ilmiah dalam Islamic Conference on Islamic Civilisation Studies (ICONICS 2022) Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang diadakan secara dalam talian pada tarikh 20 Oktober 2022. Tema utama seminar kali ini ialah *Pengajian Islam dan Peradaban Islam Fasa Endemik*. Tema ini dibahagikan kepada beberapa subtema yang berkaitan dengan Pengajian Islam antaranya tema pengajian linguistik Arab Dan ketamadunan.

Buku digital ini merupakan himpunan artikel ilmiah yang diketengahkan untuk merungkai pelbagai isu dan cabaran yang dihadapi oleh para ilmuwan dalam bidang linguistik Arab dan ketamadunan sebagai usaha memartabatkan ilmu dan pengetahuan umat dengan harapan ianya dapat melestarikan pengajian ilmu-ilmu Islam dan peradabannya dalam menghadapi fasa endemik.

Buku digital ini memuatkan sembilan belas bab meliputi aspek pendidikan, pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, kemahiran bahasa, sintaksis, morfologi, balaghah, terjemahan Arab - Melayu, kesusasteraan, pelancongan dan teknologi. Bagi meraikan minat penulis dan pembaca, buku digital ini menyajikan rangkuman artikel dalam dwibahasa, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Arab. Semoga usaha murni ini dapat memberi sumbangan yang besar dalam bidang keilmuan serta diberkati Allah SWT.

BAB 1

PERSEPSI PELAJAR SARJANA MUDA BAHASA AL-QURAN DI KUIS TERHADAP PEMBELAJARAN DALAM TALIAN

Nasimah binti Abdullah,¹ Mohd @ Mohamed bin Mohamed Zin,²

¹ Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

² Universiti Kuala Lumpur Malaysia France Institute (UNIKL-MFI)

Pengenalan

Sekitar tahun 2016 landskap dunia moden menghadapi kemuncak revolusi baharu yang dikenali dengan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0). IR 4.0 ini didasari dengan penemuan pelbagai teknologi baharu seperti penggunaan automasi, analisis dan *big data*, simulasi, integrasi sistem, penggunaan *robotic*, *cloud* dan *Internet of Things* (IoT). Kemunculan teknologi tersebut telah mencetuskan satu fenomena baharu kepada masyarakat dunia, malah kerajaan Malaysia sendiri telah memperuntukan bajet khas untuk memberikan tumpuan kepada IR 4.0 dalam usaha menjayakan Dasar Digital Malaysia (Ilias & Ladin, 2018). Sebenarnya tanpa disedari, perubahan yang berlaku dalam sektor industri dan teknologi secara tidak langsung memberi impak kepada keperluan perubahan dalam sektor pendidikan negara. Hal ini terbukti apabila lanskap inovasi dalam pendidikan juga berubah dan berkembang dengan begitu pantas (Shahroom & Hussin, 2018).

Penggunaan Internet pada tahun 2001 menunjukkan sejumlah 500 juta manusia telah berhubung di atas talian dan 200 billion e-mel dihantar setiap hari (Ahmad, A. 2017). Pada tahun 2018 pula terdapat seramai 4.3 bilion orang bergantung kepada penggunaan internet mudah alih (Nick, 2018). Sebelum tahun 2020, pelajar menggunakan internet sebagai medium komunikasi dan interaksi untuk mengetahui berita semasa, menambah pengetahuan baharu atau sekadar berhubung di media rangkaian sosial (Saamri et al., 2021). Namun selepas pandemik covid-19 melanda pada awal tahun 2020, pelajar terpaksa menggunakan internet sebagai medium dalam pembelajaran. Secara logiknya, penggunaan internet akan melonjak dengan begitu mendadak selepas pandemik covid-19 melanda kerana pelajar terpaksa menggunakannya dalam proses pembelajaran dan guru pula menggunakannya dalam pengajaran. Hal ini membuktikan bahawa bermula tahun 2020, internet bukan lagi pilihan, malah merupakan satu keperluan. Lebih-lebih lagi masyarakat abad ke-21 telah dimonopoli oleh penggunaan multimedia dan teknologi maklumat dengan moto dunia tanpa sempadan (Lubis et al., 2017). Oleh itu, penggunaan kaedah komunikasi baharu ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran perlu diterima sebagai paradigma baharu dalam dunia pendidikan. Tetapi penerimaan pelajar terhadap penggunaan kaedah komunikasi baharu ini bukanlah satu perkara yang mudah, malah banyak rungutan didengari.

Pandemik Covid-19 yang berlaku pada tahun 2020 telah memberikan impak yang besar kepada sektor pendidikan dunia amnya dan negara kita Malaysia khususnya. Hal ini terbukti ekoran semua institusi pendidikan di dunia terpaksa ditutup pada awal wabak melanda. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac 2020 di Malaysia telah menyebabkan semua institusi pendidikan sama ada rendah, menengah atau universiti ditutup sepenuhnya. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) kemudiannya telah melaksanakan kaedah pembelajaran dalam talian menggantikan kaedah pembelajaran secara bersemuka demi menjaga kelestarian sistem

pendidikan negara (Pauzi et al., 2020). Masyarakat secara tidak langsung terpaksa menghadapi norma baharu kehidupan yang lebih mencabar dan perlu bijak menyesuaikan diri dengan pelbagai penggunaan teknologi dan multimedia.

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) tidak terkecuali daripada pelaksanaan pedagogi norma baharu ini bermula pada sesi I 2020 iaitu sekitar Jun 2020 sehinggalah pada sesi II 2021 yang berakhir pada sekitar April 2022. Ini bermakna KUIS telah melangsungkan proses pembelajaran dan pengajaran dalam talian sepenuhnya selama empat (4) semester. Pelbagai platform telah digunakan untuk merealisasikan pembelajaran dalam talian seperti *Google Classroom*, *GoogleMeet*, *Zoom Meeting*, *Telegram* dan lain-lain. Pelaksanaan ini memberi tamparan hebat kepada pelajar untuk menyesuaikan diri dengan kaedah baharu dalam pembelajaran. Tidak keterlaluan jika terdapat di awal pelaksanaan kaedah ini suara keluhan dan ketidakpuasan pelajar dalam proses pembelajaran dengan norma baharu ini. Justeru itu, kajian ini dijalankan bertujuan mengenali persepsi pelajar terhadap pembelajaran dalam talian.

Kesan Persepsi Pelajar Terhadap Pembelajaran Dalam Talian

Persepsi bermaksud gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran tentang sesuatu, pandangan menerusi pancaindera atau tanggapan (Kamus Dewan, 2015). Sesuatu perkara itu tidak akan mencapai tujuannya jika persepsi adalah negatif. Sebaliknya, persepsi yang positif pula mampu meningkatkan minat terhadap sesuatu perkara dan boleh menatijahkan hasil yang baik dan mampan. Dengan erti kata lain, jika pelajar mempunyai persepsi negatif terhadap pembelajaran dalam talian, maka dengan sendirinya akan mengurangkan minat terhadap kaedah pembelajaran tersebut serta secara tidak langsung boleh menatijahkan hasil pembelajaran yang tidak memberangsangkan.

Istilah lain yang sinonim dengan pembelajaran dalam talian adalah seperti e-pembelajaran, pembelajaran internet, pembelajaran tersebar, pembelajaran rangkaian, tele-pembelajaran, pembelajaran maya, pembelajaran berbantuan komputer, pembelajaran berasaskan sesawang dan pembelajaran jarak jauh (A. A. Ishak & Talaat, 2020). Kesemua istilah tersebut merujuk kepada penggunaan kemudahan internet sebagai medium pembelajaran yang berlaku di dalam keadaan yang pelbagai tanpa mengira tempat. Malah, kaedah pembelajaran ini dapat melahirkan sistem pembelajaran yang lebih fleksibel dan meluas (Surjono, 2015) kerana pelajar tidak perlu datang ke suatu tempat pada waktu tertentu.

Daripada definisi di atas, dapat difahami bahawa pembelajaran dalam talian merupakan satu pendekatan yang menggunakan teknologi digital untuk menghubungkan pelajar dan guru yang tidak dapat bersemuka di dalam kelas, dan pendekatan ini dapat dilaksanakan dengan baik jika sekiranya kedua-dua pihak yang terlibat dalam proses pembelajaran dan pengajaran mempunyai komputer atau peranti yang lain (Mustapah & Rosli, 2021). Kaedah pembelajaran sebegini memerlukan interaksi dua hala antara pelajar dengan sistem dalam pembelajaran berbantuan komputer (H. B. Ishak et al., 2017). Sebenarnya, keberadaan komputer sahaja masih tidak mencukupi untuk mewujudkan proses pembelajaran dan pengajaran yang mampan jika sekiranya persepsi pelajar terhadap pembelajaran dalam talian adalah negatif.

Pelaksanaan pembelajaran dalam talian merupakan pengalaman baharu kepada pelajar yang sudah pasti menimbulkan cabaran besar kepada mereka ekoran keperluan kepada kemahiran teknologi dan penguasaan peralatan pembelajaran. Hal ini bermakna pelajar perlu mengubah paradigma berfikir mereka ke arah lebih bersedia dengan gelombang IR 4.0 (Ilias & Ladin, 2018).

Mengubah paradigma berfikir mestilah bermula dari persepsi positif pelajar itu sendiri terhadap pelaksanaan pembelajaran atas talian.

Proses pembelajaran dalam talian merupakan salah satu fenomena transformasi digital yang sedang berkembang di institusi pengajian tinggi sejak kebelakangan ini yang sudah pasti memerlukan persiapan yang rapi dari segi kelengkapan dan strategi, kejituan pemikiran dan proses kolaborasi yang melibatkan semua pihak dalam proses penyampaian ilmu (Cameron & Green, 2019). Persekitaran pembelajaran yang memisahkan pelajar daripada pengajar menimbulkan ketidakpuasan hati dan ketidakselesaan kepada pelajar kerana pembelajaran lebih terarah kepada kehendak diri sendiri (Bonk et al., 2015). Maka tidak hairanlah jika pembelajaran dalam talian telah mencetuskan pelbagai persepsi dalam kalangan pelajar.

Antara kajian tentang persepsi pelajar terhadap pembelajaran atas talian ialah Mailis et al. (2020) yang menunjukkan bahawa persepsi 160 orang pelajar Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak di Kolej Universiti Islam Melaka memperoleh nilai purata keseluruhan di tahap sederhana. Kajian ini mengkaji lima (5) aspek persepsi iaitu kandungan pembelajaran dalam talian (3.13), interaksi dalam talian (3.05), maklum balas pensyarah (3.51), strategi motivasi yang digunakan oleh pensyarah (3.36) dan kemudahan mengakses aplikasi pembelajaran dalam talian (3.40).

Kajian lain tentang persepsi pelajar terhadap pembelajaran dalam talian ialah Amin & Nasri (2021) yang membincangkan tentang persepsi 562 orang pelajar sekolah menengah di Malaysia terhadap pembelajaran dalam talian semasa pandemik covid-19. Kajian ini memfokuskan tiga (3) aspek persepsi iaitu i) kelebihan dan kekurangan pembelajaran dalam talian, ii) perbandingan antara pembelajaran bersemuka dengan pembelajaran dalam talian dari segi peningkatan pengetahuan, kemahiran teknologi maklumat dan kemahiran sosial dan iii) penerimaan pelajar terhadap pembelajaran dalam talian.

Kajian ini mendapati bahawa pembelajaran dalam talian mempunyai kelebihan dari segi kemudahan untuk mengakses pelbagai bahan pembelajaran secara dalam talian dengan memperoleh 68% dan kebebasan untuk belajar di rumah dengan 67%. Kekurangan pembelajaran dalam talian pula adalah dari segi masalah teknikal semasa menjalani pembelajaran dalam talian dengan mendapat 59% dan kurang interaksi dengan rakan-rakan dengan 54%. Aspek kedua memperoleh tahap sederhana kerana tiada perbezaan persepsi antara pembelajaran dalam talian dengan pembelajaran bersemuka dari segi peningkatan pengetahuan, kemahiran teknologi maklumat dan kemahiran sosial. Manakala, aspek ketiga iaitu penerimaan pelajar terhadap pembelajaran dalam talian juga berada pada tahap sederhana kerana keseronokan pelajar mengikuti pembelajaran dalam talian mendapat nilai skor purata 3.29 sahaja.

Kajian seterusnya tentang persepsi pelajar terhadap pembelajaran dalam talian ialah Abd Rahman et al. (2021) yang meninjau pengalaman pelajar yang mengikuti kursus Metodologi Penyelidikan pada sesi I 2020. Satu set soal selidik terbuka telah diedarkan kepada 85 orang pelajar tahun tiga Program Bahasa Arab dan Komunikasi di Fakulti Pengajian Bahasa Utama, USIM. Hasil kajian mendapati kursus ini sukar dipelajari melalui dalam talian kerana memerlukan penerangan secara terus dan terperinci daripada pensyarah. Selain itu, pelajar juga kurang selesa mengikuti pembelajaran dalam talian kerana tidak dapat bersemuka dengan pensyarah untuk bertanya apa jua permasalahan yang dihadapi semasa melakukan tugas.

Metodologi Kajian

Kajian ini adalah jenis penyelidikan kuantitatif dan *mengguna pakai rekabentuk kajian tinjauan dengan mensasarkan hanya* pelajar Program Sarjana Muda Pengajian Bahasa al-

Quran di Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), KUIS. Kajian ini bertujuan mengenalpasti persepsi pelajar terhadap pembelajaran dalam talian. Program ini dipilih kerana kaedah penyampaian kuliah dan tutorial bagi semua kursus pengkhususan dikendalikan sepenuhnya dalam bahasa Arab yang sudah pasti memerlukan fokus yang lebih banyak bagi pelajar yang tidak bertutur dalam Bahasa Arab.

Kajian ini menggunakan kaedah persampelan rawak mudah untuk memastikan pemilihan responden mewakili populasi kajian. Satu set soal selidik yang dibina melalui *google form* telah diedarkan kepada 52 orang responden pada sesi II 2021 yang terdiri daripada 22 orang lelaki dan 30 orang perempuan. Seramai 30 orang reponden berumur antara 18 hingga 21 tahun, 20 orang berumur antara 22 hingga 25 tahun dan 2 orang berumur 26 tahun dan ke atas. Responden terdiri daripada pelajar semester 3 iaitu seramai 16 orang, semester 4 iaitu 8 orang, semester 5 iaitu 27 orang dan semester 6 iaitu satu orang. Semua responden telah mengikuti proses pembelajaran dan pengajaran dalam talian sama ada selama 3, 4, 5 atau 6 semester pengajian yang sangat relevan untuk mengetahui refleksi mereka terhadap pembelajaran atas talian. Seramai 51 responden tinggal bersama keluarga dan hanya 1 orang responden yang tinggal di rumah sewa semasa proses pembelajaran dan pengajaran dalam talian berlangsung. Sila rujuk Jadual 1 iaitu demografi responden.

Jadual 1: Demografi responden

Demografi Responden	Jumlah responden (N: 52)	
	N	%
Jantina		
Lelaki	22	42.3
Perempuan	30	57.7
Umur		
18 ke 21	30	57.7
22 ke 25	20	38.5
26 ke atas	2	3.8
Semester Pengajian		
Semester 3	16	30.8
Semester 4	8	15.4
Semester 5	27	51.9
Semester 6	1	1.9
Tempat tinggal semasa sesi pembelajaran dalam berlangsung		
Asrama	0	0
Rumah Sewa	1	1.9
Rumah Keluarga	51	98.1

Format instrumen soal selidik adalah merujuk kepada lima (5) mata skala Likert iaitu sangat setuju, setuju, tidak pasti, tidak setuju dan sangat tidak setuju. Instrumen *soal selidik diedarkan melalui kumpulan WhatsApp pelajar yang mengikuti kursus dengan pensyarah*. Instrumen soal selidik mengandungi dua (2) bahagian iaitu bahagian A dan B. **Bahagian A berkaitan dengan demografi responden yang memuatkan empat (4) soalan iaitu i) jantina, ii) umur, iii) semester pengajian dan iv) tempat tinggal semasa sesi pembelajaran dalam talian berlangsung.**

Manakala bahagian B mengandungi dua belas (12) soalan berkenaan persepsi pelajar. Persepsi pelajar dibahagikan kepada beberapa sudut iaitu i) persepsi umum pelajar tentang pembelajaran dalam talian yang melibatkan item 1 dan 10, ii) lokasi pembelajaran dalam talian yang melibatkan item 2 hingga 5, iii) masalah pembelajaran dalam talian yang melibatkan item 6 hingga 9 dan iv) keperluan dan kehendak pelajar tentang pembelajaran dalam talian yang melibatkan item 11 dan 12.

Tatacara penganalisan data adalah menggunakan Pakej Statistik Sains Sosial (IBM SPSS versi 25.0). Data kajian dihuraikan secara deskriptif dalam bentuk purata, sisihan piawai dan interpretasi. Bagi tujuan deskriptif, kajian menggunakan skala sangat rendah, rendah, sederhana, tinggi dan sangat tinggi. Semua tahap tersebut dihuraikan berdasarkan nilai purata yang dikumpulkan. Jika petunjuk nilai purata adalah di antara 1.00-1.80, maka tahap ini menunjukkan nilai yang sangat rendah, 1.81-2.60 berada pada tahap rendah, 2.61-3.40 berada pada tahap sederhana, 3.41-4.20 berada pada tahap tinggi dan 4.21-5.00 adalah tahap sangat tinggi (Tschannen-Moran & Gareis, 2004).

Dapatan Dan Perbincangan

Berdasarkan empat (4) sudut persepsi yang dirangka dalam borang kaji selidik iaitu persepsi umum pelajar tentang pembelajaran dalam talian (penyataan 1 dan 10), lokasi pembelajaran dalam talian (penyataan 2 hingga 5), masalah pembelajaran dalam talian (penyataan 6 hingga 9) serta keperluan dan kehendak pelajar tentang pembelajaran dalam talian (penyataan 11 dan 12), kajian ini menunjukkan bahawa secara keseluruhan persepsi pelajar mengenai pembelajaran dalam talian berada pada tahap sederhana dengan nilai purata keseluruhan = 3.35 dengan sisihan piawai = 0.262. (Sila rujuk Jadual 2).

Jadual 2: Taburan Responden Mengikut Persepsi Mengenai Pembelajaran Dalam Talian

	Pernyataan/Item	Skala					Mean	SP	Interpretasi
		STS	TS	TP	S	SS			
1.	Anda rasa seronok dan gembira mengikuti pembelajaran dalam talian melalui <i>Googlemeet</i> dan <i>KLMS</i> .	15.4 (8)	17.3 (9)	21.2 (11)	38.5 (20)	7.7 (4)	3.05	1.22	Sederhana
2.	Anda rasa lebih selesa mengikuti pembelajaran dalam talian di ASRAMA bersama rakan-rakan.	1.9 (1)	5.8 (3)	28.8 (15)	28.8 (15)	34.6 (18)	3.88	1.02	Tinggi
3.	Anda rasa tidak selesa mengikuti pembelajaran dalam talian di RUMAH bersama keluarga.	13.5 (7)	34.6 (18)	26.9 (14)	23.1 (12)	1.9 (1)	2.65	1.04	Sederhana
4.	Anda rasa lebih selesa mengikuti pembelajaran dalam talian di RUMAH SEWA bersama rakan-rakan.	11.5 (6)	19.2 (10)	38.5 (20)	15.4 (8)	15.4 (8)	3.03	1.20	Sederhana
5.	Anda rasa lebih selesa mengikuti pembelajaran	40.4 (21)	46.2 (24)	9.6 (5)	1.9 (1)	1.9 (1)	1.78	.847	Sangat Rendah

	dalam talian di tempat awam seperti kedai Mamak, KFC, McD dan lain-lain.									
6	Anda menghadapi banyak masalah untuk mengikuti pembelajaran dalam talian.	3.8 (2)	13.5 (7)	25.0 (13)	40.4 (21)	17.3 (9)	3.53	1.05	Tinggi	
7	Pembelajaran dalam talian membosankan, memenatkan dan tidak menarik.	0	23.1 (12)	32.7 (17)	15.4 (8)	28.8 (15)	3.50	1.14	Tinggi	
8	Anda seringkali tidak dapat fokus dan gagal memberikan tumpuan penuh sewaktu pembelajaran dalam talian.	23.1 (12)	42.3 (22)	21.2 (11)	13.5 (7)	0	2.25	.967	Rendah	
9	Anda sering rasa terganggu oleh ahli keluarga di RUMAH atau rakan-rakan di rumah sewa sewaktu pembelajaran dalam talian.	5.8 (3)	23.1 (12)	26.9 (14)	28.8 (15)	15.4 (8)	3.25	1.15	Sederhana	
10	Anda lebih selesa mengikuti kelas pembelajaran menggunakan kaedah secara BERSEMUKA (face to face) berbanding pembelajaran dalam talian.	0	0	11.5 (6)	26.9 (14)	61.5 (32)	4.50	.700	Sangat Tinggi	
11	Universiti sepatutnya menyediakan komputer riba (laptop) secara percuma kepada pelajar yang layak (B40) untuk mengikuti pembelajaran dalam talian.	0	0	3.8 (2)	38.5 (20)	57.7 (30)	4.53	.576	Sangat Tinggi	
12	Universiti sepatutnya memberikan keizinan kepada pelajar berkeperluan mengikuti pembelajaran dalam talian di dalam kampus.	0	0	17.3 (9)	36.5 (19)	46.2 (24)	4.28	.749	Sangat Tinggi	
Keseluruhan							3.35	.262	Sederhana	

STS: Sangat Tidak Setuju, TS: Tidak Setuju, TP: Tidak Pasti, S: Setuju, SS: Sangat Setuju


Perbincangan seterusnya dibahagikan kepada empat (4) sudut persepsi tersebut.

1. Persepsi Umum Pelajar Tentang Pembelajaran Dalam Talian

Penyataan 1 dan 10 dalam Jadual 2 adalah melibatkan persepsi umum pelajar tentang pembelajaran dalam talian. ***Pernyataan 1 adalah berkait dengan persepsi pelajar terhadap*** medium pembelajaran dalam talian melalui *Googlemeet* dan *KLMS*. Pernyataan ini menunjukkan nilai purata 3.05 iaitu pada tahap sederhana dengan nilai sisihan piawai 1.22. Ini menunjukkan bahawa tahap keseronokan dan kegembiraan pelajar mengikuti pembelajaran dalam talian adalah sederhana. Dapatan ini kelihatan seiring dengan pernyataan 10 dalam Jadual 2, di mana pelajar

menyatakan lebih selesa mengikuti kelas pembelajaran menggunakan kaedah secara bersemuka berbanding dengan pembelajaran dalam talian. Hal ini berdasarkan nilai purata yang diperolehi oleh penyataan 10 ialah 4.50 iaitu pada tahap sangat tinggi dengan sisihan piawai 0.700.

Dapatan nilai purata pada pernyataan 1 yang berada pada tahap sederhana dan pernyataan 10 yang berada pada tahap sangat tinggi menunjukkan bahawa pelajar tetap cenderung kepada pembelajaran secara bersemuka berbanding dengan pembelajaran dalam talian walaupun telah melalui beberapa semester pengajian dalam talian. Perbandingan nilai purata antara pernyataan 1 dan 10 boleh dirujuk kepada graf 1 berikut.



Graf 1: Nilai Purata Pembelajaran Dalam Talian & Pembelajaran Bersemuka.

2. Lokasi Pembelajaran Atas Talian

Penyataan 2 hingga 5 dalam Jadual 2 adalah berkait dengan persepsi pelajar terhadap keselesaan lokasi pembelajaran dalam talian yang menjadi pilihan pelajar sama ada di asrama bersama rakan-rakan, di rumah bersama keluarga, di rumah sewa bersama rakan-rakan atau di tempat awam seperti kedai Mamak, KFC, McD dan lain-lain. Penyataan 2 berkaitan mengikuti pembelajaran dalam talian di asrama bersama rakan-rakan menunjukkan nilai purata 3.88 iaitu tahap tinggi dengan sisihan piawai 1.02. Maklumbalas ini kelihatan selari dengan penyataan 3 berkenaan mengikuti pembelajaran dalam talian di rumah bersama keluarga dan penyataan 4 berkenaan mengikuti pembelajaran dalam talian di rumah sewa bersama rakan-rakan yang kedua-duanya berada pada tahap sederhana dengan masing-masing mempunyai nilai purata 2.65 dengan sisihan piawai 1.04 dan nilai purata 3.03 dengan sisihan piawai 1.20. Manakala, penyataan 5 iaitu “mengikuti pembelajaran dalam talian di tempat awam seperti kedai Mamak, KFC, McD dan lain-lain” berada pada tahap sangat rendah dengan nilai purata 1.78 dengan sisihan piawai 0.847.




Graf 2: Nilai Purata Lokasi Pilihan Untuk Pembelajaran Dalam Talian.

Dapatan daripada pernyataan 2 hingga 5 menggambarkan bahawa pelajar lebih selesa berada di asrama bersama rakan-rakan untuk mengikuti pembelajaran dalam talian berbanding dengan berada di rumah sewa bersama kawan-kawan atau bersama keluarga di rumah. Tempat awam pula bukanlah pilihan mereka untuk mengikuti pembelajaran dalam talian.

3. Masalah Pembelajaran Dalam Talian

Pernyataan 6 hingga 9 dalam Jadual 2 adalah berkaitan dengan persepsi pelajar terhadap masalah semasa pembelajaran dalam talian. Dalam pernyataan 6, kebanyakan pelajar mengakui bahawa mereka menghadapi banyak masalah untuk mengikuti pembelajaran dalam talian kerana nilai min berada pada tahap tinggi iaitu 3.53 dengan sisihan piawai 1.05. Malah pernyataan 7 juga menunjukkan bahawa majoriti pelajar menyatakan pembelajaran dalam talian adalah membosankan, memenatkan dan tidak menarik kerana nilai min berada pada tahap tinggi iaitu 3.50 dengan sisihan piawai 1.14. Walau bagaimanapun, pernyataan 8 iaitu “tidak dapat fokus dan gagal memberikan tumpuan penuh sewaktu pembelajaran dalam talian” berada pada tahap rendah dengan nilai purata 2.25 dan sisihan piawai 0.967. Ini menunjukkan bahawa pelajar boleh memberikan fokus dan tumpuan penuh semasa pembelajaran dalam talian. Pernyataan 9 iaitu “sering rasa terganggu oleh ahli keluarga di rumah atau rakan-rakan di rumah sewa sewaktu pembelajaran dalam talian” berada pada tahap sederhana dengan nilai purata 3.25 dan sisihan piawai 1.15. Perbandingan nilai purata di antara pernyataan 6 hingga 9 boleh dirujuk dalam graf 2 berikut:



Graf 3: Nilai Purata Persepsi Terhadap Masalah Pembelajaran Dalam Talian.

4. Keperluan Dan Kebendak Pelajar Tentang Pembelajaran Dalam Talian

Pernyataan 11 **dalam Jadual 2** berkaitan dengan penyediaan komputer riba secara percuma kepada pelajar yang layak menunjukkan nilai purata 4.53 iaitu tahap sangat tinggi dengan sisihan piawai 0.576. Ini menunjukkan bahawa komputer riba adalah sangat diperlukan untuk melalui proses P&P dalam talian. **Begitu juga dengan pernyataan 12 dalam Jadual 2 berkaitan dengan keperluan mengikuti pembelajaran dalam talian di dalam kampus yang juga berada pada tahap sangat tinggi dengan memperolehi nilai purata 4.28 dan sisihan piawai 0.749. Ini menunjukkan pelajar merasa lebih selesa berada di dalam kampus bersama rakan-rakan berbanding dengan berada di rumah bersama keluarga.**



Graf 4: Nilai Purata kehendak & Keperluan Untuk Pembelajaran Dalam Talian

Kesimpulan

Penularan pandemik Covid-19 memaksa pelajar beralih daripada proses pembelajaran dan pengajaran konvensional kepada satu bentuk norma baharu iaitu pembelajaran dan pengajaran dalam talian. Perubahan ini menimbulkan pelbagai persepsi kepada pelajar yang terpaksa menyesuaikan diri dalam suasana norma baharu.

Kesimpulannya, pelajar tetap cenderung kepada pembelajaran secara bersemuka walaupun telah melalui beberapa semester pengajian dalam talian. Manakala, lokasi pembelajaran dalam talian yang menjadi pilihan kebanyakan pelajar adalah di asrama bersama dengan rakan-rakan, bukan di rumah bersama keluarga kerana mereka memerlukan privasi. Pelajar juga menghadapi banyak masalah untuk mengikuti pembelajaran dalam talian yang secara tidak langsung menjadikan proses P&P membosankan, memenatkan dan tidak menarik. Namun, semangat pelajar untuk belajar sangat baik kerana mereka boleh memberikan tumpuan dan fokus semasa proses pembelajaran dan pengajaran dalam talian berlangsung.

Rujukan

- _____ (2015). Kamus Dewan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Edisi keempat.
- Abd Rahman, L. B., Adam, Z. B., Ramlan, S. R. B., & Zainuddin, G. (2021). Pembelajaran Norma Baharu Era Covid-19: Refleksi Pelajar Kursus Metodologi Penyelidikan USIM. *Jurnal Sains Insani*.
- Ahmad, A. (2017, September 4). Mendepani cabaran dunia empat dimensi. BH Online. <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2017/09/321156/mendepani-cabaran-dunia-empat-dimensi>.
- Amin, N. A. M., & Nasri, N. M. (2021). Kajian Tinjauan Persepsi Murid Sekolah Menengah Terhadap Pembelajaran Dalam Talian Semasa Pandemik Covid-19. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 344–361.
- Bonk, C. J., Lee, M. M., Kou, X., Xu, S., & Sheu, F.-R. (2015). Understanding the self-directed online learning preferences, goals, achievements, and challenges of MIT OpenCourseWare subscribers. *Journal of Educational Technology & Society*, 18(2), 349–368.
- Cameron, E., & Green, M. (2019). *Making sense of change management: A complete guide to the models, tools and techniques of organizational change*. Kogan Page Publishers.
- Ilias, K., & Ladin, C. A. (2018). Pengetahuan dan kesediaan revolusi industri 4.0 dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 6(2), 18–26.

- Ishak, A. A., & Talaat, A. Z. M. A. (2020). Pembelajaran atas talian: tinjauan terhadap kesediaan dan motivasi dalam kalangan pelajar Diploma logistik dan pengurusan rantai bekalan, Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(4), 68–82.
- Ishak, H. B., Nor, Z. M., & Ahmad, A. (2017). pembelajaran interaktif berasaskan aplikasi kahoot dalam pengajaran abad ke-21. *Seminar Serantau. Kedah: Jabatan Pendidikan Khas Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman Jitra. Dipetik*, 11(5), 2.
- Lubis, M. A., Hassan, W. N. S., & Hamzah, M. I. (2017). Tahap pengetahuan dan kesediaan guru-guru pendidikan Islam sekolah menengah di Selangor terhadap penggunaan multimedia dalam pengajaran pendidikan Islam. *Asean Comparative Education Research Journal On Islam And Civilization (ACER-J). EISSN2600-769X*, 1(1), 1–13.
- Mailis, M. I., Hanim, Z. H., & Hassan, N. H. (2020). Persepsi Pelajar Kolej Universiti Islam Melaka Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Secara Atas Talian Dalam Era Pandemik Covid-19. *Jurnal Kesidang*, 5(1), 88–99.
- Mustapha, J., & Rosli, R. (2021). Tahap Kepuasan Pembelajaran Matematik Atas Talian Semasa Pandemik COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(4), 1–20.
- Nick, H. M. (2018). *The 4th Industrial Revolution and the Future of Jobs*. Book boon.
- Pauzi, M. F., Juhari, S. N., Amiruddin, S., & Hassan, N. M. (2020). Covid-19: Pengajaran dan pembelajaran sewaktu krisis pandemik. *Jurnal Refleksi Kepemimpinan, JILID III*.
- Saamri, N., Nawawi, S., & Ramli, R. (2021). Tahap Penerimaan Pelajar terhadap Penggunaan Kemudahan di atas Talian untuk Menyokong Aktiviti Pembelajaran Fleksibel Berdasarkan Elemen Rekabentuk Pendekatan Heutagogi. *International Journal of Modern Education*, 3(8), 35–48.
- Shahroom, A. A., & Hussin, N. (2018). Industrial revolution 4.0 and education. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(9), 314–319.
- Surjono, H. D. (2015). The effects of multimedia and learning style on student achievement in online electronics course. *Turkish Online Journal of Educational Technology-TOJET*, 14(1), 116–122.
- Tschannen-Moran, M., & Gareis, C. R. (2004). Principals' sense of efficacy: Assessing a promising construct. *Journal of Educational Administration*.

BAB 2

PENTERJEMAHAN ELEMEN FIGURATIF TERHADAP TERMINOLOGI SUFI AL-‘AḤWĀL BERDASARKAN TEKNIK PENTERJEMAHAN LARSON

Adnan bin Mat Ali, Khairatul Akmar bin Abd Latif, Muhammad Firdaus bin Abdul Manaf, Md
Noor bin Hussin

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Pendahuluan

Dalam liputan buku-buku sejarah Semenanjung Tanah Melayu membuktikan bahawa wujudnya aktiviti penterjemahan Arab-Melayu yang menyumbang kepada perkembangan tamadun dan peradaban manusia di sekitar kawasan Semenanjung Tanah Melayu, khususnya apabila ia menerima seuan dakwah dan ajaran Islam. Aktiviti penterjemahan kitab-kitab bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu bermula sejak kurun ke-15 Masihi lagi, khususnya apabila kerajaan Aceh mengambil alih peranan kota Melaka sebagai pusat penyebaran Islam dan tamadun Melayu di Nusantara (Abdullah Ishak, 1990). Sejarah turut menunjukkan bahawa kitab pertama yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu adalah pada kurun ke-15 Masihi ketika Sultan Alaudin Riayat Shah iaitu Sultan Melaka yang ke-6 memegang tapuk pemerintahan. Baginda telah memerintahkan salah seorang menterinya agar menterjemahkan salah satu kitab daripada Goa ke dalam bahasa Melayu (Abdullah Ishak, 1990).

Aktiviti penterjemahan ini telah dilaksanakan oleh para pengarang dari alam Melayu yang mendalami ilmu di negara Arab itu sendiri, terutama di Mekah al-Mukarramah (Rosni Wazir, 2010). Maka pada ketika itu lahirlah beberapa para alim ulama yang menyebarkan ajaran Islam dan bahasa Arab melalui penterjemahan beberapa kitab utama berbahasa Arab ke bahasa Melayu antaranya Shaykh Hamzah al-Fansuri, Shaykh Shamsuddin al-Sumaterai, Shaykh Abdul Rauf al-Fansuri, Shaykh Yusuf Makasar, Shaykh Abdul Samad al-Falimbani, Shaykh Muhammad Nafis al-Banjari dan Shaykh Daud bin Abdullah al-Fathani dan ramai lagi. Manakalah teks-teks terjemahan yang menjadi fokus para penterjemah ketika itu sebahagian besarnya melibatkan karya-karya terkenal dalam bidang Fikah, Akidah, Tasawuf, Tafsir al-Quran dan ilmu al-Hadith. Antara kitab-kitab terawal yang diterjemah ialah kitab ‘*Al-‘Aqa’id li al-Nasafi*’, ‘*Hidayat al-Salikin*’, ‘*Bulugh al-Maram*’, ‘*Minhaj al-‘Abidin*’ dan ‘*Matla’ al-Badrain*’ (Majdi Ibrahim, 2009).

Aktiviti penterjemahan kitab-kitab agama tersebut berdasarkan realiti semasa di tanah air masih lagi merupakan satu aktiviti yang diberikan fokus utama oleh para penterjemah di Malaysia pada ketika ini. Penambahan karya penterjemahan berorientasikan bidang pengajian Islam di pasaran menjadi bukti hakikat ini. Buku-buku terjemahan seperti ‘*Pendidikan Awal Kanak-Kanak dalam Islam*’ yang merupakan terjemahan kitab ‘*Tarbiyyat al-Awlad*’ pada tahun 2000, kitab ‘*Fiqh Mazhab Syafie*’ yang merupakan terjemahan kitab ‘*Al-Fiqh al-Manhaji*’ pada tahun 2005 dan ‘*Aku dan al-Ikhwān al-Muslimin*’ yang merupakan terjemahan kitab ‘*Ana wa al-Ikhwān al-Muslimin*’ pada tahun 2011 merupakan antara buku-buku yang menjadi tumpuan para pembaca. Bahkan beberapa buku seperti ‘*Jangan Bersedih*’ yang merupakan terjemahan kitab ‘*Laa Tabzan*’ yang ditulis oleh Dr. ‘Aaid al-Qarni telah mendapat sambutan yang amat baik sehingga diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh beberapa orang penterjemah yang berbeza-beza.

Salah satu disiplin ilmu pengajian Islam yang menjadi fokus kepada para penterjemah Arab-Melayu ialah disiplin ilmu Tasawuf. Sebagai contoh, kitab Tasawuf yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh penterjemah di Malaysia mahupun di Indonesia ialah kitab 'Al-Hikam' yang ditulis oleh Taj al-Din Abu al-Fadhl Ahmad bin Muhammad bin Abd al-Karim bin Atha'illah al-Sakandari al-Shazuli atau lebih dikenali dengan nama Ibn Atha'illah al-Sakandari. Terdapat juga kitab Tasawuf yang berorientasikan al-Hadith seperti 'Riyad al-Salihin min Kalam Sayyid al-Mursalin' yang disusun oleh al-Imam Yahya bin Sharaf al-Nawawi yang mendapat perhatian para penterjemah Arab-Melayu seperti Shaykh Sharif bin Daud al-Bankali serta turut diterjemah dan diterbitkan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

Penterjemahan buku-buku ini tidak dapat dinafikan adalah satu usaha yang amat penting. Namun realitinya menurut Muhammad Bukhari Lubis (1993), kajian yang pernah dijalankan membuktikan bahawa usaha penterjemahan begini daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu, lebih-lebih lagi terjemahan daripada bahasa Melayu ke bahasa Arab, sungguh jauh dari memuaskan. Beliau turut menyatakan bahawa berdasarkan perangkaan yang telah dibuat jumlah hasil terjemahan Arab-Melayu hanyalah 720 judul buku sahaja dalam jangkamasa Ogos 1957 sehingga April 1992 dalam pelbagai disiplin ilmu khususnya disiplin ilmu-ilmu agama. Perangkaan ini amat kecil kerana ia tidak mencerminkan kesungguhan usaha menterjemah yang sebenar-benarnya.

Kajian penterjemahan secara teoritis di Malaysia, khususnya penterjemahan Arab-Melayu jarang dilakukan. Ramai penterjemah Arab-Melayu hanya terlibat dalam amali penterjemahan sahaja. Hal ini terbukti dengan terbitnya ratusan judul karya dan buku agama versi terjemahan dalam bidang Syariah, Tauhid, Tasawuf, Falsafah dan sebagainya (Muhammad Bukhari Lubis 1993). Namun satu perkara yang perlu diberi perhatian ialah penekanan terhadap aktiviti penterjemahan berasaskan teori dan metod yang khusus. Keperluan berteori dalam bidang penterjemahan wajar dianggap agenda yang dapat membawa penterjemahan sebagai bidang yang berwibawa (Norwati Yusof 2005). Di sebalik aktiviti penterjemahan ini, terdapat beberapa isu penting termasuklah isu ketepatan terjemahan yang berkait rapat dengan metodologi terjemahan yang diterima pakai. Di samping keperluan menguasai bahasa asal dengan baik, aspek penguasaan ilmu berkaitan bidang yang diterjemahkan juga turut menjadi salah satu isu yang penting.

Latar Belakang Kitab al-Hikam

Menurut al-Mu'jam al-Wasit (1972) dari segi bahasa perkataan hikam adalah merupakan kata jamak kepada perkataan hikmah yang mempunyai beberapa pengertian. Perkataan "*al-hikmah*" disebut sebanyak 19 kali di dalam al-Quran adalah perkataan bahasa Arab yang berasal daripada kata kerja *hakama*. Menurut al-Mu'jam al-Wasit, kata "*al-hikmah*" adalah kata terbitan hasil daripada kata kerja *hakama*. Kata terbitan perkataan "*al-hikmah*" yang diertikan sebagai keadilan, ilmu pengetahuan, dan kebijaksanaan. Perkataan "*al-hikmah*" adalah kata tunggal (*mufrad*). Manakala jamaknya adalah "*al-hikam*".

Manakala dari segi istilahnya pula, perkataan "*al-hikmah*" diisyaratkan kepada perkataan yang sedikit tetapi mempunyai kandungan makna yang besar sepertimana definisi berikut:

الحِكْمَةُ قَوْلٌ مُّوجِزٌ صَائِبٌ الْفِكْرَةَ رَائِعُ التَّعْبِيرِ يَتَضَمَّنُ مَعْنَى مُسَلِّمًا بِهِ يُهْدَفُ إِلَى الْخَيْرِ وَالصَّوَابِ وَهِيَ تُصَدَّرُ

عن ثقافةٍ أو خبرةٍ أو تجربةٍ.

Maksudnya:

“Kata-kata hikmat adalah kata-kata yang ringkas, mengandungi idea yang tepat, diungkapkan dengan ungkapan yang menarik, mengandungi makna yang baik dan bermatlamatkan sesuatu yang baik dan betul. Ia lahir daripada sesuatu pengetahuan kebudayaan yang tertentu ataupun sesuatu pengalaman dalam kehidupan manusia” (Ahmad Muhammad Saqar, 1990).

Menurut (Othman Napiyah, 1992) kitab al-Hikam al-‘Ata’iyyah merupakan sebuah karya dakwah yang mengandungi nilai-nilai tasawuf yang amat tinggi. Kitab ini merupakan dasar kepada ajaran tasawuf Syeikh Ibn ‘Ata’illah al-Sakandari dan peraturan serta ketetapan tarekat al-Syadziliyyah. Justeru, walaupun beliau dianggap mahir dalam ilmu syariat dan juga amat memahami ilmu kesusasteraan dan kesenian bahasa, namun ketokohan beliau dilihat lebih menonjol dalam bidang pendidikan ilmu tasawuf.

Menurut (Sulaiman Ibrahim, 2005), isi kandungan kitab al-Hikam al-‘Ata’iyyah membicarakan tentang beberapa persoalan pokok dalam ilmu tasawuf iaitu persoalan hakikat ketuhanan, etika sufi dan beberapa panduan serta kaedah penyucian jiwa (tazkiyat al-nafs). Persoalan-persoalan utama yang disentuh berhubung hakikat ketuhanan banyak tertumpu kepada hubungan intim yang seharusnya berlaku antara manusia dan Allah, makrifat Allah, tahap-tahap golongan yang mencari makrifat Allah dan lain-lain. Sementara persoalan etika sufi, isu-isu pembersihan jiwa dan nafsu (tazkiyat al-nafs) pula difokuskan kepada kepentingan seorang hamba yang salik untuk menyucikan nafsunya daripada kekotoran dosa dan maksiat, pemurnian akhlak daripada akhlak tercela kepada akhlak terpuji, membicarakan keajaiban-keajaiban hati dan nafsu, persoalan zikir dan ‘uzlah yang menjadi wasilah utama ke arah (tazkiyat al-nafs) dan lain-lain. Kitab ini juga membahaskan tentang munajat ketuhanan yang banyak menyentuh hati yang termuat dalam bahagian ketiga dalam kitab al-Hikam al-‘Ata’iyyah (Sulaiman Ibrahim, 2005). Secara umumnya kandungan kitab tersebut merangkumi beberapa aspek teori dan pemikiran yang sebahagiannya berbentuk sufi, falsafah, fiqh dan masalah ilmu.

Elemen Figuratif

Dalam Kamus Dewan edisi keempat, figuratif menunjukkan makna (perkataan, rangkai kata, dan sebagainya) yang lebih abstrak atau imaginatif daripada makna biasanya, atau bersifat kiasan atau lambang (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007). Menurut (Ainon Muhammad dan Abdullah Hassan, 2008) pula bahasa figuratif adalah bahasa kiasan, iaitu bahasa yang mempunyai ungkapan-ungkapan yang maknanya tidak boleh diketahui daripada makna perkataan itu sendiri atau daripada susunan tatabahasanya.

Dalam konteks kajian ini, elemen figuratif (majazi) bermaksud istilah-istilah sufi dalam kitab al-Hikam yang mengandungi gaya bahasa berbentuk ungkapan–ungkapan yang maknanya berlainan daripada makna yang sebenar. Antara gaya bahasa dalam ungkapan yang terdapat di dalam kitab al-Hikam antaranya isti’arah, kinayah dan majaz mursal dan lain-lain elemen lagi yang didapati di dalam kitab al-Hikam.

Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti kaedah ataupun strategi penterjemahan yang digunakan oleh penterjemah iaitu H.Salim Bahreisy untuk menterjemah al-Hikam. Korpus bagi kajian ini adalah daripada kitab terjemahan H.Salim Bahreisy yang berjudul Terjemahan al-Hikam. Kajian ini hanya memfokuskan kepada satu istilah sufi sahaja yang mempunyai unsur bahasa figuratif iaitu perkataan “ahwal”. Pengkaji akan mengeluarkan perkataan “ahwal” daripada al-hikam berserta terjemahannya oleh H.Salim Bahreisy. Seterusnya pengkaji akan memastikan perkataan yang dikeluarkan itu menepati istilah sufi dengan merujuk kepada kamus sufi yang berjudul al-Mu’jam al-Sufiy karangan doktor Abdul Mun’im al-Hafniy. Setelah itu pengkaji juga akan merujuk perkataan sufi yang dimaksudkan melalui Kamus Besar Arab Melayu Dewan untuk mengenalpasti makna asal bagi perkataan sufi tersebut. Di akhirnya pengkaji akan memadankan terjemahan istilah sufi “ahwal” yang diterjemahkan oleh H.Salim Bahreisy dengan kaedah atau strategi penterjemahan Larson bagi mengenalpasti kaedah-kaedah tertentu yang digunakan dalam penterjemahan istilah sufi dalam al-Hikam. Bagi memastikan terjemahan yang terdapat di dalam kitab terjemahan H.Salim Bahreisy menepati konteks sufi, pengkaji membuat tinjauan terhadap terjemahan al-Hikam oleh Syaikh Malik Abdullah melalui buku terjemahannya yang berjudul Syarah Hikam Tok Pulau Manis bagi memastikan padanan terjemahan itu menepati sepertimana yang dikehendaki oleh konteks ayat.

Di antara metode yang akan digunakan dalam kajian ini adalah analisis kontrastif, analisis Larson dan analisis konteks.

Analisis Kontrastif

Menurut (Ananiy, 2005) Istilah analisis kontrastif merujuk kepada kajian yang dilakukan terhadap dua bahasa bertujuan untuk memerhatikan aspek perbezaan dan juga persamaan di antara kedua-duanya khususnya dari aspek struktur ayat ataupun susunan ayat. Seperti yang dinyatakan oleh (Palumbo, 2009) analisis kontrastif merupakan satu jenis analisis dalam kajian yang berkaitan dengan pembelajaran bahasa asing, yang pada kebiasaannya bertujuan untuk membuat tinjauan terhadap kes yang berkaitan dengan gangguan yang berlaku atau yang berpotensi untuk berlakunya sebarang gangguan antara bahasa. (Maheram Ahmad, 2008) menyebut bahawa kajian yang berbentuk kontrastif boleh diterima pakai dalam bidang penterjemahan selama mana ianya melibatkan kajian antara dua bahasa yang berbeza.

Analisis Larson

(Midred L. Larson, 1984) dalam bukunya bertajuk *Meaning Based Translation: A Guide To Cross Language Equivalence* telah membincangkan cara penterjemahan metafora dengan menggunakan strategi-strategi menterjemah seperti di bawah ini.

- a) Menterjemah dengan mengekalkan imej atau unsur-unsur bahasa sumber.
- b) Menukarkan bahasa sumber kepada bentuk simili dalam bahasa sasaran.
- c) Menukarkan bahasa sumber ke bahasa sasaran yang mempunyai makna yang sama.
- d) Mengekalkan bahasa sumber dengan memberikan penjelasan makna.
- e) Menterjemah tanpa mengekalkan imej atau unsur-unsur bahasa sumber.

Analisis Kontek dan Linguistik

Menurut (Reiss, 2011) beliau berpendapat bahawa banyak aspek yang boleh diambil kira dalam proses kritikan terhadap terjemahan. Di antara aspek yang terlibat dalam proses tersebut ialah

yang melibatkan komponen linguistik seperti semantik, leksikal, tatabahasa dan juga stailistik. Menurut beliau lagi, terdapat aspek lain yang bukan linguistik yang turut menjadi aspek penentu merangkumi faktor audiens, tempat, masa, penutur dan juga keadaan yang hampir.

Seperti yang disebutkan oleh (Kamaruddin Husin, 1995) bahawa kepentingan terhadap keperihalan peristiwa bahasa (contextual features) serta ciri-ciri linguistik yang terdapat dalam teks, khususnya bagi pengkaji yang menjalankan kajian yang berkaitan dengan aspek laras bahasa.

Menurut (al-Qaradawiy, 2006) bahawa kamus turut memainkan peranan yang penting dalam memahami sesuatu teks khususnya teks al-Hadith. Beliau juga turut menyatakan bahawa dengan mengguna pakai pendekatan bahasa sahaja tidak mencukupi untuk memberikan kefahaman yang sebenar, khususnya bagi menghadapi realiti umat Islam yang pelbagai yang wujud pada zaman ini.

(al-Sibaa'iy, 2010) turut menyatakan bahawa yang menjadi kayu ukur dalam menentukan kesahihan penerimaan sesuatu teks ialah aspek bahasa. Beliau menyatakan lagi bahawa dalam menentukan kesahihan sesuatu matan al-Hadith yang disandarkan kepada Rasulullah S.A.W hendaklah secara asasnya bersandarkan kepada leksikal yang tidak bercanggah dengan prinsip kefasihan bahasa Arab.

Justeru, pengkaji akan membuat penelitian dalam kajian ini berdasarkan metodologi penterjemahan elemen figuratif daripada terhadap korpus kajian melalui metode analisis yang telah dinyatakan di atas.

Istilah Sufi : *ahwal*

Bil. Hikam	Al-Hikam	H.Salim Bahreisy (HSB)	Kamus Besar Arab Melayu Dewan (KBAMD)	Mu'jam Sufiy (MS)	Syarah Hikam Tok Pulau Manis (SHTPM)
9	تنوع أجناس الأعمال لتنوع واردات الأحوال.	Beraneka warna jenis amal perbuatan, kerana bermacam-macam pula pemberian kurnia Allah yang diberikan kepada hambanya.	Perkataan ini berasal daripada perkataan <i>alhal</i> yang merujuk kepada pelbagai maksud: 1-masa sekarang. 2-pakaian. 3-susu, perubahan zaman, bencana, sifat atau rupa, keadaan seseorang, roda atau alat untuk mengajar kanak-kanak	suatu kurniaan yang diberikan Allah kepada hambaNya yang beramal soleh serta yang menyucikan jiwa dan hatinya.	Bermacam-macam jenis amal perbuatan, kerana bermacam-macam pula keadaan ahwal warid yang datang ke dalam hati.

			berjalan. 4-(dlm istilah sains merujuk kepada perubahan yang cepat berlaku spt panas, kering, sejuk dan basah dll		
56	حسن الأعمال نتائج حسن الأحوال وحسن الأحوال من التحقق في مقامات الإنزال.	Baiknya amal perbuatan itu, sebagai hasil dari baiknya budi dan hati, dan baiknya hati itu sebagai hasil dari kesungguhan Istiqamah pada apa yang diperintah oleh Tuhan (yakni tidak bergerak dari apa yang didudukkan oleh Tuhan)	Perkataan ini berasal daripada perkataan <i>albal</i> yang merujuk kepada pelbagai Maksud: 1-masa sekarang. 2-pakaian. 3-susu, perubahan zaman, bencana, sifat atau rupa, keadaan seseorang, roda atau alat untuk mengajar kanak-kanak berjalan. 4-(dml istilah sains merujuk kepada perubahan yang cepat berlaku spt panas, kering, sejuk dan basah dll	suatu kurniaan yang diberikan Allah kepada hambaNya yang beramal soleh serta yang menyucikan jiwa dan hatinya.	Baiknya setiap amal perbuatan itu adalah hasil daripada baiknya setiap haal dan baiknya setiap haal itu adalah sebagai hasil daripada kesungguhan dalam segala makam yang turun daripada Allah Taala.
69	قطع السائرين له والواصلين إليه عن رؤية أعمالهم وشهود أحوالهم. أما	Allah telah memutuskan orang-orang yang berjalan menuju kepadaNya, dan yang telah sampai padaNya, daripada melihat mengagumi amal (ibadat) dan keadaan diri mereka. Adapun orang yang masih sedang berjalan,	Perkataan ini berasal daripada perkataan <i>albal</i> yang merujuk kepada pelbagai maksud: 1-masa sekarang. 2-pakaian. 3-susu, perubahan zaman, bencana, sifat atau rupa, keadaan seseorang, roda	suatu kurniaan yang diberikan Allah kepada hambaNya yang beramal soleh serta yang menyucikan jiwa dan hatinya.	Allah S.W.T telah memutuskan orang-orang yang berjalan menuju kepadaNya dan yang telah sampai kepadaNya daripada melihat (mengagumi) amal (ibadat) dan keadaan diri mereka.

	السائرون فلأنهم لم يتحققوا الصدق مع الله فيها وأما الواصلون فلأنه غيبيهم بشهوده عنها.	kerana mereka dalam amal perbuatan ibadat itu belum dapat melaksanakan dengan ikhlas menurut apa yang diperintahkan. Adapun orang-orang yang telah sampai maka kerana mereka telah sibuk melihat kepada Allah, sehingga lupa pada amal perbuatan sendiri.	atau alat untuk mengajar kanak-kanak berjalan. 4- (dlm istilah sains merujuk kepada perubahan yang cepat berlaku spt panas, kering, sejuk dan basah dll		
182	عنايته فيك لا لشيء منك وأين كنت حين واجهتك عنايته وقابلتك رعايته لم يكن في أزله إخلاص أعمال ولا وجود أحوال بل لم يكن هناك إلا محض الإفضال	Perhatian Allah kepadamu bukan kerana sesuatu yang timbul daripadamu, buktinya: Di manakah engkau ketika Allah menetapkan kurniaNya kepadamu di dalam azal itu, dan disaat Allah menentukan pemeliharaanNya padamu, belum ada disaat itu doa atau amal yang ikhlas atau lain-lain hal, bahkan tidak ada apa-apa ketika itu selain semata-mata kurnia dan kebesaran pemberian Allah.	Perkataan ini berasal daripada perkataan <i>alhal</i> yang merujuk kepada pelbagai maksud : 1- masa sekarang. 2-pakaian. 3- susu, perubahan zaman, bencana, sifat atau rupa, keadaan seseorang, roda atau alat untuk mengajar kanak-kanak berjalan. 4- (dlm istilah sains merujuk kepada perubahan yang cepat berlaku spt panas, kering, sejuk dan basah dll	suatu kurniaan yang diberikan Allah kepada hambaNya yang beramal soleh serta yang menyucikan jiwa dan hatinya.	Perhatian Allah kepada anda bukanlah kerana sesuatu yang datang daripada anda. Di manakah anda berada ketika perhatian Allah menghadap anda dan pemeliharaanNya mendatangi anda? Belum ada lagi di dalam azali itu (zaman kekal abadi) ikhlas segala amal dan belum ada lagi haal. Bahkan belum ada apa-apa pun ketika itu kecuali semata-mata anugerah kurnia dan besarnya pemberian Allah.

	وعظيم النوال				
--	-----------------	--	--	--	--

Analisis

Sampel 1

تنوعت أجناس الأعمال لتنوع واردات الأحوال.

(Hikmah:9)

Teks terjemahan:

Beraneka warna jenis amal perbuatan, kerana bermacam-macam pula pemberian kurnia Allah yang diberikan kepada hambanya. (H.Salim Bahreisy, 2001)

Analisis:

Data dalam sampel Terjemahan al-Hikam (TH) ini merujuk kepada perkataan *ahwal*. Perkataan ini berasal daripada perkataan *alhal* yang merujuk kepada pelbagai maksud: 1- masa sekarang. 2- pakaian. 3-susu, perubahan zaman, bencana, sifat atau rupa, keadaan seseorang, roda atau alat untuk mengajar kanak-kanak berjalan. 4- (dlm istilah sains merujuk kepada perubahan yang cepat berlaku spt panas, kering, sejuk dan basah dll (KBAMD, 2006). Perkataan ini merupakan sebahagian daripada istilah sufi yang merujuk kepada makna ‘suatu kurniaan yang diberikan Allah kepada hambaNya yang beramal soleh serta yang menyucikan jiwa dan hatinya.’ (MS, 1997). Shaykh Malik Abdullah menyebut bahawa perkataan *ahwal* tersebut merujuk kepada maksud “bermacam-macam jenis amal perbuatan, kerana bermacam-macam pula keadaan ahwal warid yang datang ke dalam hati.’ (SHTPM, 2012). Perkataan *ahwal* mengikut teori konteks Mildred L.Larson merujuk kepada kaedah terjemahan *Majaz* iaitu “menukarkan bahasa sumber ke bahasa sasaran yang mempunyai makna yang sama”.

Berdasarkan terjemahan ayat yang terdapat dalam kitab Syarah Hikam Tok Pulau Manis (SHTPM), pengkaji mendapati terjemahan yang dikemukakan oleh H.Salem Bahreisy (HSB) adalah menepati padanan yang dikehendaki oleh konteks ayat. Manakala terjemahan yang dikemukakan oleh Kamus Besar Arab Melayu Dewan (KBAMD) adalah tidak menepati padanan yang dikehendaki oleh konteks ayat.

Sampel 2

حسن الأعمال نتائج حسن الأحوال وحسن الأحوال من التحقق في مقامات الإنزال.

(Hikmah:56)

Teks terjemahan:

Baiknya amal perbuatan itu, sebagai hasil dari baiknya budi dan hati, dan baiknya hati itu sebagai hasil dari kesungguhan Istiqamah pada apa yang diperintah oleh Tuhan (yakni tidak bergerak dari apa yang didudukkan oleh Tuhan). (H.Salim Bahreisy, 2001)

Analisis:

Data dalam sampel Terjemahan al-Hikam (TH) ini merujuk kepada perkataan *ahwal*. Perkataan ini berasal daripada perkataan *alhal* yang merujuk kepada pelbagai maksud: 1- masa sekarang. 2- pakaian. 3-susu, perubahan zaman, bencana, sifat atau rupa, keadaan seseorang, roda atau alat untuk mengajar kanak-kanak berjalan. 4- (dlm istilah sains merujuk kepada perubahan yang cepat berlaku spt panas, kering, sejuk dan basah dll (KBAMD, 2006). Perkataan ini merupakan sebahagian daripada istilah sufi yang merujuk kepada makna ‘suatu kurniaan yang diberikan Allah kepada hambaNya yang beramal soleh serta yang menyucikan jiwa dan hatinya.’ (MS, 1997). Shaykh Malik Abdullah menyebut bahawa perkataan *ahwal* tersebut merujuk kepada maksud ‘haal’ (SHTPM, 2012). Perkataan *ahwal* mengikut teori konteks Mildred L.Larson merujuk kepada kaedah terjemahan *Majaẓ* iaitu “Menterjemah dengan mengekalkan imej atau unsur-unsur bahasa sumber.”.

Berdasarkan terjemahan ayat yang terdapat dalam kitab Syarah Hikam Tok Pulau Manis (SHTPM), pengkaji mendapati terjemahan yang dikemukakan oleh H.Salem Bahreisy (HSB) adalah menepati padanan yang dikehendaki oleh konteks ayat. Manakala terjemahan yang dikemukakan oleh Kamus Besar Arab Melayu Dewan (KBAMD) adalah tidak menepati padanan yang dikehendaki oleh konteks ayat.

Sampel 3

قطع السائرين له والواصلين إليه عن رؤية أعمالهم وشهود أحوالهم. أما السائرون فلأنهم لم يتحققوا الصدق مع الله فيها وأما
الواصلون فلأنه غيبيهم بشهوده عنها
(Hikmah:69)

Teks terjemahan:

Allah telah memutuskan orang-orang yang berjalan menuju kepadaNya, dan yang telah sampai padaNya, daripada melihat mengagumi amal (ibadat) dan keadaan diri mereka. Adapun orang yang masih sedang berjalan, kerana mereka dalam amal perbuatan ibadat itu belum dapat melaksanakan dengan ikhlas menurut apa yang diperintahkan. Adapun orang-orang yang telah sampai maka kerana mereka telah sibuk melihat kepada Allah, sehingga lupa pada amal perbuatan sendiri. (H.Salim Bahreisy, 2001)

Analisis:

Data dalam sampel Terjemahan al-Hikam (TH) ini merujuk kepada perkataan *ahwal*. Perkataan ini berasal daripada perkataan *alhal* yang merujuk kepada pelbagai maksud: 1- masa sekarang. 2- pakaian. 3-susu, perubahan zaman, bencana, sifat atau rupa, keadaan seseorang, roda atau alat untuk mengajar kanak-kanak berjalan. 4- (dlm istilah sains merujuk kepada perubahan yang cepat berlaku spt panas, kering, sejuk dan basah dll (KBAMD, 2006). Perkataan ini merupakan sebahagian daripada istilah sufi yang merujuk kepada makna ‘suatu kurniaan yang diberikan Allah kepada hambaNya yang beramal soleh serta yang menyucikan jiwa dan hatinya.’ (MS, 1997). Shaykh Malik Abdullah menyebut bahawa perkataan *ahwal* tersebut merujuk kepada maksud ‘keadaan diri mereka.’ (SHTPM, 2012). Perkataan *ahwal* mengikut teori konteks Mildred L.Larson merujuk kepada kaedah terjemahan *Majaẓ* iaitu “Mengekalkan bahasa sumber dengan memberikan penjelasan makna.”.

Berdasarkan terjemahan ayat yang terdapat dalam kitab Syarah Hikam Tok Pulau Manis (SHTPM), pengkaji mendapati terjemahan yang dikemukakan oleh H.Salem Bahreisy (HSB) adalah menepati padanan yang dikehendaki oleh konteks ayat. Manakala terjemahan yang dikemukakan oleh Kamus Besar Arab Melayu Dewan (KBAMD) adalah tidak menepati padanan yang dikehendaki oleh konteks ayat.

Sampel 4

عنايته فيك لا لشيء منك وأين كنت حين واجهتك عنايته وقابلتك رعايته لم يكن في أزله إخلاص أعمال ولا وجود أحوال بل لم يكن هناك إلا محض الإفضال وعظيم النوال

(Hikmah:182)

Teks terjemahan:

Perhatian Allah kepadamu bukan kerana sesuatu yang timbul daripadamu, buktinya: Di manakah engkau ketika Allah menetapkan kurniaNya kepadamu di dalam aḥzāl itu, dan disaat Allah menentukan pemeliharaanNya padamu, belum ada disaat itu doa atau amal yang ikhlas atau lain-lain hal, bahkan tidak ada apa-apa ketika itu selain semata-mata kurnia dan kebesaran pemberian Allah. (H.Salim Bahreisy, 2001)

Analisis:

Data dalam sampel Terjemahan al-Hikam (TH) ini merujuk kepada perkataan *ahwal*. Perkataan ini berasal daripada perkataan *ahwal* yang merujuk kepada pelbagai maksud: 1- masa sekarang. 2- pakaian. 3-susu, perubahan zaman, bencana, sifat atau rupa, keadaan seseorang, roda atau alat untuk mengajar kanak-kanak berjalan. 4- (dlm istilah sains merujuk kepada perubahan yang cepat berlaku spt panas, kering, sejuk dan basah dll (KBAMD, 2006). Perkataan ini merupakan sebahagian daripada istilah sufi yang merujuk kepada makna ‘suatu kurniaan yang diberikan Allah kepada hambaNya yang beramal soleh serta yang menyucikan jiwa dan hatinya.’ (MS, 1997). Shaykh Malik Abdullah menyebut bahawa perkataan *ahwal* tersebut merujuk kepada maksud ‘haal.’ (SHTPM, 2012). Perkataan *ahwal* mengikut teori konteks Mildred L.Larson merujuk kepada kaedah terjemahan *Majaz* iaitu “Mengekalkan bahasa sumber dengan memberikan penjelasan makna.”.

Berdasarkan terjemahan ayat yang terdapat dalam kitab SHTPM, pengkaji mendapati terjemahan yang dikemukakan oleh HSB adalah menepati padanan yang dikehendaki oleh konteks ayat. Manakala terjemahan yang dikemukakan oleh KBAMD adalah tidak menepati padanan yang dikehendaki oleh konteks ayat.

Rumusan

Hasil dapatan kajian berkenaan penterjemahan terminologi sufi (*ahwal*) yang mengandungi elemen Figuratif. Kesemua terminologi tersebut dipetik daripada empat mutiara hikmah yang berbeza yang terkandung di dalam kitab Terjemahan al-Hikam, Pendekatan Pengabdian Pada Khaliq yang diterjemah oleh H.Salim Bahreisy. Berdasarkan konteks ayat pengkaji mendapati bahawa semua terminologi sufi (*ahwal*) yang terdapat dalam mutiara hikmah tidak menunjukkan atau memberikan maknanya yang sebenar seperti mana maksud perkataan tersebut di dalam Kamus Besar Arab-Melayu Dewan, keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka. Sebaliknya ia menunjukkan makna yang berbentuk Figuratif ataupun *Majazi*. Dari sudut teknik penterjemahan mengikut penterjemahan Mildred L.Larson dalam penterjemahan terminologi sufi (*ahwal*) ini pula hanya tiga teknik sahaja daripada lima teknik yang digunapakai iaitu ‘menukarkan bahasa sumber ke bahasa sasaran yang mempunyai makna yang sama’, ‘Menterjemah dengan mengekalkan imej atau unsur-unsur bahasa sumber’, dan ‘Mengekalkan bahasa sumber dengan memberikan penjelasan makna’.

Rujukan

- Abdullah Ishak. 1990. *Islam di Nusantara: Khususnya di Tanah Melayu*, Petaling Jaya: al-Rahmaniah.
- Ainon Mohd & Abdullah Hassan. 2008. *Teori dan Teknik Terjemahan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing.
- Ananiy, Muhammad. 2005. *Nazariyyat al-Tarjamat al-Hadithat: Madkhal Ila Mabath Dirasat al-Tarjamat*. Kaherah: al-Syarikat al-Misriyyat al-'Alamiyyat Li al-Nasyr.
- Bahreisy, H.Salim. 2001. *Terjemahan al-Hikam, Pendekatan Pengabdian Pada Khaliq*. Kuala Lumpur: Victory Agencie.
- Kamaruddin Hussin. 1995. *Laras Bahasa*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributions Sdn.Bhd.
- Kamus Dewan*. Edisi Empat. 2007. Cet. 2. Kuala Lumpr: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Besar Arab-Melayu* Dewan. 2006. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maheram Ahmad. 2008. *Permasalahan Terjemahan Arab Melayu: Satu Analisis Teks Sastera*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Majdi Ibrahim. 2009. *Al-Tarjamat bayn al-'Arabiyyat wa al-Malayuwiiyyat: al-Nazariyyat wa al-Mabadi*. IIUM Press.
- Muhammad Bukhari Lubis. 1993. *Menerjemahkan Idiom Bahasa Arab ke dalam Bahasa Melayu: Beberapa Pengalaman*. Kertas Kerja Seminar Terjemahan Arab-Melayu. Anjuran UKM dan DBP. Kuala Lumpur.
- Al-Mu'jam al-Sufiy*. 1997. Kaherah: Dar al-Rasyad.
- Al-Mu'jam al-Wasit*. 1972. Istanbul: al-Maktabat al-Islamiyyat.
- Norwati Md. Yusof. 2005. *Teori Terjemahan: Keperluan Berteori dalam Konteks Terjemahan di Malaysia*. Dalam: Terjemahan dan Penggobalan Ilmu. PTS Profesional Publishing.
- Othman Napiah. 1992. *Ajaran-Ajaran Tasawwuf Ibn 'Ata'illah al-Iskandari Yang Penting Dalam Kitabnya al-Hikam*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Palumbo, Giuseppe. 2009. *Key Terms in Transtaltion Studies*. London: Continuum International Publishing Group.
- Al-Qaradawiy, Yusof. 2006. *Kayf Nata'amal Ma'a al-Sunnat al-Nabawiiyyat*. Kaherah: Dar al-Syuruq.
- Reiss, Katharina. 2011. *Kritikan Terjemahan: Potensi dan Batasan*. Penerjemah: Noor Ida Ramli. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Rosni Waazir. 2010. *Metodologi Terjemahan Kitab Hadith 40 Oleh Mustafa Abdul Rahman dan Asbiran Yaacob*. Dalam: Jurnal Pengajian Islam, Pusat Penyelidikan dan Pembangunan & Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Saqar, Ahmad Muhammad. 1990. *Al-Adwa' Fi al-Lughat al-'Arabiyyah*. Kaherah: Nahdat Misr Li al-Tiba'at Wa al-Nasr Wa al-Tawzi'.
- Al-Siba'iy, Mustafa. 2010. *Al-Sunnat wa Makanatuba fi al-Tasyri' al-Islamiy*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Sulaiman Ibrahim. 2005. *Manhaj Dakwah al-Syayk Ibn 'Ata'Allah al-Sakandary dan Pengaruhnya di Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya.
- Syaykh Malik Abdullah. 2012. *Syarah Hikam Tok Pulau Manis*. Johor: Perniagaan Jahabersa.

BAB 3

ANALISIS TERJEMAHAN *AL-HAL* DALAM SURAH AL-BAQARAH DALAM TAFSIR PIMPINAN AR-RAHMAN KEPADA PENGERTIAN AL-QURAN, ABDULLAH BASMEIH

Afiqah binti Ismail, Mohamad Syukri Abdul Rahman

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Pendahuluan

Al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab meskipun begitu tidak semua orang Arab termasuklah generasi awal dapat memahami maknanya. Pemahaman mereka terhadap makna al-Quran berlaku melalui pentafsiran al-Quran oleh Rasulullah SAW, kemudian diteruskan oleh para sahabat dan tabiin RA serta ulama. Keperluan kepada tafsir al-Quran semakin meningkat berikutan perluasan wilayah Islam dan penyebaran dakwah ke luar Semenanjung Arab. Sehubungan dengan itu, pelbagai kitab tafsir dihasilkan bahkan dalam *volume* yang besar dengan menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar. Kitab-kitab ini kemudiannya dijadikan sebagai sumber rujukan atau teks oleh pendakwah dalam menyampaikan ajaran al-Quran kepada masyarakat serta penulisan tafsir dalam bahasa-bahasa lain. Satu lagi bentuk karya yang membantu pemahaman al-Quran ialah terjemahan al-Quran kepada bahasa-bahasa selain bahasa Arab. Ia menjadi suatu keperluan dan sangat signifikan dalam konteks dakwah bahkan membawa masalah kerana dapat membantu orang yang tidak memahami bahasa Arab untuk menghayati makna dan kandungan al-Quran melalui terjemahan ini (Haziyah binti Hussin, 2020).

Dalam mencapai maqasid ini, Razak (1999) mengkategorikan aktiviti penterjemahan al-Quran sebagai fardu kifayah. Penterjemahan al-Quran memerlukan kepada pengetahuan yang mendalam tentang ilmu-ilmu berkaitan Tafsir al-Quran, bahasa Arab dan bahasa Melayu (bahasa sasaran). Usaha ini dianggap mulia kerana ia memberi pemahaman tentang maksud ayat-ayat al-Quran kepada masyarakat yang tidak menguasai bahasa Arab. Dalam konteks pertumbuhan penterjemahan al-Quran di Malaysia, penghargaan harus diberikan kepada ulama Aceh, Syeikh al-Rauf al-Singkeli (m. 1693). Karyanya, Turjuman al-Mustafid menjadi indikator pencapaian bagi usaha awal ini apabila murid beliau, Syeikh Abdul Malik yang dikenali sebagai Tok Pulau Manis (m.1736) menyalin dan mengajarkan kitab tersebut di Malaysia pada abad 18M. Tahun 1929 kemunculan Tafsir Nur al-Ihsan oleh Muhammad Sa'id bin Umar (m.1932) menjadi titik perubahan bagi sejarah tafsir di negara ini kerana usaha beliau ini dijejaki oleh beberapa ulama lain yang menterjemah kitab-kitab tafsir bahasa Arab ke bahasa Melayu atau menulis tafsir dalam bahasa Melayu (Hussin, 2016). Bagi melihat permasalahan berkaitan terjemahan al-Quran secara fokus dan mendalam maka penulis cuba menganalisis terjemahan ayat berunsur *al-Hal* dalam Surah al-Baqarah.

Pengertian *Al-Hal*

Al-Hal menurut tatabahasa Arab ialah *isim* yang di'*rabkan* sebagai *mansub*, untuk menjelaskan keadaan (perkara yang berlaku) yang masih kesamaran (Jalil, 2021). Terdapat beberapa definisi *al-Hal* menurut ahli sarjana bahasa, iaitu:

1. Menurut Mustafa al-Galayayni: (al-Ghalayayni)

الحال: الاسم المنصوب المفسر لما انبهم من الهيئات

Maksudnya: *Al-Hal* adalah *isim mansub* yang menerangkan tentang keadaan yang belum diketahui keadaannya.

2. Menurut Jamal al-Din Ibn Malik: (Ibn Malik)

الحال وصف فضلة منتصب مفهم في حال كفردا أذهب

Maksudnya: *Al-Hal* adalah *fudhlah* yang *dinasabkan* dan memberikan keterangan keadaan seperti dalam *fardan azhabu* (aku akan pergi sendiri).

3. Menurut Abdullah Abbas Nadwi: (Nadwi, 2012)

Al-Hal adalah istilah tatabahasa Arab yang bermaksud keadaan pada waktu kata utama terjadi.

Berdasarkan kepada ketiga-tiga definisi berikut, pengkaji merumuskan *al-Hal* bermaksud 'keadaan' yang menerangkan keadaan seseorang atau keadaan sesuatu ketika sedang melakukan perbuatan (Intan, 2016).

Pembahagian *al-Hal*

1. *Hal Mufrad*: *Hal mufrad* iaitu unit selain jumlah dan shibhi jumlah. Contohnya: (Hamid, 2015)

جاء خالدٌ رَاكِبًا الخَيْلِ

Maksudnya: Khalid telah datang dengan menunggang kuda.

Dalam contoh ini, *al-Hal* merujuk kepada perkataan رَاكِبًا, yang membawa maksud dengan menunggang. *Al-Hal* disini merupakan isim mufrad. Ia juga boleh terbentuk dalam beberapa bentuk ayat seperti *isim mufrab*, *muthanna*, *jamak taksir*, *jamak muzakkar salim* dan *jamak muaannats salim*.

2. *Hal jumlah fi'liyab*: iaitu ayat yang bermula dengan *fi'il*. Contohnya:

رَأَيْتُ خَالِدًا يَضْرِبُ الطِّفْلَ

Maksudnya: Saya melihat Khalid dalam keadaan sedang memukul seorang budak.

Merujuk kepada contoh tersebut, يَضْرِبُ الطِّفْلَ membawa maksud sedang memukul seorang budak. Jumlah tersebut merupakan *jumlah fi'liyyah* kerana kalimah tersebut berada pada keadaan *Hal mansub* untuk Khalid.

3. *Hal jumlah ismiyyah*: Iaitu ayat yang bermula dengan *isim*. Contohnya:

جاء خالدٌ وهو يبكي

Maksudnya: Khalid telah datang dalam keadaan menangis.

Dalam contoh ini, perkataan وهو يبكي membawa maksud dalam keadaan menangis. Ia merupakan *jumlah ismiyyah* yang mempunyai *mubtada'* dan *khabar*, pada 1 kalimah yang berada di keadaan *hal mansub* untuk Khalid.

4. *Hal shibhi jumlah (Jar Majrur)*.

Contoh:

كانت أليسا تتكلمٌ بهدوءٍ

Maksudnya: Waktu itu Alisa bercakap dengan tenang.

Dalam contoh tersebut, perkataan بهـدوءٍ membawa maksud dengan tenang. Contoh بهـدوءٍ merupakan frasa bagi *jar majrur*. Manakala Alisa merupakan sahib *al-Hal*.

5. *Hal shibhi jumlah (Zaraf)*

Contoh:

رأيتُ زيدًا أمامَ المسجدِ

Maksudnya: Saya melihat Zaid berada di hadapan masjid.

Dalam contoh tersebut, perkataan أمامَ المسجدِ membawa maksud berada di hadapan masjid.

Contoh أمامَ المسجدِ menunjukkan penggunaan *ẓharaf* di dalam jumlah ayat tersebut. Manakala *sahib al-Hal* merupakan Zaid.

Tafsir Pimpinan Ar-Rahman

Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian Al-Quran merupakan tafsir yang telah dihasilkan oleh Abd Rahman Basmeih. Menurut (Subhi, 2013) tafsir ini digunakan secara meluas dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Tafsir ini telah banyak diulang cetak dari tahun 1982 hingga 2010. Dalam menterjemah makna al-Quran, beliau merujuk tafsir-tafsir yang muktabar sama ada yang berbahasa Arab Melayu dan Indonesia, seperti *Jami' al Bayan* oleh al-Tabari, *Tafsir Al-Quran al-'Azim* oleh Ibn Kathir, *Tafsir al-Ruh al-Ma'ani* oleh al-Alusi dan lain-lain. Selain itu,

kitab hadith dan juga kamus Arab digunakan sebagai panduan menterjemah ayat-ayat al-Quran seperti *Fath al-Bari* oleh Ibn Hajar al-Asqalani dan lain-lain.

Menurut kajian Brahim (2018) yang mengkaji *manhaj* pentafsiran Abdullah Basmeih, beliau mendapati bahawa dalam proses menterjemah, beliau mentafsir dengan dua bentuk pentafsiran iaitu *Tafsir bi al-Matsur* dan *Tafsir bi al-Ra'yi*.

Analisis Terjemahan Dan Perbincangan

Kertas kerja ini memfokuskan kajian berkaitan terjemahan ayat berunsur *al-Hal* dalam Surah al-Baqarah berpandukan kitab Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran. Semua terjemahan yang menjelmakan ungkapan yang merupakan *al-Hal* akan dihitamkan. Berikut adalah analisis terjemahan ayat-ayat berkaitan dan perbincangan dapatan.

Terjemahan Hal Mufrad

Surah al-Baqarah ayat 25

<p>وَبَشِّرِ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ ۖ كُلَّمَا رُزِقُوا مِنْهَا مِنْ ثَمَرٍ رِزْقًا ۖ قَالُوا هَذَا الَّذِي رُزِقْنَا مِنْ قَبْلُ ۖ وَأُتُوا بِهِ مُتَشَابِهًا ۖ وَهُمْ فِيهَا أزْوَاجٌ مُطَهَّرَةٌ ۖ وَهُمْ فِيهَا خَالِدُونَ</p>
<p>Maksudnya:</p> <p><i>Dan sampaikanlah berita gembira kepada orang yang beriman dan beramal soleh bahawa sesungguhnya mereka akan beroleh syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai. Setiap kali mereka diberi rezeki daripada buah-buahan syurga itu, mereka berkata, "Inilah yang pernah diberikan kepada kami dahulu" (sebelum masuk ke syurga). Mereka diberikan rezeki itu yang sama rupanya (tetapi berlainan hakikat dan rasanya) dan mereka diberikan di dalam syurga itu isteri-isteri atau pasangan yang sentiasa suci bersih serta mereka kekal di dalamnya selama-lamanya.</i></p>

Berasaskan terjemahan di atas didapati bahawa penterjemah menterjemahkan ayat al-Quran di atas dengan menjelmakan *al-Hal* yang telah dihitamkan iaitu **yang sama rupanya**. Di sini juga dapat diperhatikan bahawa penterjemah menjelmakan Hal Mufrad dengan jelas, dan pembaca boleh memahami makna dengan jelas.

Surah al-Baqarah ayat 29

<p>هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَّا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا ثُمَّ أَسْتَوَىٰ إِلَى السَّمَاءِ فَسَوَّاهُنَّ سَبْعَ سَمَاوَاتٍ ۗ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ</p>
<p>Maksudnya:</p> <p><i>Dialah (Allah) yang menciptakan segala yang terdapat di bumi untuk kamu, kemudian Dia menyengaja ke langit (benda penciptakannya), lalu dijadikannya tujuh petala langit dan Dia Maha Mengetahui segala</i></p>

sesuatu.

Pada ayat ini, penterjemah menterjemahkan ayat al-Quran di atas dengan menjelmakan *Hal Mufrad* sebagai **segala**. Dari segi konteks terjemahan iaitu terjemahan harfiah, **جَمِيعًا** membawa maksud semuanya. Namun, penterjemah menterjemahkannya sebagai **segala** mengikut kesesuaian konteks bahasa sasaran agar mudah difahami oleh pembaca.

Surah Al-Baqarah ayat 41

وَأْمِنُوا بِمَا أَنْزَلْتُ مُصَدِّقًا لِّمَا مَعَكُمْ وَلَا تَكُونُوا أَوَّلَ كَافِرٍ بِهِ ۗ وَلَا تَشْتَرُوا بِآيَاتِي ثَمَنًا قَلِيلًا وَإِنِّي فَاتِقُونَ

Maksudnya:

Dan berimanlah kamu dengan apa yang Aku turunkan (al-Quran) **yang mengesahkan** benarnya kitab yang ada pada kamu, dan janganlah kamu menjadi orang-orang yang mula-mula kafir (ingkar) akan dia; dan janganlah pula kamu menjadikan ayat-ayatKu (sebagai barga untuk) membeli kelebihan-kelebihan yang sedikit faedahnya, dan kepada Akulah sabaja hendaklah kamu bertakwa.

Pada ayat ini, penterjemah menterjemah ayat al-Quran bagi terjemahan *Hal Mufrad* sebagai **yang mengesahkan**. Disini, dapat diperhatikan bahawa terjemahan *Hal Mufrad* bagi ayat di atas jelas dan mudah difahami oleh pembaca teks sasaran.

Surah Al-Baqarah ayat 58

وَإِذْ قُلْنَا ادْخُلُوا هَذِهِ الْقَرْيَةَ فَكُلُوا مِنْهَا حَيْثُ شِئْتُمْ رَغَدًا وَاَدْخُلُوا الْبَابَ سُجَّدًا وَقُولُوا حِطَّةً نَّغْفِرْ لَكُمْ حَطَايِكُمْ ۗ وَسنَزِيدُ الْمُحْسِنِينَ

Maksudnya:

Dan (kenangkanlah) ketika kami berfirman: “Masuklah kamu ke bandar ini, kemudian makanlah kamu dari benda-benda yang ada di dalamnya dengan sepuas-puasnya, apa sahaja yang kamu sukai. Dan masuklah kamu melalui pintunya dengan **menunduk (merendah diri)** dan (mintalah ampun dengan) berkata: Ya Allah ampunilah dosa kami, supaya Kami ampunkan kesalahan-kesalahan kamu, dan kami akan tambah pula pahala orang-orang yang berbuat baik”.

Ayat ini menunjukkan, penterjemah menterjemah *Hal Mufrad* sebagai **menunduk (merendah diri)**. Asal makna bagi perkataan **سُجَّدًا** secara harfiah adalah sambil bersujud. Namun penterjemah menterjemahkannya dengan menggunakan teori terjemahan komunikatif iaitu **menunduk** dengan menjelmakan makna tersembunyi di dalam kurungan (**merendah diri**) supaya dapat mengembangkan terjemahan teks bahasa sumber kepada teks bahasa sasaran, disamping menitikberatkan maksud, budaya dan kesan teks sumber. (Saifulah bin Samsudin, 2018)

Surah Al-Baqarah ayat 60

<p>وَإِذِ اسْتَسْقَىٰ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِ فَقُلْنَا اضْرِبْ بِعَصَاكَ الْحَجَرَ ۖ فَانفَجَرَتْ مِنْهُ اثْنَتَا عَشْرَةَ عَيْنًا ۖ قَدْ عَلِمَ كُلُّ أُنَاسٍ مَّشْرَبَهُمْ ۖ كُلُوا وَاشْرَبُوا مِن رِّزْقِ اللَّهِ وَلَا تَعْتُوا فِي الْأَرْضِ مُفْسِدِينَ</p>
<p>Maksudnya:</p> <p>Dan (ingatlah) ketika Nabi Musa memohon supaya diberi air untuk kaumnya, maka Kami berfirman: Pukulallah batu itu dengan tongkatmu”, (ia pun memukulnya), lalu terpancutlah dari batu itu dua belas mata air, sesungguhnya tiap-tiap satu puak (di antara mereka) telah mengetahui tempat minumnya masing-masing. (Dan Kami berfirman): “Makanlah dan minumlah kamu dari rezeki Allah itu, dan janganlah kamu <u>merebakkan bencana kerosakan</u> di muka bumi”.</p>

Pada petikan ayat ini, penterjemah telah menjelmakan makna *Hal Mufrad* bagi perkataan مُفْسِدِينَ sebagai **merebakkan bencana kerosakan**. Namun, asal terjemahan teks bahasa sumber dari konteks harfiah menunjukkan makna yang berlainan iaitu **orang-orang yang merosak**. Di sini, dapat dilihat bahawa penterjemahan ini dapat difahami dengan mudah oleh pembaca teks sasaran meskipun penterjemah tidak menonjolkan makna secara harfiah kerana pada terjemahan perkataan sebelumnya iaitu *dan janganlah kamu* sudah menunjukkan pelaku kepada terjemahan selepasnya.

Surah Al-Baqarah ayat 94

<p>قُلْ إِنْ كَانَتْ لَكُمْ الدَّارُ الْآخِرَةُ عِنْدَ اللَّهِ خَالِصَةً ۖ مِن دُونِ النَّاسِ فَتَمَنَّوْا الْمَوْتَ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ</p>
<p>Maksudnya:</p> <p>Katakanlah (wahai Muhammad kepada kaum Yahudi): “Kalau syurga negeri akhirat itu telah menjadi <u>hak istimewa</u> untuk kamu pada sisi hukum Allah, tidak boleh dicampuri oleh orang-orang lain, (seperti yang kamu dakwakan itu), maka cita-citakanlah mati (supaya dimatikan sekarang juga), jika betul kamu orang-orang yang benar”.</p>

Pada petikan ayat al-Quran ini, terjemahan *Hal Mufrad* diterjemahkan sebagai **hak istimewa**. Asal makna bagi terjemahan *Hal Mufrad* di atas bagi perkataan خَالِصَةً membawa maksud khusus. Penterjemah juga menterjemahkan ayat *al-Hal* ini mengikut unsur terjemahan teori komunikatif seperti ayat sebelumnya, agar pembaca teks sasaran boleh menghayati terjemahan dengan mudah dan jelas.

Surah Al-Baqarah ayat 185

<p>شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنْ هُدًى وَالْفُرْقَانِ ۗ فَمَنْ شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ ۖ وَمَنْ كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ ۗ يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ وَلِتُكْمِلُوا</p>

أَلْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَيْنَاكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Maksudnya:

(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadhan yang padanya diturunkan al-Quran, **menjadi petunjuk** bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk, dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah. Oleh itu, sesiapa dari antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadhan (atau mengetahuinya) maka hendaklah ia berpuasa bulan itu, dan sesiapa yang sakit atau dalam musafir maka (bolehlah ia berbuka, kemudian, kemudian wajiblah ia berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain. (Dengan ketetapan yang demikian itu) Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan dan ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran. Dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadhan) dan supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjukNya, dan supaya kamu bersyukur.

Pada petikan ini, penterjemah menterjemahkan *al-Hal* dengan menghitamkan perkataan tersebut sebagai **menjadi petunjuk**. Ia boleh dikategorikan sebagai terjemahan harfiyyah kerana penterjemah menterjemahnya berdasarkan zahir ayat.

Terjemahan Hal Jumlah Fi'liyyah

Surah Al-Baqarah ayat 9

يُخَادِعُونَ اللَّهَ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَمَا يُخَادِعُونَ إِلَّا أَنفُسَهُمْ وَمَا يَشْعُرُونَ

Maksudnya:

Mereka hendak memperdayakan Allah dan orang-orang yang beriman, **padahal mereka hanya memperdaya dirinya sendiri**, sedangkan mereka tidak menyedarinya.

Berdasarkan petikan ayat al-Quran tersebut, terjemahan *Hal Jumlah Fi'liyyah* pada jumlah ayat **وَمَا**

يُخَادِعُونَ إِلَّا أَنفُسَهُمْ bermaksud **padahal mereka hanya memperdaya dirinya sendiri**.

Terjemahan ini menggunakan unsur terjemahan dinamik dengan menekankan makna mesej teks asal yang hendak disampaikan dan kesan pembacaan, bersesuaian dengan konteks budaya penerima iaitu bahasa sasaran.

Surah Al-Baqarah ayat 15

اللَّهُ يَسْتَهْزِئُ بِهِمْ وَيَمُدُّهُمْ فِي طُغْيَانِهِمْ يَعْمَهُونَ

Maksudnya:

Allah (membalas) memperolok-olok mereka, dan membiarkan **mereka meraba-raba** dalam kesesatan mereka (yang melampaui batas itu).

Ayat di atas menunjukkan terjemahan *al-Hal* pada jumlah يَعْمَهُونَ yang membawa maksud **mereka meraba-raba**. Terjemahan ini juga menggunakan unsur terjemahan dinamik dengan menekankan makna mesej teks asal yang hendak disampaikan dan kesan pembacaan, bersesuaian dengan konteks budaya penerima iaitu bahasa sasaran.

Surah Al-Baqarah ayat 17

<p>مَثَلُهُمْ كَمَثَلِ الَّذِي اسْتَوْقَدَ نَارًا فَلَمَّا أَضَاءَتْ مَا حَوْلَهُ ذَهَبَ اللَّهُ بِنُورِهِمْ وَتَرَكَهُمْ فِي ظُلُمَاتٍ لَا يُبْصِرُونَ</p>
<p>Maksudnya:</p> <p><i>Perbandingan hal mereka (golongan yang munafik itu) samalah seperti orang yang menyalakan api, apabila api itu menerangi sekelilingnya, (tiba-tiba) Allah menghilangkan cahaya (yang menerangi) mereka, dan dibiarkannya mereka dalam gelap gelita, tidak dapat melihat (sesuatu pun).</i></p>

Terjemahan Hal Jumlah Fi'liyah pada petikan ayat al-Quran ini iaitu **tidak dapat melihat (sesuatu pun)** menggunakan unsur terjemahan harfiyyah kerana penterjemah menterjemahnya berdasarkan zahir ayat dan menambahkan terjemahan di dalam kurungan bagi menguatkan lagi maksud *al-Hal*.

Surah Al-Baqarah ayat 49

<p>وَإِذْ نَجَّيْنَاكَ مِنْ آلِ فِرْعَوْنَ يَسُومُونَكَ سُوءَ الْعَذَابِ يُدَبِّحُونَ أَبْنَاءَكَ وَيَسْتَحْيُونَ نِسَاءَكَ ؕ وَفِي ذَلِكَ بَلَاءٌ مِّن رَّبِّكَ عَظِيمٌ</p>
<p>Maksudnya:</p> <p><i>Dan (kenangkanlah ketika kami selamatkan kamu dari Firaun dan orang-orangnya, yang sentiasa menyiksa kamu dengan seksa yang seburuk-buruknya, mereka menyembelih anak-anak lelaki kamu dan membiarkannya hidup anak-anak perempuan kamu, sedang kejadian yang sedemikian itu mengandung bala' bencana dan cubaan yang besar dari Tuhan kamu.</i></p>

Pada petikan ayat al-Quran, penterjemah menterjemahkan *al-Hal* pada jumlah ayat يَسُومُونَكَ سُوءَ الْعَذَابِ sebagai **yang sentiasa menyiksa kamu dengan seksa yang seburuk-buruknya**. Terjemahan ini menggunakan unsur terjemahan harfiyah bagi menzahirkan makna ayat.

Surah Al-Baqarah ayat 229

<p>الطَّلُقُ مَرَّتَانٍ ۖ فَإِمْسَاكَ بِمَعْرُوفٍ أَوْ تَسْرِيحٍ بِإِحْسَانٍ ۗ وَلَا يَجِلُّ لَكُمْ أَنْ تَأْخُذُوا بِمَا آتَيْتُمُوهُنَّ شَيْئًا إِلَّا أَنْ يَخَافَا أَلَّا يُعْقِمَا حُدُودَ اللَّهِ ۚ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا يُقِيمَا حُدُودَ اللَّهِ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا فِيمَا افْتَدَتْ بِهِ ۗ تِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ فَلَا تَعْتَدُوهَا ۚ وَمَنْ يَتَعَدَّ حُدُودَ اللَّهِ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ</p>
<p>Maksudnya:</p> <p><i>Talak (yang boleh dirujuk kembali itu hanya) dua,kali. Sesudah itu bolehlah ia (ruju' dan) memegang terus (isterinya itu) dengan cara yang sepatutnya atau melepaskan (menceraikannya) dengan cara yang baik. Dan tidaklah halal bagi kamu mengambil balik sesuatu dari apa yang telah kamu berikan kepada mereka (isteri-isteri yang diceraihan itu), kecuali jika keduanya (suami isteri) takut tidak dapat menegakkan aturan-aturan hukum Allah. Oleh itu kalau kamu kluatir bahawa kedua-duanya tidak dapat menegakkan aturan-aturan hukum Allah, maka tidaklah mereka berdosa-mengenai bayaran (tebus talak) yang diberikan isteri untuk menebus dirinya (mengenai pengambilan suami akan bayaran itu). Itulah aturan-aturan hukum Allah, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.</i></p>

Berasaskan ayat al-Quran ini, penterjemah menterjemah *al-Hal* kepada makna **keduanya (suami isteri) takut**. Ia boleh juga dikategorikan sebagai terjemahan harfiyyah kerana penterjemah menterjemahnya berdasarkan zahir ayat.

Surah Al-Baqarah ayat 257

<p>اللَّهُ وَلِيُّ الَّذِينَ ءَامَنُوا يُخْرِجُهُم مِّنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ ۗ وَالَّذِينَ كَفَرُوا ءَٰوَلِيَٰهُمُ الطُّغُوتُ يُخْرِجُوهُمْ مِّنَ النُّورِ إِلَى الظُّلُمَاتِ ۗ ءَٰوَلَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ ۗ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ</p>
<p>Maksudnya:</p> <p><i>Allah Pelindung (Yang mengawal dan menolong) orang-orang yang beriman. Ia mengeluarkan mereka dari kegelapan (kufur) kepada cahaya (iman). Dan orang-orang yang kafir, penolong-penolong mereka ialah Taghut, yang mengeluarkan mereka dari cahaya (iman) kepada kegelapan (kufur). Mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.</i></p>

Pada terjemahan ayat ini, *Hal Jumlah Fi'liyab* pada jumlah ayat **يُخْرِجُهُم مِّنَ الظُّلُمَاتِ** bermaksud **Ia mengeluarkan mereka dari kegelapan (kufur)**. Ia boleh juga dikategorikan sebagai terjemahan harfiyyah kerana penterjemah menterjemahnya dengan menumpukan kepada bentuk kata teks bahasa sumber.

Surah Al-Baqarah ayat 257

اللَّهُ وَلِيُّ الَّذِينَ ءَامَنُوا يُخْرِجُهُم مِّنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ ۚ وَالَّذِينَ كَفَرُوا ءَوْلِيَآؤُهُمُ الطَّاغُوتُ يُخْرِجُوهُمْ مِّنَ النُّورِ إِلَى الظُّلُمَاتِ ۗ أُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

Maksudnya:

Allah Pelindung (Yang mengawal dan menolong) orang-orang yang beriman. Ia mengeluarkan mereka dari kegelapan (kufur) kepada cahaya (iman). Dan orang-orang yang kafir, penolong-penolong mereka ialah Taghut, **yang mengeluarkan mereka dari cahaya (iman) kepada kegelapan (kufur)**. Mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.

Pada terjemahan ayat ini, *Hal Jumlah Fi'liyah* pada jumlah ayat **يُخْرِجُوهُمْ مِّنَ النُّورِ** bermaksud **yang mengeluarkan mereka dari cahaya (iman)**. Ia boleh juga sama seperti ayat sebelumnya, ia dikategorikan sebagai terjemahan harfiyyah kerana penterjemah menterjemahnya dengan menumpukan kepada bentuk kata teks bahasa sumber.

Surah Al-Baqarah ayat 273

لِلْفُقَرَاءِ الَّذِينَ أَحْصَرُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ لَا يَسْتَطِيعُونَ ضَرْبًا فِي الْأَرْضِ يَحْسَبُهُمُ الْجَاهِلُ أَغْنِيَاءَ مِنَ التَّعَفُّفِ تَعْرِفُهُمْ بِسِيمَاهُمْ لَا يَسْأَلُونَ النَّاسَ إِحْقَاقًا ۚ وَمَا تَنْفَعُوهُم مِّنْ خَيْرٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَالِمٌ

Maksudnya:

(Pemberian sedekah itu), ialah bagi orang-orang fakir miskin yang telah menentukan dirinya (dengan menjalankan khidmat atau berjuang) pada jalan Allah (membela Islam) yang **tidak berupaya** mengembara di muka bumi (untuk berniaga dan sebagainya) mereka itu disangka orang kaya – oleh orang yang tidak mengetahui halnya, kerana mereka menahan diri daripada meminta-minta. Engkau kenal mereka dengan (melihat) sifat-sifat dan keadaan masing-masing, mereka tidak meminta kepada orang ramai dengan mendesak-desak. Dan (ketahuilah) apa jua yang kamu belanjakan dari harta yang halal maka sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahuinya.

Berasaskan petikan berikut, terjemahan *Hal Jumlah Fi'liyah* bagi ayat **لَا يَسْتَطِيعُونَ** membawa maksud **tidak berupaya**. Terjemahan ini juga menggunakan terjemahan yang berunsurkan harfiyyah kerana menumpukan kepada bentuk kata teks bahasa sumber.

Terjemahan Hal Jumlah Ismiyyah

Surah Al-Baqarah ayat 30

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً ۗ قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ
نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ ۗ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya:

Dan (ingatlah) ketika Tuhan-mu berfirman kepada malaikat: “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang Khalifah di bumi”. Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): “Adakah Engkau (Ya Tuhan kami), hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan) **padahal kami sentiasa bertasbih** dengan memujiMu dan mensucikanMu?” Tuhan berfirman: Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya”.

Jumlah ayat وَإِنَّا نُسَبِّحُ ini merupakan *Hal Jumlah Ismiyyah* yang membawa makna sebagai **padahal kami sentiasa bertasbih**. Terjemahan teks ini menggunakan terjemahan literal, penterjemah mengintegrestasikan terjemahan *al-Hal* dengan baik dan mudah difahami oleh pembaca.

Surah Al-Baqarah ayat 39

وَالَّذِينَ كَفَرُوا وَكَذَّبُوا بِآيَاتِنَا أُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ ۗ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

Maksudnya:

Dan orang-orang kafir yang mendustakan ayat-ayat keterangan Kami, mereka itu ialah ahli neraka, **mereka kekal di dalamnya**.

Jumlah ayat هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ juga merupakan *Hal Jumlah Ismiyyah* yang membawa makna sebagai **mereka kekal di dalamnya**. Terjemahan ini juga merupakan terjemahan literal. Penterjemah menterjemahkannya dengan baik sesuai mengikut konteks bahasa sasaran.

Surah Al-Baqarah ayat 45

وَأَسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ ۗ وَإِنَّهَا لَكَبِيرَةٌ إِلَّا عَلَى الْخَاشِعِينَ

Maksudnya:

Dan mintalah pertolongan (kepada Allah) dengan jalan sabar dan mengerjakan sembahyang, **dan sesungguhnya sembahyang itu amatlah berat kecuali kepada orang-orang yang khusyuk**’.

Pada ayat ini, penterjemah menterjemahkan وَإِنَّمَا لِكَبِيرَةٍ إِلَّا عَلَىٰ الْخٰشِعِينَ kepada **dan sesungguhnya sembahyang itu amatlah berat kecuali kepada orang-orang yang khusyuk**. Terjemahan ini juga merupakan terjemahan literal. Penterjemah menterjemahkannya dengan baik sesuai mengikut konteks bahasa sasaran.

Surah Al-Baqarah ayat 51

<p>وَإِذْ وَعَدْنَا مُوسَىٰ أَرْبَعِينَ لَيْلَةً ثُمَّ اتَّخَذْتُمُ الْعِجْلَ مِنْ بَعْدِهِ وَأَنْتُمْ ظٰلِمُونَ</p>
<p>Maksudnya:</p> <p><i>Dan (kenangkanlah) ketika Kami berjanji kepada Nabi Musa (untuk memberi Taurat kepadanya sesudah ia bersiap selama) empat puluh malam. Kemudian, setelah ia pergi, kamu menyembah (patung) anak lembu, dan kamu sebenarnya orang-orang yang zalim (terhadap diri sendiri).</i></p>

Jumlah ayat *al-Hal* iaitu وَأَنْتُمْ ظٰلِمُونَ diterjemahkan oleh penterjemah sebagai **dan kamu sebenarnya orang-orang yang zalim (terhadap diri sendiri)**. Penterjemah menambahkan terjemahan *al-Hal* pada terjemahan **orang-orang yang zalim** di dalam kurungan iaitu **(terhadap diri sendiri)** untuk menguatkan lagi makna dalam teks sasaran.

Terjemahan Hal Shibhi Jumlah (Jar Majrur)

Surah Al-Baqarah ayat 61

<p>وَإِذْ قُلْتُمْ يُمُوسَىٰ لَنْ نَّصْبِرَ عَلَىٰ طَعَامٍ وَاحِدٍ فَادْعُ لَنَا رَبَّكَ يُخْرِجْ لَنَا مِمَّا تُنْبِتُ الْأَرْضُ مِنْ بَقْلِهَا وَقِثَّائِهَا وَفُومِهَا وَعَدَسِهَا وَبَصَلِهَا قَالَ أَتَسْتَبْدِلُونَ الَّذِي هُوَ أَدْنَىٰ بِالَّذِي هُوَ خَيْرٌ ؕ أَهَيِّطُوا مِصْرًا فَإِنَّ لَكُمْ مِمَّا سَأَلْتُمْ ۖ وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الذَّلِيلَةُ وَالْمَسْكَانَةُ وَبَاءُوا بِعِصَابٍ مِّنْ آلِهَةٍ ؕ ذٰلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانُوا يَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ النَّبِيِّنَ بِغَيْرِ الْحَقِّ ۗ ذٰلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ</p>
<p>Maksudnya:</p> <p><i>Dan (kenangkanlah) ketika kamu berkata: “Wahai Musa kami tidak sabar (sudah jemu) dengan makanan yang semacam sahaja; maka pohonkanlah kepada Tuhan-mu untuk kami, supaya dikeluarkan bagi kami sebahagian dari apa yang tumbuh di bumi: dari sayur-sayurannya, dan mentimunnya, dan bawang putihnya, dan kacang dalnya, serta bawang merahya”. Nabi Musa menjawab: “Adakah kamu mahu menukar sesuatu yang kurang baik dengan meninggalkan yang lebih baik? Turunlah kamu ke bandar kerana di sana kamu boleh dapati apa yang kamu minta itu”. Dan mereka ditimpakan dengan kebinaan dan kepapaan, dan sudah sepatutnya mereka mendapat kemurkaan dari Allah. Yang demikian itu ialah disebabkan mereka kufur (mengingkari) ayat-ayat Allah (perintah-perintah dan mukjizat-mukjizat yang membuktikan kebesarannya) dan mereka pula membunuh Nabi-nabi dengan tidak ada alasan yang</i></p>

benar. Yang demikian itu ialah disebabkan mereka menderbaka dan mereka pula sentiasa menceroboh.

Jumlah ayat *al-Hal* iaitu بِغَيْرِ الْحَقِّ diterjemahkan sebagai **tidak ada alasan yang benar**. Penterjemah menterjemahkannya dengan secara maknawi iaitu menterjemahkan بِغَيْرِ sebagai **tidak ada**, manakala الْحَقِّ sebagai **alasan yang benar**, supaya terjemahan ini mudah difahami oleh pembaca.

Surah al-Baqarah ayat 65

وَلَقَدْ عَلِمْتُمُ الَّذِينَ اعْتَدَوْا مِنْكُمْ فِي السَّبْتِ فَقُلْنَا لَهُمْ كُونُوا قِرَدَةً خَاسِئِينَ

Maksudnya:

Dan sesungguhnya kamu telah mengetahui (bagaimana buruknya akibat) orang-orang di antara kamu yang melanggar (larangan) pada hari Sabtu, lalu Kami berfirman kepada mereka: "Jadilah kera yang hina".

Berasaskan terjemahan *al-Hal* pada perkataan مِنْكُمْ, penterjemah menterjemahkan sebagai **orang-orang di antara kamu**, dengan memilih padanan perkataan yang baik mengikut teks bahasa sasaran.

Terjemahan Hal Shibhi Jumlah (Zaraf)

Surah al-Baqarah ayat 62

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَالَّذِينَ هَادُوا وَالنَّصَارَى وَالصَّبِيَّانَ مَن ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ ءَآخِرِ وَعَمِلَ صَالِحًا فَلَهُمْ أَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ

Maksudnya:

*Sesungguhnya orang-orang yang beriman, dan orang-orang yahudi, dan orang-orang Nasaara (Nasrani) dan orang-orang Saabi'in, sesiapa diantara mereka itu beriman kepada Allah dan (beriman kepada) hari akhirat serta beramal soleh, maka bagi mereka pahala balasannya **di sisi Tuhan mereka**, dan tidak ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) kepada mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita.*

Jumlah *al-Hal shibhi jumlah* pada ayat عِنْدَ رَبِّهِمْ diterjemahkan sebagai **di sisi Tuhan mereka**. Terjemahan ini menggunakan terjemahan formal iaitu mengikut struktur nahu bahasa sumber dengan mengekalkan bahasa sumber tanpa mengikut struktur tatabahasa sasaran.

Surah al-Baqarah ayat 112

بَلَىٰ مَنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ فَلَهُ أَجْرُهُ عِنْدَ رَبِّهِ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ

Maksudnya:

(Apa yang kamu katakan itu tidaklah benar) bahkan sesiapa yang menyerahkannya kepada Allah (mematuhi perintahNya) sedang ia pula berusaha supaya baik amalannya, maka ia akan beroleh pahalanya **di sisi Tuhannya**, dan tidaklah ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita.

Perkataan *al-Hal* عِنْدَ رَبِّهِ diterjemahkan sebagai **di sisi Tuhannya**. Terjemahan ini juga menggunakan terjemahan formal, ia terikat dengan teks bahasa sumber tanpa mengikut struktur bahasa teks sasaran.

Kesimpulan

Al-Hal adalah isim mansub yang berfungsi untuk menjelaskan sesuatu yang tidak jelas berhubung cara sesuatu perbuatan dilakukan, seperti جَاءَ زَيْدٌ رَاكِبًا ‘Zaid datang menaiki kenderaan’, رَكِبْتُ الْفَرَسَ مُسْرَجًا, ‘aku menunggang kuda berpelana’ dan sebagainya.

Al-Hal (الحال) ialah unit yang berfungsi menerangkan keadaan *fa'il* (pelaku), *maf'ul bib* dan *na'ib fa'il*. Hukum *i'rab hal* adalah *mansub*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Tafsir Pimpinan ar-Rahman telah berjaya menterjemahkan *al-Hal* dalam surah al-Baqarah dengan baik dan mudah difahami. Sebanyak 23 sampel telah diambil, iaitu 7 *Hal Mufrad*, 8 *Hal Jumlah Fi'liyyah*, 4 *Jumlah Ismiyyah*, 2 *Hal Shibhi Jumlah (Jar Majrur)* dan 2 *Hal Shibhi Jumlah (Zharaf)*.

Diharapkan kajian ini dapat memberi sumbangan kepada para pembaca al-Quran dan juga para pelajar bahasa Arab dalam memahami maksud ayat-ayat al-Quran khususnya berkaitan *al-Hal*.

Rujukan

- Al-Ghalayayni, S. M. (N.D.). *Jami' Al-Durus Al-Arabiy*. Beirut: Mansyurat Al-Maktabat Al-Asriyah.
- Hamid, A. A. (2015). *Ilmu Nabu Tatabahasa Arab Huraian Matan Al-Ajurumiyah*. Kuala Lumpur: Suria Jaya.
- Haziyah Binti Hussin (Phd), M. H. (2020). Perkembangan Penterjemahan Al-Quran Di Malaysia Pada Abad Ke 21. *E-Proceeding Of The 2nd International Conference On Contemporary Issues In Al-Quran And Hadith 2020 (THIQAH 2020)*, 268.
- Hussin., H. (2016). *The Emergence Of Qur'anic Exegesis In Malaysia*. Malaysia: Routledge.
- Ibn Malik, J. A.-D. (N.D.). *Syarab Alfiyah Syarb Ibn Aqil*. Beirut: Dar Al-Surut.
- Intan Salmah, (2016). *Al-Hal*. Jurnal Adabiyah Vol. 16 Nomor 1/2016. UIN Alauddin Makassar.
- Jalil, M. F. (2021). *Petunjuk Mudah Memahami Ilmu Nabu متن الأجرومية Terjemahan Dan Penerangan*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.
- Muhammad Firdaus Bin Hj Abdul Manaf, M. H. (2016). Perbandingan Teori Penterjemahan Arab-Melayu. *Irsyad 2016*, 6110.

- Nadwi, A. A. (2012). *Learn The Language Of The Holy Quran* . Bandung: Mizan.
- Nur Annas H. Laane (2019) ‘*Al-Hal* Dalam Surah Al-Baqarah (Kajian Analisis Nahu) UIN Alauddin Makassar.
- Razak, M. N. (1999). Penterjemahan Al-Quran: Sejarah Dan Permasalahannya. *Tesis Ijazah Sarjana Fakulti Pengajian Islam Universiti Brunei Darussalam*, 267.
- Saifulah Bin Samsudin, N. B. (2018). Teori Semantik Komunikatif: Kajian Soroton . *International Conference On Islamiyyat Studies 2018*, 491.
- Sheikh Abdullah Basmeih, (2013), Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran, Darul Fikir, Kuala Lumpur.
- Subhi, A. (2013). Terjemahan Surah Al-Qiyamah Ke Bahasa Melayu: Satu Analisis Perbandingan. *Masters Thesis, University Of Malaya* .

BAB 4

KESAN PENGAJARAN MODUL KEMAHIRAN MENULIS KARANGAN BAHASA ARAB (KMKBA) TERHADAP SKOR PENCAPAIAN KEMAHIRAN MENULIS KARANGAN DALAM KALANGAN PELAJAR SARJANA MUDA BAHASA ARAB DI UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)

Mohamad Rofian Ismail, Ahmad Redzaudin Ghazali, Khairatul Akmar Abdul Latif.

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Pengenalan

Pengajaran merupakan salah satu elemen penting dalam penyampaian maklumat dan ilmu pengetahuan mengikut strategi, kaedah dan teknik yang sesuai. Ia merupakan salah satu pelengkap kepada kurikulum selain matlamat, isi kandungan silibus dan penilaian.

Modul pengajaran tentunya mempunyai teknik dan pendekatan berdasarkan objektif dan kandungannya yang tersendiri. Kandungan modul bersifat kemahiran bahasa dan linguistik biasanya menerapkan elemen kemahiran secara latih tubi dan komprehensif. Modul kemahiran menulis sebagai contoh mempunyai latihan secara berterusan pada setiap topik yang dipelajari. Guru memainkan peranan penting dalam membimbing pelajar melaksanakan setiap latihan mengikut bentuk pengajaran yang menepati keperluan pelajar dan kehendak modul.

Bahasa Arab terutama kemahiran menulis menjadi perdebatan hangat dalam kalangan sarjana dan pakar penyelidikan khususnya isu berkaitan kelemahan pelajar dalam membina ayat dan menulis karangan. Isu ini adakalanya dikaitkan dengan kompetensi guru dalam pengajaran kemahiran menulis. Perkara ini banyak dipaparkan dalam kajian-kajian lepas seperti kajian Sulaiman et al. (2018), Rahman et al. (2019), kajian Zaini et al. (2020), dan yang terkini kajian Abd. Gani et al. (2021). Dapatan kajian-kajian ini memperlihatkan isu kompetensi guru dalam pengajaran dan kelemahan pelajar dalam kemahiran menulis ini tidak menunjukkan akan berakhir malahan perkara ini menjadi semakin parah dan membimbangkan.

Justeru, pengkaji merasakan perlunya dibina sebuah modul khusus berkaitan pengajaran kemahiran menulis karangan bahasa Arab agar guru dapat melaksanakan pengajaran dengan baik dan lancar seterusnya dapat memahamkan pelajar cara dan teknik penulisan karangan dengan baik dan berkesan.

Latarbelakang Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah berkaitan kesan pengajaran modul Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Arab (KMKBA) terhadap skor pencapaian kemahiran menulis karangan dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada tahun 2020. Kajian ini dijalankan bagi menyokong dan memperkuatkan dapatan sedia ada di bawah kajian peringkat Doktor Falasafah Pendidikan bertajuk Pembinaan Modul Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Arab (KMKBA) untuk Bukan Penutur Arab di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia.

Pengajaran Bahasa Arab memerlukan kompetensi mantap dalam kalangan guru, pensyarah mahupun mereka yang bergelar pendidik. Tenaga pengajar yang baik ialah mereka yang mempunyai kemahiran dalam pengajaran sesuatu subjek atau matapelajaran dan menguasai ikhtisas dalam bidang Bahasa Arab. Menurut Hasan et al. (2015) setiap guru perlu kepada pengetahuan isi kandungan setiap subjek Bahasa Arab hal ini kerana komponen pengetahuan pedagogi isi kandungan guru bahasa Arab ini didapati saling lengkap-melengkapi, berintegrasi dan berkembang untuk membentuk pengalaman guru dalam pengajaran. Selain itu, pemilihan kaedah pengajaran modul yang sesuai dapat memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat mencapai objektif yang digariskan. Menurut Mamat dan Ismail (2010) kaedah pengajaran yang baik ialah yang mempunyai langkah-langkah dan strategi yang tersusun serta objektif yang tepat dan boleh dicapai. Dalam pengajaran modul kemahiran menulis Bahasa Arab, terdapat panduan dan tatacara yang perlu difahami oleh guru sebelum mereka melaksanakan pengajaran kepada pelajar. Tatacara yang disertakan pada setiap topik pengajaran dalam modul perlu diberi perhatian dan diikuti langkah demi langkah pengajaran agar pengajaran guru dapat dibimbing dan dipandu dengan baik. Rahdiyanta (2016) dalam kajiannya menyarankan guru menggunakan tatacara penggunaan modul dengan baik dan betul dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Dalam kajian ini, pengkaji telah menyediakan sebuah modul lengkap untuk diajar kepada kumpulan rawatan berjumlah 30 orang di USIM. Penyediaan modul ini adalah sebagai salah satu inisiatif pengkaji untuk diajar oleh pensyarah bagi meningkatkan kebolehan pelajar peringkat universiti dalam menguasai kemahiran menulis karangan Bahasa Arab. Justeru, tujuan kajian ini dijalankan adalah bagi melihat sejauh mana kesan pengajaran modul kemahiran menulis karangan bahasa Arab (KMKBA) terhadap skor pencapaian kemahiran menulis karangan dalam kalangan pelajar sarjana muda Bahasa Arab di USIM. Secara ringkasnya, kajian ini memberi fokus kepada perbezaan skor min pencapaian keseluruhan pelajar kumpulan rawatan dan pelajar kumpulan kawalan dalam menulis karangan bahasa Arab

Perbincangan Literatur

Kemahiran menulis biasanya dipelajari dengan lebih tersusun apabila pelajar melepasi peringkat pembelajaran kemahiran mendengar, bertutur dan membaca. Kemahiran menulis amat sukar dikuasai oleh pelajar kerana mereka perlu menguasai ketiga-tiga kemahiran yang tersebut terlebih dahulu sebelum belajar menulis.

Terdapat kelemahan-kelemahan yang telah dikenal pasti oleh sarjana dan penyelidik terdahulu berkaitan dengan kemahiran menulis. Azmi et al. (2012) dalam kajiannya bertajuk *Pencapaian Tahap Kemahiran Menulis Bahasa Arab Sebagai Bahasa Ketiga Dalam Kalangan pelajar IPTA* memaparkan aspek-aspek kelemahan dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis. Pendapat ini disokong oleh Mahmood dan Zailani (2017) yang mendapati pencapaian 300 orang murid sekolah menengah untuk ujian kemahiran menulis *Jumlah* Bahasa Arab adalah berada tahap sederhana tinggi (min = 30.99, sp = 6.25). Kedua-dua dapatan ini jelas menunjukkan realiti sebenar penguasaan pelajar dalam kemahiran menulis. Samah (2012) sebelum itu telah mendapati pelajar peringkat pra universiti mempunyai kelemahan dalam membina ayat bahasa Arab. Kelemahan ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor yang berkaitan dengan kaedah pengajaran dan tahap penguasaan pelajar itu sendiri dalam penggunaan kosa kata dan tatabahasa Arab.

Selain itu, terdapat juga kajian yang menunjukkan bahawa ketiadaan modul yang sesuai dalam pengajaran kemahiran menulis karangan menjadi antara punca yang menyumbang kepada

kemerosotan pencapaian pelajar peringkat universiti. Hal ini telah menggalakkan pelajar menghafal karangan bagi tujuan peperiksaan. Menurut Ismail et al. (2018) majoriti pelajar universiti suka menghafal karangan bahasa Arab untuk tujuan peperiksaan. Hal ini menunjukkan nilai min untuk tiga universiti pada item tersebut berada pada tahap yang tinggi iaitu USIM (Min=3.45), UNISZA (Min=3.59) dan UKM (Min=3.66). Manakala UM mendapat nilai min yang sederhana iaitu 2.62. Manakala kajian Ali et al. (2020) bertajuk penilaian keberkesanan modul pembelajaran sendiri strategi pemahaman membaca teks bahasa Arab (MPK SPMBA) untuk pelajar pengajian Islam di institusi pengajian tinggi menunjukkan modul bahasa Arab yang terdapat di Malaysia adalah tidak mencukupi dan tidak benar-benar dinilai kesesuaiannya. Dapatan ini selari dengan kajian Abdullah (2021) yang melihat perlunya ciri-ciri kesesuaian tajuk komunikasi dalam pembangunan Modul Pengajaran Bahasa Arab. Hal ini kerana modul yang sesuai mengikut konteks pembelajaran pelajar perlu diberi perhatian yang sewajarnya agar proses pengajaran dan pembelajaran dapat direalisasikan secara efektif dan bersistematik.

Pelajar yang mempelajari bahasa Arab di peringkat universiti sering kali terkeliru dengan aspek tatabahasa Arab terutama ketika menulis karangan. Kekeliruan ini berpunca daripada pemahaman pelajar itu sendiri semasa mempelajari ilmu Nahu dan Sorof. Umum tahu bahawa binaan ayat bahasa Arab memerlukan penguasaan pelajar dalam dua ilmu tersebut. Hal ini kerana susunan ayat bahasa Arab adalah berasaskan sistem tatabahasa Nahu dan Sorof yang melibatkan perubahan baris dan struktur perkataan bagi membentuk makna seterusnya maksud keseluruhan ayat. Kajian Sokri (2017), Nurkholis (2018) dan Ismail (2021) telah cukup membuktikan kelemahan pelajar peringkat universiti dalam kemahiran menulis. Kajian-kajian tersebut mendapati terlalu banyak kesalahan tatabahasa dalam penulisan pelajar bermula dari sekecil-kecil kesalahan kepada sebesar-besar kesalahan. Isu ini masih lagi berlaku seolah-olah tiada noktah dan penyelesaian yang boleh diharapkan. Hal ini ada dinyatakan dalam kajian Samah (2012), Sulaiman et al. (2018), Ismail et al. (2018) dan Resnadila (2022).

Penulisan karangan bahasa Arab merupakan peringkat yang paling tinggi dalam kemahiran menulis. Tidak ramai pelajar di universiti dapat menguasai kemahiran ini. Kajian Mokhtar et al. (2018) dan Hervina dan Isman (2022) mendapati penguasaan pelajar dalam menulis karangan bermula dari awal perenggan sehingga ke perenggan penutup adalah tidak memuaskan. Berlaku banyak kesilapan pada aspek tatabahasa, kohesi dan koheren, format pemerenggan dan uslub bahasa menyebabkan karangan yang dihasilkan tidak memuaskan dan dikategorikan lemah. Beberapa punca dan sebab telah dikenalpasti antaranya penguasaan tatabahasa Nahu dan Sorof yang lemah, kekurangan kosa kata, kurang penggunaan penanda wacana dan ketidakupayaan menggunakan uslub atau gaya bahasa mengikut konteks ayat yang sesuai.

Sememangnya tidak dinafikan modul memainkan peranan yang sangat penting dalam melancarkan penyampaian ilmu, maklumat dan informasi. Modul kemahiran menulis karangan sebenarnya memerlukan kaedah dan teknik pengajaran yang sesuai dan menepati tahap pemahaman pelajar. Kandungan modul seperti binaan ayat mudah, penggunaan penanda wacana dalam ayat dan penulisan karangan perlu disusun secara logik mengikut teori pembangunan modul. Ali dan Mahamod (2017) mencadangkan agar sesebuah modul itu perlu melalui proses analisis keperluan terlebih dahulu ia digubal dan dilaksanakan kepada pengguna. Hal ini kerana penggubal modul dapat mengenalpasti keperluan pelajar yang sepatutnya dimasukkan dalam modul seterusnya memenuhi objektif modul yang telah digariskan. Pendapat ini selari dengan Ismail dan Daoh (2021) yang menekankan aspek analisis keperluan dalam pembangunan modul .

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kajian kuasi-eksperimen yang dijalankan bagi menilai keberkesanan modul KMKBA yang dibangunkan. Dalam kajian ini, terdapat dua kumpulan responden yang tidak seimbang dan juga tidak mempunyai ciri-ciri yang sama. Justeru, responden bagi kajian ini tidak dapat diagihkan secara rawak.


Pengkaji memilih dua kumpulan pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di USIM mewakili satu kumpulan kawalan dan satu kumpulan rawatan. Kumpulan kawalan mempelajari modul yang sedia ada di universiti tersebut. Manakala kumpulan rawatan menggunakan modul KMKBA. Kedua-dua kumpulan telah diberikan ujian pra sebelum mereka menggunakan modul KMKBA. Manakala ujian pasca telah dilaksanakan selepas tamat pengajaran kedua-dua modul. Menurut Chua Yan Piaw (2006) reka bentuk kajian kuasi eksperimen yang dijalankan oleh pengkaji ini dipanggil sebagai reka bentuk ujian pra-pasca bagi kumpulan tidak seimbang (*Non-equivalent groups pre-post tests design*). Rajah 1 menunjukkan reka bentuk kajian kuasi eksperimen untuk kajian ini.

Kumpulan Rawatan	N	P ₁	X	P ₃
Kumpulan Kawalan	N	P ₂		P ₄

N = Kumpulan responden tidak seimbang
 X = Rawatan (Modul KMKBA)
 P = Pengukuran (Pra-Pasca)

Rajah 1: Reka Bentuk Kajian Kuasi-Eksperimen


Manakala rajah 2 pula memaparkan reka bentuk ujian pra-pasca untuk kumpulan yang tidak seimbang. Berdasarkan kajian eksperimen ini, pengkaji memilih kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan berdasarkan kriteria-kriteria yang hampir sama dengan tidak memilihnya secara rawak.



Rajah 2: Reka Bentuk Ujian Pra-Pasca Bagi Responden Yang Dipilih

Peningkatan markah iaitu perbezaan antara skor markah ujian pra dan ujian pasca adalah dibandingkan untuk setiap soalan kajian dalam kedua-dua kumpulan. Peningkatan markah ini digunakan untuk tujuan menganalisis pencapaian kemahiran menulis karangan bahasa Arab untuk pelajar sarjana muda bahasa Arab di USIM. Justeru, kajian ini menggunakan dua jenis pemboleh ubah iaitu pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar

Pemboleh ubah tidak bersandar yang dimaksudkan ialah modul KMKBA. Manakala pemboleh ubah bersandar ialah tahap keberkesanan modul KMKBA dalam kalangan pelajar USIM. Hubungan antara pemboleh ubah–pemboleh ubah dapat ditunjukkan seperti rajah 3 berikut.



Rajah 3: Hubungan Antara Pemboleh Ubah Tidak Bersandar Dan Pemboleh Ubah Bersandar

Analisis & Dapatan Kajian

Bahagian ini menerangkan dapatan kajian yang diperoleh daripada kajian yang berbentuk kuasi-eksperimen. Kajian ini dijalankan bagi melihat kesan pengajaran kemahiran menulis karangan bahasa Arab menggunakan modul KMKBA dalam tempoh tujuh minggu pelaksanaannya kepada pelajar program sarjana muda bahasa Arab di USIM. Fokus kajian ini adalah untuk melihat perbezaan skor min pencapaian keseluruhan pelajar kumpulan rawatan dan pelajar kumpulan kawalan dalam menulis karangan bahasa Arab. Data yang diperoleh dalam kajian ini telah dianalisis dan dilaporkan mengikut tiga peringkat iaitu statistik deskriptif melibatkan kekerapan, min dan sisihan piawai dan ujian normaliti.

(i) Taburan Sampel Kajian Kuasi-Eksperimen

Jadual 1: Taburan Subjek Kumpulan Mengikut Frekuensi

Kumpulan	N
Kawalan	30
Rawatan	30
Jumlah	60

Kajian ini telah dijalankan di USIM. Seramai 230 orang pelajar yang sedang mengikut program sarjana muda bahasa Arab semester dua pengajian telah dipilih sebagai populasi kajian. Daripada jumlah populasi tersebut, seramai 60 orang dipilih sebagai sampel kajian menggunakan kaedah persampelan berstrata. Kumpulan kawalan adalah seramai 30 orang dan kumpulan

rawatan terdiri daripada 30 orang. Keseluruhan subjek terlibat dalam kajian ini adalah seramai 60 orang. Taburan subjek mengikut frekuensi setiap kumpulan ditunjukkan pada Jadual 1.

(ii) Statistik Deskriptif Pencapaian Keseluruhan Penulisan Karangan Bahasa Arab

Jadual 2: Statistik Deskriptif Pencapaian Keseluruhan Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Rawatan Dalam Penulisan Karangan Bahasa Arab

Pencapaian keseluruhan Penulisan Karangan		Kawalan (n=30)		Rawatan (n=30)	
		Ujian Pra	Ujian Pasca	Ujian Pra	Ujian Pasca
Pendahuluan	Min	2.37	3.14	2.39	3.61
	SP	0.74	0.43	0.53	0.77
	<i>Skewness</i>	0.88	0.05	0.55	-0.16
	<i>Kurtosis</i>	0.50	1.33	-0.31	-1.32
Isi	Min	2.01	2.93	2.06	3.39
	SP	0.36	0.53	0.38	0.58
	<i>Skewness</i>	-0.26	0.31	0.28	-0.01
	<i>Kurtosis</i>	-1.18	-0.36	-0.14	-0.75
Penutup	Min	1.78	2.64	1.73	3.52
	SP	0.72	0.57	0.70	0.91
	<i>Skewness</i>	0.43	-0.41	0.38	-0.05
	<i>kurtosis</i>	0.50	1.52	-0.97	-1.07
Kohesi&koheren	Min	1.77	2.45	2.12	3.20
	SP	0.49	0.38	0.52	0.70
	<i>Skewness</i>	0.62	0.17	0.29	0.43
	<i>kurtosis</i>	1.28	-1.19	-0.20	0.83

Analisis deskriptif pada Jadual 2 menunjukkan skor min ujian pra dan ujian pasca pencapaian keseluruhan dua kumpulan pelajar program sarjana muda bahasa Arab di USIM dalam kemahiran menulis karangan bahasa Arab. Pencapaian penulisan perenggan pendahuluan karangan bagi pelajar kumpulan kawalan telah mencatatkan skor min ujian pra (Min=2.37, SP=0.74) dan ujian pasca (Min=3.14, SP=0.43) dengan pertambahan skor min sebanyak 0.77 selepas tujuh minggu mengikuti pengajaran konvensional menggunakan modul sedia ada kemahiran menulis karangan bahasa Arab. Nilai normaliti ujian pra pencapaian penulisan perenggan pendahuluan karangan menunjukkan ‘*Skewness*’ (0.88) dan ‘*Kurtosis*’ (0.50) manakala ujian pasca pula menunjukkan ‘*Skewness*’ (0.05) dan ‘*Kurtosis*’ (1.33).

Bagi pelajar kumpulan rawatan, pencapaian penulisan perenggan pendahuluan karangan telah mencatatkan skor min ujian pra (Min=2.39, SP=0.53) dan ujian pasca (Min=3.61, SP=0.77) dengan pertambahan skor min sebanyak 1.12 selepas tujuh minggu mengikuti pengajaran modul KMKBA dalam kemahiran menulis karangan bahasa Arab. Nilai normaliti pencapaian penulisan perenggan pendahuluan karangan pelajar kumpulan rawatan dalam ujian pra menunjukkan ‘*Skewness*’ (0.55) dan ‘*Kurtosis*’ (-0.31) manakala ujian pasca pula menunjukkan ‘*Skewness*’ (-0.16) dan ‘*Kurtosis*’ (-1.32).

Dalam pencapaian penulisan perenggan isi karangan, pelajar kumpulan kawalan telah mencatatkan skor min ujian pra (Min=2.01, SP=0.36) dan ujian pasca (Min=2.93, SP=0.53) dengan pertambahan skor min sebanyak 0.92 selepas tujuh minggu mengikuti pengajaran

konvensional menggunakan modul sedia ada kemahiran menulis karangan bahasa Arab. Nilai normaliti pencapaian penulisan perenggan isi karangan dalam ujian pra menunjukkan '*Skewness*' (-0.26) dan '*Kurtosis*' (-1.18) manakala ujian pasca pula menunjukkan '*Skewness*' (0.31) dan '*Kurtosis*' (-0.36).

Bagi pelajar kumpulan rawatan, pencapaian penulisan perenggan isi karangan mencatatkan skor min ujian pra (Min=2.06, SP= 0.38) dan ujian pasca (Min=3.39, SP=0.58) dengan pertambahan skor min sebanyak 1.33 selepas tujuh minggu mengikuti Pengajaran modul KMKBA dalam kemahiran menulis karangan bahasa Arab. Nilai normaliti pencapaian penulisan perenggan isi karangan dalam ujian pra pelajar kumpulan rawatan menunjukkan '*Skewness*' (0.28) dan '*Kurtosis*' (-0.14) manakala ujian pasca pula menunjukkan '*Skewness*' (-0.01) dan '*Kurtosis*' (-0.75).

Dalam pencapaian penulisan perenggan penutup karangan, pelajar kumpulan kawalan mencatatkan skor min ujian pra (Min=1.78, SP= 0.72) dan ujian pasca (Min=2.64, SP=0.57) dengan pertambahan skor min sebanyak 0.86 selepas tujuh minggu mengikuti pengajaran konvensional menggunakan modul sedia ada kemahiran menulis karangan bahasa Arab. Nilai normaliti pencapaian penulisan perenggan penutup karangan dalam ujian pra menunjukkan '*Skewness*' (0.43) dan '*Kurtosis*' (0.50) manakala ujian pasca pula menunjukkan '*Skewness*' (0.41) dan '*Kurtosis*' (1.52).

Bagi pelajar kumpulan rawatan, pencapaian penulisan perenggan penutup karangan pula mencatatkan skor min ujian pra (Min=1.73, SP= 0.70) dan ujian pasca (Min=3.52, SP=0.91) dengan pertambahan skor min sebanyak 1.79 selepas selepas tujuh minggu mengikuti Pengajaran modul KMKBA dalam kemahiran menulis karangan bahasa Arab. Nilai normaliti pencapaian penulisan perenggan penutup karangan pelajar kumpulan rawatan dalam ujian pra menunjukkan '*Skewness*' (0.38) dan '*Kurtosis*' (-0.97) manakala ujian pasca pula menunjukkan '*Skewness*' (-0.05) dan '*Kurtosis*' (-1.07).

Pencapaian yang terakhir ialah dari sudut *kobesi* dan *koheren*, pelajar kumpulan kawalan mencatatkan skor min ujian pra (Min=1.77, SP= 0.49) dan ujian pasca (Min=2.45, SP=0.38) dengan pertambahan skor min sebanyak 0.68 selepas tujuh minggu mengikuti pengajaran konvensional menggunakan modul sedia ada kemahiran menulis karangan bahasa Arab. Nilai normaliti pencapaian dari sudut *kobesi* dan *koheren* dalam ujian pra menunjukkan '*Skewness*' (0.17) dan '*Kurtosis*' (-0.54) manakala ujian pasca pula menunjukkan '*Skewness*' (0.17) dan '*Kurtosis*' (-1.19).

Manakala bagi pelajar kumpulan rawatan, pencapaian dari sudut *kobesi* dan *koheren* mencatatkan skor min ujian pra (Min=2.12, SP= 0.52) dan ujian pasca (Min=3.20, SP=0.70) dengan pertambahan skor min sebanyak 1.08 selepas tujuh minggu mengikuti pengajaran modul KMKBA dalam kemahiran menulis karangan bahasa Arab. Nilai normaliti pencapaian dari sudut *kobesi* dan *koheren* pelajar kumpulan rawatan dalam ujian pra menunjukkan '*Skewness*' (0.29) dan '*Kurtosis*' (-0.20) manakala ujian pasca pula menunjukkan '*Skewness*' (0.43) dan '*Kurtosis*' (0.83).

Rumusan & Kesimpulan Kajian

Analisis deskriptif telah menunjukkan peningkatan yang lebih tinggi pada skor min pencapaian keseluruhan penulisan karangan bahasa Arab terutama dalam aspek penulisan perenggan pendahuluan, perenggan isi, perenggan penutup dan juga unsur *kobesi* dan *koheren* dalam kalangan pelajar kumpulan rawatan yang mengikuti pengajaran modul KMKBA berbanding dengan

kumpulan kawalan. Ujian normaliti iaitu 'Skewness' dan 'Kurtosis' bagi pencapaian keseluruhan melibatkan aspek penulisan perenggan pendahuluan, perenggan isi, perenggan penutup dan juga unsur *kobesi* dan *koheren* dalam kemahiran penulisan karangan bahasa Arab untuk pelajar kumpulan kawalan dan rawatan adalah bertaburan normal. Hal ini kerana julat nilai yang diperoleh adalah berada di antara -2.5 sehingga 2.5. Nilai ini boleh diterima sebagai memenuhi syarat kenormalan kerana menghampiri graf normal (George dan Mallery, 2010).

Rujukan

- Abd Gani, M. I., Ramli, S., & Zahid, M. D. A. (2021). Kemahiran Parafrasa Bahasa Arab Dalam Penulisan Makalah Ilmiah: Analisis Kelemahan Pelajar. *e-BANGI*, 18(4), 118-129.
- Abdullah, I. (2021). Ciri-Ciri Kesesuaian Tajuk Komunikasi Dalam Pembangunan Modul Pengajaran Bahasa Arab: Suatu Analisis Laras Bahasa Komunikatif. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(10), 108-121.
- Ali, A., & Mahamod, Z. (2017). Analisis Keperluan Terhadap Pengguna Sasaran Modul Pendekatan Berasaskan Bermain Bagi Pengajaran Dan Pembelajaran Kemahiran Bahasa Kanak-Kanak Prasekolah. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(1), 1-8.
- Ali, N., Abdullah, M. H., & Ab Rahman, A. (2020). Penilaian Keberkesanan Modul Pembelajaran Kendiri Strategi Pemahaman Membaca Teks Bahasa Arab (MPK SP MBA) Untuk Pelajar Pengajian Islam Di Institusi Pengajian Tinggi. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 21(1), 20-37.
- Azmi, F., Musahar, S. J., & Muhamad, R. (2012). Pencapaian Tahap Kemahiran Menulis Bahasa Arab Sebagai Bahasa Ketiga Dalam Kalangan Pelajar IPTA. *Geran Dana Kecemerlangan 05/2011*, UiTM.
- Hassan, N. H., Yusof, N., Rahimi, M. D. N. M., & Ghani, A. (2015). *Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan Bagi ISM AL-ADAD WA AL-MADUD Dalam Kalangan Guru Bahasa Arab Sekolah Menengah* (Doctoral dissertation, UKM).
- Hervina, L., & Isman, N. (2022). Kesalahan Populer dalam Kemahiran Menulis Bahasa Arab di STIBA Arraayah Sukabumi. *Maharaat: Jurnal Pendidikan Bahasa Arab*, 4(2), 137-154.
- Ismail, M. R., & Daoh, M. (2021). Analisis Keperluan Pembinaan Modul Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Arab dari Aspek Model dan Kaedah Pengajaran Modul. *Selangor Humaniora Review*, 5(1), 133-146.
- Ismail, Mohamad Rofian, Ahmad Redzaudin Ghazali, Khairatul Akmar Abdul Latif, and Muhammad Daoh. "Kebolehan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di Universiti Awam Malaysia Dalam Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Arab." *Selangor Humaniora Review* 2, no. 1 (2018): 9-21.
- Ismail, S., Mohamed, Y., Razak, Z. R. A., Ibrahim, M. H., & Isa, Z. (2021). Analisis Kesilapan Sintaksis Bahasa Arab dalam Penulisan Karangan Pelajar Natif Bahasa Melayu: Analysis of Arabic Syntactic Errors in Essays among Native Students of Malay Language. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 27-36.
- Mahmood, M. U., & Zailaini, M. A. (2017). Kemahiran Menulis Jumlah Bahasa Arab dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 5(1), 20-27.
- Mamat, A., & Ismail, S. (2010). Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Guru Pemulihan Jawi Di Malaysia. In *Proceedings of the 4th International Conference on Teacher Education: Join Conference UPI & UPSI* (pp. 321-329).
- Mokhtar, W. R. W., Abd Rahman, M. Z., Adnan, M. A. M., & Salleh, N. H. M. (2018). Kemampuan Pelajar Asasi Universiti Awam Malaysia Mengaplikasikan Tatabahasa Arab dalam Kemahiran Menulis. *ALBASIRAH JOURNAL*, 8(2), 99-111.
- Nurkholis, N. (2018). Analisis Kesalahan Berbahasa Dalam Bahasa Arab. *Al-Fathin: Jurnal Bahasa dan Sastra Arab*, 1(01), 10-21.

- Rahdiyanta, D. (2016). Teknik Penyusunan Modul. *Artikel. (Online) <http://staff.uny.ac.id/sites/default/files/penelitian/dr-dwi-rahdiyanta-mpd/20-teknik-penyusunan-modul.pdf>*, diakses, 10.
- Rahman, A. A., Zulkifli, M. S., Hashimee, M., Wazir, A., & Sayed, M. (2019). Tahap Kompetensi Guru Bahasa Arab Di SABK DI Malaysia: Satu Dimensi. *e-BANGI*, 16, 1-13.
- Resnadila, A. (2022). *Problematika Pembelajaran Keterampilan Menulis Bahasa Arab Pada Siswa Kelas VC MI Attaqwa 06 Kebalen Bekasi* (Doctoral dissertation, UIN Prof. KH. Saifuddin Zuhri Purwokerto).
- Samah, R. (2012). Pembinaan Ayat Bahasa Arab Dalam Kalangan Lulusan Sekolah Menengah Agama. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(2).
- Sokri, N. E. A., & Ismail, M. R. (2017). Analisis Kesalahan Nahu (Sintaksis) Bahasa Arab Dalam Karangan Pelajar Pengajian tahu Asa Bahasa Arab, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. In *National Pre University Seminar*.
- Sulaiman, S., Mustapha, N. F., Toklubok, P., & Sulong, W. M. W. (2018). Permasalahan Kemahiran Menulis Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Peringkat Pengajian Tinggi: Problems of Arabic Writing Skills Among Higher Learning Education Students. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 5(2), 142-151.
- Zaini, A. R., Zakaria, N. S., Ismail, M. R., Ghazali, M. R., & Hamdan, H. (2020). Kompetensi Guru Bahasa Arab Sekolah Rendah di Malaysia: Competency of Arabic Teachers in Primary School in Malaysia. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 7(1), 103-113.

BAB 5

ASPEK MAKNA TEKSTUAL DALAM TERJEMAHAN: ANALISIS TERJEMAHAN KATA NAMA DALAM HADIS DARI KITAB *AL-HALAL WA AL-HARAM FI AL-ISLAM*

Husni bin Abdullah & Abdul Manan bin Yusuf
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Pendahuluan

Dalam disiplin ilmu Islam kedudukan hadis merupakan rujukan tertinggi setelah al-Quran al-Karim dan ianya berperanan besar dalam memperincikan pengertian al-Quran itu sendiri. Memahami dan menghayati pengertian seelok-belok maksud hadis merupakan suatu tanggungjawab dan kewajipan bagi orang yang beriman, terutamanya bagi para ahli ilmu. Tidak dapat dinafikan memahami hadis atau sunnah merupakan pekerjaan yang rumit, kerana perlu meneliti semua perkara yang dinisbahkan kepada Nabi Muhammad SAW baik ucapan, perbuatan maupun ketetapan (Ibn Hajar: 1427H). Di samping itu, tidak semua hadis secara eksplisit mempunyai *asbab al-wurud* untuk diketahui status sebenar maksud hadis bersifat samada bersifat umum atau khusus. Dengan demikian hadis perlu dipahami secara tekstual ataupun kontekstual.

Namun demikian, kekangan penguasaan bahasa Arab yang terhad sudah pasti edisi terjemahan merupakan pilihan utama dan terakhir pembaca dalam memahami intipati hadis. Atas faktor itu aktiviti terjemahan merupakan medium utama yang amat berguna dalam membantu masyarakat Islam khususnya di Malaysia untuk mendalami agama. Dengan adanya buku-buku agama terjemahan khususnya terjemahan hadis di pasaran pada hari ini, ianya dilihat dapat membantu dan memudahkan usaha penyebaran ilmu pengetahuan dengan lebih luas dan berkesan.

Pernyataan Masalah

Aspek makna memainkan peranan yang sangat penting dalam teks terjemahan yang mengikat seorang penterjemah untuk berkomunikasi di antara dua bahasa yang berbeza. Kefahaman seorang penterjemah kepada makna sesuatu perkataan di dalam sesuatu bahasa tidak semestinya menggambarkan makna yang diterjemahkan tersebut adalah benar. Perkara ini berkemungkinan berlaku kerana konsep padanan makna dalam terjemahan mempunyai banyak cabangnya. Suatu perkataan tidak hanya merujuk kepada objek semata-mata, tetapi ada ketikanya merujuk kepada konsep tertentu. Contohnya perkataan 'kecewa' tidak merujuk kepada objek tetapi merujuk kepada konsep. Justeru itu perkataan itu hanyalah sebagai lambang dan bukan makna dalam ertikata makna tersebut hanya wujud di luar perkataan. Terpulanglah kepada seseorang itu untuk menggambarkan makna yang dikehendaki untuk sesuatu perkataan atau frasa.

Penterjemahan menurut Catford (1965) merupakan suatu proses penggantian bahan tekstual dalam bahasa sumber (SL) dengan bahan tekstual yang sepadan dalam bahasa sasaran (TL). Oleh kerana proses menterjemah suatu bidang kerja yang kompleks dan rumit, penterjemah perlu mengambil kira beberapa aspek sebelum menterjemah sesuatu perkataan atau

ayat ke dalam bahasa sasaran. Penterjemah tidak sepatutnya menterjemah sesuatu perkataan atau ayat tanpa membaca keseluruhan teks serta benar-benar memahami akan makna sesuatu perkataan dengan jelas dan tepat sebelum menterjemahkannya ke dalam bahasa sasaran. Justeru itu, salah satu aspek penting dalam melahirkan terjemahan yang berkualiti dan sempurna penguasaan aspek tekstual dalam memahami terjemahan. Analisis tekstual perlu dilakukan ke atas sesebuah teks yang bertujuan untuk memahami teks tersebut berdasarkan zahir teks.

Terjemahan hadis mempunyai cabaran tersendiri kerana kosa kata hadis mengandungi banyak makna dan menggunakan ungkapan kiasan secara meluas menjadikannya sukar difahami. Dalam konteks terjemahan perkataan atau frasa kata nama (KN) yang terdapat dalam hadis ianya sering dikaitkan dengan elemen budaya tempatan berlatarbelakangkan padang pasir yang mendominasi semenanjung tanah Arab. Oleh itu menterjemah perkataan yang berasaskan elemen budaya bahasa Arab ke bahasa Melayu agak sukar mendapatkan padanan yang sesuai untuk unsur budaya yang tiada dalam bahasa sasaran. Terjemahan pada tingkatan perkataan seperti kata nama juga sering terkait dengan istilah tertentu yang merentasi makna leksikal. Oleh itu kesepadanan terjemahan merupakan isu pokok dalam penterjemahan yang bertunjangkan kepada pemilihan makna yang bersesuaian dengan konteks ayat. Salah satu daripadanya adalah makna tekstual itu sendiri yang perlu difahami secara berkesan, namun persoalannya sejauh mana aspek ini diberikan perhatian dalam produk terjemahan hadis yang berada di pasaran pada hari ini?. Justeru aspek ini diangkat dalam kertas kerja ini untuk diteliti dari dekat.

Objektif Kajian

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk menganalisis aspek penilaian kata nama dengan mensasarkan satu objektif sahaja. Objektif tersebut untuk menilai aspek kualiti dan ketepatan terjemahan kata nama ke dalam bahasa Melayu dalam teks hadis melalui versi terjemahan terjemahan Pustaka Jahabersa (PJ) dan Pustaka Nasional Singapura dari aspek makna atau leksikal meliputi makna di sebalik sesuatu ungkapan secara tekstual.

Skop Kajian

Kajian ini dilakukan secara penyelidikan kualitatif berbentuk deskriptif berasaskan analisis dokumen daripada produk terjemahan. Tumpuan kajian ini berlatarbelakangkan teks terjemahan “*al-Halal wa al-Haram Fi al-Islam*” karangan ulama ulung Sheikh Yusuf al-Qaradhawi yang diterjemahkan oleh Syed Ahmad Semait cetakan Pustaka Nasional Singapura (PNS) dan Abu Jabir Muhammad cetakan Pustaka Jahabersa (PJ) yang telah diterbitkan dalam bentuk bahan bercetak.

Skop kajian ini adalah bersumberkan teks terjemahan bahan bercetak, berlatarbelakangkan teks agama dengan mensasarkan aspek perbandingan penilaian hasil terjemahan sebagai tunjang utama. Terjemahan bahan bercetak merupakan terjemahan yang melibatkan proses terjemahan atau produk yang dibukukan melalui proses penterjemahan yang dilakukan oleh manusia. Namun elemen yang melibatkan prosedur dan proses terjemahan merupakan sasaran utama dalam kajian ini.

Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian adalah berasaskan kajian kualitatif deskriptif berorientasikan kepada produk terjemahan sebagai hasil kognitif penterjemahan dengan melakukan perbandingan terjemahan

kata nama (KN) daripada hadis-hadis yang terdapat dalam kitab *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam* yang telah dialih bahasa dari bahasa Arab ke bahasa Melayu. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kerangka teori yang telah dikemukakan oleh Geoffrey Leech (1990). Menurut Leech makna dapat dibahagikan kepada beberapa jenis iaitu denotasi, konotasi, stilistik, afektif, kolokasi, tematik, figuratif, tekstual dan pantangan. Namun demikian, pengkaji hanya menfokuskan kepada kategori makna tekstual sahaja.

Penganalisan sampel dilakukan berasaskan aspek semantik komunikatif dengan melakukan perbandingan padanan terhadap terjemahan kata nama daripada sejumlah hadis yang telah diterjemahkan. Aspek penilaian kualiti dan ketepatan terjemahan dalam kajian ini turut dikemukakan menggunakan teori penilaian kualiti terjemahan yang dicadangkan oleh Nababan (2012) dengan menerapkan parameter ketepatan terjemahan yang dicadangkan oleh Mohd. Mokhtar Ahmad dan Basil Wijasuriya (1982) untuk mendapatkan hasil yang terbaik dan boleh diukur.

Aspek Makna Tekstual Dalam Terjemahan Hadis

Umumnya dalam memahami suatu teks khususnya berkait rapat dengan al-Quran dan hadis ada dua pendekatan yang biasanya dilakukan para ulama iaitu pendekatan tekstual dan pendekatan kontekstual. Pendekatan tekstual bermaksud penelitian terhadap suatu teks yang menjadikan setiap leksikel yang terkandung dalam teks tersebut sebagai objek penelitian. Pendekatan ini menekankan analisis aspek kebahasaan dalam memahami suatu teks. Dalam ertikata lain, pendekatan tekstual ialah makna yang berkaitan dengan isi suatu teks atau wacana dan makna tersebut hanya boleh diketahui setelah teks sumber dibaca sepenuhnya. Secara praktikalnya, pendekatan tekstual terhadap suatu teks dilakukan dengan memberikan keutamaan penelitian terhadap makna-makna perkataan dan struktur gramatik secara tersurat terlebih dahulu sebelum berpindah kepada kontekstual.

Manakala pendekatan kedua dari sudut kontekstual yang tidak hanya melihat dari sudut zahir teks dan keumuman teks, akan tetapi melangkaui faktor lain seperti latar belakang peristiwa (Asbab al-Wurud), sosio budaya masyarakat pada zaman teks tersebut wujud dan juga situasi yang berkait dengan peristiwa tertentu yang banyak bergantung kepada qarinah atau indikator tertentu (Zamarkhasyari Hasballah 2017). Justeru itu, kontekstual, bererti sesuatu yang berkaitan dengan suasana atau keadaan tertentu yang boleh berlaku di luar aspek kebahasaan. Oleh itu, pemahaman kontekstual adalah pemahaman yang bukan sahaja terikat dengan aspek kebahasaan, tetapi juga teks perlu difahami melalui situasi ketika teks itu muncul.

Kedua-dua aspek tekstual dan kontekstual perlu bergerak seiring dalam memahami teks dan menterjemah kembali teks tersebut kepada bahasa sasaran. Untuk itu, jika diperhalusi, kelompok yang hanya fokus pada pendekatan tekstual semata-mata sangat berpotensi melahirkan makna yang sempit, bahkan tidak relevan dengan tempat dan masa tertentu. Di sisi lain, kelompok yang fokus pada pendekatan kontekstual semata-mata dengan mengabaikan makna tekstual berpotensi terjerumus dalam kategori mengagongkan pendapat sendiri (*ra'y al-mazmum*). Justeru kedua pendekatan tekstual dan kontekstual, jika terpisah satu dengan lainnya dapat melahirkan makna yang tidak tepat dan menjadikan seseorang itu tergelincir dalam memahami hadis itu sendiri.

Dalam bahasa Arab, kalimah tekstual diterjemahkan sebagai *al-Zahir*. *Al-Zahir* dari segi bahasa bermaksud *al-wadib* dan *al-bayyin* iaitu jelas dan terang. Manakala dari segi istilah pula, kalimah *al-zahir* diertikan dengan sesuatu yang ditunjukkan oleh zatnya kepada makna yang *rajih*

(tepat) dan berkemungkinan mempunyai makna yang lain. Oleh kerana makna tekstual berkait rapat dengan isi suatu teks secara keseluruhan Norizah Ardi et al. (2009) berpandangan makna tekstual ini hanya dapat difahami sekiranya pembaca membaca keseluruhan teks berkenaan dan berusaha memperjelas maksud ujaran tersebut dengan jelas dan terang. Jika tidak, makna tekstual ini dianggap sebagai taksa atau kabur.

Proses menterjemah teks hadis pada tahap perkataan memerlukan seseorang penterjemah untuk memahaminya dari segi zahir teks tersebut serta maknanya yang tersirat. Proses tersebut sudah tentu memerlukan kepada penelitian daripada pelbagai sudut supaya kandungan makna yang hendak disampaikan oleh Rasulullah SAW tidak terpesong. Terdapat dua bentuk analisis tekstual sebagai mana yang dijelaskan oleh Sumarlam (2008) iaitu analisis dari aspek tatabahasa dan makna. Analisis tatabahasa adalah analisis dari segi struktur ayat yang digunakan termasuklah penggunaan kata ganti nama, penggunaan kalimah yang sama makna, penggunaan penanda wacana dan sebagainya. Aspek yang kedua ialah aspek makna atau leksikal, yang mana ianya meliputi makna di sebalik sesuatu ungkapan. Ungkapan yang dimaksudkan ialah ungkapan pengulangan, ungkapan makna yang sinonim dan antonim.

Terjemahan Kata Nama

Kata nama menurut Nik Safiah Karim et al. (2002) dalam morfologi Bahasa Melayu mendukung makna rujukan khusus kepada sesuatu nama orang, haiwan, institusi, undang-undang, bangsa, bahasa, dan seumpamanya. Definisi yang hampir serupa diberikan dalam tatabahasa Arab iaitu tiap-tiap lafaz yang menunjuk kepada makna manusia, atau haiwan atau tumbuhan atau benda mati atau sesuatu yang lain (Al-Jurjaniy: 1984).

Berdasarkan kepada ciri-ciri semantik kata nama secara umum boleh dibahagikan kepada kata nama khas, kata nama am dan kata ganti nama. Hanya kata nama am dan kata nama khas sahaja dibincangkan dalam kajian ini dari sudut terjemahan semantik-komunikatif Arab-Melayu kerana kedua-dua jenis kata nama tersebut memainkan peranan penting dalam komponen ayat dalam kebanyakan bahasa di dunia ini termasuk bahasa Arab. Secara khusus kata nama khas ialah medium budaya yang kaya dengan konotasi budaya dan dapat memaparkan identiti budaya bangsa. Terjemahan kata nama khas memperlihatkan bahasa, sejarah, geografi, politik, adat resam sesuatu bangsa dan sebagainya.

Proses penterjemahan kata nama Arab ke Melayu tidak sewajarnya dipandang mudah kerana setiap unit kata nama mempunyai makna yang tersendiri dan terkandung sesuatu maklumat yang tidak dapat dilihat secara tersurat serta merujuk kepada fungsi dan makna tertentu yang perlu difahami berdasarkan budayanya. Kesukaran paling utama dalam penterjemahan adalah dari segi leksikal dan bukannya tatabahasa. Leksikal menurut Newmark (1988) termasuk kolokasi, perkataan dan peribahasa termasuk unsur neologisme dan perkataan yang tidak dapat didefinisikan. Oleh itu pendekatan semantik dilihat dapat memberi lebih pemberatan terhadap nilai estetika teks bahasa sumber kerana terjemahannya berkisar kepada budaya asal dan cenderung untuk memberi terjemahan yang lebih khusus daripada yang asal. Manakala pendekatan komunikatif pula membantu proses terjemahan makna tekstual teks asal dengan tepat supaya isi kandungan dan bahasa mudah diterima dan difahami oleh pembaca (Newmark 1988).

Dapatan Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada aspek terjemahan (linguistik gunaan) dengan menggunakan data yang sedia ada daripada edisi terjemahan untuk mengkaji dengan lebih objektif, sistematik dan

kuantitatif terhadap kandungan bertulis tersebut. Secara khususnya, pendekatan analisis kandungan digunakan untuk mendapatkan dan menyelidik kata nama yang terdapat dalam korpus yang dikaji.

Sejumlah 20 sampel kata nama yang terpilih mewakili jenis-jenis kata nama tertentu daripada sejumlah besar hadis yang mengandungi fenomena padanan terjemahan pada tahap leksikal kata nama dianalisis secara kontrastif. Penganalisan dilakukan secara berperingkat dan mengikut tahap tertentu, bermula dengan peringkat mengklasifikasikan padanan terjemahan kata nama bahasa Melayu dengan kata nama bahasa Arab secara analisis kontrastif. Peringkat ini bertujuan menentukan aspek kesamaan dan perbezaan terjemahan di antara kedua-dua bahasa Arab dan Melayu. Peringkat kedua ialah peringkat mengenal pasti padanan makna, metode penterjemahan dan teknik yang digunakan oleh penterjemah dalam terjemahannya, serta menilai sejauh manakah teknik ini memberi kesan kepada output terjemahan. Sekaligus dalam peringkat ini merumuskan aspek penilaian kualiti dan ketepatan terhadap terjemahan dan dapatan-dapatan penting lain yang terhasil daripada kajian yang dilaksanakan.

Hasil kajian mendapati 6 sampel terjemahan kata nama dipadankan dengan makna tekstual yang selari dengan pendekatan terjemahan semantik-komunikatif yang menekankan aspek pengalihan makna mengikut konteks sambil mengekalkan kandungan serta bahasa yang difahami oleh pembaca sasaran dan mementingkan fungsi perkataan ataupun klausa agar terjemahan lebih lancar, lebih mudah, lebih jelas, lebih langsung dan bersifat informatif. Hal ini perlu dipraktikkan dalam terjemahan kerana fungsi makna tekstual dapat dizahirkan kepada pembaca sasaran dengan berkesan. Manakala baki sampel yang lain berlaku kepelbagaian bentuk-bentuk terjemahan pada peringkat mengenal pasti jenis komponen makna terjemahan, metode penterjemahan sama ada semantik atau komunikatif dan teknik yang digunakan oleh penterjemah dalam terjemahannya. Secara tidak langsung penemuan ini membuktikan bahawa aspek makna tekstual ada ketikanya amat penting dijelmakan dalam kerja-kerja terjemahan.

Bentuk Penganalisan Sampel

Analisis, huraian dan rumusan penilaian terjemahan yang dikemukakan di sini adalah sebahagian daripada keseluruhan sampel yang dikaji. Analisis dan dapatan kajian ini untuk memenuhi objektif yang telah disasarkan berdasarkan hasil analisis teks PNS dan PJ secara manual dan seterusnya menghuraikan hasil pemerhatian terhadap perbandingan bentuk antara keduanya (kata nama BA dan kata nama BM) yang dibuat secara deskriptif. Berikut adalah sebahagian contoh-contoh transkripsi hadis bahasa sumber, terjemahan dan penilaiannya.

Sampel 1

Perbandingan terjemahan			
Lafaz hadis	هو الطهور ماؤه الحل ميتته		
Maksud	Laut itu ialah airnya suci dan <u>bangkainya</u> halal		
Perkataan	B.A	PNS	PJ
	ميتة	bangkai	bangkai

Ulasan:

Perkataan KN مينة dalam teks sumber menurut *Mufjam al-Mustalabat al-Fiqhiyyah* (t.t: 3/383) merujuk kepada binatang yang tidak harus dimakan tanpa disembelih mengikut kaedah syarak, manakala menurut Kamus Dewan (2004: 319) bangkai merujuk kepada binatang yang sudah mati. Justeru terjemahan PNS dan PJ mengemukakan terjemahan dengan padanan mana tekstual yang sama iaitulah bangkai yang bukan hanya mendukung makna bangkai akan tetapi merujuk kepada binatang yang tidak harus dimakan tanpa disembelih mengikut kaedah syarak. Ini bererti pendekatan terjemahan komunikatif (TK) dipraktikkan dalam bentuk penterjemahan ini menggunakan teknik komunikatif persamaan (*equivalence*). Hal ini kerana fungsi makna tekstual dapat dizahirkan kepada pembaca sasaran dengan berkesan dengan mempraktikkan teknik persamaan yang sejadi di mana ianya merupakan persamaan paling hampir dari sudut makna dan bergantung sepenuhnya kepada konteks dan nilai budaya dalam bahasa sumber.

Penilaian:

Melalui parameter kualiti dan ketepatan penyampaian maksud padanan terjemahan tekstual مينة dalam edisi PNS dan PJ adalah tepat dan menepati piawaan terjemahan berkualiti seperti yang dicadangkan Nababan (2012) bermula daripada ketepatan (*accuracy*) dalam erti kata leksikel tersebut mempunyai makna atau pesan yang sama dengan teks bahasa sumber, kebolehterimaan (*acceptability*) dalam erti kata leksikel tersebut dihidangkan kepada pembaca sasaran sesuai dengan dengan kaedah bahasa, resam dan budaya yang berlaku dalam bahasa sasaran dan tahap keterbacaan tinggi (*readability*) dalam erti kata leksikel tersebut dapat dapat dibaca, dihadap sepenuhnya dan difahami. Justeru terjemahan leksikel مينة kepada bangkai adalah tepat dan memadai.

Sampel 2

Perbandingan terjemahan			
Lafaz hadis	دباغ الأديم ذكاته		
Maksud	Menyamak <u>kulit binatang</u> itu samalah dengan menyembelihnya		
Perkataan	B.A	PNS	PJ
	الأديم	kulit binatang	kulit

Ulasan:

Perkataan KN الأديم dalam teks sumber menurut *Mufjam al-Lughah al-^lArabiyyah al-Mufasarab* (2008: 76) merujuk kepada kulit binatang yang telah siap dibersihkan (samak). Justeru terjemahan PNS mengemukakan terjemahan padanan makna tekstual yang sama dengan mengemukakan makna kulit binatang. Ini bererti pendekatan TK dipraktikkan dalam bentuk penterjemahan ini menggunakan teknik komunikatif ketiga iaitulah padanan *equivalence*. Teknik persamaan yang dimaksudkan ialah persamaan sejadi/bersahaja dan paling hampir dari

sudut makna serta bergantung sepenuhnya kepada konteks dan nilai budaya dalam bahasa sumber.

Penilaian:

Melalui parameter kualiti dan ketepatan penyampaian maksud padanan terjemahan الأديم dalam edisi PNS aspek terjemahan adalah tepat dan menepati piawaian terjemahan berkualiti seperti yang dicadangkan Nababan (2012) bermula daripada ketepatan (*accuracy*) dalam erti kata leksikel tersebut mempunyai makna atau pesan yang sama dengan teks bahasa sumber, kebolehterimaan (*acceptability*) dalam erti kata leksikel tersebut dihidangkan kepada pembaca sasaran sesuai dengan dengan kaedah bahasa, resam dan budaya yang berlaku dalam bahasa sasaran dan tahap keterbacaan tinggi (*readability*) dalam erti kata leksikel tersebut dapat dapat dibaca, dihadap sepenuhnya dan difahami. Justeru terjemahan leksikel الأديم kepada kulit binatang adalah tepat dan memadai. Namun, terjemahan PJ agak tersasar daripada maksud yang ingin disampaikan kepada pembaca sasaran kerana perkataan kulit sahaja boleh menimbulkan keraguan kepada pembaca. Justeru melalui piawaian kualiti terjemahan dari aspek tahap keterbacaan tinggi (*readability*) padanan tersebut membawa keraguan maksud yang ingin disampaikan. Keraguan tersebut mungkin timbul dalam bentuk persoalan apakah yang dimaksudkan dengan perkataan kulit itu merangkumi semua jenis kulit atau bagaimana?.

Sampel 3

Perbandingan terjemahan			
Lafaz hadis	فإذن لهم في متعة النساء		
Maksud	Baginda telah mengizinkan para sahabat untuk <u>berkahwin mut'ah</u>		
Perkataan	B.A	PNS	PJ
	متعة	berkahwin mut'ah	Bernikah secara bertempoh

Ulasan:

Perkataan KN متعة dalam teks sumber menurut *Mu'jam al-Mustalahat al-Fiqhiyyah* (2003: 3/209) bermaksud mengambil manfaat dari suatu perkara. Dalam konteks perkahwinan mut'ah seorang lelaki mengambil manfaat daripada perkahwinannya dengan seorang wanita hanya untuk tempoh tertentu sahaja. Justeru dalam konteks ini, terjemahan PNS dan PJ mengemukakan terjemahan dengan padanan mana tekstual yang sama iaitulah bernikah secara bertempoh atau berkahwin mut'ah yang bukan hanya mendukung makna dari aspek lesikel akan tetapi merujuk kepada jenis perkahwinan yang tidak dibenarkan dalam Islam mengikut kaedah syarak. Ini bererti pendekatan terjemahan semantik digunakan dalam edisi PNS dengan teknik semantik pertama iaitulah pinjaman (*borrowing*). Teknik pinjaman juga merupakan suatu proses memperkenalkan elemen bahasa asing kepada suatu bahasa. Oleh sebab itu, teknik pinjaman ini amat penting dan digunakan untuk mengisi kelompongan yang ada kerana penterjemah seringkali menghadapi masalah untuk mencari padanan terutama bagi perkataan yang mempunyai pengaruh budaya

bahasa asal yang cukup kuat dan juga perkataan-perkataan yang berunsur teknikal (Idris Mansor: 2015) Dalam edisi PJ pendekatan semantik dengan mempraktikkan teknik padanan deskriptif digunakan. Ianya bertujuan untuk menghuraikan makna konteks setepat-tepatnya seperti mana yang terdapat dalam teks asal dan mementingkan makna.

Penilaian:

Melalui parameter kualiti dan ketepatan penyampaian maksud padanan terjemahan *متعة* dalam edisi PNS dan PJ dengan perkataan berkahwin mut'ah dan bernikah secara bertempoh adalah tepat dan menepati piawaian terjemahan berkualiti seperti yang dicadangkan Nababan (2012) bermula daripada ketepatan (*accuracy*) dalam erti kata leksikal tersebut mempunyai makna atau pesan yang sama dengan teks bahasa sumber, kebolehterimaan (*acceptability*) dalam erti kata leksikal tersebut dihidangkan kepada pembaca sasaran sesuai dengan dengan kaedah bahasa, resam dan budaya yang berlaku dalam bahasa sasaran dan tahap keterbacaan tinggi (*readability*) dalam erti kata leksikal tersebut dapat dapat dibaca, dihadap sepenuhnya dan difahami. Justeru terjemahan leksikal *متعة* kepada berkahwin mut'ah dan bernikah secara bertempoh adalah tepat memadai.

Sampel 4

Perbandingan terjemahan			
Lafaz hadis	فقال النبي صلى الله عليه وسلم شنها على البطحاء		
Maksud	Jawab Nabi SAW curahkanlah dia di atas <u>tanah</u>		
Perkataan	B.A	PNS	PJ
	البطحاء	tanah	parit

Ulasan :

Perkataan KN *البطحاء* *al-Mufjam al-Wasit* (2008:71) dalam teks sumber merujuk kepada kawasan tanah lapang atau wadi yang terbentuk daripada laluan banjir sehingga meninggalkan pasir dan batu-batu halus. Justeru dalam padanan makna tekstual terjemahan PNS mengemukakan tanah berlawanan dengan padanan yang dikemukakan dalam edisi PJ. Pada pengkaji dalam kedua edisi ini walaupun nampak perbezaan ketara dari sudut padanan yang dikemukakan namun pada hakikatnya terjemahan komunikatif telah dipraktikkan disini menggunakan teknik persamaan (*equivalence*). Dalam ertikata penterjemah mencari bentuk kata yang paling sesuai dengan teks sasaran bersandarkan kepada persamaan leksikal dari aspek tekstual. Iaitu persamaan dari segi makna mengikut konsep dan konteks penggunaan teks yang diterjemahkan. Justeru dapatan kedua-dua edisi ini walaupun ada perbezaan dari sudut makna tekstualnya namun masih menjurus kepada maksud yang sama.

Oleh itu pada pengkaji yang teknik paling berkesan dalam kes seperti ini adalah dengan mengaktifkan teknik deskripsi. Hal ini kerana leksikal *البطحاء* terkandung di dalamnya definisi tersendiri yang berkait rapat dengan unsur budaya setempat. Ini bererti penjelasan atau gambaran

bentuk dan fungsi suatu istilah dari bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran dapat diperjelaskan dengan bebas. Deskripsi dalam kajian terjemahan merupakan suatu istilah yang digunakan dalam teknik terjemahan yang dilakukan dengan cara memadankan istilah dalam ST secara memberikan keterangan bentuk dan fungsinya pada TT. Justeru itu, perkataan parit yang digunakan dalam edisi PJ adalah bersesuaian dengan konteks tekstual ayat tersebut.

Penilaian:

Melalui parameter kualiti dan ketepatan penyampaian maksud padanan terjemahan البطحاء dalam edisi PJ aspek terjemahan adalah tepat dan menepati piawaan terjemahan berkualiti seperti yang dicadangkan Nababan (2012) bermula daripada ketepatan (*accuracy*) dalam erti kata leksikel tersebut mempunyai makna atau pesan yang sama dengan teks bahasa sumber, kebolehterimaan (*acceptability*) dalam erti kata leksikel tersebut dihidangkan kepada pembaca sasaran sesuai dengan dengan kaedah bahasa, resam dan budaya yang berlaku dalam bahasa sasaran dan tahap keterbacaan tinggi (*readability*) dalam erti kata leksikel tersebut dapat dapat dibaca, dihadap sepenuhnya dan difahami. Justeru terjemahan leksikel kepada parit adalah tepat dan memadai.

Melalui parameter kualiti dan ketepatan juga, penyampaian maksud padanan terjemahan البطحاء dalam edisi PNS, aspek terjemahan adalah tidak menepati piawaan terjemahan berkualiti seperti yang dicadangkan Nababan (2012) dari sudut ketepatan (*accuracy*) dan kebolehterimaan (*acceptability*). Pada pengkaji kekurangan yang berlaku disebabkan objek yang disepadankan dengan leksikel البطحاء adalah tidak memadai kerana yang dimaksudkan dalam konteks ayat bukannya tanah secara umum. Hal ini dikukuhkan lagi dengan latar budaya masyarakat Arab dalam hadith tersebut yang bermaksud bukan sebarang tempat boleh dicurahkan arak tersebut. Justeru terjemahan ini boleh dikategorikan sebagai salah terjemahan yang kurang (*undertranslation*), iaitu terjemahan yang tidak dapat menyampaikan makna teks bahasa sasaran itu sepenuhnya.

Sampel 5

Perbandingan terjemahan			
Lafaz hadis	فإن الغيل يدرك الفارس فيدعثره		
Maksud	Kerana merosakkan susu anak umpama menghadapi seorang penunggang kuda yang tangkas lalu menggelincirkannya.		
Perkataan	B.A	PNS	PJ
	الغيل	merosakkan susu anak	secara terselubung

Ulasan:

Perkataan KN الغيل dalam ST menurut *Mufjam al-Mustalahat al-Fiqhiyyah* (2003: 3/26) merujuk kepada perbuatan melakukan hubungan jenis atau kelamin dengan isteri ketika masih menyusukan anak. Menurut al-Zurqany (1997: 3/320) Pada awalnya Nabi SAW ingin melarang

umatnya daripada menggauli para isteri mereka ketika masih menyusukan anak kerana dibimbangi perbuatan tersebut boleh mendatangkan mudarat kepada anak yang disusukan sekiranya kembali hamil pada ketika tersebut. Namun setelah mengambil kira dengan apa yang berlaku kepada masyarakat Farsi yang menjadi kebiasaan mereka melakukan perbuatan tersebut dan tidak mendatangkan sebarang mudarat maka Nabi SAW membenarkan perbuatan tersebut kepada umatnya. Menurut Kamus Dewan (2004: 3820) perkataan selubung merujuk kepada memakai selubung atau membungkus seperti berselimut atau bertudung.

Berdasarkan keterangan di atas, padanan makna tekstual terjemahan PNS dengan perkataan merosakkan susu dan padanan edisi PJ dengan secara terselubung adalah berbeza dan perbezaan tersebut amat ketara dari sudut makna tekstual yang dimaksudkan dalam hadis Nabi SAW. Pada dasarnya edisi PNS dan PJ cuba menggunakan pendekatan semantik dengan mempraktikkan teknik padanan deskriptif dalam penterjemahan untuk menggambarkan makna sebenar leksikel الغيل. Ini kerana di antara sejumlah kayu ukur dalam pendekatan terjemahan semantik menghuraikan makna konteks setepat-tepatnya yg terdapat dalam teks asal dan mementingkan makna. Namun apa yang berlaku kekaburan padanan jelas ketara berlaku dalam edisi PNS, manakala edisi PJ pada pengkaji, memberikan padanan yang tidak membawa kesan dan maksud kepada pembaca sasaran.

Pada pendapat pengkaji teknik deskriptif boleh dikembangkan untuk lebih jelas dengan menggunakan kaedah nota kaki atau menjelaskan maksud seperti yang dicadangkan dalam teks terjemahan. Nota dan maklumat tambahan tersebut boleh dilakukan dengan dimasukkan terus dalam teks, nota kaki pada bahagian bawah halaman berkenaan, nota akhir pada bahagian akhir bab berkenaan atau menggunakan sistem glosari pada bahagian akhir buku. Pada pengkaji kaedah nota kaki atau nota akhir adalah yang terbaik bagi mengelakkan implikasi negatif kerana catatan tambahan dalam teks boleh mengganggu tumpuan pembaca teks terjemahan. Justeru, dalam aspek ini penggunaan nota kaki atau nota akhir boleh dipraktikkan secara berkesan untuk memberikan penjelasan kepada elemen tekstual yang terkandung dalam istilah tersebut. Oleh itu pengkaji mencadangkan terjemahannya seperti berikut: “Perbuatan merosakkan (melakukan hubungan kelamin dengan isteri ketika masih menyusukan anak) umpama menghadapi seorang penunggang kuda yang tangkas lalu menggelincirkannya.”

Penilaian:

Melalui parameter kualiti dan ketepatan penyampaian maksud padanan terjemahan الغيل dalam ketiga-tiga edisi PNS aspek padanan terjemahan adalah tidak menepati piawaian terjemahan berkualiti seperti yang dicadangkan Nababan (2012) dari sudut ketepatan (*accuracy*) dan kebolehterimaan (*acceptability*). Pada pengkaji kekurangan yang berlaku disebabkan maksud yang disepadankan dengan leksikel الغيل adalah kabur dalam edisi PNS dan PCK. Justeru terjemahan ini boleh dikategorikan sebagai salah terjemahan yang kurang (*undertranslation*), iaitu terjemahan yang tidak dapat menyampaikan makna teks bahasa sasaran itu sepenuhnya.

Hal yang sama berlaku dalam edisi PJ di mana padanan yang dikemukakan jauh menyimpang daripada maksud asal. Justeru terjemahan ini boleh dikategorikan sebagai salah terjemahan (*mistranslation*), iaitu terjemahan yang berbeza dari makna asal dalam teks bahasa sumber atau kekurangan disebabkan dengan kecuaiian tanpa menterjemah ayat, frasa atau perkataan.

Sampel 6

Perbandingan terjemahan			
Lafaz hadis	إِنَّمَا هَذِهِ لِبَاسٍ مِّنْ لَّا خَلَاقَ لَهُ		
Maksud	Sesungguhnya ini adalah pakaian orang yang tidak punya budi yang mulia		
Perkataan	B.A	PNS	PJ
	خلاق	budi yang mulia	mempunyai bahagian (di akhirat)

Ulasan:

Perkataan KN خلاق dalam teks sumber menurut *Mufjam al-Mustalahat al-Fiqhiyyah* (2003: 3/409) bermaksud nasib yang baik pada hari kiamat kelak. Maksud yang dikemukakan ini disokong oleh Musa Shahin Lashin (2002: 8/313) dalam *Fath al-Mu'imm Sharh Sahib Muslim* yang mengemukakan maksud hadis tersebut : “Iaitulah orang-orang yang tidak mempunyai habuan dan nasib atau orang-orang yang tidak mempunyai pegangan agama”.

Berdasarkan keterangan di atas, padanan makna leksikel terjemahan PNS dengan perkataan budi yang mulia dan budi pekerti dengan padanan edisi PJ mempunyai bahagian adalah berbeza dan perbezaan tersebut amat ketara dari sudut makna tekstual yang dimaksudkan dalam hadis tersebut. Pada dasarnya edisi PJ dan PNS cuba menggunakan pendekatan semantik dengan mempraktikkan teknik padanan deskriptif dalam penterjemahan untuk menggambarkan makna sebenar leksikel yang disebut dalam hadis tersebut. Ini kerana di antara sejumlah kayu ukur dalam pendekatan terjemahan semantik menghuraikan makna konteks setepat-tepatnya yang terdapat dalam teks asal dan mementingkan makna. Namun apa yang berlaku kesilapan padanan jelas ketara berlaku dalam edisi PNS yang mengemukakan budi pekerti.

Pada pengkaji dalam kes seperti ini, ketepatan terjemahan dalam konteks tekstual adalah lebih tepat kerana menjurus kepada maksud dan nilai agama kata pemutusnyanya terletak di dalam huraian para ulama yang mensyarahkan nas tersebut. Justeru makna leksikel yang bergantung kepada kamus semata-mata sudah tidak terpakai. Oleh yang demikian, pengkaji mencadangkan terjemahannya seperti berikut: “Sesungguhnya ini adalah pakaian orang-orang yang tidak mempunyai habuan (di akhirat).”

Penilaian:

Melalui parameter kualiti dan ketepatan penyampaian maksud padanan terjemahan خلاق dalam edisi PJ aspek terjemahan adalah tepat dan menepati piawaan terjemahan berkualiti seperti yang dicadangkan Nababan (2012) bermula daripada ketepatan (*accuracy*) dalam erti kata leksikel tersebut mempunyai makna atau pesan yang sama dengan teks bahasa sumber, kebolehterimaan (*acceptability*) dalam erti kata leksikel tersebut dihidangkan kepada pembaca sasaran sesuai dengan dengan kaedah bahasa, resam dan budaya yang berlaku dalam bahasa sasaran dan tahap keterbacaan tinggi (*readability*) dalam erti kata leksikel tersebut dapat dapat dibaca, dihadap sepenuhnya dan difahami. Justeru terjemahan perkataan tersebut kepada mempunyai bahagian

adalah tepat dan memadai sesuai dengan huraian yang dikemukakan oleh ulama yang mensyarahkan hadith tersebut. Namun demikian, terjemahan edisi PNS dari aspek ketepatan (*accuracy*) agak longgar dan tidak tepat. Justeru terjemahan ini boleh dikategorikan sebagai salah terjemahan (*mistranslation*), iaitu terjemahan yang berbeza dari makna asal dalam teks bahasa sumber atau kekurangan disebabkan dengan kecuaiian tanpa menterjemah ayat, frasa atau perkataan.

Kesimpulan

Dalam memahami sebuah hadis dan menterjemahnya semula ke bahasa sasaran aspek tekstual dan kontekstual harus diberikan keutamaan agar kefahaman tersebut lebih dekat dengan tujuan yang disampaikan oleh Rasulullah SAW. Aspek makna tekstual dalam pernyataan sebuah hadis perlu diberikan keutamaan terlebih dahulu dan tiada keperluan untuk diberikan pertimbangan aspek kontekstual sekiranya kefahaman tersebut selari dengan kehendak agama dan boleh diperjelaskan dengan sempurna bersesuaian dengan pendekatan terjemahan semantik komunikatif.

Justeru, terjemahan berorientasikan pendekatan semantik komunikatif ialah pendekatan yang dekat dan sesuai serta saling lengkap melengkapi untuk diaplikasikan bagi teks agama seperti hadis kerana memelihara ciri-ciri khusus teks tersebut. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa pendekatan semantik komunikatif merupakan suatu konsep umum yang boleh dipegang oleh seorang penterjemah untuk mencapai maksud tertentu dalam kerja-kerja penterjemahan. Ia juga boleh dianggap suatu ideologi yang dapat membantu pengkaji untuk melihat kecenderongan penterjemah membuat suatu keputusan. Bertitik tolak daripada salah faham terhadap terjemahan makna perkataan kata nama secara khusus dan kategori-kategori lain secara umum penjelasan suatu maksud hadis mestilah bersandarkan kepada tafsiran tokoh-tokoh muftabar dan diolah maksud tersebut mengambil kira kepada kesesuaian pembaca sasaran dengan mengutamakan nilai estetika teks bahasa sumber di samping laras bahasa yang mudah difahami dengan jelas serta tiada sebarang unsur kesamaran dan kesulitan.

Rujukan

- Abu Jabir .2009. *al-Halal wa al-Haram Fi al-Islam*-terjemahan- Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru.
- Ahmad bin ‘Ali bin Hajar al-‘Asqalani (1427) *Nuzhah al-Nazar SharhNukhbah al-Fikar*, tahqiq ‘Ali bin Hasan, Dar Ibn al-Jawzi.
- Al-Jurjaniy, ‘Ali bin Hamad. *Al-Ta’rifat*. 1984. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Zurqaniy, Muhammad bin Abd al-Baqy. 1997. *Sharh al-Zurqany ‘ala al-Muwatta al-Imam Malik*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Catford, J.C. 1965. *A Linguistic Theory of Translation*. London: Oxford University Press.
- Geoffrey Leech. 1990. *Semantis: The Study of Meaning*. Penguin Books.
- Ibrahim Anis et al. 2008. *Mufjam al-Wasid*. Kaherah: Maktabah al-Shuruq al-Dawliyyah.
- Idris Mansor. 2015. Prosuder Peminjaman dan Elemen Sosiobudaya Dalam Terjemahan Rihlat Ibn Batutah. *Jurnal Kajian Malaysia* 33 (2), hlm 61-81.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2004. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mohd. Mokhtar Ahmad & Basil Wijasuriya. 1982. Masalah dan Kesalahan di dalam Penterjemahan. Dlm. Abdullah Hassan, Hasnah Ibrahim & Mashudi Kader (pnyt),

- Kesalahan Bahasa Dalam Bahasa Malaysia* , hlm. 385-422. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmud ‘Abd al-Rahman ‘Abd al-Mun’im. 2003. *Mufjam al-Mustalabat al-Fiqhiyyah*. Qaherah: Dar al-Fadilah.
- Musa Shahin Lashin. 2002. *Fath al-Mun’im Sharb Sahib Muslim*. Qaherah: Dar al-Shuruq.
- Nababan, M. R. 2012. Pengembangan Model Penilaian Kualitas Terjemahan. *Jurnal Kajian Linguistik dan Sastra* 24: 39-57.
- Newmark, Peter. 1988. *A Text Book of Translation*. London: Prentice Hall International.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj Musa & Abdul Hamid Mahmood. 2002. *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.
- Norizah Ardi, Midiyana Mohamad, Rozaimah Rashidin & Zuraidah Jantan. 2009. *Pengantar Prinsip Penterjemahan*. Kuala Lumpur.
- Sumarlam. Ed. 2008. *Teori dan Praktik Analisis Wacana*. Surakarta: Pustaka Cakra.
- Syed Ahmad Sumait . 2014. *al-Halal wa al-Haram Fi al-Islam* -terjemahan- Pustaka Nasional Singapore.
- Zamarkhasyari Hasballah. 2017. *Pemahaman Tekstual dan Kontekstual al-Quran dan Hadis*. Muzakarah Fatwa MUI Prov, Sumatera Utara.

BAB 6

METODOLOGI PEMBANGUNAN PROTOTAIP APLIKASI I-REHLAH KE ARAH MELESTARIKAN PELANCONGAN ISLAM DI NEGERI SELANGOR

Mohammad Imran Ahmad¹, Ahmad Syukri Adnan², Mohammad Najib Jaffar³, Noor Azli Mohamed Masrop⁴, Naqibah Mansor⁵

^{1,2,4,5} Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS

³Universiti Sains Islam Malaysia, USIM

Pendahuluan

Selangor sebagai sebuah negeri termaju tidak ketinggalan sebagai salah sebuah destinasi pelancongan bagi warga Arab Muslim. Berdasarkan Laporan Statistik Ketibaan Pelancong (LSKP) yang dikeluarkan oleh Tourism Selangor berlaku peningkatan jumlah pelancong Arab dari tahun 2015 hingga 2017 iaitu seramai 160,615 kepada 360,749 (<http://www.tourismselangor.my/tourism-selangor-profile/>). Ekonomi negeri Selangor mencatatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) 7.1% pada tahun 2017 berbanding hanya 4.8% pada tahun 2016 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2017) Sektor pelancongan menyumbang sebahagian besar kepada pertumbuhan ekonomi negeri Selangor.

Kerajaan negeri di bawah gagasan SMART melalui domain SMART Governance bertujuan untuk membina asas ke arah kerajaan pintar melalui teknologi pintar dan bersepadu. Oleh yang demikian, penyelidikan ini menyokong dan merealisasikan aspirasi SMART Selangor bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi negeri melalui pembangunan Aplikasi SMART Mobil untuk Pelancongan Islam di Selangor. Asas pertimbangan dan justifikasi kajian adalah menyokong dan merealisasikan aspirasi SMART Selangor bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi negeri melalui domain SMART Governance dengan mewujudkan sistem penyampaian maklumat kepada pelancong Islam secara umumnya dan pelancong Arab secara khususnya dengan lebih pantas dan efisien.

Oleh itu, satu penyelidikan yang tersusun perlu dijalankan berdasarkan metodologi tertentu bagi membangunkan aplikasi yang boleh digunakan oleh pelancong Islam semasa melancong di negeri Selangor. Metodologi pembangunan aplikasi ini akan membantu penyelidik untuk menghasilkan aplikasi yang menepati kehendak pengguna dengan tidak mengabaikan prinsip-prinsip Syariah. Jika metodologi pembangunan aplikasi ini diuruskan dengan betul, maka aplikasi yang bakal dilahirkan akan memudahkan para pelancong Muslim untuk mengenali tempat-tempat menarik di negeri ini sekali gus meningkat lagi pertumbuhan ekonomi negeri.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian yang dijalankan oleh Hashim (2013) menunjukkan bahawa terdapat masalah komunikasi dalam kalangan pelancong Arab di negara kita. Sebanyak 70% responden menghadapi masalah komunikasi di lapangan terbang, 80% di hotel atau penginapan, 80% di pusat membeli-belah, 80% berkaitan dengan pemandu pelancong dan 80% berkaitan dengan pemandu teksi.

Berdasarkan temubual yang dijalankan dengan Islamic Tourism Centre (ITC) (Hashim, 2013) menyatakan bahawa masalah yang biasa dihadapi oleh pelancong Arab adalah kekurangan kakitangan hotel yang boleh berkomunikasi dalam bahasa Arab, tiada saluran televisyen yang menggunakan bahasa Arab di hotel, pemandu pelancong mempunyai kemahiran yang rendah dalam bahasa Arab, pemandu teksi tidak boleh berbahasa Arab, polis pelancong tidak boleh berkomunikasi dalam bahasa Arab dan kurangnya papan tanda dalam bahasa Arab.

Oleh yang demikian, adalah menjadi suatu keperluan dalam membangunkan aplikasi I-Rehlah untuk pelancongan Islam bagi memudahkan pelancong Arab ketika berkunjung ke Selangor. Malah, kajian yang dilaksanakan oleh Mohammad Imran dan Mohammad Najib (2017) menunjukkan keperluan yang sangat tinggi terhadap pembangunan aplikasi oleh pelancong-pelancong Arab ini. Kajian ini akan membincangkan metodologi bagi membangunkan aplikasi SMART Mobil bagi Pelancongan Islam di Selangor.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menerangkan metodologi yang digunakan dalam pembangunan prototaip aplikasi I-Rehlah untuk Pelancongan Islam di Selangor. Kajian ini bertujuan untuk menjawab soalan bagaimana proses pembangunan prototaip aplikasi ini dilakukan dengan mengadaptasi Pendekatan Reka bentuk dan Pembangunan (DDR) bermula daripada fasa analisis keperluan, reka bentuk dan pembangunan serta penilaian kebolegunaan:

1. Mengenal pasti keperluan pembangunan aplikasi I-Rehlah untuk Pelancongan Islam di Negeri Selangor
2. Mereka bentuk informasi, interaktif dan antara muka aplikasi I-Rehlah untuk Pelancongan Islam di Negeri Selangor berdasarkan kesepakatan pakar.
3. Menilai kebolegunaan prototaip aplikasi I-Rehlah untuk Pelancongan Islam di Negeri Selangor berdasarkan kesepakatan kumpulan pembangun aplikasi

Metodologi Kajian

Fasa Pembinaan Aplikasi

Berdasarkan objektif kajian yang telah dibincangkan, artikel ini menumpukan aspek reka bentuk kajian yang terdiri di dalamnya kerangka metodologi dan reka bentuk pembinaan aplikasi. Fasa yang terlibat dalam pembinaan aplikasi ini terdiri daripada tiga fasa. Tiga fasa tersebut adalah fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan pembangunan serta fasa penilaian kebolegunaan. Setiap fasa kemudiannya diperincikan dengan merujuk kepada pemilihan metodologi yang digunakan. Penghuraian metodologi aplikasi ini mengemukakan penerangan bagaimana proses pembangunan aplikasi ini dilakukan dengan mengadaptasi Pendekatan Reka bentuk dan Pembangunan (DDR).

Pendekatan DDR ini bersandarkan kepada Richey dan Klein (2007) yang menyatakan bahawa sesebuah kajian pembangunan merupakan suatu kajian yang merangkumi proses yang sangat teratur dan bersistematik meliputi proses reka bentuk, pembangunan dan penilaian sesuatu produk yang dihasilkan. Kajian ini bertujuan membangunkan sebuah aplikasi I-Rehlah untuk pelancongan Islam di negeri Selangor. Tiga fasa dilalui yang merangkumi fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan pembangunan serta fasa penilaian kebolegunaan.

Jadual 1 berikut menunjukkan fasa-fasa tersebut dalam pembangunan aplikasi I-Rehlah serta kaedah kajian yang dijalankan.

Jadual 1: Kajian berdasarkan pendekatan DDR

Fasa	Kaedah
Fasa 1: Analisis Keperluan	Kajian Literatur
Fasa 2: Reka Bentuk & Pembangunan	Kajian Literatur dan Kaedah <i>Fuzzy</i> Delphi (FDM)
Fasa 3: Penilaian Kebolehgunaan	Kaedah <i>Fuzzy</i> Delphi (FDM)

Sumber: Adaptasi daripada Saedah Siraj et al., 2013

POPULASI, SAMPEL KAJIAN DAN KAEDAH PERSAMPELAN

Dalam menentukan populasi, sampel kajian dan kaedah persampelan, penyelidik menghuraikannya berdasarkan kepada fasa-fasa yang terlibat agar lebih sistematik.

Fasa Analisis Keperluan

Fasa analisis keperluan dalam kajian ini menggunakan kaedah kajian literatur yang memfokuskan kepada keperluan, kekurangan dan kehendak (Hutchinson & Waters, 1987). Berdasarkan kajian literatur menunjukkan keperluan terhadap pembangunan aplikasi I-Rehlah untuk pelancongan Islam di Selangor. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Mohamad Imran (2019) didapati bahawa tahap keperluan, kekurangan dan kehendak pelancong Arab terhadap isu ini adalah tinggi.

Kajian Lim & Har (2005) menyatakan terdapat kesalahan penggunaan tata bahasa bahasa Arab yang digunakan dalam buku *Brief on Malaysia*. Kualiti bahasa sangat lemah dan mengalami penyalahgunaan struktur bahasa dalam buku pelancongan akan memberi imej yang buruk kepada negara. Kajian Azman (2005) menambah kualiti bahasa yang lemah di dalam brosur pelancongan dan papan tanda akan menjejaskan sektor pelancongan negara sama ada melibatkan pelancong, pengamal industri pelancongan dan hotel dan penginapan. Kajian yang dijalankan oleh Hashim (2013) menunjukkan bahawa terdapat masalah komunikasi di kalangan pelancong Arab di negara kita.

Kemudahan mendapatkan maklumat makanan halal, destinasi pelancongan yang menarik, informasi hotel yang pelbagai, kedudukan masjid yang berdekatan dan sebagainya selalunya diakses oleh pelancong melalui carian internet. Ini menyusahkan pelancong Arab apabila mereka melancong ke negeri ini. Teknik carian sebegini masih memberi masalah kepada mereka seperti penyebaran maklumat palsu, informasi yang tidak dikemaskini dan sumber maklumat yang diragui. Dalam pada itu, sumber maklumat daripada laman sesawang rasmi bagi pelancongan di Selangor iaitu Tourism Selangor tidak memberi maklumat yang lengkap tentang pelancongan Islam di negeri ini. Tambahan pula, bahasa yang digunakan untuk laman sesawang tersebut adalah bahasa Inggeris dan tidak diterjemahkan ke dalam bahasa Arab. Kesulitan-kesulitan sebegini boleh membantutkan lagi jumlah kedatangan pelancong Arab ke negeri ini. Berdasarkan daripada kajian Mohammad Imran (2017), majoriti responden bersetuju bahawa tiada sumber maklumat berbahasa Arab dari internet mahu pun aplikasi yang boleh dimuat turun oleh pengguna sistem pengendalian peranti bergerak seperti android atau iOS mengenai pelancongan Islam di Selangor. Generasi muda lebih gemar menggunakan aplikasi di dalam telefon bimbit sebagai pemandu arah mereka sepanjang berada di luar negara.

Pelancong juga mudah untuk membuat transaksi dan tempahan secara cekap, pantas dan efisien. Majoriti responden menyatakan persetujuan bahawa pelancong Arab perlu dibekalkan dengan aplikasi pelancongan Islam dalam telefon pintar. Kerjasama pintar antara kerajaan negeri dan syarikat multimedia tempatan untuk membangunkan aplikasi sebegini akan memberi impak positif kepada industri pelancongan negeri dengan menyaksikan peningkatan peratusan ketibaan pelancong dari Timur Tengah. Antara kerajaan negeri yang turut menyarankan pembangunan aplikasi pelancongan adalah negeri Johor pada tahun 2016 (www.sinarharian.com.my/edisi/johor) dan negeri Melaka pada tahun 2017 (Zulhisham, 2022)

Rentetan daripada kajian yang dijalankan oleh Mohammad Imran (2017) adalah menjadi satu keperluan dalam membangunkan sebuah aplikasi mudah alih untuk kemudahan pelancong Arab di negeri Selangor.

Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan

Dalam fasa ini terdapat dua sub fasa yang dijalankan iaitu sub fasa reka bentuk serta sub fasa pembangunan aplikasi. Kedua-dua sub fasa ini menggunakan kaedah *Fuzzy* Delphi (FDM). Pendekatan ini memerlukan pertemuan dengan pakar dan perlu dijalankan secara bersemuka dalam kumpulan melalui perbengkelan.

Bilangan pakar bagi kedua-dua sub fasa ini adalah seramai 10 orang. Hal ini adalah berdasarkan kepada pandangan Adler dan Ziglio (1996) yang menegaskan bahawa bilangan pakar bagi teknik Delphi adalah seramai 10 hingga 15 orang sekiranya pakar mampu mendapatkan kesepakatan yang tinggi di antara satu sama lain. Namun begitu, Rosnaini (2006) dalam Mohd Ridhuan (2016) menyatakan bahawa bilangan pakar yang minimum bagi teknik Delphi adalah seramai lima orang pakar. Hal ini adalah berpadanan dengan hujah Rowe dan Wright (2001) bahawa bilangan pakar boleh bermula daripada 5 hingga 20 orang berdasarkan bidang kepakaran mereka. Jones dan Twiss (1978) pula mencadangkan bilangan pakar yang terlibat dalam pendekatan kaedah Delphi adalah seramai 10-50 orang pakar.

Pakar yang terlibat dalam kajian ini adalah berpadanan dengan konteks kajian kerana melibatkan pakar dalam bidang akademi, inovasi, teknologi dan pelancongan. Pemilihan ini juga adalah bersandarkan kepada sekumpulan sarjana yang menegaskan bahawa pakar adalah mereka yang sangat mahir dan berpengalaman dalam bidang yang dikaji (Swanson & Falkman, 1997; Dalkey & Helmer, 1963).

Maka, berdasarkan kepada perbincangan tentang pemilihan pakar bagi fasa reka bentuk dan pembangunan aplikasi ini, penyelidik telah mengenal pasti beberapa kriteria pakar yang terlibat dalam kajian ini, seperti berikut:

1. Timbalan Presiden dari Yayasan Inovasi Malaysia.
2. Ketua Pusat Penyelidikan dan Inovasi dari Politeknik Nilai.
3. Pengurus Pembangunan Korporat dan Kewangan dari Islamic Tourism Centre (ITC).
4. Pengurus dari MIMOS Sdn Bhd dalam bidang reka bentuk pengalaman pengguna.
5. Pengurus Program dari Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC).
6. Profesor Madya dari universiti awam, berkelulusan dalam bidang pendidikan dan bahasa Arab.
7. Dua orang pensyarah kanan dari universiti awam, berkelulusan dalam pengajaran bahasa Arab.
8. Dua orang pensyarah dari universiti swasta, berkelulusan dalam bidang sains dan teknologi maklumat.

Fasa Penilaian Kebolehgunaan

Fasa penilaian kebolehgunaan ini dilaksanakan juga menerusi kaedah *Fuzzy* Delphi (FDM). Pemilihan sampel dalam fasa ini melibatkan pakar-pakar yang sama yang terdapat pada fasa reka bentuk dan pembangunan. Pemilihan pakar digunapakai dalam fasa ini adalah bersesuaian memandangkan aplikasi ini merupakan dan memerlukan cadangan penambahbaikan sekiranya perlu oleh golongan pakar.

Setiap aplikasi yang dihasilkan perlu melalui proses ujian atau penilaian bagi menjamin kebolehgunaan produk tersebut. Ujian kebolehgunaan didefinisikan sebagai ujian kepada pengguna sebenar untuk melihat sejauh mana sesuatu aplikasi itu mudah digunakan (Young, 2020). Ujian ini dapat membantu penghasilan aplikasi yang mesra pengguna kerana ia berdasarkan kepada pengalaman pengguna itu sendiri. Proses ini dilakukan dalam beberapa peringkat, bermula dengan ujian di peringkat pembangunan sehingga aplikasi itu selesai dibangunkan (*post-development*). Pada peringkat pembangunan awal, ia lebih tertumpu kepada aspek fungsi di mana semua informasi yang dirancang dipastikan terkandung dalam aplikasi. Interaksi dan navigasi dapat dilakukan dengan persembahan antara muka yang baik dan teratur.

Di samping kaedah *Fuzzy* Delphi (FDM), aplikasi i-Rehlah I-Rehlah Islamic Tourisms Selangor ini juga melalui ujian kebolehgunaan dengan menggunakan kaedah observasi. Bagi kaedah FDM, responden dalam kalangan pakar-pakar yang dilantik dikehendaki menjawab beberapa soalan yang berkaitan dengan kebolehgunaan. Pemilihan soalan adalah berdasarkan kepada teori Heuristik yang diperkenalkan oleh Jakob Nielsen pada 1994. Ia digunakan secara meluas sehingga kini oleh pembangun aplikasi dan laman sesawang dalam mengenalpasti kebolehgunaan produk yang dihasilkan. Observasi juga menjadi salah satu kaedah yang berkesan untuk tujuan ini. Responden yang dipilih akan diberikan arahan berstruktur untuk menguji aplikasi yang dihasilkan berdasarkan teori yang sama. Segala tingkahlaku dan tindakbalas responden akan direkod dalam bentuk video atau dicatat dalam borang khas secara sistematik.

Data yang diperolehi akan dianalisa dan dilaporkan dalam bentuk kualitatif. Hasil dari ujian ini akan dibincangkan semula dalam kalangan penyelidik, pakar kandungan dan pembangun untuk menambahbaik aplikasi yang dihasilkan agar ia mencapai objektif dan kualiti yang ditetapkan. Pembangunan sesebuah aplikasi perlu kepada ujian yang berterusan dan iteratif dalam memastikan ia sentiasa berfungsi dengan baik dan mudah digunakan. Jadual 2 di bawah memaparkan ciri-ciri yang terkandung dalam teori Heuristik yang akan menjadi rujukan dalam menjalankan ujian ini.

Jadual 2: Teori 10 Kebolehgunaan Heuristik oleh Jakob Nielsen

Ciri-ciri	Penerangan
1 <i>Visibility of system status</i>	Pengguna maklum dengan status sistem. Berfungsi atau sebaliknya.
2 <i>Match between system and the real world</i>	Penggunaan bahasa, icon dan arahan yang difahami.
3 <i>User control and freedom</i>	Kebebasan mengawal sistem tanpa kekangan.
4 <i>Consistency and standards</i>	Penggunaan nama, icon, posisi yang sama dan konsisten.
5 <i>Error prevention</i>	Memberi notifikasi bagi mengelak kesilapan dalam interaksi.
6 <i>Recognition rather than recall</i>	Pengguna mudah untuk mengenali objek, aksi dan pilihan tanpa perlu mengingati setiap arahan.

7	<i>Flexibility and efficiency of use</i>	Sistem adalah fleksibel untuk pengguna yang biasa dengan yang tidak biasa untuk berinteraksi.
8	<i>Aesthetic and minimalist design</i>	Hanya instruksi penting sahaja dipamerkan dalam skrin dan direkabentuk secara estetik.
9	<i>Help users recognize, diagnose, and recover from errors</i>	Bantu pengguna keluar dari kesilapan dengan instruksi yang mudah difahami.
10	<i>Help and documentation</i>	Pengguna diberi akses untuk bantuan dan tunjuk ajar yang diperlukan.

Kaedah Pengumpulan Data Pembinaan Prototaip

Bagi proses pengumpulan data, penyelidik membahagikan proses pengumpulan data ini mengikut fasa-fasa yang terdapat dalam kajian yang dijalankan.

Fasa Analisis Keperluan

Dalam fasa ini, penyelidik menggunakan kajian keperustakaan yang berkait rapat dengan analisis keperluan aplikasi pelancongan Islam di Selangor. Penyelidik menghimpun segala informasi ataupun maklumat yang bersesuaian dan relevan dengan analisis keperluan aplikasi pelancongan Islam di Selangor. Informasi yang dimaksudkan ini dapat diperolehi daripada buku-buku ilmiah, hasil penyelidikan, laporan penelitian, ensiklopedia, fakta-fakta, buku tahunan dan sumber-sumber bertulis ataupun sumber elektronik.

Fasa Reka bentuk dan Pembangunan

Proses pengumpulan data dalam fasa ini adalah melalui edaran soal selidik kepada pakar yang terlibat secara atas talian. Pertemuan secara bersemuka tidak dapat dijalankan atas kekangan Covid-19 yang berlaku. Tujuan soal selidik dijalankan adalah sebagai suatu platform dalam mendapatkan kesepakatan pakar terhadap komponen yang akan dibangunkan dalam aplikasi I-Rehlah untuk pelancongan Islam di Selangor yang menggunakan pendekatan Kaedah *Fuqayy* Delphi (FDM). Soal selidik ini mengandungi 4 bahagian iaitu Bahagian 1: Demografi; Bahagian 2: Reka bentuk informasi (information design) - 16 soalan; Bahagian 3: Reka bentuk interaktif (interactive design) - 12 soalan; dan Bahagian 4: Reka bentuk antara muka (interface design) - 11 soalan

Fasa Penilaian Kebolegunaan

Bagi fasa penilaian kebolegunaan pula, proses yang sama digunakan iaitu melalui edaran pautan aplikasi yang dibangunkan dan soal selidik kebolegunaan aplikasi kepada pakar yang terlibat. Pemilihan teknik ini dan kumpulan sasaran yang terdiri daripada pakar dianggap bersesuaian untuk fasa permulaan pembinaan.

Prosedur Penganalisan Data Pembangunan Aplikasi

Fasa Analisis Keperluan

Huraian yang sistematik tentang kajian literatur dan hasil penelitian sebelumnya yang ada hubungan dengan analisis keperluan aplikasi pelancongan Islam di Selangor yang bertujuan untuk:


1. Mencari informasi atau maklumat yang relevan dan bersesuaian dengan permasalahan yang diteliti.
2. Mendapatkan maklumat tentang mana-mana aspek dari suatu masalah yang pernah diteliti untuk menghindari penyelidikan agar tidak melakukan kesilapan sama berulang kali yang mungkin telah dilakukan oleh penyelidik lepas.
3. Menemukan suatu masalah untuk diteliti. Hal ini kemungkinan terdapat sebarang permasalahan yang masih belum terjawab atau masih belum ada penelitian yang mendalam oleh penyelidik sebelumnya.

Fasa Reka bentuk dan Pembangunan

Penganalisan yang terlibat dalam sub fasa reka bentuk aplikasi ini melibatkan pakar-pakar meneliti tiga aspek utama yang diperlukan melibatkan reka bentuk isi kandungan, reka bentuk antara muka serta reka bentuk interaktif bagi pengguna. Proses reka bentuk ini melibatkan pendekatan kaedah *Fuzzy* Delphi (FDM) bagi mengenal pasti, menilai dan mengesahkan kesemua komponen utama dan elemen-elemen yang terkandung di dalamnya berdasarkan kepada tiga syarat kesepakatan pakar iaitu:


1. Nilai *threshold* (d)
2. Peratus kesepakatan pakar
3. Nilai skor *fuzzy* (A).

Setelah fasa reka bentuk diteliti dan diamati oleh pakar-pakar, proses seterusnya melibatkan fasa pembangunan aplikasi. Fasa ini dimulakan dengan menyediakan struktur awal proses dalam bentuk Rajah 1 di bawah:




Rajah 1: Struktur Awal Navigasi


Seterusnya, struktur awal navigasi tadi diteliti dan ditambah baik oleh pakar-pakar dalam aspek pembangunan yang terdiri daripada pereka UI/UX, pembangun FullStack, pembangun iOS, pembangun Android dan jurugambar dengan menambahbaik struktur menjadi rupa bentuk perisian secara rajah dan lakaran bergambar. Fasa pembangunan aplikasi ini menggunakan *Adobe Experience Design* atau dikenali sebagai Adobe XD. Adobe XD merupakan alat Adobe untuk pengalaman pengguna dan pereka interaksi. Fungsi Adobe XD digunakan untuk membuat *wireframes*, dan reka bentuk layar untuk produk digital seperti laman web dan aplikasi mudah alih (Valishvili, n.d.). Pembangunan lakaran menggunakan Adobe XD memudahkan pembangun untuk menguji keberkesanan menggunakan telefon bimbit atau medium lain memandangkan lakaran tersebut dapat dipindahkan secara terus dan dikongsikan kepada pakar-pakar lain untuk dinilai. Rajah seterusnya merupakan struktur navigasi yang telah diubah suai oleh pakar pembangunan aplikasi yang menunjukkan secara rinci ‘user journey’ atau pengalaman pengguna semasa menggunakan aplikasi.



Rajah 2: Pengalaman Pengguna i-Rehlah (Pengenalan Aplikasi)



Rajah 3: Pengalaman Pengguna i-Rehlah (Laman Utama)



Rajah 4: Pengalaman Pengguna i-Rehlah (Kembara Selangor)



Rajah 5: Pengalaman Pengguna i-Rehlah (Rencana)



Rajah 6: Pengalaman Pengguna i-Rehlah (Lebih Lanjut)

Fasa Penilaian Kebolegunaan

Dalam fasa ini, aplikasi digunakan dan dilaksanakan dalam keadaan sebenar. Pengujian dilakukan terhadap 15 orang pakar bagi menguji kesahihan isi kandungan, kesesuaian bentuk antara muka serta kelancaran fungsi prototaip ini. Pakar-pakar yang terlibat dalam fasa pengujian ini merupakan pakar yang sama terlibat dalam fasa reka bentuk dan pembangunan. Pakar yang terlibat merupakan pakar dalam bidang akademi, pelancongan, inovasi, teknologi dan pembangun aplikasi. Sekiranya terdapat kesilapan, proses penambahbaikan akan dilakukan untuk mengatasi masalah tersebut sebelum digunakan oleh pengguna sasaran. Pada fasa penilaian kebolegunaan prototaip, pendekatan yang sama seperti fasa sebelum ini digunakan iaitu menggunakan kaedah *Fuzzy* Delphi (FDM). Soal selidik untuk menilai kebolegunaan dan keberkesanan aplikasi dibangunkan dan diedarkan kepada pakar. Penganalisan data yang dijalankan juga berdasarkan kepada tiga syarat kesepakatan pakar iaitu:

1. Nilai *threshold* (d)
2. Peratus kesepakatan pakar
3. Nilai skor *fuzzy* (A).

Matriks Kajian Pembangunan Prototaip

Matriks kajian yang dihasilkan mengandungi jadual yang mengandungi setiap fasa, kaedah dan teknik yang digunakan bagi menjawab soalan-soalan kajian, informan yang terlibat dan soalan-soalan kajian yang telah digunakan dalam kajian ini. Pembangunan matriks kajian ini bertujuan untuk memudahkan penyelidik melihat perincian setiap gerak kerja yang telah dijalankan. Jadual di bawah menunjukkan jadual matriks kajian dalam proses pembangunan aplikasi ini.

Jadual 3: Fasa 1 Analisis Keperluan Prototaip Aplikasi

FASA	SOALAN KAJIAN	TEKNIK/KAEDAH	INFORMAN
FASA 1: ANALISIS KEPERLUAN APLIKASI	Mengenal pasti keperluan Pembangunan aplikasi I-Rehlah untuk Pelancongan Islam di Negeri Selangor	Dapatan fasa kajian ini menggunakan pendekatan kajian literatur	Jurnal & Buku Ilmiah

Jadual 4: Fasa 2 Reka Bentuk dan Pembangunan Aplikasi

FASA	SOALAN KAJIAN	TEKNIK/KAEDAH	INFORMAN
FASA 2: REKA BENTUK DAN PEMBANGUNAN APLIKASI	<p>Mereka bentuk informasi, interaktif dan antara muka prototaip aplikasi I-Rehlah untuk Pelancongan Islam di Negeri Selangor berdasarkan kesepakatan pakar.</p> <p>Sub Fasa: Reka bentuk dan Pembangunan Aplikasi</p> <p>a) Apakah informasi-informasi penting berdasarkan komponen-komponen Pelancongan Islam yang perlu ada berdasarkan kesepakatan pakar?</p> <p>b) Apakah butang menu yang perlu ada bagi memastikan aplikasi yang interaktif berdasarkan kesepakatan pakar?</p> <p>c) Apakah antara muka yang perlu ada pada aplikasi berdasarkan kesepakatan pakar?</p>	Dapatan fasa kajian ini adalah berdasarkan pendekatan kajian literatur dan <i>Fuzzy</i> Delphi (FDM)	<p>Mendapatkan kesepakatan pakar terdiri daripada:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Timbalan Presiden Yayasan Inovasi Malaysia 2) Ketua Pusat Penyelidikan & Inovasi Politeknik Nilai 3) Pengurus Pembangunan Korporat & Kewangan ITC 4) Pengurus MIMOS Sdn Bhd dalam Bidang Reka Bentuk Pengalaman Pengguna 5) Pengurus Program Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC) 6) Dua orang Profesor Madya dalam Bidang Pendidikan & Bahasa Arab 7) Pensyarah Kanan dalam Pengajaran Bahasa Arab 8) Dua orang Pensyarah Fakulti Sains & Teknologi Maklumat

Jadual 5: Fasa 3 Penilaian Kebolehgunaan Prototaip Aplikasi

FASA	SOALAN KAJIAN	TEKNIK/KAEDAH	INFORMAN
FASA 3: PENILAIAN KEBOLEHGUNAAN APLIKASI	Menilai kebolehgunaan aplikasi I-Rehlah untuk Pelancongan Islam di Negeri Selangor berdasarkan kesepakatan kumpulan pembangun aplikasi a) Apakah langkah pengulangan pembangunan, penilaian dan kemaskini aplikasi?	Dapatan kajian fasa ini berdasarkan kaedah <i>Rapid Prototyping</i>	Kumpulan pakar yang terdiri daripada ahli akademi, pelancongan, inovasi, teknologi dan pembangun aplikasi seramai 15 orang

Kesimpulan

Pembentukan model dilaksanakan menerusi pendekatan *Design, Development & Research* (DDR). Tiga fasa iaitu fasa 1, analisis keperluan menggunakan kaedah kepustakaan. Fasa 2 iaitu reka bentuk dan pembangunan pula melibatkan pengaplikasian pendekatan kaedah *Fuzzy* Delphi (FDM). Pendekatan ini memerlukan pemilihan pakar yang sesuai dengan konteks kajian. Soal selidik yang merangkumi tiga komponen utama iaitu reka bentuk informasi (*information design*), reka bentuk interaktif (*interactive design*) dan reka bentuk antara muka (*interface design*) diedarkan kepada sekumpulan pakar dan kemudiannya dinilai komponen dan elemen-elemen yang terdapat dalam aplikasi berdasarkan kepada konsensus kesepakatan pakar. Setelah proses penilaian, proses membangunkan struktur pembangunan aplikasi pelancongan Islam di Selangor dibangunkan dengan menggunakan Adobe XD. Fasa 3, iaitu fasa penilaian kebolehgunaan, ia melibatkan pengaplikasian pendekatan yang sama seperti fasa 2 iaitu menggunakan kaedah *Fuzzy* Delphi (FDM). 15 orang pakar yang terdiri daripada ahli akademi, pelancongan, inovasi, teknologi dan pembangun aplikasi terlibat dalam fasa penilaian kebolehgunaan. Sekiranya terdapat kesilapan, proses penambahbaikan akan dilakukan untuk mengatasi masalah tersebut. Pemilihan kumpulan pakar ini sebagai penilai adalah bersesuaian sebelum digunakan oleh pengguna sasaran.

Penghargaan

Artikel ini merupakan pembentangan dapatan kajian bertajuk Pembangunan Aplikasi I-Rehlah untuk Pelancongan Islam di Selangor. Penghargaan kepada pihak Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) sebagai pemberi dana penyelidikan iaitu kategori Geran Penyelidikan Kreatif dan Inovasi (GPK), KUIS/2021/GPIK-28/GPK/02.

Rujukan

- Adler, M., & Ziglio, E. (1996). *Gazing into the oracle: the Delphi method and its application to social policy and public health*. London: Jessica Kingsley Publishers
- Aplikasi Pintar Bantu Pelancongan. (2017). Retrieved on Sept 19th 2018 from www.sinarharian.com.my/edisi/melaka
- Dalkey, N. C., & Helmer, O. (1963). An experimental application of the Delphi method to the use of experts. *Management Science*, 9(3), 458-467.

- Hutchinson, T., & Waters, A. (1987). *English for Specific Purposes*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2017). *Siaran Akhbar Anggaran Penduduk Semasa, Malaysia, 2016-2017* oleh Dr. Mohd Uzir bin Mahidin; Ketua Perangkawan Malaysia. Retrieved from <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=VUdaQ2tVVjcwTEFU VWp5aTVQbjV1UT09>
- Jones, H. & Twiss, B.L. (1978). *Forecasting Technology For Planning Decisions*. New York: Macmillan.
- Lim Kim Hui dan Har Wai. (2005). *Penterjemahan Mengecilkan yang Luas*. *Majalah Dewan Bahasa*. September.
- Mohammad Imran Ahmad, Mohammad Najib Jaffar, Ghazali Zainuddin, Siti Rosilawati Ramlan. (2019). *Pembinaan Model Keperluan Bahasa Arab untuk Pelancongan Islam di Selangor*. Monograf. Selangor: Pusat Pengurusan Penyelidikan KUIS
- Mohammad Imran, A., & Mohammad Najib, J. (2017). *Model Analisis Keperluan Bahasa Arab Untuk Pelancongan Islam : Kajian Awal Needs Analysis Model Arabic for Islamic Tourism : A Preliminary Study*. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 4(2), 177–191.
- Mohd Ridhuan Mohd Jamil. (2016). *Pembangunan model kurikulum latihan SkiVes bagi program pengajian kejuruteraan pembelajaran berasaskan kerja*. PhD thesis, University of Malaya.
- Nielsen, J. (1994). *10 Heuristics for User Interface Design*. Retrieved 20 October 2020, from <https://www.nngroup.com/articles/ten-usability-heuristics/>
- Richey, Rita C., & Klein, J. D. (2007). *Design and development research: Methods, strategies and issues*. London, UK: Erlbaum.
- Rowe, G., & Wright, G. (2011). *The Delphi technique: Past, present, and future prospects – Introduction to the special issue*. *Technological Forecasting and Social Change*, 78(9), 1487–1490.
- Saedah, S., Norlidah, A., DeWitt, D., & Zaharah, H. (2013). *Design And Developmental Research: Emergent Trends In Educational Research*. Kuala Lumpur: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Selangor.travel | Your Smart Online Travel Guide In Selangor. (2020). Retrieved from <http://www.tourismselangor.my/tourism-selangor-profile/>
- Swanson, R.A. & Falkman, S.K. (1997). *Training delivery Problems and Solutions: Identification of novice trainer problems and expert trainer solutions*. *Human Resource Development Quarterly*, 8 (4), 305-314.
- Valishvili, L. (n.d.). *Design with Precision – An Adobe XD Review*. Retrieved 18 October 2020, from <https://www.toptal.com/designers/adobe/adobe-xd-review>
- Wujud Sistem Aplikasi Pelancongan. (2016). Retrieved on September 9th 2018 from www.sinarharian.com.my/edisi/johor

BAB 7

SOLUSI PARADIGMA PENDEKATAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB DARI PERSPEKTIF MOTIVASI

Mohd Zaki Ahmad,¹ & Ithar Hanani Mohd Zaki²

¹ Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS

² Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM

Pendahuluan

Kedatangan Islam ke tanah Melayu seiring kedatangan bahasa Arab. Ia tidak dapat dipisahkan. Bahasa Arab yang sudah lama bertapak di tanah Melayu ini disebarkan melalui majlis ilmu, pertuturan, perkahwinan dan jual beli. Masyarakat saling bergaul antara satu sama lain dengan menggunakan beberapa perkataan bahasa Arab seperti solat, sultan, ustaz dan lain-lain. Sejarah telah membuktikan perkembangan bahasa Arab adalah bermula dari pondok-pondok dan secara tidak formal. Kemudian, ia berkembang dan tersebar melalui pembelajaran di masjid, madrasah, sekolah rendah, sekolah menengah dan institut pengajian tinggi.

Menurut Nazilah et. al (2017), pengajaran bahasa Arab yang berasaskan sistem pondok dan tidak formal adalah bermula sebelum kemerdekaan tanah Melayu. Kemudian, usaha mengangkat bahasa Arab sebagai bahasa wajib dipelajari telah dilakukan. Buku teks Bahasa Arab diperkenalkan dan usaha memantapkannya dengan penggunaan pendekatan komunikatif bermula pada tahun 1986. Manakala buku panduan bagi guru untuk penggunaan buku teks tersebut ditulis bermula tahun 1988. Proses penulisan buku juga telah dilaksanakan di bawah pengawasan pakar bahasa Arab dari *The Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization* (ISESCO).

Walaupun bagaimanapun, terdapat pelajar yang tidak dapat menguasai pembelajaran bahasa Arab. Masalah yang terjadi akibat tidak dapat menguasai bahasa Arab adalah disebabkan faktor persekitaran, motivasi diri, keinginan diri dan sebagainya. Oleh itu, pengkaji membawakan solusi dalam memotivasikan diri pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab dari perspektif motivasi.

Paradigma Pendekatan Pembelajaran Bahasa Arab

Paradigma bermaksud lingkungan atau batasan pemikiran seseorang pada sesuatu masa yang dipengaruhi oleh pengalaman, pengetahuan, kemahiran dan kesedaran yang ada (Kamus Dewan, 2017). Paradigma juga bererti cara pandang mengenai suatu hal dengan dasar tertentu (Asfi Manzilati, 2017). Ia membawa maksud keterbatasan seseorang dalam memikirkan sesuatu yang disebabkan faktor luaran.

Pembelajaran bahasa Arab adalah pembelajaran bahasa yang sangat unik dan mempunyai ciri-ciri yang tersendiri. Pembelajaran adalah suatu proses belajar (Kamus Dewan, 2017). Pembelajaran merupakan proses kegiatan mengajar dan belajar yang terdiri daripada guru dan murid dengan tujuan memantapkan pemikiran, emosi, moral dan kedewasaan (Maulana Akbar, 2020). Oleh itu, guru juga perlu mewujudkan suasana yang dapat merangsang minat pelajar terhadap pembelajaran tersebut agar pengajaran dan pembelajaran menjadi aktif dan berkesan.

Tugas mengajar dan mendidik adalah satu tugas yang amat mulia dan ia merupakan kesinambungan amalan Rasulullah SAW. Walau bagaimanapun, guru menghadapi pelbagai cabaran dalam berhadapan dengan tingkah laku pelajar. Oleh itu, guru memerlukan strategi pendekatan yang berkesan dalam pembelajaran bahasa Arab. Pembelajaran yang berkesan terhadap pelajar akan membawa kepada perubahan perilaku yang baik. Ia juga akan menghasilkan pembelajaran yang positif dan berkesan. Terdapat pelbagai cabaran yang datang daripada pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab seperti minat, keyakinan, motivasi dalam dan luaran, sikap dan persepsi. Justeru itu, guru perlu merancang solusi dengan baik agar dapat mengatasi masalah ini.

Terdapat pembelajaran yang berkesan dan ada juga yang tidak berkesan. Kegagalan ini adalah disebabkan kurangnya penekanan terhadap kognitif, psikomotor, psikologi dan afektif pelajar. Penerapan aspek psikologi seperti motivasi mampu menjadi pendorong dalam proses pembelajaran bahasa Arab di kalangan pelajar. Melalui dorongan motivasi yang efektif, sudah pasti akan mendorong dan merangsang pembelajaran bahasa Arab sekaligus sebagai alternatif untuk menyelesaikan masalah kemerosotan pencapaian mata pelajaran bahasa Arab serta mengatasi kelesuan bagi kelangsungan proses pembelajaran bahasa itu.

Di samping itu, pendekatan motivasi dalam pembelajaran bahasa Arab merupakan suatu dorongan dan tindak balas yang boleh merangsang pelajar untuk melibatkan diri secara aktif. Ini akan memberi kesedaran dan pengetahuan kepada para pelajar dan guru tentang pentingnya penggunaan pendekatan motivasi untuk membangkitkan keinginan, minat dan rasa keperluan terhadap pembelajaran bahasa Arab dan sekaligus akan mencapai matlamat pembelajaran. Bahasa Arab perlu mendapat perhatian dan penekanan kerana belajar bahasa Arab bukanlah sesuatu yang mudah apatah lagi untuk memahaminya (Wakhidati & M. Agung, 2022). Namun ia bukanlah suatu yang mustahil untuk dikecapi. Ia memerlukan usaha yang jitu daripada para guru dalam memberikan sepenuh tenaga dalam pengajaran bahasa Arab dan usaha dari pelajar untuk lebih berusaha.

Motivasi

Motivasi secara umumnya dianggap sebagai keinginan yang kukuh atau semangat yang kuat pada diri seseorang yang mendorongnya untuk berusaha atau melakukan sesuatu dengan tujuan untuk mencapai kejayaan dan dorongan yang timbul pada diri seseorang secara sedar atau tidak sedar untuk melakukan sesuatu tindakan dengan tujuan tertentu. Motivasi juga merujuk kepada satu kuasa dalaman dan luaran yang menggerakkan tingkah laku pelajar atau apa sahaja yang berkaitan dengan proses dan prinsip pembelajaran bahasa Arab dalam menghasilkan bentuk, arah, dan tujuan dalam tempoh pembelajaran yang dilalui oleh pelajar.

Istilah motivasi berasal daripada perkataan Latin *movere* yang bermakna bergerak. Dalam Kamus Besar Arab-Melayu (2006:755) pula, motivasi disebut dengan kata tunggal *dafi*’ dan kata jamak pula *dawafi*’ yang bererti dorongan. Selain itu, menurut Muhammad Yusuf et. al (2022) motivasi merupakan suatu usaha yang dilaksanakan secara sedar dengan tujuan menjaga perilaku pelajar agar mereka lebih giat dalam menjalankan pembelajaran sehingga membolehkan hasil yang baik. Motivasi juga berperanan penting dalam dunia pembelajaran kerana ia adalah sebagai acuan dalam menggerakkan psikologi pelajar sehingga mampu menimbulkan keinginan untuk belajar.

Kamus Dewan Edisi Keempat (2017) pula mendefinisikan motivasi sebagai keinginan yang keras atau semangat yang kuat pada diri seseorang yang mendorongnya untuk berusaha atau melakukan sesuatu dengan tujuan untuk mencapai kejayaan serta sikap terhadap pembelajaran sesuatu bahasa merupakan faktor penting yang menentukan kejayaan seseorang pelajar yang mempelajari sesuatu bahasa.

Seterusnya, Almi Ranti et. al (2022) telah mendefinisikan motivasi sebagai dorongan mental yang menggerakkan dan mengarahkan perlakuan manusia dalam mencapai tujuan yang diinginkan. Motivasi akan meningkatkan semangat dalam belajar sehingga mampu menghasilkan hasil baik yang optimum terhadap diri pelajar. Motivasi seseorang pelajar hendaklah dibangkitkan dengan usaha guru, keluarga, masyarakat dan paling penting adalah datang dari dalam diri mereka.

Daripada pandangan-pandangan dan pengertian di atas, konsep motivasi boleh digambarkan sebagai sebuah kitaran yang terdapat pada Rajah 1.



Rajah 1
Lingkaran Konsep Motivasi
(Sumber: Rohaty Mohd. Majzub)

Rajah 1 menunjukkan sebuah lingkaran konsep motivasi yang bermula daripada pelbagai keperluan, kemahuan, atau keinginan yang mengakibatkan timbul desakan motif dalam diri individu. Desakan pula menghasilkan ketegangan dan kerisauan. Ketegangan melahirkan tingkah laku bermotivasi yang akan mengarah kepada sesuatu matlamat tertentu. Pencapaian matlamat akan memenuhi keperluan dan menghasilkan kepuasan. Apabila seseorang pelajar sampai kepada matlamatnya dia akan mendapat peneguhan. Peneguhan akan membuatkan motivasi pelajar dirangsang dengan ransangan positif agar terus mengejar kecemerlangan hidup.

Tujuan Motivasi

Antara tujuan utama mengkaji motivasi adalah seperti berikut:

- i- Membina dan menghasilkan teori-teori dan prinsip-prinsip yang menjadi asas kepada motivasi untuk memahami tingkah laku pelajar dalam bidang pendidikan.
- ii- Penyelidikan motivasi dalam profesionalisme pendidikan menambah pengetahuan kepada pendidik mengenai proses pengajaran dan pembelajaran yang kondusif. Begitu juga motivasi mendapat input daripada psikologi pendidikan.
- iii- Motivasi dalam pembelajaran bahasa menggalakkan penyelidikan sesuatu isu secara saintifik. Pendidik boleh membuat keputusan mengenai sesuatu dorongan pelajar secara lebih objektif dan sistematik.

Solusi Pendekatan Pembelajaran Bahasa Arab dari Perspektif Motivasi

Terdapat beberapa solusi yang boleh digunakan dalam pendekatan pembelajaran bahasa Arab dari perspektif motivasi iaitu (i) behaviourisme, (ii) kognitivisme, (iii) humanistik, (iv) pembelajaran sosial dan (v) holistik.

a) Pendekatan Behaviourisme

Paradigma pendekatan behaviourisme berpendapat pembelajaran adalah berkaitan dengan perubahan tingkah laku (Mohd Zaki Ahmad, 2009). Pendekatan behaviourisme memfokuskan kepada rangsangan dan tindak balas yang menghasilkan perubahan tingkah laku manusia. Ia juga melibatkan bidang psikologi, sosiologi dan ilmu tingkah laku. Pembelajaran melalui pendekatan behaviourisme diertikan sebagai proses perubahan tingkah laku yang dilalui dalam tempoh yang lama hasil dari pengalaman (Nurul Ainny et. al, 2022).

Konsep motivasi dalam konsep ini dikaitkan dengan prinsip ganjaran, peneguhan, insentif dan hukuman sebagai motivasi dalam proses pembelajaran bahasa Arab. Ganjaran ialah objek atau situasi yang menarik yang diperoleh hasil daripada sesuatu perbuatan atau tingkah

laku. Peneguhan adalah situasi yang mengukuhkan tingkah laku agar berkelakuan seperti sepatutnya.

Insentif pula ialah objek atau situasi yang menggalakkan atau tidak menggalakkan tingkah laku itu diulang. Misalnya, janji pihak sekolah untuk menganugerahkan hadiah dan wang ringgit kepada pelajar yang mendapat gred A bagi mata pelajaran Bahasa Arab adalah satu insentif kepada pelajar dan satu ganjaran atas usaha yang gigih pelajar sendiri.

b) Pendekatan Kognitivisme

Pendekatan ini menunjukkan bahawa keinginan mengekalkan imej sendiri dalam pembelajaran bahasa Arab merupakan satu kuasa motivasi yang kental. Kebanyakan tingkah laku seseorang pelajar adalah bertujuan untuk mengekalkan standard yang dikenakan pada diri pelajar itu sendiri. Pendekatan ini juga hasil daripada rasa tidak puas hati terhadap pendekatan behaviourisme. Ahli-ahli pendekatan ini percaya bahawa setiap tindakan seseorang pelajar dalam proses pembelajarannya adalah ditentukan oleh pemikiran, bukan hanya disebabkan pemberian ganjaran atau dihukum dengan melakukan perbuatan itu.

Oleh itu, apa sahaja usaha dan tindakan yang diambil oleh pelajar tersebut dalam pembelajaran bahasa Arab adalah dianggap sebagai hasil daripada perancangan, matlamat, skema, pengharapan dan atribusi. Pelajar juga lebih mampu mengingat dan memahami sesuatu pembelajaran bahasa Arab dengan menyusun maklumat melalui gambar, simbol dan verbal. Memahami pembelajaran bahasa Arab itu lebih penting berbanding menghafalnya. Menurut Nurhadi (2020), pembelajaran melalui pendekatan kognitivisme mengatakan bahawa tingkah laku seseorang itu ditentukan oleh pandangan dan pemahamannya terhadap tujuan belajar itu sendiri.

c) Pendekatan Humanistik

Pendekatan humanistik menunjukkan bahawa keinginan intrinsik seseorang pelajar itu adalah digerakkan oleh keperluan untuk mencapai dorongan realisasi-diri self-actualisation (Ainon Mohd. 2003 : 92) , inborn actualizing tendency atau keperluan kepada self-determination (Deci & Ryan dalam Saedah Siraj et. al. 1996 : 8). Tujuan belajar menggunakan pendekatan humanistik adalah bagi memansuikan manusia (Aam Amalia, 2019).

Pada asasnya pendekatan ini berpegang kepada kepercayaan bahawa seseorang pelajar dilahirkan dengan keinginan untuk berusaha memenuhi potensi yang ada pada mereka. Selain itu, pelajar juga merasakan mereka cenderung bergerak ke arah perkembangan bagi menuju kesempurnaan sendiri. Dalam pendekatan ini, memotivasikan pelajar Bahasa Arab dalam pembelajarannya bermakna memberi rangsangan kepada sumber dalaman yang ada pada diri mereka seperti rasa harga diri, kompeten diri, autonomi, dan pemenuhan sendiri.

d) Pendekatan Pembelajaran Sosial

Pendekatan ini adalah gabungan antara pendekatan behaviourisme dan kognitivisme. Ia mengambil kira penekanan ahli behaviourisme ke atas kesan atau hasil sesuatu tingkah laku dan minat pelajar. Manakala ahli kognitif pula memberi penekanan terhadap impak hasil kepercayaan dan pengharapan seseorang pelajar itu. Pendekatan ini bermakna motivasi adalah gabungan antara dua kekuatan iaitu pengharapan seseorang pelajar itu untuk sampai ke matlamat yang ditujunya dan nilai matlamat itu untuk dirinya.

Dalam kata lain, pendekatan motivasi ini adalah merupakan gabungan antara dua elemen penting iaitu kejayaan dan kebahagiaan hidup. Justeru itu, seandainya salah satu daripadanya tidak wujud dalam pembelajaran bahasa Arab, kemungkinan motivasi untuk berusaha mencapai matlamat pembelajaran bahasa itu akan menjadi lemah dan tidak signifikan lagi.

e) Pendekatan Holistik

Pendekatan motivasi ini membincangkan tingkah laku seseorang pelajar ke arah persaingan untuk mencapai standard keperluan holistik dari segi agama, diri dan kecemerlangan dunia dan akhirat melalui medium pembelajaran bahasa Arab. Dalam erti kata lain, seseorang pelajar yang mempunyai motivasi ini akan mendapat prestasi cemerlang dalam pembelajarannya di dunia dan akhirat.

Oleh itu, dorongan yang paling efektif dalam motivasi ini bagi seseorang pelajar datang dari sumber yang otentik iaitu al-Quran al-Karim. Maka adalah tidak logik bagi seseorang pelajar mencari pendekatan yang bersifat simplistik sahaja untuk membangun motivasi dan dorongannya terhadap pembelajaran bahasa Arab. Oleh kerana pelajar dan Bahasa Arab adalah hasil ciptaan Rabb kepada alam ini, maka Dialah yang lebih mengetahui hasil ciptaan-Nya.

Jadual 1
Rumusan Motivasi dan Pendekatan Pembelajaran
Diubahsuai dari Woolfolk, 1998.

	Behaviouristik	Humanistik	Kognitivisme	Pembelajaran Sosial	Holistik
Sumber Motivasi	Rangsangan Ekstrinsik	Rangsangan Intrinsik	Rangsangan Intrinsik	Rangsangan Intrinsik dan Ekstrinsik	Rangsangan Iman dan Akidah
Rangsangan Penting	Ganjaran, Insentif dan hukuman	Keperluan harga diri, pemenuhan sendiri dan kekuatan diri	Kepercayaan, ciri-ciri kejayaan dan kegagalan, serta pengharapan	Pengharapan dan nilai sesuatu matlamat yang hendak dicapai	Keyakinan, berusaha, dan bertawakal, serta redha Allah SWT di dunia dan akhirat
Pelopop Teori	Skinner	Maslow, Deci	Weiner, Covington	Bandura	Rasulullah SAW

Rajah 1: Menunjukkan rumusan perbezaan antara motivasi dan pendekatan pembelajaran yang menghuraikan secara ringkas berkenaan dengan sumber motivasi, rangsangan penting bagi motivasi dan pelopor teori.

Kesimpulan

Tuntasnya, solusi paradigma pendekatan pembelajaran bahasa Arab menurut perspektif motivasi adalah dengan menggunakan motivasi behaviourisme, kognitivisme, humanistik, pembelajaran sosial dan holistik. Hal ini jelas menunjukkan pelbagai pendekatan melalui perspektif motivasi dapat digunakan ketika berhadapan dengan pelajar dalam mengajar mata pelajaran Bahasa Arab.

Motivasi yang berterusan dan baik akan mampu mengekalkan prestasi dan tumpuan pelajar terhadap pembelajarannya. Selain itu, motivasi ini juga membantu pelajar memahami ciri-ciri pertumbuhan dan perkembangan diri mereka dan mengarahkan motif tingkah laku yang positif. Melalui pendekatan motivasi juga, pelajar dapat merancang matlamat dan objektif pembelajaran yang sesuai dengan kemampuan mereka agar dapat mencapai kecemerlangan dunia dan akhirat.

Rujukan

- Aam Amalia. (2019). *Aplikasi Teori Kebutuhan Maslow dalam Pembelajaran Bahasa Arab (implementasi pendekatan humanistik)*. Edulab: Majalah Ilmiah Laboratorium Pendidikan 4(2): 25-41.
- Ainon Mohd. (2003). *Teori Motivasi di Tempat Kerja*. Bentong: Pts Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Almi Ranti Datu, Hetty Julita Tumurang dan Juliana Margareta Sumilat. (2022). Pengaruh Motivasi Belajar Terhadap Hasil Belajar Siswa Di Tengah Pandemi Covid-19. *Jurnal Basicedu* 6(2): 1959-1965.
- Asfi Manzilati. (2017). *Metodologi Penelitian Kualitatif: Paradigma Metode dan Aplikasi*. Malang: Universitas Brawijaya Press (UB Press).
- Kamus Dewan Bahasa. (2017). *Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maulana Akbar Sanjani. 2020. Tugas dan peranan guru dalam proses peningkatan belajar mengajar. *Jurnal Serunai Ilmu Pendidikan* 6(1): 35-42.
- Muhammad Yusuf Salam, Adam Mudinillah dan Annisa Agustina. (2022) Aplikasi Quizizz Berpengaruh Atau Tidak Untuk Meningkatkan Motivasi Belajar Dan Hasil Belajar Siswa. *Jurnal Basicedu* 6(2): 2738-2746.
- Nazilah Mohamad, Siti Zanariah Yusoff, Nor Hafizah Abdullah dan Sharipah Nur Mursalina Syed Azmy. (2017). Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab: Tinjauan Awal Peringkat Sekolah Rendah Terengganu. *Seminar Kebangsaan Bahasa dan Kesusasteraan Arab*: 948-955.
- Nurhadi. (2020). Teori Kognitivisme Serta Aplikasinya dalam Pembelajaran. *Jurnal Edukasi dan Sains* 2(1): 77-95.
- Nurul Ainiy, Siti Maisaroh dan Muhammad Salim Akbar. (2022). Teori Behavioris-Strukturalis dan Penerapannya dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Ilmu Bahasa Arab dan Pembelajarannya* 12(1): 41-56.
- Mohd Zaki Ahmad. (2009) *Motivasi dalam Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama*. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Osman Hj. Khalid et. al. (2006). *Kamus Besar Arab-Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rohaty Mohd. Majzub. (1992). *Psikologi Perkembangan Untuk Bakal Guru*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Wakhidati Nurrohman Putri dan M. Agung Hidayatulloh. (2022). Manajemen Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Meningkatkan Kemahiran Berbahasa Arab Peserta Didik Mts N4 Sragen. *Jurnal Pendidikan Bahasa Arab* 5(1): 1-11.

BAB 8

TERJEMAHAN *MAF'UL LIAJLIH* DALAM SURAH AL-ISRA': ANALISIS PERBANDINGAN TERJEMAHAN TAFSIR PIMPINAN AR- RAHMAN DAN TAFSIR QURAN KARIM

Nur Arisyah Hazman & Mohamad Syukri Abdul Rahman

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Pendahuluan

Al-Quran ialah *kalamullah* yang mengandungi mukjizat, diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan Jibril A.S, ditulis dalam mashaf, dipindahkan kepada kita secara *mutawatir*¹ dan menjadi ibadat dengan membacanya. Susunan al-Quran terdiri daripada cantuman 28 huruf Hijaiyah yang mana keseluruhan al-Quran mengandungi 323,671 huruf, 77,437 kalimah, 6236 ayat, 114 surah, 30 juzuk, 60 *hizib* dan 240 *maqra'* (Ahkam al-tajwid wa fada'il al-Quran, 2013).

Bagi masyarakat Melayu Islam yang tidak ada latar belakang pengetahuan dalam Bahasa Arab, membaca dan merujuk kepada terjemahan makna al-Quran dalam Bahasa Melayu merupakan salah satu usaha untuk memahami isi kandungan dan mesej yang terdapat dalam al-Quran. Apa sahaja yang dipaparkan dalam teks terjemahan yang mereka baca akan memberi kesan kepada tahap pemahaman mereka pada mesej al-Quran. Tahap pemahaman pembaca teks terjemahan secara signifikannya akan dipengaruhi oleh unsur linguistik yang terkandung dalam teks sasaran yang menjadi rujukan mereka. Oleh itu teks terjemahan makna al-Quran mestilah betul dari segi linguistiknya agar makna dapat disampaikan kepada pembaca dengan tepat (Nasimah Abdullah, 2015).

Sehubungan dengan itu, penyelidik memilih tajuk Terjemahan *Maf'ul Liajlib* dalam Surah Al-Isra': Analisis Perbandingan Terjemahan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman dan Tafsir Quran Karim sebagai topik kajian. Untuk tujuan tersebut, penyelidik mengambil sampel kajian sebanyak 6 ayat dari Surah Al-Isra'. Selepas itu, penyelidik menentukan jenisnya dan menganalisis kesemua sampel tersebut dengan melihat kepada kesepadanan terjemahan bagi *maf'u'l liajlib*.

Berdasarkan semakan pengkaji tidak terdapat kajian sebelum ini berkaitan terjemahan *Maf'ul Liajlib* dalam al-Quran. Namun begitu, terdapat kajian yang berbentuk kajian tafsir iaitu kajian yang ditulis oleh Ulwan & Adib Muhammad (2020) yang bertajuk “المفعول لأجله ومعانيه في (سورة البقرة دراسة تحليلية تفسيرية)”. Tujuan kajian ini untuk mengetahui berapa jumlah ayat yang mengandungi *maf'ul Liajlib sharib* dan *maf'ul liajlib ghairu sharib* pada surah Al-Baqarah serta mengetahui makna-makna *maf'ul liajlib* pada surah Al-Baqarah.

Pengenalan *Maf'ul Liajlih*

Pengertian *Maf'ul li ajlih* dalam bahasa arab ialah “المفعول لأجله وهو الإسم المنصوب الذي يذكر بيانا” “*الفعل* .” yang membawa maksud *maf'ul li ajlih* adalah *isim* yang *dinashab* yang dinyatakan sebagai penjelasan bagi penyebab terjadinya *fi'il* (perbuatan) (Anwar & Moch, 2018). *Maf'ul li ajlih* disebut juga dengan *maf'ul min ajlih* (المفعول من أجله) dan *maf'ul lahu* (المفعول له), menurut istilah ahli nahwu adalah ungkapan tentang *isim mansub* yang disebutkan sebagai sebab dilakukannya *fi'il* (Muhammad Muhyiddin Abdul Hamid,1994). *Maf'ul liajlih* digunakan sebagai jawapan atas pertanyaan *لِمَا* atau *لِمَاذَا* bermaksud "mengapa" seolah-olah ada pertanyaan "mengapa anda membaca begitu banyak buku?" jawapan yang menggunakan *maf'ul liajlihi* adalah "Saya membaca banyak buku kerana saya suka dengan ilmu" ungkapan "kerana suka" adalah apa yang diposisikan sebagai *maf'ul liajlihi*. Dalam ayat Arab soalan dan jawapan yang disebutkan di atas adalah:

(س) لِمَاذَا تَقْرَأُ الْكُتُبَ الْكَثِيرَةَ ؟
(ج) أَقْرَأُ الْكُتُبَ الْكَثِيرَةَ حُبًّا لِلْعِلْمِ

Fi'il yang dimaksud dalam hal ini (Rappe, 2019)

Jenis *Maf'ul Liajlih*

Mengikut Abas Hassan (2007) *Maf'ul Liajlih* terbahagi kepada tiga jenis:

- i. Jenis Pertama: Yang terlepas dari “alif lam” *ta'rif* dan *idhofah*, dan menjadi *mansub*

Contoh: سافر علس سعيًا خلفَ الرزقِ

- ii. Jenis Kedua: *Mudhof* (dan menjadi *mansub* dan *majrur*)

Contoh: أَكَلْتُ خَشِيَّةَ الْجُوعِ:

- iii. Jenis Ketiga: Bersambung dengan “alif lam” *taarif* , dan menjadi *majrur*

Contoh: زرثُ المريضِ لِلْأَطْمِنَانِ عَلَيْهِ:

Syarat-Syarat *Isim* Dijadikan Sebagai *Maf'ul Liajlih*

- i. Harus *mashdar*,
- ii. Harus berupa *mashdar qalbi*, yang dimaksudkan dengan *mashdar qalbi* adalah kata itu tidak menunjukkan perbuatan yang dilakukan oleh anggota badan seperti tangan atau lisan, misalnya membaca dan memukul tapi dilakukan oleh perbuatan hati seperti rasa takut, cinta dan sopan;

- iii. Harus sebagai alasan (sebab) dari apa yang sebelumnya (sebab dilakukan fi'il yang disebutkan sebelumnya),
- iv. *Amil* dan *isimnya* itu harus satu dalam hal waktu. *Amil* dalam hal ini adalah *fi'il madhi* atau *fi'il mudhari'*. *Fi'il madhi* adalah kata kerja yang telah dilakukan di masa/waktu lampau, sedangkan *fi'il mudhari'* adalah kata kerja yang sedang atau akan dilakukan;
- v. *Isim* dan *amilnya* harus satu pula dengan *fa'ilnya* (Mustafa, 2016).

Sorotan Tafsir

i. Sorotan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Oleh Syeikh Abdullah Basmeih

Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian Al-Quran adalah tafsir yang telah dihasilkan oleh Abd Rahman Basmeih. Menurut (Subhi, 2013), tafsir ini digunakan secara meluas dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Tafsir ini telah banyak diulang cetak dari tahun 1982 hingga 2010. Dalam menterjemah makna al-Quran, beliau merujuk tafsir-tafsir yang muktabar sama ada yang berbahasa Arab Melayu dan Indonesia, seperti Jami' al Bayan oleh al-Tabari, Tafsir Al-Quran al-'Azim oleh Ibn Kathir, Tafsir al-Ruh al-Ma'ani oleh al-Alusi dan lain-lain. Selain itu, kitab hadith dan juga kamus Arab digunakan sebagai panduan menterjemah ayat-ayat al-Quran seperti Fath al-Bari oleh Ibn Hajar al-Asqalani dan lain-lain.

Dalam kajian Brahim (2018), yang mengkaji *manhaj* pentafsiran Abdullah Basmeih mendapati bahawa dalam proses menterjemah, beliau mentafsir dengan dua bentuk pentafsiran iaitu Tafsir bi al-Matsur dan Tafsir bi Al-Ra'yi.

ii. Sorotan Tafsir Quran Karim Oleh Prof. Dr. H. Mahmud Yunus

Tafsir Qur'an Karim adalah sebuah karya tafsir yang ringkas berbahasa Indonesia yang ditulis menggunakan tulisan Rumi. Menurut Mahmud Yunus, Tafsir Quran Karim merupakan hasil penyelidikannya selama kurang lebih 53 tahun, yaitu sejak penulisnya berusia 20 tahun hingga 73 tahun. Dalam tempoh ini, Mahmud Yunus menghadapi tentangan dari pelbagai pihak agar usahanya dihentikan. Dua ulama besar dari Yogyakarta dan Jatinegara, pernah melakukan protes tertulis agar apa yang diusahakan Mahmud Yunus dihentikan. Protes itu disampaikan kepada Menteri Agama (Wahid Hasyim) dan Presiden Republik Indonesia ketika itu (Soekarno). Namun, ianya tidak mematahkan keteguhan Mahmud Yunus. Mahmud Yunus mula menterjemahkan al-Quran ke dalam bahasa Indonesia sejak 1922. Namun, usaha awal ini dilakukan melalui tulisan dalam majalah untuk bacaan orang ramai. Dari itu, ia telah diterbitkan secara berkala melalui beberapa siri. Walaupun demikian, usaha ini tergendala seketika apabila Mahmud Yunus menyambungkan pengajian beliau di Mesir pada tahun 1924M. Usaha ini tergendala selama 11 tahun sehingga beliau menamatkan pengajian di sana pada bulan Ramadan 1354H/ Disember 1936M dan pulang ke Indonesia semula. Apabila telah pulang ke Indonesia, beliau berusaha untuk menyambung semula usaha pentafsiran yang telah ditinggalkan selama 11 tahun itu. Dalam menulis tafsir ini, Mahmud Yunus telah menerima bantuan dari H.M.K. Bakry dan H. Ilyas Mohammad Ali. H. Ilyas membantu beliau dalam menulis Juz 4 manakala H.M.K Bakry membantu dalam terjemahan Juz 7 sehingga Juz 188. Tafsir Quran Karim telah disempurnakan oleh penyusun pada bulan April tahun 1938M dan dikeluarkan dengan terbitan

pertama pada 21 Rabi'ul Awal 1357H bersamaan 21 Mei 1938M (Muhammad Arif Musa et al., 2019).

Analisis Terjemahan Dan Perbincangan

Kertas kerja ini memfokuskan kajian berkaitan terjemahan ayat berunsur *Maf'ul Liajlib* dalam Surah Al-Isra'. Untuk menelusuri terjemahan gaya bahasa *Maf'ul Liajlib* dalam al-Quran, perbandingan dilakukan antara dua (2) terjemahan al-Quran iaitu yang diterjemahkan oleh Mahmud Yunus (2008) dan Abdullah Basmeih (2010). Perbandingan adalah untuk melihat pendekatan penterjemah menyampaikan maksud ayat tersebut. Data Bahasa sumber yang mengandungi *Maf'ul Liajlib* akan ditanda dengan **garisan** di bawah. Penulis mengemukakan enam (6) terjemahan ayat al-Quran dalam Surah al-Isra' yang mengandungi unsur *maf'ul liajlib* sebagaimana berikut:

- a) *Maf'ul Liajlib*
Terdapat beberapa *Maf'ul Liajlib* dalam surah al-Isra' antaranya:
- i) Surah al-Isra' (28)

وَأَمَّا تَعْرِضْنَ عَنْهُمْ <u>اِبْتِغَاءَ</u> رَحْمَةٍ مِنْ رَبِّكَ تَرْجُوهَا فَقُلْ لَهُمْ قَوْلًا مَيْسُورًا	
TAFSIR PIMPINAN AR-RAHMAN	TAFSIR QURAN KARIM
28. Dan jika engkau terpaksa berpaling - tidak melayani mereka, <u>kerana menunggu</u> rezeki dari Tuhanmu yang engkau harapkan, maka katakanlah kepada mereka kata-kata yang menyenangkan hati.	28. Dan jika engkau berpaling dari mereka (tidak sanggup memberinya, <u>kerana mencari</u> rezeki Tuhanmu yang engkau harapkan, maka katakanlah kepada mereka perkataan yang lemah lembut.

Perkataan (اِبْتِغَاءَ) dalam ayat ini merupakan *maf'ul liajlib* iaitu dinyatakan sebagai penjelasan bagi penyebab terjadinya *fi'il* (perbuatan). *Maf'ul liajlib* (اِبْتِغَاءَ) dalam ayat tersebut merujuk kepada kerana menunggu rezeki. Dua teks terjemahan ini menggunakan pendekatan terjemahan yang sama dimana kedua-dua penterjemah telah menterjemahkan *maf'ul liajlib* dengan menjelmykannya secara jelas. Namun, terjemahan Mahmud Yunus menterjemahkan perkataan (اِبْتِغَاءَ) kepada **'kerana mencari'** manakala Terjemahan Abdullah Basmeih pula menterjemahkannya **'kerana menunggu'**. Ini menunjukkan bahawa ianya berbeza dari sudut pemilihan perkataan. Walaubagaimanapun, kedua-dua penterjemahan mengintepretasikan terjemahan *maf'ul liajlib* dengan baik.

- ii) Surah Al-Isra' (31)

وَلَا تَقْتُلُوا <u>أَوْلَادَكُمْ</u> حَشِيَّةَ <u>إِمْلَاقٍ</u> ^{طَنَحُ} نَزْرُفُهُمْ وَإِيَّاكُمْ ^{طَنَحُ} إِن قَتَلْتُمْ كَان حِطْئًا كَبِيرًا

TAFSIR PIMPINAN AR-RAHMAN	TAFSIR QURAN KARIM
31. Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu <u>kerana takutkan</u> kepapaan; Kamilah yang memberi rezeki kepada mereka dan kepada kamu. Sesungguhnya perbuatan membunuh mereka adalah satu kesalahan yang besar.	31. Dan janganlah kamu bunuh anak-anakmu, <u>kerana takut</u> kemiskinan. Kami memberi rezeki mereka dan rezekimu. Sesungguhnya membunuh mereka satu dosa besar.

Perkataan (حَشِيَّةً) dalam ayat ini merupakan *maf'ul liajlib* iaitu dinyatakan sebagai penjelasan bagi penyebab terjadinya *fi'il* (perbuatan). *Maf'ul liajlib* (حَشِيَّةً) dalam ayat tersebut merujuk kerana takut akan kemiskinan. Dua teks terjemahan ini menggunakan pendekatan terjemahan yang sama dimana kedua-dua penterjemah telah menterjemahkan *maf'ul liajlib* dengan menjelmakannya secara jelas. Namun, terjemahan Mahmud Yunus menterjemahkan perkataan (حَشِيَّةً) kepada **'kerana takut'** manakala Terjemahan Abdullah Basmeih pula menterjemahkannya **'kerana takutkan'**. Ini menunjukkan bahawa ianya berbeza dari sudut imbuan akhiran (-an). Walaubagaimanapun, kedua-dua penterjemahan mengintepretasikan terjemahan *maf'ul liajlib* dengan baik.

iii) Surah Al-Isra' (59)

<p>وَمَا مَنَعَنَا أَنْ نُرْسِلَ بِالْآيَاتِ إِلَّا أَنْ كَذَّبَ بِهَا الْأَوَّلُونَ ط وَأَتَيْنَا ثَمُودَ النَّاقَةَ مُبْصِرَةً فَظَلَمُوا بِهَا ط وَمَا نُرْسِلُ بِالْآيَاتِ إِلَّا تَخْوِيفًا.</p>	
TAFSIR PIMPINAN AR-RAHMAN	TAFSIR QURAN KARIM
59. Dan tiada yang menghalang Kami dari menghantar turun mu'jizat yang mereka minta itu melainkan kerana jenis mu'jizat itu telah didustakan oleh kaum-kaum yang telah lalu; dan di antaranya Kami telahpun memberikan kepada kaum Thamud unta betina sebagai mu'jizat yang menjadi keterangan yang nyata, lalu mereka berlaku zalim kepadanya; dan biasanya Kami tidak menghantar turun mu'jizat-mu'jizat itu melainkan <u>untuk menjadi amaran</u> (bagi kebinasaan orang-orang yang memintanya kalau mereka tidak beriman).	59. Dan tiada yang menghalang Kami untuk mengirinkan ayat-ayat (mukjizat kepada Muhammad), melainkan kerana didustakan juga mukjizat itu oleh orang-orang dahulu. Dan Kami berikan kepada Thamud unta, sebagai keterangan, tetapi mereka menzaliminya, Kami tidak mengirim ayat-ayat itu kecuali <u>untuk menakutkan</u> .

Perkataan (تَحْوِيًّا) dalam ayat ini merupakan *maf'ul liajlib* iaitu dinyatakan sebagai penjelasan bagi penyebab terjadinya *fi'il* (perbuatan). *Maf'ul liajlib* (تَحْوِيًّا) dalam ayat tersebut merujuk kepada untuk menakutkan. Dua teks terjemahan ini menggunakan pendekatan terjemahan yang sama dimana kedua-dua penterjemah telah menterjemahkan *maf'ul liajlib* dengan menjelmakannya secara jelas. Namun, terjemahan Mahmud Yunus menterjemahkan perkataan (تَحْوِيًّا) kepada ‘**untuk menakutkan**’ manakala Terjemahan Abdullah Basmeih pula menterjemahkannya kepada ‘**untuk menjadi amaran**’. Ini menunjukkan bahawa ianya berbeza dari sudut pemilihan perkataan. Walaubagaimanapun, kedua-dua penterjemahan mengintepretasikan terjemahan *maf'ul liajlib* dengan baik.

iv) Surah Al-Isra'(64)

<p>وَاسْتَفْرِزْ مَنْ اسْتَطَاعَتْ مِنْهُمْ بِصَوْتِكَ وَأَجْلِبْ عَلَيْهِمْ بِخَيْلِكَ وَرَجِلِكَ وَشَارِكِهِمْ فِي الْأَمْوَالِ وَالْأَوْلَادِ وَعَدْتَهُمْ^ص وَمَا يَعِدُهُمُ الشَّيْطَانُ إِلَّا غُرُورًا.</p>	
<p>TAFSIR PIMPINAN AR-RAHMAN</p>	<p>TAFSIR QURAN KARIM</p>
<p>64. Dan desak serta pujuklah sesiapa yang engkau dapat memujuknya dengan suaramu; dan kerahlah penyokong-penyokongmu yang berkuda serta yang berjalan kaki untuk mengalahkan mereka; dan turut-campurlah dengan mereka dalam menguruskan harta-benda dan anak-anak (mereka) (657); dan janjikanlah mereka (dengan janji-janjimu)". Padahal tidak ada yang dijanjikan oleh Syaitan itu melainkan <u>tipu daya semata-mata</u>.</p>	<p>64. Dan gerakkanlah orang yang engkau kuasai di antara mereka dengan suara engkau dan kerahlah kepada mereka askar engkau yang berkuda dan yang berjalan kaki dan syarikatilah mereka pada harta dan anak-anak dan janjikanlah kepada mereka. Tiada yang dijanjikan syaitan kepada mereka, melainkan <u>(semata-mata) tipuan</u>.</p>

Perkataan (غُرُورًا) dalam ayat ini merupakan *maf'ul liajlib* iaitu dinyatakan sebagai penjelasan bagi penyebab terjadinya *fi'il* (perbuatan). *Maf'ul liajlib* (غُرُورًا) dalam ayat tersebut merujuk kepada tipu daya semata-mata. Dua teks terjemahan ini menggunakan pendekatan terjemahan yang sama berkaitan dengan *maf'ul liajlib*. Namun terjemahan Mahmud Yunus menterjemahkan perkataan (غُرُورًا) kepada ‘**semata-mata tipuan**’ manakala Terjemahan Abdullah Basmeih menterjemahkan perkataan (غُرُورًا) kepada ‘**tipu daya semata-mata**’. Ini menunjukkan kedua-dua terjemahan tidak menterjemahkan secara *lafzi* seolah-olah kedua-dua terjemahan ini tidak menterjemahkan unsur *maf'ul liajlib* yang memberi maksud (kerana ataupun untuk). Walaubagaimanapun, dari segi konteks kedua-dua penterjemahan tersebut dapat menterjemahkan maksud ayat tersebut dengan baik seolah-olah ianya tidak menghilangkan nilai *maf'ul liajlib*. Oleh

itu, penterjemahan tersebut dapat mencapai maksud yang tersirat dengan baik dan dapat difahami oleh para pembaca.

v) Surah Al-Isra' (87)

إِلَّا رَحْمَةً مِنْ رَبِّكَ ^ط إِنَّ فَضْلَهُ كَانَ عَلَيْكَ كَبِيرًا.	
TAFSIR PIMPINAN AR-RAHMAN	TAFSIR QURAN KARIM
87. (Tetapi kekalnya Al-Qur'an itu) hanyalah <u>sebagai rahmat</u> dari Tuhanmu; sesungguhnya limpah kurniaNya kepadamu (wahai Muhammad) amatlah besar.	87. Kecuali <u>rahmat</u> dari Tuhanmu; sesungguhnya kurniaNya besar terhadap engkau.

Perkataan (رَحْمَةً) dalam ayat ini merupakan *maf'ul liajlib* iaitu dinyatakan sebagai penjelasan bagi penyebab terjadinya fi'il (perbuatan). *Maf'ul liajlib* (رَحْمَةً) dalam ayat tersebut merujuk sebagai rahmat dari Tuhan. Dua teks terjemahan ini menggunakan pendekatan terjemahan yang sama berkaitan dengan *maf'ul liajlib*. Namun, terjemahan Mahmud Yunus menterjemahkan perkataan (رَحْمَةً) kepada '**kecuali rahmat**' manakala Terjemahan Abdullah Basmeih menterjemahkan perkataan (رَحْمَةً) kepada '**sebagai rahmat**'. Terdapat perbezaan dalam kedua-dua terjemahan dimana terjemahan Pimpinan Ar-Rahman menjelmakan *maf'ul liajlib secara lafzi* iaitu dengan menggunakan lafaz **sebagai rahmat** manakala Terjemahan Quran Karim tidak menjelmakan secara *lafzi* lafaz (kerana atau untuk) yang memberi maksud *maf'ul liajlib*. Walaubagaimanapun, dari segi konteks kedua-dua penterjemahan tersebut dapat menterjemahkan maksud ayat tersebut dengan baik seolah-olah ianya tidak menghilangkan nilai *maf'ul liajlib*. Oleh itu, penterjemahan tersebut dapat mencapai maksud yang tersirat dengan baik dan dapat difahami oleh para pembaca.

vi) Surah Al-Isra (100)

قُلْ لَوْ أَنْتُمْ تَمْلِكُونَ حَزَائِنَ رَحْمَةِ رَبِّي إِذَا لَأَمْسَكْتُمْ حَشِيَةَ الْإِنْفَاقِ ^ط وَكَانَ الْإِنْسَانُ فَتُورًا.	
TAFSIR PIMPINAN AR-RAHMAN	TAFSIR QURAN KARIM
100. Katakanlah (wahai Muhammad): "Jika kamu memiliki perbendaharaan rahmat Tuhanku pada ketika itu tentulah kamu akan berlaku bakhil kedekut <u>kerana takut</u> kehabisan; dan sememangnya manusia itu bertabi'at bakhil dan kedekut".	100. Katakanlah: Kalau sekiranya kamu mempunyai perbendaharaan rahmat Tuhanku (kekayaan), nescaya kamu menjadi bakhil, <u>takut</u> membelanjakannya. Adalah manusia itu (bersifat) bakhil.

Perkataan (حَشِيَّة) dalam ayat ini merupakan *maf'ul liajlib* iaitu dinyatakan sebagai penjelasan bagi penyebab terjadinya *fi'il* (perbuatan). *Maf'ul liajlib* (حَشِيَّة) dalam ayat tersebut merujuk kerana takut kehabisan. Dua teks terjemahan ini menggunakan pendekatan terjemahan yang sama berkaitan dengan *maf'ul liajlib*. Terjemahan Mahmud Yunus menterjemahkan perkataan (حَشِيَّة) kepada 'takut' manakala Terjemahan Abdullah Basmeih menterjemahkan perkataan (حَشِيَّة) kepada 'kerana takut'. Terdapat perbezaan dalam kedua-dua terjemahan dimana terjemahan Pimpinan Ar-Rahman menjelmakan *maf'ul liajlib secara lafzi iaitu dengan* menggunakan *lafaz* kerana takut manakala terjemahan Quran Karim tidak menjelmakan secara lafzi (lafaz kerana/untuk) yang memberi maksud *maf'ul liajlib*. Walaubagaimanapun, dari segi konteks kedua-dua penterjemahan tersebut dapat menterjemahkan maksud ayat tersebut dengan baik seolah-olah ianya tidak menghilangkan nilai *maf'ul liajlib*. Oleh itu, penterjemahan tersebut dapat mencapai maksud yang tersirat dengan baik dan dapat difahami oleh para pembaca.

Kesimpulan

Maf'ul liajlib adalah *isim* yang *dinashab* yang dinyatakan sebagai penjelasan bagi penyebab terjadinya *fi'il* (perbuatan) Selain itu, *Maf'ul li ajlib* disebut juga dengan *maf'ul min ajlib* (المَفْعُولُ مِنْ أَجْلِهِ) dan *maf'ul labu* (المَفْعُولُ لَهُ), menurut istilah ahli nahwu adalah ungkapan tentang *isim mansub* yang disebutkan sebagai sebab dilakukannya *fi'il*. Dapatan kajian mendapati bahawa dari segi konteks kedua-dua penterjemahan tersebut dapat menjelmakan maksud ayat tersebut dengan baik seolah-olah ianya tidak menghilangkan nilai *maf'ul liajlib*. Dengan itu, berdasarkan (6) enam ayat yang telah dianalisis, didapati tiga (3) ayat mempunyai pendekatan terjemahan yang sama dimana kedua-dua penterjemah telah menterjemahkan *maf'ul liajlib* dengan menjelmakannya secara jelas. Manakala, terdapat tiga (3) ayat yang lain mempunyai perbezaan pendapat dimana Terjemahan Pimpinan Ar-Rahman tidak sepakat dengan terjemahan Quran Karim. Ini kerana, terjemahan Quran Karim tidak menjelmakan *maf'ul liajlib* secara langsung. Walaubagaimanapun, ianya dapat difahami melalui konteks ayat yang digunakan oleh penterjemah. Diharap kajian ini dapat memberi sumbangan kepada pencinta Al-Quran dan para pembaca terjemahan al-Quran serta pelajar bahasa Arab yang mana ia dapat memberi maklumat baru bagi kegunaan kajian akan datang dan digunakan sebagai panduan untuk menerapkan ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan *Maf'ul Liajlib*. Selain itu, kajian ia ditulis oleh pengkaji untuk memberi kefahaman yang mendalam terhadap konsep *Maf'ul Liajlib* dan penggunaannya di dalam ayat Al-Quran. Penyelidik juga turut mengemukakan cadangan kajian lanjutan berkaitan yang boleh diterokai oleh penyelidik-penyelidik yang akan datang mengenai kajian terjemahan *Maf'ul Liajlib* dalam surah yang lain.

Rujukan

- Abdullah Basmeih. 2013. Tafsir pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian al-Quran (Cet. ke-22). Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Kata Ganti Nama Diri Arab-Melayu . *Jurnal Pengajian Islam, Akademi Islam KUIS*, 21.
- Ahmad Yazid (2019). *Al-Maf'ul Liajlib dalam Kitab Ta'lim al-Muta'alim*, **Journal of Universitas Islam Negeri Antasari Banjarmasin Indonesia, Kalimantan Selatan**.
- Al-'Alim, M. M. (2003). *Abkam al-tajwid wa fada'il al-Quran*. Sharikah al-Shamarali.
- Anwar, Moch. (2018). Ilmu Nahwu Terjemahan Matan AL-Jurumiyyah dan *Imrithy*. Bandung: Sinar Algensindo, 115.
- Azmi, Subhi (2013) *Terjemahan surah Al-Qiyamah ke Bahasa Melayu: Satu analisis perbandingan*/ Azmi bin Subhi. Masters thesis, University of Malaya. <http://studentsrepo.um.edu.my/id/eprint/5477>
- Hamid, Muhammad Muhyiddin Abdul. (1994). *Al-Tuhfatu Al-Saniyyah*. Riyadh. Maktabah Darul As- Salam, 150.
- Hassan, A. (2007). *Al-Nabu Al Wafi*. Kaerah: Edisi Dar Al Maaref.
- Musa, M. A., Mohamed Yusoff, A., & Azmi, A. S. (2019). *Terjemahan Ayat Amthal di dalam al-Quran: Kajian Terhadap Tafsir Quran Karim Karya Prof. Dr. H. Mahmud Yunus*: Translation of Amthāl Verses in The Qur'ān: A Study on Tafsir Qur'ān Karīm of Mahmud Yunus. *Journal of Ma'ālim Al-Qur'ān Wa Al-Sunnah*, Vol 15, 12-24. <https://doi.org/10.33102/jmqqs.v15i0.180>
- Mustafa Al-Ghalayani (2016). *The Arab Lessons Collector. Barout*. Edisi Dar Al-Fikr, 386.
- Mustaqim. (2018). Mafu'ul Liajlib dan Penggunaannya dalam Surah Al-Isra' (Kajian Analisis Nahu). Undergraduate (S1) thesis, *Universitas Islam Negeri Alauddin Makassar*, 47-51. <http://repositori.uin-alauddin.ac.id/id/eprint/9723>
- Nur Faizah. (2018). *Mafu'ul Liajlib dan Penggunaannya dalam Surah Al-Isra'* (Kajian Analisis Nahu). Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta, 47-51
- Rappe, M. (2019). *Analisis tentang Penerapan Al-Maf'ul Liajlib dan Al-Maf'ul Ma'ab dalam Kalimat Bahasa Arab*. **Journal Shaut Al-'Arabiyah is published by the Arabic Education Department, Faculty of Education and Teachers Training, Universitas Islam Negeri Alauddin Makassar, Vol 7, No 1, 70-71**. <https://doi.org/10.24252/saa.v7i1.9919>
- Ulwan, Adib Muhammad (2020). *Al-Maf'ul Liajlib dan maknanya dalam Surah Al-Baqarah*. Skripsi, Tarbiyah Dan Keguruan. **Journal of Institutional Digital Repository Perpustakaan UIN Antasari Banjarmasin**. <http://idr.uin-antasari.ac.id/id/eprint/13911>

BAB 9

KESILAPAN SINTAKSIS DALAM KEMAHIRAN LISAN BAHASA ARAB PELAJAR INSTITUT PENGAJIAN TINGGI

Siti Salwa Mohd Noor & Norasyikin Osman
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

Pendahuluan

Bahasa Arab adalah bahasa rasmi bagi umat Islam kerana ia adalah bahasa al-Quran dan al-Hadis seperti mana firman Allah SWT dalam surah Yusuf ayat 2:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ

Maksudnya:

Sesungguhnya Kami menurunkan kitab itu sebagai Quran yang dibaca dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal untuk) memahaminya.

Ia adalah bahasa yang menyatukan hati umat Islam dan merupakan salah satu bahasa terbesar kumpulan Semitik dari segi bilangan penutur dengan jumlah penutur melebihi 422 juta erta antara bahasa yang paling meluas di dunia (Ku Fathiyah, Awatif & Hairun, 2014; Mustapa & Ariffin, 2012). Penyebaran bahasa Arab ke seluruh dunia membantu manusia memahami realiti dunia Islam dan memahami mesej negara Islam melalui dan pelajar bahasa Arab dari kalangan bangsa lain.

Di Malaysia, bahasa Arab sering dikaitkan dengan agama Islam dan pendidikan Islam sejak Islam masuk ke Kepulauan Melayu pada abad ketiga belas. Pada awalnya, bidang pengajaran bahasa Arab hanya terhad kepada pemahaman agama Islam dan demi ibadah, kerana bahasa ini diajar di pusat pengajian Islam kecil dan swasta. Namun, seiring peredaran zaman, pembelajaran bahasa Arab semakin berkembang di kebanyakan institusi pendidikan dan tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat tempatan. Matlamat pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab bertujuan melahirkan sarjana Islam yang mahir dalam ilmu bahasa Arab dan empat kemahirannya serta boleh menguasai lebih daripada satu bahasa. Untuk mencapai generasi yang mahir dalam bahasa Arab sehingga ke tahap penggunaan bahasa Arab dengan betul, perlu ditumpukan kepada seni dan kemahiran bahasa utama, yang meliputi kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis (Anuar, 2016; Rosni, 2012).

Hal ini bertitik tolak daripada awal abad ke-20 apabila bidang pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab menyaksikan perkembangan yang luar biasa. Ini terbukti dengan penawaran dan pengenalan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab secara formal sebagai salah satu mata pelajaran di sekolah rendah dan menengah (Nadwah & Nadhilah, 2014; Rosni, 2012; Halimi, 1996 yang dirujuk dalam Anuar, 2016). Di peringkat universiti, banyak universiti awam dan swasta menawarkan program pembelajaran bahasa Arab sebagai mata pelajaran bahasa pilihan dan wajib atau sebagai pengkhususan kepada mereka yang ingin mempelajarinya walaupun sehingga ke peringkat akademik tertinggi Ia adalah hati bagi pelajar pengkhususan dalam pengajian Islam, kerana melalui bahasa ini mereka dapat membaca dan memahami sumber bahasa Arab yang berkaitan dengan pengajian mereka.

Bahasa Arab Standard Moden ialah bahasa yang digunakan secara rasmi dalam penulisan akademik dan kreatif. Ia juga digunakan sebagai medium komunikasi utama untuk pengucapan awam dan penyiaran (Ryding, 2005). Hari ini, dunia menyaksikan bahasa Arab standard ini dipelajari oleh penutur bukan jati Arab di peringkat sekolah dan di institusi pengajian tinggi. Ia ditawarkan samav ada sebagai salah satu kursus elektif bahasa asing atau program pengkhususan di peringkat ijazah, sarjana, dan kedoktoran. Ia sudah tidak asing lagi dalam kalangan penganut bukan Islam khususnya di Malaysia.

Ilmu sintaksis Arab atau dikenali sebagai tatabahasa atau nahu Arab adalah salah satu daripada cabang ilmu bahasa Arab yang paling utama dan awal perlu dipelajari pelajar bahasa Arab dan penuntut bidang agama. Pelajar yang mengambil jurusan agama Islam sangat dituntut mempelajari ilmu sintaksis Arab sebagai asas sebelum mendalami bidang ilmu agama yang diceburi dan bagi memahami Islam secara menyeluruh. Ini kerana pemahaman dan penguasaan ilmu sintaksis yang baik membantu pelajar memahami kajian Al-Quran dan Al-Hadith dengan lebih mendalam. Pembelajaran ilmu sintaksis bertujuan memahirkan pelajar bahasa Arab dengan penggunaan struktur perkataan dalam binaan ayat yang lengkap dan memahami makna yang dimaksudkan penutur serta memahami makna sebarang kata majmuk mengikut situasi. Peraturan tatabahasa yang digunakan ketika berada dalam situasi bertutur, iaitu setiap perkataan berguna yang meningkatkan pemahaman, terdiri daripada sekurang-kurangnya dua perkataan seperti dua kata nama "masa adalah emas", atau kata kerja dan nama "guru mengajar". Bagi mana-mana perkataan yang tidak mencapai makna atau faedah, peraturan tatabahasa tidak boleh digunakan. Antara perkataan yang tidak boleh digunakan untuk tatabahasa ialah kata tunggal seperti "kereta" dan kata tambahan seperti "kertas peperiksaan".

Ilmu sintaksis Arab memainkan peranan yang sangat penting dalam pembentukan perkataan supaya menjadi jelas apabila digunakan dalam tulisan dan pertuturan. Ia juga merupakan ilmu yang membincangkan dasar dan proses pembentukan susunan kata menjadi ayat yang difahami dan mencapai maksud dan objektif komunikasi. Secara umumnya, terdapat beberapa topik asas dalam ilmu sintaksis Arab yang perlu dikuasai pelajar iaitu seperti kata adjektif, kata sifat, kata ganda, preposisi, feminin, nombor, penafian, kata ganti nama, soalan, penentu, kata nama, kata kerja, kata kerja kini, kata kerja lampau, kata kerja hadapan, imperatif, dan perbandingan. Topik ini pada asasnya perlu ditekuni dan dikuasai oleh semua pelajar bahasa Arab untuk memudahkan penguasaan mereka dalam kemahirannya yang empat. Kajian ini bertujuan mengenal pasti jenis kesalahan tatabahasa yang dilakukan pelajar ketika bertutur dalam bahasa Arab berdasarkan kekerapan dan mencadangkan solusi yang sesuai bagi menangani situasi ini.

Kemahiran lisan atau bertutur adalah asas dan tonggak kepada peningkatan pembelajaran dan penguasaan sesuatu bahasa. Kelemahan seseorang pelajar dalam kemahiran lisan kebiasaannya menjadi tanda kelemahannya dalam menguasai sesuatu bahasa yang dipelajari. Ini kerana kecekapan komunikasi lisan adalah salah satu daripada ciri-ciri kecerdasan bahasa (*Language Intelligence*) yang mana pelajar menunjukkan penguasaan luar biasa pada sesuatu bahasa ketika melaksanakan aktiviti pengucapan awam. Penutur yang mempunyai kemahiran lisan yang cemerlang akan menyampaikan ideanya dengan penuh keyakinan dan jelas. Bertutur boleh dirujuk sebagai proses penutur menyampaikan idea, maklumat, pengalaman, perasaan, dan lain-lain dalam bahasa lisan tertentu kepada pendengar atau penerima, memindahkan daripada mereka kedudukan penerimaan, penerimaan, pemahaman, interaksi, dan respons dengan kelancaran, aliran sebutan, ketepatan ungkapan dan keselamatan dalam persembahan. Untuk meningkatkan prestasi pelajar dalam komunikasi guru hendaklah menggalakkan pelajar melakukan aktiviti lisan di dalam kelas seperti dialog atau monolog. Kemahiran bertutur mempunyai beberapa aspek atau komponen yang perlu diberi perhatian oleh pelajar ketika berkomunikasi. Aspek ini melibatkan

linguistik, fonemik, intelektual dan sentuhan. Kajian ini akan memberi penekanan terhadap aspek linguistik pelajar dengan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan pelajar dari segi penggunaan bahasa Arab ketika bertutur.

Analisis kesalahan bahasa dalam pembelajaran bahasa kedua atau asing adalah untuk sesuatu yang normal dan biasa. Analisis ralat melibatkan penerangan sistematik dan klasifikasi kesalahan bahasa kedua yang terkandung dalam sampel pertuturan atau penulisan pelajar (Al-Khreshah, 2016). Analisis ralat diandaikan sebagai pendekatan alternatif kepada analisis kontrastif yang membezakan bahasa pertama dan kedua pelajar dalam ramalan ralat (Saad & Sawalmeh, 2014). Corder (1974) telah mengklasifikasikan objektif analisis kesalahan kepada dua aspek iaitu aspek teori analisis kesalahan dan aspek praktikal. Aspek teori analisis kesalahan telah menjadi sebahagian daripada metodologi kajian proses pembelajaran bahasa. Manakala aspek praktikal adalah melibatkan tindakan pemulihan yang perlu diambil oleh guru atau pelajar untuk mengatasi masalah kesalahan dalam amali bahasa. Antara punca kesalahan bahasa pelajar ialah kerana mereka tidak memiliki tahap pengetahuan yang mencukupi untuk berhadapan dengan situasi sebenar. Dengan asas pengetahuan yang mencukupi, bersama motivasi dan keupayaan untuk belajar, pelajar boleh belajar dari kesalahan yang dilakukan tanpa memerlukan kelas pemulihan bahasa yang khusus (Corder, 1974).

Teori Analisis Kesalahan Corder (1981) juga menyatakan beberapa prosedur perlu dipatuhi ketika analisis kesalahan dilaksanakan. Selepas mengenal pasti kesalahan yang dilakukan oleh pelajar, guru harus menjelaskan kesalahan tersebut dan menghuraikannya dengan baik. Kemudian, kesalahan yang telah dikenalpasti akan ditentukan kekerapannya bertujuan mengenal pasti kelemahan ketara yang dihadapi pelajar dalam pembelajaran bahasa. Pada akhirnya, guru akan mencadangkan solusi yang sesuai untuk meningkatkan kemahiran bahasa pelajar melalui kaedah dan teknik yang pelbagai.

Kajian ini berusaha untuk mencapai objektif berikut:

1. Menenal pasti kesalahan tatabahasa bahasa Arab dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Arab.
2. Mencadangkan solusi yang sesuai bagi mengatasi kesalahan tatabahasa Arab pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Arab.

Kajian ini mengadaptasi reka bentuk kajian kualitatif menggunakan ujian bertutur dalam bentuk temu bual sebagai sampel kajian yang akan dianalisis. Soalan ujian ini diadaptasi dari kajian lepas (Siti Salwa, 2017) dan telah diolah mengikut kesesuaian responden. Soalan kajian dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A soalan pemerihalan dan bahagian B soalan berasaskan gambar. Seramai 27 orang responden terdiri daripada pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Arab telah terlibat dalam ujian ini. Semua skrip ujian bertutur ini telah ditranskrip dan dianalisis bagi mengenal pasti kesalahan bahasa dari aspek sintaksis yang kerap dilakukan oleh responden.

Kesilapan Sintaksis Dalam Kemahiran Lisan Bahasa Arab

Dapatan kajian ini telah ditranskrip dan dianalisis bagi tujuan pengkodan jenis kesalahan sintaksis yang dilakukan responden ketika ujian bertutur dilaksanakan. Dapatan menunjukkan kesalahan sintaksis yang dilakukan responden berdasarkan kekerapan kesalahan yang dilakukan melibatkan enam topik utama tatabahasa Arab iaitu kesalahan dari sudut penggunaan:

1. Kata sandaran (Al-Idhofah)
2. Kata adjektif (Al-Sifat wa al-mausuf)
3. Kata ganti nama diri (Al-Dhomair)

4. Kata nama lelaki dan perempuan (Al-tazkir wa al-taanith)
5. Pemilihan kosa kata
6. Penjodoh bilangan (Al-Adad wa al-Maadud)

i. Kesalahan penggunaan kata sandaran (Al-Idhofah)

Jadual 1. Contoh kesalahan tatabahasa kata sandaran (Al-Idhofah):

	Kesalahan	Pembetulan
1.	الجامعة سلطان	جامعة السلطان
2.	الجامعة السلطان	جامعة السلطان
3.	النشاط التعليم	نشاط التعليم
4.	هيئة التعليمية	هيئة التعليم
5.	الكلية اللغة والاتصال	كلية اللغات والاتصال
6.	الجامعي	جامعي
7.	الجامعة العلوم	جامعة العلوم

ii. Kesalahan penggunaan kata adjektif

Jadual 2. Contoh kesalahan tatabahasa kata adjektif (Al-Sifat wa al-mausuf):

	Kesalahan	Pembetulan
1.	النشاط التعليم	النشاط التعليمي
2.	هيئة التعليمية	الهيئة التعليمية
3.	الجامعة المشهور	الجامعة المشهورة
4.	جامعة آخر	جامعة أخرى
5.	المسجد كبيرة	المسجد الكبير

iii. Kesalahan penggunaan kata ganti nama diri (Al-Dhomair)

Jadual 3. Contoh kesalahan tatabahasa kata ganti nama diri

	Kesalahan	Pembetulan
1.	تدرس أنا	أدرس
2.	يحصل أنا	أحصل
3.	هم يشير إلى	هو يشيرون إلى
4.	يساعد أنا	يساعدني
5.	الطلاب يريد	الطلاب يريدون
6.	المعلم لها	المعلم له

iv. Kesalahan penggunaan kata nama lelaki dan perempuan (Al-tazkir wa al-taanith)

Jadual 4. Contoh kesalahan tatabahasa kata nama lelaki dan perempuan

	Kesalahan	Pembetulan
1.	المسجد كبيرة	المسجد كبير
2.	جامعتي قريب من	جامعتي قريبة
3.	في هذا الصورة	هذه الصورة
4.	التسهيلات الذي	التسهيلات التي

v. Kesalahan penggunaan pemilihan kosa kat

Jadual 5. Contoh kesalahan penggunaan kosa kata:

	Kesalahan	Pembetulan
1.	ما درس به المعلم	درّس
2.	المعلم يدرّس	يدرّس

3.	لملاحقة دراستي	لمتابعة دراستي
4.	الرسوم ثمين جدا	غالية
5.	المعلم يتعلم	يعلّم

vi. Kesalahan penggunaan penjodoh bilangan (Al-Adad wa al-Maadud)

Jadual 6. Contoh kesalahan tatabahasa penjodoh bilangan (Al-Adad wa al-Maadud):

	Kesalahan	Pembetulan
1.	أربعة سنة	أربع سنوات
2.	ثمانية كليات	ثماني كليات

Perbincangan Kajian

Isu utama pembelajaran bahasa Arab di Malaysia ialah kelemahan ketara pelajar dalam aktiviti lisan atau bertutur. Ia berpunca dari pelbagai faktor antaranya seperti kurang kosa kata, malu, tiada motivasi serta tiada suasana yang kondusif. Melalui dapatan kajian, terdapat beberapa jenis kesalahan sintaksis yang dilakukan responden ketika bertutur secara spontan di dalam bahasa Arab. Kesalahan ini melibatkan enam topik utama tatabahasa bahasa Arab iaitu kesalahan dari sudut penggunaan kata sandaran (Al-Idhofah), kata adjektif (Al-Sifat wa al-mausuf), kata ganti nama diri (Al-Dhomair), kata nama lelaki dan perempuan (Al-tazkir wa al-taanith), pemilihan kosa kata, dan penjodoh bilangan (Al-Adad wa al-Maadud).

Oleh itu, kajian ini mencadangkan beberapa cara dan langkah yang boleh diambil bagi mengelakkan kesilapan sintaksis ini daripada kerap berlaku antaranya:

1. Menekankan aspek tatabahasa yang paling banyak digunakan dalam perbualan seharian seperti kata ganti nama diri dan penjodoh bilangan serta membuat latihan bertulis dan bertutur di dalam kelas.
2. Mengenal pasti aspek tatabahasa yang paling kerap kesalahannya dalam perbualan seharian dan menganalisis jenis kesalahan serta melakukan pembetulan di dalam kelas secara langsung.
3. Mencipta aktiviti bertutur dan berkomunikasi dalam bahasa Arab di dalam kelas. Ini kerana pelajar mempunyai ruang waktu dan tempat yang terhad untuk berkomunikasi di dalam bahasa Arab sekiranya berada di luar kelas.
4. Memberi pelajar ruang berdiskusi di dalam kelas menggunakan bahasa Arab. Guru memastikan semua pelajar menggunakan bahasa Arab ketika perbincangan dalam kumpulan berlangsung.
5. Mewujudkan interaksi dua hala antara guru dan pelajar ketika di dalam kelas seperti sesi bertanya dan menjawab soalan. Pelajar akan melatih otaknya berfikir dalam bahasa lisan apabila diminta untuk bertanya atau menjawab.

6. Memperbanyak aktiviti membaca secara sendiri dan lantang untuk menambah kosa kata di dalam kelas.

Kesimpulan

Pembelajaran ilmu sintaksis tidak boleh diasingkan dari latihan amali bertutur kerana ia adalah paksi komunikasi dan interaksi manusia. Penggunaan sintaksis yang betul dalam komunikasi membantu penyampaian maklumat dengan berkesan tanpa gangguan kepada pendengar untuk memahami isi pertuturan. Analisis kesalahan bahasa seperti yang dilaksanakan kajian ini memberi ruang kepada guru mengenal pasti dengan lebih terperinci kesalahan yang kerap dilakukan pelajar ketika bertutur. Selain itu, ia juga membantu pelajar mengenal pasti kelemahan dalam aspek bahasa yang perlu diperbaiki pelajar secara sendiri. Pengetahuan guru bahasa Arab terhadap aras dan tahap kemampuan bertutur pelajar adalah penting kerana melaluinya guru boleh merancang kaedah rawatan bahasa yang dirasakan sesuai dengan tahap pelajar.

Rujukan

- Anuar Sopian (2016). *Tahap Pertuturan Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar yang Mengambil Kursus Bahasa Arab di UITM Melaka*, 3rd International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization ICASIC2016 (pp.174-280). Kuala Lumpur: Malaysia. (e-ISBN 978-967-0792-08-8).
- Corder, S. P. (1981). *Error analysis and interlanguage*. Oxford University Press, USA.
- Corder, S. P. (1974). *Error Analysis and Remedial Teaching*. Paper presented at the IATEFL Conference (Budapest, 1974)
- Mustapa Al Muslim, Ariffin Zamri. (2012). Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab: satu tinjauan literatur di Negeri Sembilan. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab* (pp15-33). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Khresheh, M. H. (2016). A review study of error analysis theory. *International Journal of Humanities and Social Science Research*, 2, 49-59.
- Ku Fatahiyah Ku Azizan, Awatif Abd Rahman, Hairun Najuwah Jamali (2014). Tahap Kemahiran Asas Bahasa Arab di IPT Malaysia. *GSE E-Journal of Education*, 1(2), 20-32. (E-ISSN: 2289-6880).
- Nadwah Daud & Nadhilah Abdul Pisal. (2014). Permasalahan Pertuturan dalam Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 14(1), 117-133.
- Rosni Samah (2012). Pembinaan Ayat Bahasa Arab Dalam Kalangan Lulusan Sekolah Menengah Agama. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(2), 555-569.
- Ryding, K. C. (2005). *A reference grammar of modern standard Arabic*. Cambridge university press.
- Saad, M. A. H., Sawalmeh, M. H. M., & UniKl, B. M. I. (2014). Error analysis in role-play presentations among less proficient L2 Malaysian learners.

BAB 10

TERJEMAHAN AYAT BERUNSUR *HADHF AL-KALIMAH* DALAM SURAH YASIN

Mohamad Syukri Abdul Rahman^{1*}, Md Noor Hussin,¹ Muhammad Daoh², Ahmad Redzaudin Ghazali¹, Mohamad Rofian Ismail¹, Mohd Izzuddin Mohd Pisol¹, Salman Zainal Abidin¹, Sri Andayani Mahdi Yusuf³

¹Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

²Universiti Selangor (UNISEL)

³Sekolah Tinggi Agama Islam Nusantara

Pendahuluan

Al-Quran yang diturunkan sejak 1400 tahun dahulu mempunyai kekuatan nilai universal yang meliputi seluruh disiplin ilmu yang ada di dunia ini. Bahkan penggunaan al-Quran juga telah memasuki bidang sains dan teknologi seperti perubatan, astronomi, psikologi dan seumpama dengannya serta tidak terbatas dengan ilmu agama semata-mata. Namun begitu, setiap perkembangan ilmu di zaman ini mempengaruhi pemahaman manusia terhadap teks al-Quran itu sendiri. Kefahaman terhadap tafsiran ayat ini dalam kalangan ahli tafsir silam sama ada dalam bidang tafsir yang bersandarkan kepada nas (*al-Ma'thur*) atau bidang tafsir yang bersandarkan kepada nas dan akal (*al-Ra'yy*) adalah dari sudut yang berbeza.

Jelas sekali al-Quran diturunkan bukan sekadar untuk dibaca tetapi harus dipelajari, dihayati dan diteladani. Perintah *mentadabbur* dalam al-Quran jelas mencakupi segala hal berkaitan al-Quran baik pada susunan bahasanya mahupun kandungannya, petunjuk-petunjuk mahupun mukjizatnya. Bahasa yang dipilih oleh Allah SWT dalam menyampaikan wahyu adalah Bahasa Arab yang mempunyai ciri-ciri tersendiri dalam pembentukan sesuatu ayat, iaitu merujuk kepada aspek tatabahasa, retorika dan semantik. Ciri istimewa yang terdapat dalam Bahasa Arab ialah elipsis atau *al-Hadhf* atau diterjemahkan dalam Bahasa Melayu mudah sebagai elipsis atau pengguguran. Jika diteliti pada kitab-kitab bahasa, perbincangan tentang elipsis (*al-Hadhf*) termasuk dalam bidang retorik Arab atau disebut *al-Balaghah al-'Arabiyah*.

Dalam kajian ini penyelidik cuba mengenengahkan *al-i'jaz* dalam al-Quran, iaitu *i'jaz bi al-hadhf* dengan menganalisis terjemahan ayat berunsur *Hadhf al-Kalimah* dalam Surah Yasin berdasarkan kitab Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran

Pengenalan *Hadhf* (Elipsis)

Al-Hadhf atau dalam bahasa Melayu adalah elipsis merupakan satu uslub atau gaya bahasa yang melibatkan lafaz dan makna dalam sesuatu ayat. Perkataan *al-Hadhf* secara etimologinya berasal daripada perkataan “حذف” yang dapat diertikan sebagai penghapusan atau pengguguran. Secara terminologi, perkataan *al-Hadhf* dalam ilmu tatabahasa Arab bermakna pengguguran. Dari sudut ilmu Balaghah, *al-Hadhf* membawa maksud menjatuhkan atau menggugurkan sesuatu struktur

bahasa sama ada banyak ataupun sedikit. Kewujudan *al-Hadhf* merujuk kepada pengguguran huruf atau lafaz atau ayat yang tidak akan merosakkan makna sesuatu ayat secara keseluruhannya dengan alasan-alasan tertentu. *Al-Hadhf* adalah salah satu daripada sejumlah besar kaedah dalam sistem tatabahasa Arab. Secara umum, *al-Hadhf* ialah pengguguran satu bahagian dalam ayat sama ada huruf, perkataan, tarkib dan ayat dengan syarat terdapat dilalah (petunjuk) yang menunjukkan terdapat elemen yang digugurkan dalam pertuturan atau penulisan (al-Samirra'iy, 1998). Hal ini berlaku dengan tujuan tertentu. Tujuan yang dikaitkan dengan *al-Hadhf* ini mempunyai perkaitan rapat dengan ilmu retorik Arab. Antara tujuan penggunaan *al-Hadhf* adalah untuk menunjukkan perkara yang positif seperti meringkaskan, memberi peringatan, meringankan, memuliakan serta memberi maksud umum dalam pertuturan atau penulisan. Namun begitu, terdapat juga penggunaan *al-Hadhf* yang membawa maksud lain, iaitu untuk tujuan sindiran atau penghinaan (Abu Shadiy, 1992).

Pandangan Ulama' Berkaitan *Al-Hadhf* Dalam Al-Quran

Terdapat beberapa pendapat yang bersetuju dengan kewujudan *al-Hadhf* pada ayat khususnya ayat-ayat al-Quran. Pada era mutakhir ini, antara individu yang menghasilkan buku tentang *al-Hadhf* ialah Abu Shadiy (1992), al-Samirra'iy (1998) dan Fayyud (1998). Namun begitu, terdapat juga sarjana lain yang menolak kewujudan *al-Hadhf* khususnya dalam al-Quran. Antara sarjana tersebut ialah Fadl Hasan 'Abbas yang menjelaskan pendiriannya terhadap *al-Hadhf* di dalam bukunya, *Lata'if al-Mannan wa Rawa'i' al-Bayan fi Nafy al-Ziyadah wa al-Hadhf fi al-Qur'an* (2010). Menurut Fadl Hasan 'Abbas, al-Quran merupakan wahyu Allah SWT yang diturunkan dalam keadaan sempurna dan tidak terdapat sebarang pengguguran di dalam al-Quran sama ada satu huruf, perkataan, tarkib mahupun ayat. Menurut Tammam Hassan (1994) pula, apabila membicarakan Uslub *al-Hadhf*, ia tidak boleh difahami bahawa *al-Hadhf* hanya berlaku apabila salah satu unsur dalam ayat digugurkan, tetapi sebenarnya al-Hadhf merupakan satu uslub bahasa yang membezakan antara sistem atau kaedah bahasa dengan keperluan sesuatu ayat yang perlu bersesuaian dengan konteks tertentu. Oleh itu, ada kalanya sesuatu unsur bahasa itu dinyatakan dalam ayat dan ada kalanya digugurkan daripada ayat.

Analisis Terjemahan Dan Perbincangan

Kertas kerja ini memfokuskan kajian berkaitan terjemahan ayat berunsur *Hadhf al-Kalimah* dalam Surah Yasin berpandukan kitab Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran. Semua terjemahan yang menjelmakan ungkapan yang merupakan *Hadhf al-Kalimah* akan dihitamkan. Penulis akan meletakkan garisan di bawah terjemahan yang tidak menjelmakan *Hadhf al-Kalimah*. Berikut adalah analisis terjemahan ayat-ayat berkaitan dan perbincangan dapatan.

a) *Hadhf al-fi'l*

Terdapat beberapa *Hadhf al-Fi'l* dalam surah Yasin antaranya:

i) Surah Yasin (36): 1

Asal bagi kalimah *يس* adalah *اتل يس*. Isa bin Omar membacanya dengan berbaris di atas kerana beliau menganggap ia di'irab sebagai 'ism mabni atau ianya dii'rab sebagai ma'ul kepada fi'l yang dihadhf iaitu *اتل يس* (Al-Alusi t.th).

يس
Maksudnya: <i>Yaa, siin</i>

Asal bagi kalimah *يس* adalah *اتل يس*. Isa bin Omar membacanya dengan berbaris di atas kerana beliau menganggap ia di'irab sebagai 'ism mabni atau ianya dii'rab sebagai maf'ul kepada fi'l yang dihadhf iaitu *اتل يس* (Al-Alusi t.th).

Berasaskan terjemahan di atas didapati bahawa penterjemah tidak menterjemahkan ayat al-Quran di atas bahkan menyalin semula sebutan kalimah tersebut (*Yaa, siin*). Sehubungan itu penterjemah tidak menzahirkan *fi'l* yang digugurkan iaitu *اتل*. Bagaimanapun penterjemah meletakkan catatan (1499) pada hujung ayat tersebut yang boleh dirujuk pada bahagian bawah muka surat tersebut.

ii) Surah Yasin (36): 12

إِنَّا نَحْنُ نُحْيِي الْمَوْتَىٰ وَنَكْتُبُ مَا قَدَّمُوا وَآثَارَهُمْ ۚ وَكُلَّ شَيْءٍ أَحْصَيْنَاهُ فِي إِمَامٍ مُّبِينٍ
Maksudnya: <i>Sesungguhnya Kami menghidupkan orang-orang yang mati, dan Kami tuliskan segala yang mereka telah kerjakan serta segala kesan perkataan dan perbuatan yang mereka tinggalkan dan (ingatlah) tiap-tiap sesuatu Kami catitkan satu persatu dalam kitab yang jelas nyata.</i>

Asal bagi ayat *أحصينا كل شيء أحصيناه وكل شيء أحصيناه* adalah *أحصينا كل شيء أحصيناه*. Digugurkan fi'il *أحصينا* bagi mengelakkan daripada kalimah yang sia-sia dengan sebab pengulangan. Selain itu, digugurkan fi'il untuk tujuan taukid dan memperkayakan makna serta meringkaskan (Md Noor Bin Hussin 2006). Berasaskan terjemahan di atas didapati bahawa penterjemah menterjemahkan ayat al-Quran di atas dengan tidak menjelmakan fi'il *أحصينا* yang digugurkan. Bagaimanapun terjemahan tersebut dapat difahami dengan jelas dan bersesuaian dengan bahasa sasaran. Ia boleh dikategorikan sebagai terjemahan ma'nawiyah.

b) **Hadhf al-Maf'ul bih**

i) Surah Yasin (36): 14

<p>إِذْ أَرْسَلْنَا إِلَيْهِمُ اثْنَيْنِ فَكَذَّبُوهُمَا فَعَزَّزْنَا بِثَالِثٍ فَقَالُوا إِنَّا إِلَيْكُمْ مُرْسَلُونَ</p>
<p>Maksudnya:</p> <p><i>Ketika Kami mengutus kepada mereka dua orang Rasul lalu mereka mendustakannya; kemudian Kami kuatkan (kedua Rasul itu) Dengan Rasul Yang ketiga, lalu Rasul-rasul itu berkata: ` Sesungguhnya Kami ini adalah diutuskan kepada kamu.</i></p>

Dalam ayat al-Qur'an di atas terdapat *maf'ul bih* kepada kata kerja عَزَّزَ yang digugurkan iaitu kata ganti nama هما. Dari sudut ilmu balaghah pembuangan *maf'ul bih* ini adalah bertujuan untuk membawa makna yang padat lagi tepat dengan menggunakan ayat yang ringkas. Ia merupakan *fann al-'Ijaz*. Seterusnya pembuangan *maf'ul bih* ini juga untuk menguatkan lagi tentang kebenaran utusan-utusan Allah SWT dalam masa yang sama terserlah dengan begitu jelas sekali kemuliaan serta keperkasaan para utusan-utusan Allah SWT dan kehinaan orang-orang yang menolak kerasulan utusan-utusan Allah SWT (al-Darwisy, 1994). Berasaskan terjemahan di atas didapati bahawa penterjemah menterjemahkan ayat al-Quran di atas dengan menjelmakan kata ganti nama هما yang digugurkan didalam kurungan (**kedua Rasul itu**).

ii) Surah Yasin (36): 34

<p>وَجَعَلْنَا فِيهَا جَنَّاتٍ مِنْ نَخِيلٍ وَأَعْنَابٍ وَفَجْرْنَا فِيهَا مِنَ الْعُيُونِ</p>
<p>Maksudnya:</p> <p><i>Dan Kami jadikan di bumi itu kebun-kebun kurma dan anggur, dan Kami pancarkan padanya beberapa mata air.</i></p>

Terdapat *maf'ul bih* kedua kepada kata kerja جعل yang dibuang iaitu rangkaikata يَنْبِي عِلْقَانَةٌ. Seterusnya rangkai kata كائنة juga merupakan *maf'ul bih* kepada kata kerja فَجَّرَ yang dibuang. Jika ditakwilkan ayat suci al-Qur'an al-Karim ini akan berbunyi: وجعلنا فيها جنات ينابيع كائنة وفجرنا فيها من العيون.

Kata kerja جعل adalah tergolong dalam kata kerja transitif yang menasabkan dua *maf'ul bih*. *Maf'ul bih* ini dibuang bertujuan penyesuaian dari sudut makna (al-Darwisy 1994). Berdasarkan terjemahan di atas didapati bahawa penterjemah menterjemahkan ayat al-Quran di atas tanpa menjelmakan *maf'ul bih* kedua kepada kata kerja جعل yang dibuang iaitu rangkai kata

Selain itu, penterjemah juga menterjemah ayat *وَفَجَّرْنَا فِيهَا مِنَ الْعُيُونِ* tanpa menjelmakan *maf'ul bib* kepada kata kerja *فَجَّرَ* yang dibuang iaitu rangkaikata *بِنَابِعِ كَائِنَةٍ*.

iii) Surah Yasin (36): 66

<p>وَلَوْ نَشَاءُ لَطَمَسْنَا عَلَىٰ أَعْيُنِهِمْ فَاسْتَبَقُوا الصِّرَاطَ فَأَنَّىٰ يُبْصِرُونَ</p>
<p>Maksudnya:</p> <p><i>(Matabati orang-orang yang menderbaka itu rosak) dan kalau Kami kehendaki, Kami berkuasa menghapuskan bentuk dan biji mata kepala mereka menjadi rata, sehingga masing-masing menerpa mencari-cari jalan (yang biasa mereka lalui). (Kiranya dijadikan demikian) maka bagaimanakah mereka dapat melihatnya?</i></p>

Dalam ayat suci al-Qur'an al-Karim di atas terdapat *maf'ul bib* yang dibuang iaitu kata nama *طمس*. Ia merupakan *maf'ul bib* kepada lafaz *ولَوْ نَشَاءُ* Taqdir *al-Hadhif* tersebut ialah (*ولو نشاء*) (*طمس أعينهم لطمسنا علي أعينهم*). Dari sudut nahu, fi'il *نشاء* pada ayat tersebut memerlukan *maf'ul bib*. (Mahmud 1990).

Berasaskan terjemahan di atas didapati penterjemah menterjemahkan ayat al-Quran di atas dengan tidak menjelmakan *maf'ul bib* yang dibuang iaitu kata nama *طمس*. Ia boleh dikategorikan sebagai terjemahan harfiyyah/literal kerana penterjemah menterjemah berdasarkan zahir ayat tanpa menjelmakan sesuatu yang digugurkan.

vi) Surah Yasin (36): 67

<p>وَلَوْ نَشَاءُ لَمَسَخْنَاهُمْ عَلَىٰ مَكَانَتِهِمْ فَمَا اسْتَطَاعُوا مُضِيًّا وَلَا يَرْجِعُونَ</p>
<p>Maksudnya:</p> <p><i>(Kekuatan akal fikiran mereka juga tidak sihat) dan kalau Kami kehendaki, Kami berkuasa mengubah keadaan jasmani mereka (menjadi kaku beku) di tempat Yang mereka berada padanya; maka Dengan itu, mereka tidak dapat mara ke hadapan dan juga tidak dapat undur ke belakang.</i></p>

Dalam ayat suci al-Qur'an al-Karim di atas terdapat *maf'ul bib* yang dibuang iaitu kata nama *مسخ* Manakala 'amil yang menasabkannya adalah kata *نشاء*. *Maf'ul bib* ini dibuang bertujuan penyesuaian dari sudut lafaz. Yang dimaksudkan *المسح* ialah mengubah bentuk fizikal mereka kepada bentuk yang lebih buruk, sama ada menjadikan mereka kera dan babi sebagaimana yang berlaku pada kaum Nabi Musa a.s yang terdiri dari Bani Isra'il pada zaman Nabi Daud a.s. atau menjadikan batu-batu yang tidak boleh bergerak (Ibn Kathir).

Berasaskan terjemahan di atas didapati penterjemah menterjemahkan ayat al-Quran di atas dengan tidak menjelmakan *maf'ul bih* yang dibuang iaitu kata nama مسخ. Ia boleh dikategorikan sebagai terjemahan harfiyyah/literal kerana penterjemah menterjemah berdasarkan zahir ayat tanpa menjelmakan sesuatu yang digugurkan.

c) Hadhf al-Mudaf

i) Surah Yasin (36): 25

إِنِّي آمَنْتُ بِرَبِّكُمْ فَاسْمَعُونِ
Maksudnya: <i>Sesungguhnya Aku telah beriman kepada Tuhan kamu, maka dengarlah (nasihatku).</i>

Ayat diatas mengandungi *Hadhf* yang terletak pada kalimut ربكم dan di-taqdirkan dengan إني أمنت بوحداية ربكم فاسمعون. Taqdir pada ayat tersebut cukup memperjelas teks ayat, meskipun sebenarnya tanpa taqdir pun ayat tersebut cukup mudah difahami. Isi dari ayat tersebut adalah pernyataan keimanan kepada Allah sebagaimana difahami dari إني أمنت (al-Salami 1999). Berasaskan terjemahan di atas didapati bahawa penterjemah menterjemahkan ayat al-Quran di atas dengan tidak menjelmakan *al-Mudaf* yang digugurkan وحداية. Ia boleh dikategorikan sebagai terjemahan harfiyyah/literal kerana penterjemah menterjemah berdasarkan zahir ayat tanpa menjelmakan sesuatu yang digugurkan.

ii) Surah Yasin (36): 69

وَمَا عَلَّمْنَاهُ الشِّعْرَ وَمَا يَنْبَغِي لَهُ ۚ إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ وَقُرْآنٌ مُّبِينٌ
Maksudnya: <i>(Nabi Muhammad bukanlah penyair) dan Kami tidak mengajarkan syair kepadaNya, dan kepandaian bersyair itu pula tidak sesuai baginya. Yang Kami wahyukan kepadanya itu tidak lain melainkan nasihat pengajaran dan Kitab suci Yang memberi penerangan.</i>

Dalam kitab *Majaz al-Qur'an* disebutkan bahwa pada ayat tersebut terjadi *Hadhf al-Mudaf* yang terletak pada kata الشعر. Tidak disebut *al-mudaf* pada perkataan الشعر adalah sangat tepat iaitu sesuai dengan apa yang dikehendaki oleh ayat, di mana keberadaan *mudaf* yang ditaqdirkan tersebut menyatakan bahawa Allah menafikan segala bentuk pengajaran syair kepada Nabi sehingga menegaskan bahwa Nabi bukan penyair dan al-Qur'an bukan syair (al-Salami 1999).

Berasaskan terjemahan di atas didapati bahawa penterjemah menterjemahkan ayat al-Quran di atas dengan tidak menjelmakan *al-Mudaf* yang digugurkan. Ia boleh dikategorikan sebagai terjemahan harfiyyah/literal kerana penterjemah menterjemah berdasarkan zahir ayat tanpa menjelmakan sesuatu yang digugurkan.

Kesimpulan

Daripada dapatan kajian, dapat disimpulkan bahawa penterjemah menterjemahkan ayat 1 surah Yasin yang mempunyai unsur *Hadf al-Fi'l* dengan tidak menjelmakan *Fi'l* tersebut. Penterjemah hanya menyalin semula bahasa sumber dengan meletakkan catatan nota kaki. Selain itu penterjemah tidak menjelmakan *Fi'l* yang digugurkan pada ayat 12 dalam terjemahannya. Pengkaji berpandangan kedua-dua terjemahan tersebut bersesuaian dengan bahasa sasaran namun ayat pertama boleh diterjemahkan kepada bacalah Yaa siin dengan menzahirkan *fi'l* yang digugurkan.

Berkaitan ayat-ayat yang mempunyai unsur *Hadf al-Maf'ul Bib* penterjemah menterjemahkan ayat-ayat tersebut sebagaimana berikut:

i. Penterjemah menterjemahkan ayat 14 daripada Surah Yasin dengan menjelmakan kata ganti nama هما yang digugurkan didalam kurungan (**kedua Rasul itu**). Penjelmaan kalimah yang digugurkan atau tersirat dalam terjemahan boleh memberi kefahaman yang mendalam kepada para pembaca dalam menghayati makna al-Quran al-Karim.

ii. Penterjemah menterjemahkan ayat 34 daripada surah Yasin tanpa menjelmakan *maf'ul bib* kedua kepada kata kerja جعل yang dibuang iaitu rangkaikata يَنبِيعُ كَائِنَةً. Selain itu, penterjemah juga menterjemah ayat وَفَجَّرْنَا فِيهَا مِنَ الْعُيُونِ tanpa menjelmakan *maf'ul bib* kepada kata kerja فَجَّرَ yang dibuang iaitu rangkaikata يَنبِيعُ كَائِنَةً. Hal ini menjadikan terjemahan tidak sempurna. Cadangan pengkaji ayat tersebut diterjemahkan sebagaimana berikut:

Dan Kami jadikan di bumi itu kebun-kebun kurma dan anggur serta mata air, dan Kami pancarkan padanya sumber air dari beberapa mata air.

iii. Penterjemah menterjemahkan ayat 66 daripada surah Yasin dengan tidak menjelmakan *maf'ul bib* yang dibuang iaitu kata nama طمس. Ia boleh dikategorikan sebagai terjemahan harfiyyah/literal kerana penterjemah menterjemah berdasarkan zahir ayat tanpa menjelmakan sesuatu yang digugurkan. Cadangan pengkaji ayat tersebut diterjemahkan sebagaimana berikut: *(Matabati orang-orang yang menderbaka itu rosak) dan kalau Kami kebendaki menghapuskan bentuk dan biji mata kepala mereka menjadi rata, Kami berkuasa berbuat demikian, sehingga masing-masing menerpa mencari-cari jalan (yang biasa mereka lalui). (Kiranya dijadikan demikian) maka bagaimanakah mereka dapat melihatnya?*

iv. Penterjemah menterjemahkan ayat 66 daripada surah Yasin dengan tidak menjelmakan *maf'ul bih* yang dibuang iaitu kata nama مسح. Ia boleh dikategorikan sebagai terjemahan harfiyyah/literal kerana penterjemah menterjemah berdasarkan zahir ayat tanpa menjelmakan sesuatu yang digugurkan. Cadangan pengkaji ayat tersebut diterjemahkan sebagaimana berikut: *(Kekuatan akal fikiran mereka juga tidak sihat) dan kalau Kami kehendaki mengubah keadaan jasmani mereka (menjadi kaku beku), Kami berkuasa mengubah keadaan jasmani mereka di tempat Yang mereka berada padanya; maka Dengan itu, mereka tidak dapat mara ke hadapan dan juga tidak dapat undur ke belakang.*

Berkaitan ayat-ayat yang mempunyai unsur *Hadf al-Mudaf* penterjemah menterjemahkan ayat-ayat tersebut sebagaimana berikut:

Penterjemah menterjemahkan ayat 25 daripada surah Yasin dengan tidak menjelmakan *al-Mudaf* yang digugurkan وحدانية. Ia boleh dikategorikan sebagai terjemahan harfiyyah/literal kerana penterjemah menterjemah berdasarkan zahir ayat tanpa menjelmakan sesuatu yang digugurkan. Cadangan pengkaji ayat tersebut diterjemahkan sebagaimana berikut: *Sesungguhnya Aku telah beriman kepada keesaan Tuhan kamu, maka dengarlah (nasihatku). Selain itu, penterjemah menterjemahkan ayat 69 daripada surah Yasin dengan tidak menjelmakan *al-Mudaf* yang digugurkan. Ia boleh dikategorikan sebagai terjemahan harfiyyah/literal kerana penterjemah menterjemah berdasarkan zahir ayat tanpa menjelmakan sesuatu yang digugurkan. Cadangan pengkaji ayat tersebut diterjemahkan sebagaimana berikut: *(Nabi Muhammad bukanlah penyair) dan Kami tidak mengajarkan syair kepadaNya, dan kepandaian bersyair itu pula tidak sesuai baginya. Yang Kami wahyukan kepadanya itu tidak lain melainkan nasihat pengajaran dan Kitab suci Yang memberi penerangan.**

Secara umum dapat dirumuskan bahawa Teknik eksplisitasi elemen *al-Hadf* yang terkandung di dalam ayat al-Quran secara sisipan didapati sesuai dan dapat mengatasi salah faham, keliru serta manipulasi makna-makna implisit khususnya *al-Hadf* sebagaimana yang terdapat dalam terjemahan ayat 1 daripada surah Yasin.

Selain itu, penterjemahan ayat-ayat al-Quran yang mempunyai unsur *al-Hadf* tanpa menjelmakan kalimah yang digugurkan boleh membawa kepada kehilangan makna yang tersirat. Hal ini menyebabkan para pembaca tidak dapat menghayati makna secara mendalam. Bagaimanapun terdapat situasi yang mana penterjemah perlu menggugurkan kalimah yang tersirat dalam terjemahan mereka sekiranya ia tidak menghilangkan maksud asal pada bahasa sumber bagi menjaga struktur bahasa sasaran. Diharap kajian ini dapat menjelaskan kepentingan terjemahan ayat berunsur *Hadhf al-Kalimah* dalam al-Quran khususnya Surah Yasin selain menjadi asas kepada kajian lanjutan merangkumi kajian teks dan kajian lapangan.

Rujukan

- Abdullah Basmeih. (2013). Tafsir pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian al-Quran (Cet. ke-22). Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Abu Shadiy, Mustafa 'Abd al-Salam Muhammad. (1992). *al-Hadhf al-Balaghiy fi al-Qur'an al-Karim*. Al-Qahirah: Maktabah al-Qur'an li al-Tab' wa al-Nashr wa al-Tawzi'.

- al-Alusiy, Abu al-Fadl Syihab al-Din al-Sayyid Mahmud. t.th. *Rub al-Ma'ani*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiy.
- al-Darwisy, Muhyi al-Din. (1994). *F'rab al-Qur'an al-Karim wa Bayanuh*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Fadl Hasan 'Abbas. (2010). *Lata'if al-Mannan wa Rawa'i' al-Bayan fi Nafy al-Ziyadah wa al-Hadhf fi al-Qur'an*. 'Amman : Dar al-Nafa'is li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Fayyud, Basyuni 'Abd al-Fattah. (1998). *Ilm al-Bayan : Dirasah Tabliliyyah li Masa'il al-Bayan*. al-Qahirah: Mu'assasah al-Mukhtar li al-Nashr wa al- Tawzi'.
- Ibn Kathir, 'Imad al-Din Abi al-Fida' Isma'il b. 'Umar b. Kathir. (2004). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. al-Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Mahmud, Said Ahmad. *al-Hadhf wa al-Taqdir fi al-Quran al-Karim*. (1990). T.tp: Universiti Islam Bahawul Bur.
- MD Noor Hussin. (2006). *al-Zahirah Al-Hadhf Fi Surat'ai Hud Wa Yasin Dirasatu Nabhiyyah Wa Balaghhiyyah*. Tesis Master, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Al-Salami al-Syafi'i. Majaz al-Quran. (1999). *Mu'assasah al-Furqan li al-Turath al-Islami Al-Furqan Islamic*. London: Herritage Foundation.
- Al-Samirra'iy, Fadil Salih. 1998. *Al-Ta'bir al-Qur'aniy*. 'Amman : Dar 'Ammar. al-Sayutiy, Jalalul al-Din Abd al-Rahman bin Abi Bakr. (1998). Beirut : Dar al-Kutub al-,Ilmiyyat.
- Tammam Hassan. 1994. *al-Lughah al-'Arabiiyyah : Ma'naha wa Mabnaha*. Al-Maghrif : Dar al-Thaqafah.

BAB 11

ANALISIS TERJEMAHAN MELAYU BERKAITAN KEINDAHAN DESA DALAM NOVEL ZAINAB KARYA MUHAMMAD HUSAYN HAYKAL

Wan Moharani bin Mohammad, Nurhasma Muhamad Saad, Muhammad Marwan bin Ismail, Zulkipli bin Md. Isa & Sulaiman bin Ismail

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Pengenalan

Alam sangat penting dalam pengkaryaan seorang sasterawan. Dalam berkarya, sasterawan sering dilihat menghubungkan alam dengan kehidupan yang dilalui oleh manusia. Zurinah Hassan (2010:16) menyatakan bahawa “Alam amat penting di dalam proses kreatif seorang penyair. Penyair sering merenung alam. Daripada renungan itu penyair menemui makna kehidupan yang dilalui oleh manusia”. Bukankah perkataan “pengalaman” itu berasal dari perkataan “alam”?

Artikel ini merupakan kajian kualitatif terhadap terjemahan bahasa Melayu bagi unsur keindahan desa yang terdapat dalam novel Arab *Zainab* karya Muhammad Husayn Haykal, seorang tokoh sasterawan Mesir. Novel ini antara lainnya mengangkat kisah kehidupan kampung serta keindahan alam di desa. Justeru, artikel ini cuba menganalisis terjemahan Melayu bagi unsur keindahan desa dalam novel tersebut. Sampel ayat dipilih daripada Fasal 1 novel ini. Analisis ini antara lainnya, memanfaatkan prosedur terjemahan Vinay & Darbelnet.

Muhammad Husayn Haykal

Muhammad Husayn Haykal dilahirkan pada 1888 di Kafr Ghannam, Mansoura, Al-Daqahliyah. Ketika kecil lagi beliau telah menghafaz al-Qur’an. Beliau memperolehi Phd undang-undang dari Universiti Sorbonne pada 1912. Beliau merupakan seorang penulis, wartawan dan ahli politik Mesir. Beliau juga pernah menjadi Menteri Pelajaran Mesir. Beliau meninggal dunia pada 1956 (Muhammad Sayyid Muhammad 1996).

Beliau meninggalkan hasil karya penulisan yang banyak. Antaranya ialah:

1. *Zainab*
2. *Hayat Muhammad*
3. *Al-Sadiq Abu Bakr*
4. *Al-Faruk Umar*
5. *Uthman bin Affan*
6. *Muzakkirat al-Shabab*
7. *Fi Anqat al-Farag*
8. *Fi Manzil al-Wahy*
9. *Qasas Misriyyah* (Muhammad Sayyid Muhammad 1996)

Novel Zainab

Novel Arab Zainab karya Muhammad Husayn Haykal dianggap berjaya mengangkat kisah kehidupan kampung serta budayanya khususnya di Mesir. Novel ini bermula dengan gambaran terhadap alam dan penceritaan novel ini berkisarkan kehidupan kampung di Mesir. Watak utamanya adalah Zainab seorang gadis desa, maka penceritaan dalam novel ini banyak berkait dengan watak ini. Ia berkait dengan kehidupannya sebagai seorang gadis desa, perkahwinannya dan berakhir dengan kisah kematiannya. Novel ini dianggap satu novel yang mengangkat penceritaan tentang budaya dan adat di kampung serta keindahan alam yang terdapat di kampung. Novel ini ditulis ketika penulis berada di Paris (Mi`raj 2019, Muhammad Sayyid Muhammad 1996).

Novel ini diterjemahkan ke bahasa Melayu oleh Adli Yaacob. Ini dilihat sebagai satu usaha yang sangat dihargai dalam aktiviti terjemahan Arab-Melayu di negara kita. Terima kasih diucapkan.

Prosedur Terjemahan

Vinay dan Darbelnet membahagikan prosedur terjemahan kepada dua iaitu 'terjemahan langsung' (*direct translation*) dan 'terjemahan tidak langsung' (*oblique translation*) (Idris 2016:61, Vinay & Darbelnet 1995).

Terjemahan langsung dibahagikan kepada tiga iaitu:

1. Peminjaman (*borrowing*)
2. Pinjam terjemah (*calque*)
3. Terjemahan literal (*literal translation*)

Terjemahan tidak langsung pula dibahagikan kepada empat prosedur iaitu:

1. Transposisi (*transposition*)
2. Modulasi (*modulation*)
3. Persamaan (*equivalence*)
4. Adaptasi (*adaptation*)

(Idris 2016:61, Vinay & Darbelnet 1995).

Budaya Dan Klasifikasinya

Kebudayaan bermaksud "keseluruhan cara hidup (yang merangkumi cara bertindak, berkelakuan, dan berfikir) serta segala hasil kegiatan dan penciptaan yang berupa kebendaan atau kerohanian sesuatu masyarakat, tamadun, peradaban kemajuan (akal budi). Ia berasal dari perkataan budaya yang bermaksud "tamadun, peradaban" (Kamus Dewan edisi keempat 2010:212).

Newmark (1998:95) mengklasifikasikan budaya kepada beberapa bahagian seperti berikut:

- 1) Ekologi (*Ecology*)
- 2) Budaya material (*Material culture*)
- 3) Budaya sosial (*Social culture*)
- 4) Organisasi, adat, aktiviti, prosedur dan konsep (*Organisation, customs, activities, procedures, concepts*)
- 5) Gerak isyarat dan tabiat atau kebiasaan (*Gestures and habits*)

Analisis dan Perbincangan

Teks Sumber	Teks Terjemahan
<p>وحدقت نحو الشرق فإذا الأفق متورد، والشمس في لونها القاني والسما قد خلعت قميص الليل. (Zainab, Fasal 1 Bab 1)</p>	<p>Dia memandang ke arah timur dan mengamati keindahan ufuk yang sangat cantik kemerah-merahan, dan langit pula memancarkan cahayanya yang bersinar-rsinar, manakala langit pula menanggalkan pakaian malamnya. (Terjemahan ms2)</p>

Jadual 1

Jadual 1 menunjukkan ayat dalam teks sumber yang menggambarkan suasana keindahan di desa dalam novel Zainal. Jadual tersebut juga menunjukkan terjemahan Melayu bagi ayat tersebut serta penggunaan perkataan dan terjemahannya yang mengandungi makna keindahan. Antaranya perkataan *متورد* dan *القاني* serta frasa *خلعت قميص الليل*.

Perkataan *متورد* berasal dari *تورد*. Ayat *تورد الخد* sebagai contohnya membawa maksud “pipi menjadi merah” (Kamus Besar Arab Melayu Dewan 2015:2616). Dalam konteks ini terjemahan *متورد الأفق* iaitu “keindahan ufuk yang sangat cantik kemerah-merahan” dilihat sesuai dan dapat difahami dalam bahasa sasaran. Di sini dilihat ada unsur keterangan yang digunapakai dalam terjemahan ini iaitu perkataan “keindahan” serta frasa “yang sangat cantik” yang tiada dalam teks sumber. Perkataan “kemerah-merahan” pula bolehlah dianggap sebagai terjemahan secara literal.

Perkataan kedua iaitu *القاني* pula merupakan kata nama pelaku kepada kata kerja *قان*, *قان المرأة* sebagai contohnya membawa maksud “menghiaskannya” (Kamus al-Khalil 2006:527). Dalam konteks ayat ini, terjemahan *القاني* kepada “yang bersinar-sinar” dalam bahasa Melayu dilihat sesuai daripada segi makna dan juga sesuai daripada segi penggolongan perkataan kerana “yang bersinar-sinar” kerana perkataan “yang” boleh menunjukkan makna pelaku seperti frasa “orang yang menulis”.

Frasa *خلعت قميص الليل* dalam teks sumber merupakan frasa yang bersifat idiomatik yang indah. Dalam konteks ayat ini, terjemahan literal yang digunapakai iaitu “langit pula menanggalkan pakaian” dilihat sesuai dan cantik. Terjemahan frasa yang indah ini mampu meninggalkan kesan yang hampir sama terhadap pembaca bahasa sasaran sebagaimana kesan yang ditinggalkan oleh frasa dalam teks sumber terhadap pembacanya.

Teks Sumber	Teks Terjemahan
<p>في هاته الليالي الساهرة، هاته الليالي البديعة بموج في جَوْها نسيم الصيف البليل، وتتلاً في سمائها الكواكب اللامعة،</p> <p>(Zainab, Fasal 1 Bab 1)</p>	<p>Malam-malam yang berlalu ini benar-benar membuatkan mereka tidak mengantuk. Suasananya indah, angin musim panas bertiup dengan lembut, dan bintang-bintang bersinar-sinar di langit</p> <p>(Terjemahan ms 7)</p>

Jadual 2

Jadual 2 menunjukkan ayat dalam teks sumber yang menggambarkan suasana keindahan di desa dalam novel Zainal. Jadual tersebut juga menunjukkan terjemahan Melayu bagi ayat tersebut serta penggunaan perkataan yang mengandungi makna keindahan dan terjemahannya. Frasa الليالي الساهرة terbentuk daripada dua perkataan iaitu الليالي yang bermaksud malam-malam dan الليل الساهر yang bermaksud tidak dapat tidur. Dijelaskan bahawa frasa الليل الساهر bermaksud “Malam yang tidak dapat tidur” (Kamus Besar Arab Melayu Dewan 2015:1199). Jadual tersebut menunjukkan bahawa terjemahan yang digunakan dalam konteks ini ialah “Malam-malam yang berlalu ini benar-benar membuatkan mereka tidak mengantuk”. Terjemahan ini boleh difahami dalam bahasa sasaran lebih-lebih adanya tambahan keterangan dalam terjemahan ini iaitu frasa “membuatkan mereka”. Dalam terjemahan ini juga mungkin boleh dilihat berlakunya perubahan persepsi yang memfokuskan kepada sifat mengantuk kepada manusia bukannya kepada malam (sepertimana yang terdapat dalam teks sumber).

Ayat موج في الجو نسيم الصيف البليل terdiri daripada lima perkataan yang secara literalnya boleh diterjemahkan kepada “bayu musim panas yang basah bergelombang di udara” (Lihat Kamus Besar Arab Melayu Dewan 2015). Jadual 2 menunjukkan bahawa terjemahan yang digunakan dalam konteks ini ialah “angin musim panas bertiup dengan lembut” merupakan terjemahan yang lebih mudah difahami dalam bahasa sasaran berbanding terjemahan literalnya. Di sini dapat dilihat juga makna البليل yang merupakan sifat kepada angin, tidak diterjemahkan.

Ayat تتلاً في سمائها الكواكب اللامعة: terdiri daripada enam perkataan yang secara literalnya boleh diterjemahkan kepada “bintang-bintang yang berkilau berkerlipan di langitnya”. (Lihat Kamus Besar Arab Melayu Dewan 2015:2051,2124). Jadual 2 menunjukkan bahawa terjemahan yang digunakan dalam konteks ini ialah “bintang-bintang bersinar-sinar di langit”. Terjemahan ini juga mudah difahami dalam bahasa sasaran. Di sini makna اللامعة (berkilau) yang merupakan sifat kepada bintang-bintang tidak diterjemahkan. Bagaimanapun ini dilihat tidak menghilangkan makna umum yang ingin disampaikan kerana makna اللامعة terkandung dalam makna تتلاً yang diterjemahkan kepada “bersinar-sinar”.

Teks Sumber	Teks Terjemahan
<p>فإذا ما تنفس الصبح، وطلعت الشمس وبعثت بنورها على البسيطة، وتالألأ الطلّ تحت أشعتها (Zainab, Fasal 1 Bab 1)</p>	<p>Apabila tiba waktu pagi, matahari memancarkan cahayanya ke seluruh pelosok alam, dan hujan renyai-renyai pula bersinar-sinar di bawah bayangan mentari pagi. (Terjemahan ms11)</p>

Jadual 3

Jadual 3 menunjukkan ayat dalam teks sumber yang menggambarkan suasana keindahan di desa dalam novel Zainal. Jadual tersebut juga menunjukkan terjemahan Melayu bagi ayat tersebut serta penggunaan perkataan yang mengandungi makna keindahan dan terjemahannya.

Ayat *فإذا ما تنفس الصبح* secara literalnya boleh diterjemahkan kepada “apabila subuh bernafas”. Dalam ayat ini terdapat unsur personafikasi iaitu subuh diberikan sifat bernafas seperti manusia. Jadual 3 menunjukkan bahawa terjemahan yang digunapakai dalam konteks ini ialah “Apabila tiba waktu pagi” merupakan terjemahan yang mudah difahami dalam bahasa sasaran berbanding terjemahan literalnya. Bagaimanapun terjemahnan yang diberikan oleh Kamus Besar Dewan iaitu “menjelang subuh” dilihat lebih cantik (Kamus Besar Arab Melayu Dewan 2015:2403).

Ayat *طلعت الشمس وبعثت بنورها على البسيطة* secara literalnya mungkin boleh diterjemahkan kepada “matahari terbit dan mengirinkan cahayanya ke atas (bumi) yang luas” (Lihat Kamus Besar Arab Melayu Dewan 2015:150,1458). Jadual 3 menunjukkan bahawa terjemahan yang digunapakai dalam konteks ini ialah “matahari memancarkan cahayanya ke seluruh pelosok alam” merupakan terjemahan yang indah dan mudah difahami dalam bahasa sasaran berbanding terjemahan literalnya.

Ayat *تألأ الطلّ تحت أشعتها* secara literalnya mungkin boleh diterjemahkan kepada “hujan renyai-renyai bersinar di bawah sinarannya (matahari)” (Lihat Kamus Besar Arab Melayu Dewan 2015:2051,1462). Jadual 3 menunjukkan bahawa terjemahan yang digunapakai dalam konteks ini ialah “hujan renyai-renyai pula bersinar-sinar di bawah bayangan mentari pagi” merupakan terjemahan yang indah dan merupakan terjemahan yang indah dan mudah difahami dalam bahasa sasaran berbanding terjemahan literalnya. Di sini dapat dilihat unsur keterangan dalam terjemahan, antara lainnya penambahan perkataan “pagi”.

Teks Sumber	Teks Terjemahan
<p>طابت لحامد المزارع حين رأى ما فيها من جمال؛ فالنبات والشجر والغدران والهواء الحر والعاملات القويات، جعلته يتردد عليها كل يوم أصيل النهار</p> <p>(Zainab, Fasal 1 Bab 2)</p>	<p>Kawasan ladang semakin menarik perhatian Hamid apabila dia melihat kecantikan tumbuh-tumbuhan, pohon-pohon, anak sungai, udara yang segar dan gadis-gadis pekerja. Dia mula ke ladang setiap hari...</p> <p>(Terjemahan ms21)</p>

Jadual 4

Jadual 4 menunjukkan ayat dalam teks sumber yang menggambarkan unsur keindahan di desa dalam novel Zainal. Jadual tersebut juga menunjukkan terjemahan Melayu bagi ayat tersebut serta penggunaan perkataan yang mengandungi makna keindahan dan terjemahannya. Dalam konteks ayat ini, penulis menyenaraikan antara unsur keindahan desa ini dengan ayat رأى ما فيها، “من جمال؛ فالنبات والشجر والغدران والهواء الحر والعاملات القويات،” yang diterjemahkan kepada “apabila dia melihat kecantikan tumbuh-tumbuhan, pohon-pohon, anak sungai, udara yang segar dan gadis-gadis pekerja.”

Perkataan النبات diterjemahkan secara literal kepada “tumbuh-tumbuhan”, perkataan الشجر pula diterjemahkan secara literalnya kepada “pohon-pohon”, perkataan الغدران diterjemahkan kepada “anak sungai”, manakala perkataan الهواء bermakna “udara” الحر pula bermakna “merdeka”. Tetapi dalam konteks frasa الهواء الحر, terjemahan yang digunapakai iaitu udara segar adalah dilihat sebagai lebih sesuai dan lebih mudah difahami kepada pembaca bahasa sasaran.

Teks Sumber	Teks Terjemahan
<p>وجاءت فرصة ذكر فيها الريف وجماله، ارتسمت أمامه المزارع بكلها، وغدرانها الساكنة تشق الأراضي الواسعة، ويقوم عن جانبيها الشجر بكسائه الأخضر البديع، والآلات مشتتة هنا وهناك تدور فتبعث في الهواء نغمتها الحزينة الشاكية، ويعلو ذلك سماء صافية مهیضة بنور الشمس الساطع. فإذا ما جاء المغرب وانتشر الليل تألأت النجوم في علوها، وسرى النسيم الرقيق فأرسل للخليقة الهدائة أسعد الأحلام.</p> <p>(Zainab, Fasal 1 Bab 3)</p>	<p>Bagi Hamid, apabila dia duduk bersendirian, dia akan terkenangkan segala keindahan kampung dengan anak-anak sungai, pokok-pokok dan kincir air. Sedikit rasa sayu terpahat di hati ketika mengenangkan langit yang biru dan matahari yang bersinar terang. Dan apabila matahari terbenam, datanglah malam lalu bertebaranlah bintang-bintang berkelipan di langit. Tiupan angin yang nyaman membuatnya teringat mimpinya yang indah.</p> <p>(Terjemahan ms25)</p>

Jadual 5

Jadual 5 menunjukkan ayat dalam teks sumber yang menggambarkan suasana keindahan di desa dalam novel Zainal. Jadual tersebut juga menunjukkan terjemahan Melayu bagi ayat tersebut serta penggunaan perkataan yang mengandungi makna keindahan dan terjemahannya.

Ayat *غدرانها الساكنة تشق الأراضى الواسعة* seakan diterjemahkan secara ringkas kepada “anak-anak sungai”. Begitu juga dengan ayat *بكسائه الأخضر البديع الشجر* yang seakan diterjemahkan secara ringkas kepada “pokok-pokok”.

Ayat *سما صافية مهيضة بنور الشمس الساطع* diterjemahkan kepada “langit yang biru dan matahari yang bersinar terang”. Terjemahan ini boleh difahami dengan mudah oleh pembaca bahasa sasaran. Dalam konteks ini, terjemahan “biru” digunapakai bagi perkataan *صافية* yang makna literalnya ialah “yang bersih, jernih”. Frasa *صفا الجو واليوم* sebagai contohnya membawa maksud “hari yang tenang tidak berawan” (Lihat Kamus Besar Arab Melayu Dewan 2015:1350). Terjemahan sebegini boleh difahami dalam konteks bahasa Melayu kerana langit yang biru boleh difahami sebagai langit yang cerah dan tidak berawan.


Ayat *تألأت النجوم في علوها* yang diterjemahkan kepada “bertebaranlah bintang-bintang berkelipan di langit” merupakan satu terjemahan yang indah dan boleh difahami berbanding dengan terjemahannya secara literal iaitu “bintang-bintang berkerlipan di ketinggian”.

Ayat *سرى النسيم الرقيق* terbentuk daripada tiga perkataan. Perkataan *سرى* secara literalnya bermaksud *مضى* (berlalu) atau *ذهب* (pergi) (al-Mu`jam al-Wasit 2004,428). Perkataan *النسيم* secara literalnya boleh diterjemahkan kepada “bayu, angin yang lembut” (Kamus Besar Arab Melayu Dewan 2015:2347). Perkataan *الرقيق* pula secara literalnya boleh diterjemahkan kepada “yang halus” (Kamus Besar Arab Melayu Dewan 2015:947). Jadual 5 menunjukkan bahawa terjemahan yang digunapakai dalam konteks ini ialah “Tiupan angin yang nyaman”. Terjemahan ini boleh difahami dalam bahasa sasaran lebih-lebih adanya tambahan keterangan dalam terjemahan ini iaitu frasa “membuatkan mereka”. Dalam terjemahan ini juga mungkin boleh dilihat perkataan *النسيم* yang bermaksud “bayu” dilihat telah digeneralisasikan kepada “angin”. Dilihat juga kata kerja kala lampau *سرى* yang bermaksud “berlalu” atau “bertiup” dalam konteks penggunaannya dengan angin atau bayu, telah diterjemahkan kepada “tiupan” yang merupakan kata nama terbitan. Di sini boleh dilihat penggunaan prosedur Transposisi.

Frasa *أسعد الأحلام* terbentuk daripada dua perkataan iaitu *أسعد* ism al-tafdil bagi kata kerja *سعد*, yang bermaksud “paling bahagia” dan *الأحلام* pula adalah yang bermaksud “mimpi-

mimpi” (Lihat Kamus Besar Arab Melayu Dewan 2015:1132, 512). Jadual 5 menunjukkan bahawa terjemahan yang digunapakai dalam konteks ini ialah “mimpinya yang indah”. Terjemahan “mimpi yang indah” ini boleh membawa maksud mimpi yang bahagia. Di sini dilihat adalah lebih elok lagi jika ia diterjemahkan kepada “mimpi yang terindah”.

Kesimpulannya daripada analisis sampel di atas, dapat dikatakan bahawa terdapat pelbagai perkataan atau frasa berkaitan unsur keindahan desa dalam novel ini. Antaranya ialah seperti yang dapat dilihat dalam rajah berikut:



Rajah 1

Unsur Keindahan Desa Sampel Analisis

Dari aspek terjemahan bagi unsur keindahan desa tersebut pula, secara umumnya, terjemahan yang digunapakai dianggap berhasil untuk menyampaikan makna yang ingin disampaikan oleh penulis asal. Analisis turut mendapati beberapa prosedur dapat dilihat dalam terjemahan tersebut. Terjemahan yang digunapakai menzahirkan nilai keindahan dalam aspek tertentu, sesuai dengan teks asal suatu karya sastera yang bernilai.

Penutup

Berdasarkan sampel yang dipilih didapati bahawa dalam novel Zainab, didapati bahawa terdapat pelbagai perkataan atau frasa berkaitan unsur keindahan desa dalam novel ini khususnya yang ada hubungannya dengan ekologi. Secara umumnya terjemahan berkaitan yang digunapakai adalah indah dan sesuai dengan teks asal yang merupakan karya sastera yang bernilai. Beberapa prosedur terjemahan yang dilihat digunapakai dalam terjemahan berkaitan unsur keindahan desa dalam novel Arab tersebut ke bahasa Melayu. Justeru, diharapkan agar pengetahuan berkaitan unsur keindahan desa dan prosedur terjemahan sebegini terus dimanfaatkan dalam usaha terjemahan novel Arab–Melayu bahkan dalam penulisan novel.

Rujukan

- Abu Abdullah Hanafi bin Dollah. (2006). *Kamus al-Kbalil*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Idris Mansor. (2016). Pendekatan Terjemahan. Chapter in *Asas Terjemahan dan Interpretasi* (editor Haslina Haroon & Hasuria Che Omar). Pulau Pinang: Penerbit USM
- Kamus Besar Arab Melayu Dewan. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mi`raj Ahmad Mi`raj. (2019). *al-Rif al-Misri fi Riwayah Zainab li Mubammad Husayn Haykal*. Retrieved from <https://www.ajeal.net/culture/3619/-لريفالجرىفيرويّة-زوينبلىمحمّد-حسين>
- Muhammad Husayn Haykal. (2011). *Zaynab*. Al-Qahirah: Muassasah Hindawi li al-Ta`lim wa al-Thaqafah.
- Muhammad Husayn Haykal. (2020). *Zainab* (Adli Yaacob, Trans.). Gombak: IIUM Press.
- Muhammad Sayyid Muhammad. (1996). *Haykal wa al-Siyasah al-Ushu`iyyah*. Misr: al-**Hay'ah** al-**Misriyyah** al-'Ammah lil **Kuttab**
- Majma` al-Lughah al-'Arabiyyah. (2004). *Al-Mu`jam al-Wasit*. Misr: Maktabah al-Syuruq al-Dawliyyah.
- Newmark, Peter. (1998). *A Textbook of Translation*. Shanghai Foreign Language Education Press.
- Vinay, Jean-Pail & Darbelnet, Jean. (1995). *Comparative Stylistics of French and English. A Methodology of translation* (Juan C. Sager & M.J.Hamel, Trans.). Amsterdam: John Benjamins Publishing Company
- Zurinah Hassan. (2010). *Unsur Alam Dalam Puisi Melayu Moden*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

BAB 12

KAJIAN RINTIS PENGGUNAAN APLIKASI MUDAH ALIH MORFOLOGI BAHASA ARAB DI KALANGAN PELAJAR SARJANA MUDA BAHASA ARAB

Hasanah Binti Haji Iksan, Ghazali bin Zainuddin & Noor Azli bin Masrop

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Pengenalan

Pembelajaran bahasa Arab mempunyai banyak cabang ilmu yang berkaitan dengan tatabahasa, retorik, kesusasteraan, terjemahan dan pendidikan bahasa Arab. Setiap bidang mengandungi kesukaran dan kaedah pembelajaran yang berbeza-beza.

Bahasa Arab memiliki kelebihan dan keistimewaan berbanding bahasa lainnya, iaitu di antaranya kekayaan dari segi kosakata (*mufradât*), maupun ungkapan kalimat (*uslub*) dan *idiomatic expression* (simpulan bahasa) yang tinggi. Ini bertepatan dengan saranan yang diungkapkan oleh Umar al-Khattab r.a iaitu “Hendaklah kamu sekalian tamak (tidak pernah puas) mempelajari bahasa Arab, karena bahasa Arab itu merupakan sebahagian dari agamamu (Islam).”

Pandemik COVID telah mengubah banyak corak pengajaran dan pembelajaran di Malaysia dari pembelajaran bersemuka kepada pembelajaran online. Pengajaran dan pembelajaran ini diteruskan walaupun telah memasuki fasa endemik dengan melakukan proses pembelajaran secara hibrat berasaskan elektronik (e-learning). Pada hakikatnya, penggunaan teknologi ini bertepatan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang melakukan transformasi melalui Pendidikan abad ke-21 (PAK21) yang menuntut perubahan dalam sistem penyampaian dunia pendidikan dengan memperluaskan penggunaan teknologi. Justeru kajian ini adalah untuk melihat hasil kajian rintis penggunaan aplikasi mudah alih dalam pembelajaran morfologi Bahasa Arab di kalangan pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Konsep Pelaksanaan Kajian Rintis

Kajian rintis merupakan suatu kajian awal yang dilakukan dalam skala yang kecil. Pelaksanaan kajian rintis mempunyai hubungkait dengan kesesuaian instrument kajian yang digunakan bagi menentukan bahawa soalan yang diberikan kepada responden sesuai dan mudah difahami. Kajian rintis dilakukan untuk mendapatkan pengesahan tahap kebolehpercayaan item-item soalan yang terdapat dalam soal selidik. Tujuannya adalah supaya hasil dapatan adalah sah dan boleh dipercayai (Uma Sekaran, 1992; Merriam, 2009). Kebolehpercayaan soal selidik boleh dilihat melalui konsistensi dan kestabilan data yang diperolehi dalam proses pengumpulan data kajian (Neuman 2003; Noraini 2010). Tahap kebolehpercayaan kajian juga bergantung kepada konstruk dan kandungan item dalam soal selidik tersebut. Manakala, kesahan pula merujuk kepada penilaian yang dibuat terhadap kesesuaian dalam terjemahan dan tindakan yang dilakukan

terhadap skor-skor ujian (Neuman 2003; Ramlee Ismail, Jamal @ Nordin Yunus & Hariri Kamis 2011).

Kajian rintis ini dijalankan terhadap 30 sampel yang terdiri daripada populasi kajian iaitu pelajar yang mengambil kursus pengajian bahasa arab di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) bagi menjawab soal selidik kajian yang dijalankan. Jumlah ini mencukupi bagi sesuatu kajian rintis dalam bidang sains sosial. Ia juga bertepatan dengan konsep kajian rintis iaitu kajian awal berskala kecil (Creswell 2009; Marohaini 2013). Dalam kajian rintis ini, pengkaji memilih pelajar jurusan bahasa arab yang terdiri daripada pelbagai kursus pengajian di Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab di KUIS. Kajian rintis ini dijalankan di KUIS kerana pelajar adalah dari jurusan bahasa arab daripada pelbagai jenis kursus pengajian yang berbeza tetapi mengambil matapelajaran morfologi bahasa arab. Oleh yang demikian, ini bertepatan dengan ciri-ciri yang diperlukan bagi responden kajian ini.

Proses Pelaksanaan Kajian Rintis

Peringkat Pembentukan Soalan

Penghasilan soalan dilakukan pada peringkat ini menggunakan kaedah pemerhatian dan peninjauan literatur serta penerapan soal selidik mengikut kerangka Model TAM iaitu Technology Acceptance Model. TAM merupakan satu model yang dibangunkan untuk menganalisis dan memahami faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan penggunaan teknologi komputer ataupun perisian aplikasi. Penghasilan soalan hendaklah menepati objektif kajian yang dijalankan berkaitan penggunaan aplikasi mudah alih dalam pembelajaran morfologi bahasa Arab dalam kalangan pelajar di peringkat pengajian tinggi. Pengkaji telah menetapkan empat objektif kajian yang ingin dicapai iaitu :

1. Menenal pasti aplikasi mudah alih berkaitan dengan morfologi bahasa Arab yang digunakan oleh pelajar sarjana muda bahasa Arab KUIS dan USIM.
2. Mengkaji kekerapan penggunaan aplikasi mudah alih di kalangan pelajar bahasa Arab KUIS dan USIM dalam pembelajaran morfologi bahasa Arab.
3. Menilai aplikasi mudah alih dalam pembelajaran morfologi Bahasa Arab di kalangan pelajar KUIS dan USIM.
4. Mencadangkan aplikasi mudah alih yang paling sesuai dalam pembelajaran morfologi bahasa Arab di peringkat pengajian tinggi.

Pembentukan soalan dibahagikan kepada lima bahagian yang meliputi ke semua objektif yang telah dibentuk. Ia meliputi latarbelakang responden, persepsi responden terhadap penggunaan aplikasi mudah alih, kekerapan penggunaan aplikasi mudah alih, penilaian terhadap penggunaan aplikasi mudah alih dan cadangan penggunaan aplikasi mudah alih yang bersesuaian dengan pembelajaran morfologi Bahasa Arab. Pengkaji menjalankan pemerhatian dan penerapan menggunakan kerangka model TAM dan soal selidik yang lepas yang berkaitan dan bersesuaian dengan tajuk kajian.

Peringkat Penstrukturan Soalan

Penstrukturan soalan ini dihasilkan setelah proses pembentukan telah diselesaikan. Pada peringkat ini, pengkaji akan menyusun kerangka soalan berdasarkan kajian-kajian literatur dan instrument yang telah dipilih untuk dijadikan penanda aras di dalam mengukur setiap konstruk yang terdapat di dalam kajian ini. Penentuan penyusunan soalan ini juga berpandukan kepada Model TAM. Aspek tatabahasa, kefahaman dan kesesuaian ayat yang mudah difahami responden diambil kira sebagaimana yang dinyatakan dalam tujuan kajian rintis.

Dalam penstrukturan soalan, pengkaji membahagikannya kepada lima bahagian bersesuaian dengan peringkat objektif yang dinyatakan, iaitu: Bahagian A (latarkelakang responden) mengandungi 7 soalan.

1. Bahagian B (persepsi responden terhadap penggunaan aplikasi mudah alih) mengandungi 11 soalan.
2. Bahagian C (kekerapan penggunaan aplikasi mudah alih) mengandungi 10 soalan.
3. Bahagian D (Penilaian terhadap penggunaan aplikasi mudah alih) mengandungi 10 soalan.
4. Bahagian A (cadangan penggunaan jenis aplikasi mudah alih) mengandungi 2 soalan.

Peringkat Pengesahan Soalan untuk Kajian Rintis

Pada peringkat akhir, peringkat pengesahan soalan yang dikemukakan kepada keseluruhan sampel, pengkaji akan menggunakan khidmat nasihat pakar yang terdiri daripada 2 orang pensyarah pakar di KUIS. Soalan yang berkaitan dengan teknologi dan multimedia disemak dan disahkan oleh Dr. Nurkalizah Bt Khalid, pensyarah di Jabatan Sains Komputer, Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat. Manakala item yang berkaitan dengan Bahasa Arab dinilai oleh Dr. Norfaezah bt. Hamidin, pensyarah Jabatan Bahasa di Pusat Pengajian Teras. Pengesahan ini adalah bagi memastikan soal selidik yang digunapakai adalah menepati kehendak konstruk kajian dan mempunyai tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi dan baik. Apabila soal selidik ini diterima kembali oleh pengkaji, pengkaji akan membetulkan segala kesilapan dan kesalahan yang dilakukan berdasarkan panduan yang telah diberikan oleh pakar.

Prosedur Pelaksanaan Kajian Rintis

Pra kajian

Perancangan kajian dilaksanakan berdasarkan 4 ciri utama iaitu perancangan bentuk soalan, perancangan bahan, perancangan fizikal dan perancangan pengetahuan.

- a. Perancangan pembentukan soalan

Menerusi perancangan yang dilakukan adalah melalui penyemakan kejelasan item-item, arahan dan susun atur soal selidik yang digunakan untuk menentukan kebolehpercayaan dan kesahan item soal selidik berasaskan tahap kesesuaian item dan format jawapan. Selain itu, instrument kajian perlu meliputi keseluruhan konstruk yang terdapat di dalam item menerusi keselarasan

objektif, kesesuaian dengan konsep kajian dan menepati tatabahasa yang betul. Ini bermakna, setiap item soalan adalah menepati konstruk yang telah dibina.

b. Perancangan bahan

Kajian rintis dilakukan secara online. Soalan dibina dalam google form dan diedarkan kepada pelajar semester 7 pengajian Bahasa Arab di Jabatan Bahasa dan Linguistik Arab yang baru sahaja menyelesaikan Latihan Industri mereka. Bagi memastikan komitmen menjawab soalan daripada responden mencapai target (30 orang bagi kajian kuantitatif) pengkaji mengenalpasti jumlah pelajar dari setiap program iaitu daripada Sarjana Muda Pengajian Bahasa al-Quran, Sarjana Muda Pengajian Islam (Bahasa Arab Terjemahan) dan Sarjana Muda Pengajian Islam (Bahasa Arab Multimedia).

Pengesahan semua instrument dilakukan oleh pakar yang terlibat terdiri daripada pakar konstruk dan penggunaan aplikasi mudah alih serta pakar dalam bidang metodologi kajian menyemak masa yang diperlukan untuk menjawab soal selidik bagi penilaian item dan pengguguran item yang tiada kaitan dalam soal selidik agar bersesuaian dengan keadaan ketika kajian sebenar dijalankan dan bertepatan dengan tajuk dan objektif kajian.

Menyiapkan borang dalam bentuk google form untuk menganalisis dapatan kajian bagi kajian kuantitatif untuk mengukur tahap kesahan instrumen kajian penggunaan aplikasi mudah alih dalam pembelajaran morfologi bahasa arab. Penyediaan carta alir kajian rintis dan senarai semak berkaitan peringkat pelaksanaan bermula daripada pembentukan instrument sehingga kepada penemuan dapatan kajian.

Semasa kajian

Pengkaji mengedarkan soal selidik dalam bentuk google form. Hebahan disalurkan melalui aplikasi media seperti WhatsApp dan Telegram berbantuan penyarah yang mengajar responden.

Pasca Kajian

Selepas keseluruhan dapatan diperolehi, penyelidik mengisi data dan menganalisis data yang diperolehi melalui kajian rintis menggunakan kaedah yang sama iaitu menggunakan perisian statistik komputer SPSS. Dalam proses penganalisan, pengkaji mendapati responden menjawabnya dengan baik setiap item yang ditanyakan.

Proses Analisis Data Kajian Rintis


Proses analisis data kajian perlu melalui beberapa peringkat ujian seperti, instrument pengesahan pakar, faktor analisis dan Cronbach Alpha. Tambahan pula, proses analisis data perlu menggunakan beberapa peringkat ujian ini bertujuan memastikan setiap item yang digunakan mempunyai tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Analisis data tersebut menggunakan ujian analisis faktor dan Cronbach Alpha. Setelah itu, beberapa pengubahsuaian perlu dilakukan melibatkan pengguguran beberapa item disebabkan pengulangan mahupun kekeliruan di antara item-item tersebut. Proses ini bermula dengan 45 item soalan yang terdiri daripada 5 bahagian dan dikurangkan kepada 40 item soalan selepas diteliti pakar dan dikekalkan

40 item berdasarkan analisis faktor yang dijalankan. Item-item ini menepati pengukuran penggunaan aplikasi mudah alih dalam pembelajaran morfologi bahasa Arab di kalangan pelajar pengajian tinggi. Setelah itu, pengkaji meneruskan kepada peringkat kajian lapangan yang sebenar terhadap responden sasaran (Mohd Majid 2005; Mose 2011).

Dapatan dan Perbincangan daripada Kajian Rintis

Berdasarkan kajian rintis yang dijalankan dan prosedur kesahan dan kebolehpercayaan, hasil dapatan menunjukkan item-item soal selidik dapat dilaksanakan berdasarkan kepada beberapa pengubahsuaian yang perlu dilakukan sebelum diedarkan kepada responden untuk kajian sebenar. Terdapat beberapa item yang digugurkan berpandukan kepada analisis faktor yang dilaksanakan dan perlu disemak semula bagi memastikan keseluruhan item yang digunakan pada kajian lapangan adalah item yang menepati permasalahan dan objektif kajian yang sebenar.

Proses pelaksanaan kajian rintis mengambil masa 5 bulan yang melibatkan pengesahan pakar, penentuan instrument, ujian pra rintis, ujian rintis, analisis data kajian rintis dan pengesahan data bagi kajian lapangan. Keseluruhan proses kajian rintis ini dapat digambarkan berdasarkan rajah di bawah.



(Sumber : Noraini 2010; Rozmi 2013)

Skor Alpha-Cronbach	Kebolehpercayaan
0.9 – 1.0	Sangat baik dan efektif dengan tahap konsisten yang tinggi
0.7 – 0.8	Baik dan Boleh diterima
0.6 – 0.7	Boleh diterima
< 0.6	Item perlu dibaiki
< 0.5	Item perlu digugurkan

Bagi menentukan kebolehpercayaan item dalam instrument kajian, analisis statistik dijalankan merujuk kepada nilai kebolehpercayaan serta pengasingan item. Dapatan analisis kajian

rintis mendapati nilai kebolehpercayaan yang diperoleh berdasarkan nilai Alpha Cronbach (α) ialah 0.916 seperti dalam jadual di atas. Pecahan skor didapati bagi bahagian B ialah 0.913, bahagian C ialah 0.912 dan bahagian C ialah 0.915. Ini jelas menunjukkan nilai ini memberi maksud instrument yang digunakan dalam keadaan sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi dan boleh digunakan dalam penyelidikan yang sebenar.

Rumusan

Pelaksanaan kajian rintis ini merupakan langkah awal bagi penyelidik menggambarkan dan mendedahkan sesebuah penyelidikan sebelum meneruskan kajian yang sebenar ke peringkat yang seterusnya. Beberapa kriteria yang ditetapkan perlu dipatuhi dalam proses pelaksanaannya bagi memastikan dapatan yang diperolehi menepati konsep kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi dan baik serta bersesuaian untuk mencapai objektif kajian yang disasarkan. Bagi kajian ini, pelaksanaan kajian rintis telah menghasilkan dapatan berbentuk instrument yang dapat memastikan penggunaan aplikasi mudah alih dalam pembelajaran morfologi bahasa Arab dalam kalangan pelajar peringkat pengajian tinggi bersesuaian dan membantu pelajar. Hasilnya, kajian rintis ini menunjukkan, instrumen ini boleh digunakan dalam kaji

Rujukan

- Chuan Yan Piaw (2021). *Kaedah Penyelidikan*. Ed. 4 buku 1. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill
- Cohen, J., Lawrence Manion & Keith Marrison. (2011). *Research Method in Education* (Seventh Edition). London ; Routledge, Francais and Taylor Group.
- Cresswell J.W. (2009). *Research Design : Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches* (3 rd Edition) : SAGE, UK
- Cronbach, L. J. (1946). Response Sets and Test Validity. *Educational and Psychological Measurement* 672 – 683
- Effendi, Ahmad Fuad, (2005) *Metodologi Pengajaran Bahasa Arab*, Malang: Misykat
- J. Pallant. (2010). *SPSS Survival Manual a Step by Step Guide to Data Analysis using SPSS for Windows*. 4 th Edition. Crows West. New South Wales.
- Marohaini Mohd Yusof. (2013). *Penyelidikan Kualitatif, Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Kuala Lumpur ; Penerbit Universiti Malaya.
- Merrim, S. B. (2009). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. (3 rd Edition). San Francisco, CA ; Jossey-Bass.
- Mohd. Najib Abdul Ghaffar (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik*. Pendidikan Johor ; Universiti Teknologi Malaysia
- Mohd. Sobhi Ishak (2014). *Pemodelan Penerimaan Maklumat Berkaitan Islam di Internet: Pengaplikasian Model Penerimaan Teknologi (TAM)*. *Journal of Techno Social*, ISSN 2229-8940 (Vol 6 ; 2)
- Mokhtar. (2011). *Kaedah Penyelidikan Kuantitatif dalam Pendidikan*. Bandar Seri Bagawan ; Brunei.
- Neuman, W. L. (2003). *Social Research Method; Qualitative and Quantitative Approaches*. Needam Height ; Allyn & Bacon.

- Noraini Idris (2010). Penyelidikan dalam Pendidikan. Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd. Ramlee Ismail, Jamal @ Nordin Yunus & Hariri Kamis (2011). Analisis data dan Pentaksiran Menggunakan SPSS. Kuala Lumpur ; Titisan Ilham.
- Rozmi Ismail. (2013). Metodologi Penyelidikan, Teori dan Praktis. Bangi ; Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

BAB 13

PROSEDUR PENTERJEMAHAN ELEMEN BUDAYA: TUMPUAN KEPADA HADIS KITAB AL-SHMAIL AL- MUHAMMADIYYAH

Saifulah bin Samsudin¹, Abdul Manan bin Yusof¹, Diyak Ulahman bin Mat Saad²
Fatimah Azzaharaa' Binti Wan Abdullah³

Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS^{1,3}
Pusat Pengajian Teras, KUIS²

Pengenalan

Hubungan yang rapat antara bahasa dengan budaya telah ditegaskan oleh Sapir (2000: 396). Menurut Sapir bahasa ialah panduan bagi 'realiti sosial' dan panduan 'simbolik bagi budaya'. Bahasa digunakan oleh masyarakat dan mempunyai pengaruh dalam menentukan budaya. Bahasa sebagai satu medium untuk menggambarkan budaya sesebuah masyarakat. Menurut beliau lagi "dunia hakiki" ini pada amnya secara tidak disedari terbina daripada kebiasaan bahasa sesuatu kumpulan. Pengamatan kepada pandangan ini membawa kepada kefahaman bahawa dua budaya berbeza sudah pasti mempunyai budaya Bahasa yang bereza.

Budaya dalam penterjemahan

Masalah budaya dalam terjemahan wujud dalam kebanyakan jenis teks. Kajian-kajian oleh Goh Sang Seong (2007, Hikayat Shu Hui Zhuan), Masoud Sharififar (2007, dua 4 buah drama iaitu A Streetcar Named Desire dan The Pilgrim's Progress serta sebuah novel, The Great Gatsby), Pabiyah dan Kamaruddin (2009, novel Arab Lorong Midaq), Hou Keat Khong (2009, novel Empangan), Jamilah (2009, Siddharta) dan Idris (2011, Rihlat Ibn Battuta) menunjukkan bahawa elemen budaya wujud dalam sebarang jenis teks. (Cho Minsung & Puteri Roslina Abdul Wahid 2016)

Menterjemah budaya bukanlah semudah memindahkan kata bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran. Terjemahan berlaku dalam budaya sasaran yang lazimnya jelas berbeza daripada budaya sumber. Perbezaan budaya antara bahasa sumber dan budaya sasaran menyebabkan seseorang penterjemah berada dalam dilema kerana dia perlu memindahkan mesej teks sumber (TS) ke dalam teks sasaran (TT) dengan tepat dan dalam masa yang sama dia mungkin tidak dapat mencari padanan dalam BT hingga menyebabkan ketidakterjemahan unsur budaya tersebut

Perbezaan inilah selalunya menimbulkan masalah dalam terjemahan. Sebagaimana menurut Larson (1984:163) Mungkin salah satu masalah paling sukar yang dihadapi oleh penterjemah ialah cara mencari padanan leksikal untuk objek dan peristiwa yang tidak diketahui dalam budaya reseptor, oleh itu, tiada perkataan atau frasa dalam bahasa reseptor yang mudah didapati untuk terjemahan. Larson (1984:166) turut menambah fungsi sesuatu perkara atau peristiwa selalunya unik dari segi budaya dan tidak diketahui oleh masyarakat lain. Jika bentuk itu dikekalkan tanpa menjelaskan fungsi, makna yang salah mungkin terhasil.

Mas'ud Bu Khalifah (2021) menyatakan antara permasalahan dalam menterjemah hadis ialah berkaitan budaya di mana terdapat perbezaan budaya antara bahasa Arab dan Bahasa Inggeris kerana kedua-duanya terhasil daripada persekitaran yang berbeza.

Penterjemahan Hadis

Sebahagian ilmuwan menyatakan keharusan menterjemah teks hadis yang dianggap sebagai teks rujukan utama dalam Islam selepas Al-Quran (Harun Zainal Abidin, 2014). Terdapat pendapat yang menyatakan bahawa aktiviti menterjemah teks agama ke bahasa Melayu sebagai *fardu kifayah* di mana keperluan terhadapnya amat mendesak. Ini bagi memastikan golongan masyarakat yang tidak menguasai bahasa Arab sama-sama mendapat maklumat tentang ajaran agama. Bahkan kegiatan menterjemah telah dianggap sebagai aktiviti dakwah yang banyak memberi sumbangan terhadap penyebaran Islam. Masyarakat memerlukan kepada hadis-hadis yang telah diterjemahkan menurut kefahaman dan maksudnya yang sebenar supaya ajaran Islam yang bersumberkan daripada hadis ini tidak terpesong daripada landasannya yang sebenar.

Kajian perlu dijalankan terhadap penulisan hadith dalam karya karya terjemahan yang terdapat di pasaran untuk melihat sejauh mana status penulisannya. Adakah hadith-hadith yang terdapat di dalamnya menepati seperti dalam sumber asal ataupun terdapat kesilapan-kesilapan dalam proses menterjemahkan hadith tersebut. Jika hasil kajian tersebut mendapati terdapat kesalahan yang serius dan memerlukan kepada perhatian, maka cadangan mewujudkan akta pengawalan sepertimana yang dilakukan terhadap penerbitan teks al-Quran perlu diajukan kepada pihak-pihak berkenaan bagi mengelakkan ia terus berlaku (Harun bin Zainal Abidin, 2014).

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan analisis kandungan teks. Kaedah ini digunakan untuk menganalisis rekod ucapan, tulisan, dan item tingkah laku yang diperhatikan oleh penyelidik. Kajian ini menerima pakai teknik analisis kandungan tidak ketara. Ia merupakan pendekatan penyelidikan yang memerlukan penyelidik agar membaca, meneliti, dan mentafsirkan teks tersebut mengikut tema kajiannya (Sunawari Long, 2005: 85). Maka kajian ini akan meneliti, teks-teks al-Hadis satu persatu bagi mencari maklumat berkaitan untuk dianalisis.

Kajian ini menumpu kepada analisis prosedur penterjemahan yang diguna pakai dalam menterjemah aspek budaya yang terdapat dalam hadis-hadis Kitab al-Syama'il al-Muhammadiyah dengan menfokuskan kepada Bab Rambut Rasulullah SAW sahaja. T.Johnson (2014) dalam kajiannya menyatakan bahawa rambut merupakan aspek yang penting dalam kebudayaan sesuatu kaum di mana pengertian dan perlambangan yang dibawa oleh elemen ini amat bergantung kepada konteks budaya.

Data teks terjemahan diambil daripada buku al-Syama'il al-Muhammadiyah : Keperibadian Rasulullah SAW terjemahan Ustaz Abdul Ghani Jabal Maraqiy yang diterbitkan oleh penerbitan Jabal Maraqiy pada tahun 2019.

Kajian ini akan menjadikan prosedur terjemahan budaya Newmark 1988 sebagai kayu ukur untuk menentukan pendekatan terjemahan yang diguna pakai dalam terjemahan korpus kajian. Newmark mencadangkan pendekatan-pendekatan berikut bagi menterjemah budaya:

(1) Pemindahan

Pemindahan (emprunt, perkataan pinjaman, transkripsi) ialah proses memindahkan perkataan bahasa sumber kepada teks bahasa sasaran sebagai prosedur terjemahan. Ia adalah sama seperti pemindahan Catford, dan termasuk transliterasi, yang berkaitan dengan penukaran abjad yang berbeza: contoh: Rusia (Cyrillic), Yunani, Arab, Cina, dll- ke dalam bahasa Inggeris, Perkataan itu kemudiannya menjadi 'perkataan pinjaman'.

(2) Setara budaya

Ini ialah terjemahan secara anggaran di mana mana-mana perkataan budaya bahasa sumber diterjemahkan oleh perkataan budaya dalam bahasa sasaran;

(3) Peneutralan (iaitu setara fungsi atau deskriptif)

Dalam terjemahan, huraian kadangkala perlu ditimbang dengan fungsi Penerangan dan fungsi merupakan elemen penting dalam penjelasan dan dalam terjemahan

(4) Terjemahan literal

(5) Label

(6) Naturalisasi

Strategi apabila perkataan bahasa sumber (SL) dipindahkan ke dalam teks bahasa sasaran (TL) dalam bentuk asalnya.

(7) Analisis komponen

(8) Penghapusan (regangan bahasa yang berlebihan dalam teks bukan autoritatif, terutamanya metafora dan imensifier)

(9) Couplet

Adakah teknik lain yang diguna pakai oleh penterjemah pada masa pemindahan, naturalisasi atau calques untuk mengelakkan sebarang salah faham: menurutnya ia adalah beberapa strategi digabungkan bersama untuk menangani satu masalah

(10) Terjemahan standard yang diterima

(11) Parafrasa, gloss, nota, dsb.

(12) Pengelas (Classifier)

Analisis Data

Kajian ini memilih tujuh hadis berkaitan rambut Rasulullah SAW yang dinayatakan oleh al-Imam al-Tirmidzi dalam Bab Rambut Rasulullah SAW.

Contoh 1: No Hadis : 25

عن عائشة قالت: كُنْتُ أَعْتَسِلُ أَنَا وَرَسُولُ اللَّهِ ﷺ مِنْ إِنَاءٍ وَاحِدٍ، وَكَانَ لَهُ شَعْرٌ فَوْقَ الْجُمَّةِ وَدُونَ الْوُفْرَةِ

Terjemahannya:

“saya dan Rasulullah SAW telah mandi dalam satu bejana rambutnya antara di atas bahu dan di bawah cuping telinga”

Huraian:

Hadis ini menerangkan panjang rambut Rasulullah SAW dengan kadar di antara bawah cuping telinga dan di atas bahu Baginda. Hadis ini menggambarkan rambut Baginda SAW dengan

beberapa perkataan iaitu: *الجمعة* dan *الوفرة*. Ibn Manzur menyatakan bahawa *الوفرة* ialah rambut yang melepasi cuping telinga (Ibn Manzur. J 5. Hlm: 289), manakala *الجمعة* ialah rambut yang jatuh mencecah kedua-dua bahu (Ibn Manzur. J 12. Hlm: 107) Huraian bagi kitab al-Syama'il turut berpegang dengan huraian ini (Abdul al-Razzaq: 2014). Penterjemah menggunakan pendekatan secara literal tanpa melakukan sebarang penambahan atau perubahan makna bagi perkataan tersebut. Penterjemahan menepati maksud yang dinyatakan oleh para penghurai hadis ini. Berdasarkan tatacara penterjemahan Newmark pendekatan ini dinamakan sebagai penterjemahan literal.

Contoh 2: No Hadis: 26

عن أبي إسحاق عن البراء بن عازب قال: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرْتُوعًا، بَعِيدَ مَا بَيْنَ الْمِنْكَبَيْنِ، وَكَانَتْ جُمَّتُهُ تَضْرِبُ شَحْمَةَ أُذُنَيْهِ

Terjemahannya:

“Rasulullah SAW bertubuh badan sedang, lebar antara dua bahunya, gumpalan rambutnya mencecah cuping”

Huraian:

Hadis ini menerangkan sifat tubuh badan Rasulullah SAW dan turut menerangkan anggaran panjang rambut Baginda. Rambut Baginda dianggarkan dengan kadar di antara bawah cuping telinga dan di atas bahu baginda. Hadis ini turut menggunakan perkataan *الجمعة* yang dihuraikan dengan maksud gumpalan rambutnya. Penterjemah menggunakan pendekatan penambahan atau perubahan makna bagi perkataan tersebut di mana perkataan ‘gumpalan’ telah dimasukkan dalam penterjemahan. Terjemahan ini berbeza dengan maksud *جمعة* yang dinyatakan oleh para ulama, iaitu rambut yang mencecah bahu. Pendekatan ini merupakan pendekatan penutralan.

Contoh 3: No Hadis: 27

عن قتادة قال: قُلْتُ لِأَنَسٍ: كَيْفَ كَانَ شَعْرُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ؟ قَالَ: «لَمْ يَكُنْ بِالْجَعْدِ وَلَا بِالسَّبْطِ، كَانَ يَبْلُغُ شَعْرُهُ شَحْمَةَ أُذُنَيْهِ

Terjemahannya:

“saya bertanya kepada Anas, bagaimana rambut Rasulullah SAW?” Dia berkata, “ia tidak kerinting dan tidak lurus. Panjang rambutnya sampai ke cuping telinganya”

Huraian:

Hadis ini menerangkan pertanyaan Qatadah kepada gurunya, Anas bin Malik RAH tentang perihal rambut Rasulullah SAW. Rambut Baginda dihuraikan dengan sifat tidak kerinting dan

tidak juga lurus. Hadis ini menggunakan perkataan الجعد dan السبط . Maksud الجعد ialah rambut yang tidak keriting (Ibn Manzur. J 7. Hlm: 308) manakala perkataan السبط membawa maksud rambut yang lurus terlerai (Ibn Manzur. J 5. Hlm: 309) . Penterjemah menggunakan pendekatan secara literal tanpa melakukan sebarang penambahan atau perubahan makna bagi perkataan tersebut. Penterjemahan menepati maksud yang dinyatakan oleh para penghurai hadis ini. Berdasarkan tatacara penterjemahan Newmark pendekatan ini dinamakan sebagai penterjemahan literal.

Contoh 4: No Hadis: 28

حدثنا محمد بن يحيى بن أبي عمر حدثنا سفيان بن عيينة عن ابن أبي نجيح عن مجاهد عن أم هانئ بنت أبي طالب قالت: قَدِمَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَكَّةَ قَدَمَةً وَلَهُ أَرْبَعُ غَدَائِرِ

Terjemahannya:

“Rasulullah SAW telah memasuki kota Makkah sebagai kemasukan pembukaannya dengan, rambutnya diikat menjadi empat bahagian”

Hadis ini menerangkan bahawa rambut Rasulullah SAW diikat kepada empat bahagian pada hari Baginda masuk ke kota Mekah. Fokus elemen budaya dalam hadis ini ialah pada frasa وله أربع

غدائر . yang diterjemahkan oleh korpus kajian dengan: *“rambutnya diikat menjadi empat bahagian”*.

Kalimah غدائر merupakan bentuk jamak bagi perkataan غديرة dan turut disebut dengan lafaz ضفيرة dengan maksud rambut di bahagian hadapan kepala (al-Bajuri. 2001) Pendekatan penterjemahan ialah dengan melakukan penambahan perkataan: *“rambutnya diikat menjadi...”* di mana perkataan-perkataan ini tiada padanan di dalam teks sumber. Teks sasaran tidak menonjolkan makna asal bagi perkataan غدائر tetapi memindahkan maknanya kepada pengertian umum iaitu *“bahagian”* bagi menyesuaikan dengan konteks penterjemahan teks sasaran. Pendekatan ini merupakan pendekatan peneutralan.

Contoh 5: No Hadis: 29

حدثنا سويد بن نصر حدثنا عبد الله بن المبارك عن معمر عن ثابت البناني عن أنس: أَنَّ شَعْرَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِلَى أَنْصَافِ أُذُنَيْهِ

Terjemahannya:

“bahawasanya rambut Rasulullah SAW itu telah mencecah hingga pertengahan ke separuh telinganya”

Hadis ini turut menerangkan kadar panjang rambut Rasulullah SAW sehingga separuh telinga Baginda. Kadar rambut Baginda dijelaskan oleh Anas bin Malik RAH dengan lafaz إلى أنصاف أذنيه yang mana terjemahan literalnya ialah *“ke pertengahan dua telinganya”*. Teks terjemahan menterjemahkan dengan *“...hingga pertengahan ke separuh telinganya”*. Pendekatan penterjemah

dengan melakukan penambahan perkataan “pertengahan” serta meninggalkan makna literal أَفِيهِ “dua telinga Baginda”. Pendekatan ini juga menggunakan pendekatan penutralan.

Contoh 6: No Hadis: 30

حدثنا عبيد الله بن عبد الله بن عتبة عن ابن عباس: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُسْدِلُ شَعْرَهُ، وَكَانَ الْمُشْرِكُونَ يَفْرِقُونَ رُءُوسَهُمْ، وَكَانَ أَهْلُ الْكِتَابِ يُسْدِلُونَ رُءُوسَهُمْ، وَكَانَ يُحِبُّ مُوَافَقَةَ أَهْلِ الْكِتَابِ فِيمَا لَمْ يُؤْمَرْ فِيهِ بِشَيْءٍ، ثُمَّ فَرَّقَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَأْسَهُ

Terjemahannya:

“bahawa, Rasulullah SAW telah melepaskan rambutnya terburai ke bawah tanpa dibelangkannya, sedangkan Orang-orang kafir musyrikin menyisir rambut mereka dan ahli kitab melepas terburai rambut mereka. Dan nabi SAW suka dengan persamaan dengan ahli kitab, pada perkara yang tiada diperintahkan padanya dengan sesuatu. Kemudian Rasulullah SAW menyisir rambutnya ke kiri dan ke kanan.

Huraian:

Hadis ini menerangkan sunnah Rasulullah SAW dalam menyisir rambut . Fokus utama hadis ini ialah pada ayat *كان يسدل شعره* yang bermaksud : “Baginda melepaskan rambut Baginda”. Kata kerja *يسدل* bermaksud melunjurkan atau melepaskan (Ibn Manzur. J 5. Hlm: 309). Manakala ayat *فَرَّقَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَأْسَهُ* turut menggambarkan cara sisiran rambut Baginda SAW. Secara literal ayat ini membawa maksud “kemudian Rasulullah membahagikan kepalanya”. Imam al-Bajuri (al-Bajuri. 2001) menyatakan maksud ayat ini ialah Rasulullah SAW menyikat rambut Baginda ke dua-dua belah kepala (membahagikan kepada dua). Penterjemahan teks bahasa sasar bagi kedua-dua sifat ini menepati huraian yang diletakkan oleh al-Bajuri. Pendekatan yang diguna pakai ialah pendekatan penutralan.

Contoh 7: No hadis : 31

عن أم هانئ قالت رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَا ضَفَائِرٍ أَرْبَعٍ.

Terjemahannya:

“saya melihat Rasulullah SAW mempunyai empat tocang (pintalan/ dandanan rambut)”

Hadis ini menerangkan bahawa rambut Rasulullah SAW diikat kepada empat bahagian. Hadis ini menyamai hadis bernombor 28 daripada bab yang sama . Fokus elemen budaya dalam hadis ini ialah pada frasa *ضفائر أربع* .yang diterjemahkan oleh korpus kajian dengan: empat tocang. Perkataan *ضفائر* merupakan bentuk jamak bagi perkataan *ضفيرة* . Pendekatan penterjemahan ialah secara literal.

Dapatan Kajian

Kajian ini memilih tujuh hadis yang merangkumi elemen rambut Rasulullah SAW. Terdapat beberapa perkataan digunapakai untuk menggambarkan rambut Rasulullah SAW antaranya: الوفرة، الجمة، الجعد، السبط، أربع غدائر، يسدل شعره، ضفائر أربع. Pendekatan penterjemahan elemen rambut Rasulullah SAW dalam korpus yang dipilih berdasarkan pendekatan yang disaran oleh Newmark menunjukkan penggunaan dua pendekatan sahaja iaitu pendekatan secara literal dan peneutralan sahaja.

Rujukan

- Abdul Ghani Jabal Maraqy. 2013. *Keperibadian Nabi Muhammad SAW*. Jabal Maraqi Interprise
- Abdul Razzak bin Abdul Muhsin al-Badr. 2014. *Sharh al-Syama'il-al-Muhammadiyah*. Maktabah Al-Malik Fahd al-Wataniyyah. Riyadh
- Ahmad Sunawari Long. 2005. *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Jabatan Usuluddin dan Falsafah. Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Bajuri, Ibrahim bin Muhammad. 2001. *Al-Mawahib al-Ladunniyyah 'ala al-Syama'il al-Muhammadiyah*. Cetakan Pertama.
- Cho Minsung, Puteri Roslina Abdul Wahid. Penterjemahan Budaya Bukan Kebendaan Dalam Teks Terjemahan Bahasa Korea-Bahasa Melayu. *Jurnal Melayu Bil. 15(2)* 2016
- Harun bin Zainal Abidin. 2014. *Penterjemahan Teks-Teks Hadith Dalam Kitab Fath al-Mu'in*. Universiti Malaya.
- Ibn Manzur, Ahmad bin Mukarram. 1992. *Lisan al-Arab*. Dar Sadir
- Larson, M.L. 1984. *Meaning-Based Translation A Guide to Cross-Language Equivalence*. University Press of America, Lanham, MD.
- Mas'ud Bu Khalifah (2021). *al-Takafu' fi Tarjamah al-Hadis al-Nabawi al-Syarif ila al-Lughah al-Ingiliziyah*. Al-Mumarasat Al-Lughawiyah.
- Nawaz Muhammad. (2018). *Al-Tarjamah wa Al-Sunnah Al-Nabawiyah: Tabadiyyat wa hulul*. Majallah al-Ilm . 231-254
- Newmark, P. 1988. *A Textbook of Translation*. New York London: Prentice Hall.
- Sapir, E. 2000. The Status of Linguistics as a Science in Burke, Lucy (Eds.). *The Routledge Language and Cultural Theory Reader*. London: Routledge
- Tabora A Johnson & Teinsha Bankhead. 2014. *Hair It Is: Examining The Experiences of Black Women with Natural Hair*. *Open Journal Of sosial Sciences*. 86-100

BAB 14

KESEDIAAN PELAJAR MENGIKUTI PEMBELAJARAN BAHASA ARAB BERASASKAN PEMBELAJARAN BERBALIK MENERUSI APLIKASI GOOGLE

Norasyikin Osman, Siti Salwa Mohd Noor, Norhayati Che Hat, Nurazan Mohmad Rouyan, Khoirun Nisak Mat Saad

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

Pengenalan

Bidang pendidikan telah mengalami perubahan ketara sejak tahun 2020 apabila penggunaan teknologi telah digunakan secara maksimum. Ini adalah impak daripada pandemik Covid-19 yang bukan sahaja telah melanda Malaysia bahkan di seluruh dunia. Pandemik Covid-19 memerlukan penjarakkan sosial bagi mengekang penularannya dan pertemuan secara bersemuka perlu dielakkan. Oleh itu, bagi meneruskan kelangsungan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP), penggunaan teknologi sepenuhnya telah dilaksanakan di pelbagai peringkat pengajian. Pada peringkat pengajian tinggi, penggunaan teknologi telah diberi perhatian sewajarnya sebelum ini contohnya dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), terdapat 10 lonjakan yang telah dibentangkan. Lonjakan ke 9 memberi fokus kepada pembelajaran dalam tahap global. Berdasarkan lonjakan ini, pembelajaran teradun menjadi pendekatan pedagogi utama semua IPT. Pelbagai manfaat yang akan dapat dinikmati pelajar termasuklah prasarana siber yang mantap. Bahan pembelajaran akan dapat diakses secara dalam talian dengan mudah. Perhatian yang diberikan terhadap penggunaan teknologi dalam PdP sebelum ini telah banyak membantu bidang pendidikan dalam memperkasakan penggunaan teknologi untuk menghadapi isu yang masih belum berkesudahan ini.

Latar Belakang Kajian

Pelbagai pendekatan pembelajaran berasaskan teknologi telah dijalankan termasuklah pembelajaran berbalik atau *flipped learning*. Menerusi pendekatan ini, teknologi merupakan medium utama pelaksanaannya. Pembelajaran berbalik ini dilaporkan muncul sekitar tahun 2012 apabila pengamal pembelajaran berbalik telah berkongsi laporan berkaitan pelaksanaan pembelajaran berbalik (Lee, Lim & Kim, 2017). Pembelajaran berbalik merupakan satu pendekatan yang berbeza dengan pembelajaran konvensional. Dalam pendekatan ini, peranan pelajar dan guru adalah proaktif kerana kemahiran dan pengetahuan perlu sentiasa dipertingkatkan. Guru akan merancang pembelajaran yang perlu melibatkan pelajar. Manakala pelajar bertanggungjawab untuk meneroka bahan pembelajaran secara sendiri. Pelajar akan cuba memahami dan mendapatkan pengetahuan asas sebelum bermulanya kelas dan seterusnya dibincangkan secara aktif apabila kelas berlangsung (Brewer, & Movahedazarhouli, 2018; Educause Learning Inisiatif, 2012; Lee, Lim, & Kim, 2017). Pendekatan pembelajaran berbalik

ini mempunyai 2 elemen utama iaitu ; i) Pembelajaran sendiri di luar kelas yang dibantu dengan penggunaan teknologi dan memberi fokus kepada pengetahuan asas., ii) Aktiviti pembelajaran aktif di dalam kelas akan memberi fokus terhadap pengetahuan yang kritikal (Giannakos, Krogstie & Aalberg, 2015). Terdapat 4 tonggak utama dalam pelaksanaan pembelajaran berbalik ini sebagaimana telah disenaraikan oleh Hamdan et. al. (2013). Tonggak tersebut ialah Persekitaran Fleksibel, Budaya Pembelajaran, Kandungan yang dirancang dan Pendidik Profesional.

Tierra Leustig, (2020) menyatakan konsep pembelajaran berbalik boleh dibahagikan kepada tiga situasi utama iaitu sebelum kelas, semasa kelas dan selepas kelas seperti mana digambarkan dalam Rajah 1. Sebelum kelas bermula, pelajar perlu meneroka kandungan yang akan dipelajari bagi mendapatkan maklumat awal berkaitan kandungan tersebut. Manakala ketika kelas berlangsung, berlaku interaksi bersama guru dan rakan untuk membantu pelajar meningkatkan penguasaan terhadap topik tersebut. Selepas kelas pelajar boleh mengukuhkan lagi kefahaman menerusi latihan. Strategi pembelajaran berbalik ini membolehkan pelajar mengakses kandungan dengan lebih fleksibel, meningkatkan penglibatan dan pembelajaran aktif, dan memberi peluang kepada guru untuk membantu, melibatkan diri, dan membezakan pembelajaran untuk pelajar dengan lebih baik pada waktu kelas.



Rajah 1 Proses Pembelajaran Berbalik (Tierra Leustig, 2020)

Berdasarkan perbincangan daripada kajian terdahulu dapatlah difahami bahawa pembelajaran berbalik ini merangkumi peranan pelajar yang perlu meneroka, membaca dan memahami kandungan sebelum kelas bermula. Pelajar perlu menguasai pengetahuan asas berkaitan kandungan tersebut. Apabila kelas berlangsung, kandungan pembelajaran yang agak kompleks, sukar difahami dan kritikal akan dibincangkan secara aktif bersama guru dan rakan. Keadaan ini akan menjadikan kelas lebih aktif dan berkesan kerana pelajar mempunyai pengetahuan asas sebelum kelas bermula.

Pembelajaran berbalik dilihat sangat sesuai untuk dijalankan di peringkat pengajian tinggi disebabkan pelbagai faktor antaranya dilaksanakan dalam persekitaran yang mempunyai ramai pelajar. Dengan pelaksanaan pendekatan pembelajaran berbalik, pelajar diberi peluang untuk mengembangkan kemahiran penting pada abad ini termasuklah pemikiran kritikal, kreativiti, komunikasi dan kerjasama dalam proses pembelajaran (Marcey & Fletcher, 2014).

Dalam suasana pembelajaran yang menekankan penggunaan teknologi, penerapan pendekatan pembelajaran berbalik dilihat sangat sesuai. Namun demikian aplikasi atau alat yang digunakan perlulah sesuai dan meraikan semua latar belakang pelajar. Ini kerana di antara kekangan penggunaan teknologi ketika sesi pengajaran dan pembelajaran ialah masalah capaian internet, kurang berkemahiran dalam mengendalikan aplikasi teknologi, peralatan yang tidak sesuai dan suasana yang tidak kondusif (Norasyikin & Siti Salwa 2021). Oleh yang demikian pemilihan aplikasi yang sesuai adalah penting bagi meraikan semua pelajar yang mempunyai latar belakang dan kondisi yang berbeza.

Antara aplikasi yang sangat dekat dengan pengguna internet dan menawarkan perkhidmatan yang optimum secara percuma ialah aplikasi Google. Google telah diasaskan pada tahun 1998 dan terus berkembang hingga ke hari ini. Google merangkumi pelbagai aplikasi yang menyokong proses pengajaran dan pembelajaran termasuklah Gmail, Drive, Docs, Sheets, Slides, Meet, Classroom dan banyak lagi. Aplikasi ini mesra pengguna dan boleh diakses dengan mudah selain menyokong penggunaan bahasa Arab.

Terdapat begitu banyak kemudahan yang ditawarkan oleh syarikat Google menjadikan aplikasi Google merupakan pilihan utama untuk digunakan dalam proses PdP. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesediaan pelajar mengikuti pembelajaran bahasa Arab berasaskan pembelajaran berbalik menerusi aplikasi Google.


Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian deskriptif dan soal selidik telah diedarkan kepada pelajar yang mengikuti kursus Bahasa Arab dalam talian sepenuhnya. Seramai 67 orang pelajar telah memberi maklum balas. Soal selidik ini mengandungi tiga konstruk iaitu kemudahan dan kelengkapan yang dimiliki pelajar, kesediaan mengikuti pembelajaran berbalik dan persepsi terhadap aplikasi Google.

Bagi konstruk pertama soal selidik, soalan berkaitan kemudahan dan kelengkapan, pelajar diminta untuk memilih jawapan yang disediakan. Bagi soalan berkaitan kekangan pembelajaran dalam talian, pelajar hanya diberi pilihan jawapan berbentuk dikotomi iaitunya ya atau tidak. Manakala untuk konstruk kedua dan ketiga iaitu berkaitan dengan kesediaan dan persepsi terhadap aplikasi Google adalah menggunakan skala likert (sangat setuju, setuju, tidak pasti, tidak setuju, sangat tidak setuju). Seterusnya data yang diperolehi telah dianalisis untuk melihat perbandingan peratusan jawapan ya dan tidak. Manakala untuk skala likert, nilai skor min dikenal pasti untuk melihat sama ada persetujuan pelajar berada pada tahap rendah, sederhana atau tinggi.


Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan pelajar mempunyai kemudahan asas yang lengkap untuk mengikuti pembelajaran dalam talian. Semua pelajar boleh mengakses Internet sama ada menggunakan wifi atau data. Rajah 2 memaparkan majoriti pelajar menggunakan wifi iaitu 56.7 % manakala baki 43.3 % menggunakan data. Penggunaan wifi dikatakan lebih stabil berbanding data. Walaubagaimanapun data masih memberi capaian internet yang baik dan tidak mengganggu proses pembelajaran dalam talian.




Rajah 2 Jenis capaian internet yang digunakan

Tahap kelajuan internet yang dinikmati pelajar dipaparkan dalam Rajah 3. Sebanyak 63% pelajar mengakui yang tahap internet mereka dalam keadaan stabil, 27% capaian internet berada dalam keadaan lemah dan 10% talian internet sangat baik. Tahap capaian internet sentiasa ini sentiasa dinaiktaraf dari semasa ke semasa. Syarikat rangkaian telekomunikasi juga saling bersaing dalam menawarkan perkhidmatan talian internet yang terbaik bagi pengguna. Melihat kepada dapatan ini, hanya sekumpulan kecil pelajar mengalami masalah capaian internet yang lemah.



Rajah 3 Tahap kelajuan internet

Rajah 4 menunjukkan peratusan jenis peranti yang digunakan pelajar sepanjang mengikuti kelas dalam talian. Majoriti pelajar iaitu 64% menggunakan laptop, diikuti dengan telefon pintar 33% dan tablet 3%. Peranti elektronik merupakan kemudahan asas yang perlu dimiliki oleh semua pelajar yang mengikuti pembelajaran dalam talian. Pelbagai pilihan peranti boleh digunakan namun penggunaan laptop adalah yang paling sesuai dalam konteks pembelajaran dalam talian. Namun demikian peranti lain masih boleh digunakan selagi mana pelajar dapat mengakses maklumat serta menyertai dengan aktif aktiviti yang dijalankan ketika kelas berlangsung.



Rajah 4 Peranti yang digunakan

Jadual 1 memaparkan majoriti pelajar mengakui tidak mengalami kekangan dari aspek capaian internet iaitu sebanyak 64.5%. Manakala untuk proses muat naik dan muat turun

maklumat dari internet, kesemua pelajar iaitu 100%, tidak menghadapi masalah. Ini menunjukkan walaupun terdapat sedikit gangguan capaian internet namun mereka tidak menghadapi masalah untuk mendapatkan dan berkongsi maklumat dalam internet. Seterusnya, sebanyak 59.7% pelajar tidak mengalami kekangan kewangan untuk mendapatkan capaian internet. Sementara itu, 82.1% pelajar tidak mengalami masalah kewangan untuk mendapatkan peranti yang sesuai. Peratusan tidak mengalami masalah kewangan untuk mendapatkan peranti yang sesuai lebih tinggi berbanding untuk mendapatkan capaian internet berkemungkinan disebabkan beberapa faktor. Antaranya peranti sedia ada yang dimiliki berfungsi dengan baik dan tidak mengalami masalah sepanjang kelas dalam talian berlangsung. Disamping itu, pihak Institusi turut menyediakan pinjaman kewangan untuk mendapatkan peranti bagi tujuan pembelajaran dalam talian. Manakala internet merupakan keperluan yang digunakan setiap hari, segelintir pelajar mengalami masalah kewangan untuk memastikan capaian internet sentiasa lancar pada setiap sesi kelas.

Jadual 1 Kekangan berkaitan kemudahan internet dan peranti

		YA		TIDAK	
		BIL	PERATUS %	BIL	PERATUS %
1	Masalah capaian internet	24	38.5	43	64.5
2	Masalah muat naik dan muat turun maklumat	0	0	100	100
3	Kekangan kewangan untuk mendapatkan capaian internet	27	40.3	40	59.7
4	Menghadapi masalah Peranti yang digunakan	3	0.45	64	95.5
5	Kekangan kewangan untuk mendapatkan peranti yang sesuai	12	17.9	55	82.1

Konstruk pembelajaran berbalik dan persepsi aplikasi Google menggunakan skala likert dan skor min akan dilihat untuk melihat tahap persetujuan pelajar. Bagi mengenal pasti tahap nilai skor min, interpretasi Skor Min telah dirujuk sebagaimana Jadual 2.

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.0 - 2.3	Rendah
2.4 - 3.7	Sederhana
3.8 - 5.0	Tinggi

Jadual 2 Interpretasi Skor Min (Wiersma, 1995)

Pembelajaran berbalik memerlukan pelajar bersedia lebih awal sebelum kelas bermula. Berdasarkan dapatan kajian berkaitan kesediaan pelajar untuk mengikuti pembelajaran dalam talian (Jadual 3) , skor min keseluruhannya adalah sebanyak 3.84 iaitu berada pada tahap tinggi. Item lebih berdikari apabila mengikuti pembelajaran berbalik memperoleh skor min paling tinggi iaitu 4. Diikuti dengan item selesa mengikuti pembelajaran berasaskan pembelajaran berbalik dan bersedia untuk menghadapi cabaran dalam mengikuti pembelajaran berbalik dengan skor min masing-masing 3.9. Walaupun majoriti nilai skor min tidak mencapai 4 namun nilai yang diperoleh masih menunjukkan interpretasi tinggi bahawa pelajar bersedia untuk mengikuti pembelajaran berasaskan pembelajaran berbalik. Kajian lepas yang berkaitan dengan kesediaan pelajar untuk mengikuti pembelajaran berbalik turut melaporkan bahawa pelajar sebenarnya bersedia untuk mengikuti pembelajaran berbalik (Jiang, Meng & Zhou, 2021; Tomas, Evans, Doyle, & Skamp, 2019; Mahat et al. 2021).

Jadual 3 Kesediaan mengikuti pembelajaran berbalik

	Item	Min
1	Selesa mengikuti pembelajaran berasaskan pembelajaran berbalik (<i>flipped learning</i>)	3.9
2	Bersedia menyertai kelas yang dijalankan menerusi konsep pembelajaran berbalik (<i>flipped learning</i>).	3.8
3	Lebih berdikari apabila mengikuti pembelajaran berbalik (<i>flipped learning</i>)	4
4	Lebih mudah faham sesuatu topik yang dibincangkan dalam kelas apabila mengikuti kaedah pembelajaran berbalik (<i>flipped learning</i>)	3.7
5	Menguukuhkan lagi penguasaan terhadap topik apabila mengikuti kaedah pembelajaran berbalik (<i>flipped learning</i>)	3.8
6	Saya berminat untuk mengikuti pembelajaran berasaskan pembelajaran berbalik (<i>flipped learning</i>)	3.8
7	Saya bersedia untuk menghadapi cabaran dalam mengikuti pembelajaran berbalik (<i>flipped learning</i>)	3.9
8	Pembelajaran secara dalam talian sesuai menerapkan kaedah pembelajaran berbalik (<i>flipped learning</i>).	3.8

Jadual 4 menunjukkan penggunaan aplikasi Google untuk pembelajaran dalam talian. Min keseluruhan penggunaan aplikasi Google ialah sebanyak 4.4 berada pada tahap tinggi. Skor min yang paling tinggi 4.5 iaitu pelajar mengakui sering menggunakan aplikasi Google. Kesemua item menunjukkan skor yang tinggi iaitu melebihi 4. Situasi ini memaparkan bahawa aplikasi Google dekat dengan pelajar kerana mudah diakses dan mesra pengguna. Kajian-kajian lepas turut

menunjukkan bahawa Google menjadi pilihan dalam menjalankan pembelajaran dalam talian (Beaumont, 2018; Putra, 2021).

Jadual 4 Aplikasi Google sesuai untuk pembelajaran dalam talian

	Item	Min
1	Sering menggunakan aplikasi Google ketika pembelajaran dalam talian	4.5
2	Aplikasi Google mesra pengguna	4.4
3	Aplikasi Google senang diakses	4.4
4	Aplikasi Google pilihan utama berbanding aplikasi online lain untuk kelas dalam talian.	4.2

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, pembelajaran dalam talian telah menjadi keperluan utama dalam bidang pendidikan. Ini kerana pembelajaran dalam talian menawarkan pelbagai pendekatan yang boleh dilaksanakan sesuai dengan situasi PdP. Pembelajaran berbalik berasaskan aplikasi Google merupakan salah satu pilihan terbaik dalam melaksanakan pembelajaran dalam talian sepenuhnya. Pembelajaran berbalik memberi peluang kepada pelajar untuk memahami asas sesuatu topik terlebih dahulu sebelum perbincangan lebih lanjut dibincangkan ketika kelas. Pelajar akan lebih bersedia dan aktif untuk menyertai aktiviti yang dijalankan. Manakala penggunaan aplikasi Google sebagai medium pembelajaran berbalik adalah tepat melihat kepada ciri-ciri yang ditawarkan oleh pihak Google. Antara ciri utama aplikasi Google yang antaranya mudah diakses dan mesra pengguna.

Rujukan

- Beaumont, K. (2018). Google Classroom: An online learning environment to support blended learning. *Compass: Journal of Learning and Teaching*, 11(2), 1-6.
- Brewer, R., & Movahedazarhouli, S. (2018). Successful stories and conflicts: A literature review on the effectiveness of flipped learning in higher education. *Journal of Computer Assisted Learning*, 34(4), 409-416.
- EDUCAUSE Learning Initiative (2012). 7 Things you should know about flipped classrooms. Retrieved from <http://net.educause.edu/ir/library/pdf/ELI7081.pdf>.
- Giannakos, M. N., Krogstie, J., & Aalberg, T. (2015). Toward a learning ecosystem to support flipped classroom: A conceptual framework and early results. In Y. Li et al. (Eds.), *State-of-the-Art and Future Directions of Smart Learning* (pp. 105-114). Springer-Verlag: Berlin Heidelberg.

Hamdan, N., McKnight, P., & McKnight, C. K. Arfsrom (2013) A Review of Flipped Learning. Pearson.

https://www.researchgate.net/publication/338804273_Review_of_Flipped_Learning

Jiang, L., Meng, H., & Zhou, N. (2021). English learners' readiness for online flipped learning: Interrelationships with motivation and engagement, attitude, and support. *Language Teaching Research*, 13621688211027459.

Lee, J., Lim, C., & Kim, H. (2017). Development of an instructional design model for flipped learning in higher education. *Educational Technology Research and Development*, 65(2), 427-453.

Mahat, H., Bahri, S. A. S., Hashim, M., Nayan, N., & Saleh, Y. (2021). Knowledge, Readiness and Use of Flipped Classroom among Education Geography Student/Pengetahuan, Kesiediaan dan Penggunaan Flipped Classroom Dalam Kalangan Pelajar Pendidikan Geografi UPSI. *Sains Humanika*, 13(2).

Marcey, D., & Fletcher, J. (2014). The lecture hall as an arena of inquiry: Using cinematic lectures and inverted classes (CLIC) to flip an introductory biology lecture course.

Norasyikin Osman & Siti Salwa Mohd Noor. (2021), 'Tatbiq Juujel fi Ta'lim al-Lughah al-Arabiyyah wa Ta'allumiha a'bra al-Internet. Mu'tamar al-Duali al-Iftiradhi li al-Quran al-Karim wa al-Lughah al-Arabiyyah. 444-450.

Putra, R. W. P. (2021). Improving the students' motivation in learning English through Google Meet during the online learning. *English Learning Innovation*, 2(1), 35-42.

Tierra Leustig, (2020) .How To Implement a Flipped Classroom Model. <https://www.dyknow.com/blog/how-to-implement-a-flipped-classroom-model/>

Tomas, L., Evans, N. S., Doyle, T., & Skamp, K. (2019). Are first year students ready for a flipped classroom? A case for a flipped learning continuum. *International Journal of Educational Technology in Higher Education*, 16(1), 1-22.

Wiersma, W. (1995). *Research methods in education: An introduction*. Boston: Allyn & Bacon.

BAB 15

ISU PEMBELAJARAN BAHASA ARAB DALAM TALIAN SEPENUHNYA

Norasyikin Osman, Siti Salwa Mohd Noor, Norhayati Che Hat, Nurazan Mohmad Rouyan,
Khoirun Nisak Mat Saad

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

Pengenalan

Pembelajaran dalam talian atau dikenali sebagai e-pembelajaran muncul sekitar tahun 1960 seiring dengan perkembangan teknologi pada masa itu (Bezovski & Poorani, 2016). Seterusnya pembelajaran dalam talian terus berkembang dengan pesat sehingga hari ini. Pelbagai pendekatan pembelajaran dalam talian telah muncul hasil daripada kreativiti dan inovasi pelbagai pihak dalam bidang pendidikan. Asas pembelajaran secara dalam talian mempunyai capaian internet dan peranti elektronik seperti komputer, laptop, tablet dan telefon pintar. Menerusi peranti ini, interaksi boleh berlaku tanpa had masa dan tempat.

Secara umumnya pembelajaran dalam talian boleh dikategorikan kepada dua jenis utama iaitu pembelajaran secara langsung atau serentak (*synchronous*) dan jenis kedua pembelajaran secara tidak langsung atau tidak serentak, (*asynchronous*) (Amiti, 2020).. Kedua jenis pembelajaran dalam talian ini mempunyai ciri-ciri dan kelebihan yang tersendiri dan dilaksanakan berdasarkan keperluan dan kesesuaian persekitaran pembelajaran dalam talian.

Pembelajaran secara langsung ialah satu konsep pembelajaran yang memerlukan guru dan pelajar berada di hadapan peranti elektronik untuk mengikuti kelas pada masa yang sama atau serentak. Guru dan pelajar ini dapat berinteraksi secara langsung dan sekiranya terdapat persoalan, perbincangan terus dapat dilakukan untuk menyelesaikan isu yang dikemukakan. Segala isu yang berbangkit terus dapat diselesaikan pada waktu itu juga.

Manakala pembelajaran tidak langsung merupakan pembelajaran yang tidak memerlukan guru dan pelajar berada di hadapan peranti elektronik untuk mengikuti kelas pada masa yang sama. Semua maklumat boleh disampaikan namun tidak memerlukan tindak balas segera. Guru dan pelajar boleh meninggalkan respons mengikuti waktu pilihan mereka. Pembelajaran tidak langsung ini memberi lebih ruang kepada pelajar untuk menguruskan waktu pembelajaran masing-masing tanpa perlu terikat dengan jadual daripada pihak institusi.

Walaupun terdapat pelbagai jenis dan pendekatan dalam pembelajaran dalam talian, namun demikian konsep pembelajaran dalam talian mempunyai ciri asas yang utama iaitu memerlukan talian internet dan peralatan yang bersesuaian. Sekiranya ciri asas ini tidak dapat dipenuhi, maka pembelajaran dalam talian tidak dapat dijalankan. Selain daripada itu, guru dan pelajar juga perlu mempunyai kemahiran mengendalikan peranti elektronik dan juga perisian serta sistem yang berkaitan.

Latar Belakang

Pandemik yang melanda dunia telah menyebabkan sistem pendidikan mengalami perubahan besar. Kelas secara bersemuka tidak dapat dijalankan bagi mematuhi penjarakkan fizikal. Alternatifnya, pembelajaran secara dalam talian sepenuhnya menjadi pilihan dan mesti dilaksanakan walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran dan kekangan. Ini bagi memastikan kelangsungan bidang pendidikan dan tidak ada yang tercicir dalam PdP.

Pembelajaran dalam talian ini mempunyai kelebihan dan kelemahannya yang tersendiri. Menerusi pembelajaran dalam talian, guru dan pelajar masih boleh berhubung dan berinteraksi walaupun berada di kawasan yang sangat jauh. Perkongsian maklumat dapat dilakukan tanpa sebarang masalah. Pelajar juga dapat menghantar tugas seperti menerusi emel atau muat naik ke tempat yang telah dikhaskan. Secara umumnya pembelajaran dalam talian telah berlangsung seperti yang dijangka.


Walaupun bagaimanapun, terdapat pelbagai isu timbul sepanjang pelaksanaan pembelajaran dalam talian ini. Isu ini timbul disebabkan kepelbagaian latar belakang pelajar. Setiap pelajar adalah unik dan mempunyai latar belakang yang berbeza. Ketika kelas dalam talian berlangsung, pelajar berada di rumah bersama dengan keluarga masing-masing yang pastinya terdapat perbezaan daripada aspek persekitaran dan kemudahan. Pensyarah tidak dapat memantau keadaan para pelajar. Pelajar bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pembelajaran mereka. Namun sebaliknya dengan pembelajaran bersemuka yang memerlukan pelajar berada di kampus dan masing-masing berada dalam persekitaran yang sama dengan pelbagai kemudahan terdapat di kampus.

Isu yang timbul ketika sesi pembelajaran dibincangkan dalam kajian lepas termasuklah kajian Alias, Hasin & Daud (2020) dan Bing & Jamaludin (2021). Kedua kajian ini berkaitan dengan isu pembelajaran dalam talian yang dijalankan ketika pandemik Covid-19. Pandemik ini banyak membawa perubahan kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan kekangan yang timbul banyak dibahaskan. Kajian seperti ini dapat membantu pihak berkepentingan untuk menambah baik sistem sedia ada seterusnya memastikan PdP dalam talian berjalan dengan lancar.

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji isu yang dihadapi pelajar ketika mengikuti pembelajaran bahasa Arab dalam talian sepenuhnya. Kajian ini merupakan kajian deskriptif dan data yang diperolehi dianalisis untuk dikeluarkan tema yang bersesuaian. Setelah selama 14 minggu mengikuti kelas secara dalam talian sepenuhnya, pelajar diminta untuk meninggalkan komen berkaitan dengan isu yang mereka hadapi sepanjang mengikuti kelas secara dalam talian sepenuhnya. Catatan pelajar berkaitan isu yang dihadapi seterusnya dianalisis dan sebanyak tujuh tema isu berjaya dikeluarkan berdasarkan catatan pelajar tersebut.

Perbincangan

Hasil daripada analisis komen yang ditinggalkan oleh pelajar berkaitan dengan isu pembelajaran bahasa Arab dalam talian sepenuhnya, sebanyak tujuh isu dapat dikenal pasti sebagaimana dipaparkan dalam Rajah 1. Isu ini termasuklah gangguan internet, gangguan emosi, persekitaran yang tidak kondusif, bebanan tugas yang diterima, mempunyai komitmen lain, isu tugas berkumpulan dan isu peranti yang digunakan.



Rajah 1 Isu pembelajaran bahasa Arab dalam talian sepenuhnya

i. Internet

Antara isu yang paling banyak diutarakan pelajar ketika mengikuti pembelajaran dalam talian sepenuhnya ialah isu internet yang tidak stabil atau lemah (Goliong et al., 2020). Isu capaian internet merupakan isu yang biasa dibincangkan dalam kajian yang berkaitan dengan pembelajaran dalam talian. Kajian Shafie (2020) menjelaskan isu utama yang timbul ketika PdP ialah rangkaian internet. Begitu juga dengan kajian Bing (2021), kelemahan capaian internet merupakan cabaran besar ketika pelaksanaan PdP dalam talian. Menurut catatan beberapa pelajar, mereka mengalami keadaan internet yang tidak stabil ketika mengikuti kelas dalam talian.

“Kadangkala internet di rumah agak lambat kerana ramai ahli-ahli rumah kediaman saya menggunakan internet”. (P12)

“Cabaran yang dihadapi sepanjang mengikuti kelas dalam talian adalah kadang kala sebagai pelajar saya juga turut menghadapi masalah capaian internet.” (P14)

“Masalah internet yang tidak stabil, kadang okay kadang tidak.” (P37)

“Bagi pendapat saya, pembelajaran secara online pada awalnya sedikit tercabar kerana dengan keadaan line internet.” (P47)

“Rangkaian internet yang tidak menentu. kadang-kadang slow.” (P52)

ii. Emosi

Seterusnya pelajar turut berkongsi isu yang berkait dengan emosi mereka yang mengikuti pembelajaran dalam talian secara keseorangan dan hanya menghadap laptop. Keadaan ini telah menyebabkan pelajar kurang motivasi, kurang bersemangat dan tidak dapat memberi fokus yang baik ketika sesi pembelajaran berlangsung. Kajian sebelum ini turut melaporkan terdapat pelajar yang mengalami emosi yang tidak stabil seperti tekanan, keresahan dan kemurungan (Amin & Abdul, 2021, Abdul Rahid et. al, 2021; Zamri et. al 2021). Berikut merupakan luahan pelajar yang berkaitan dengan emosi mereka ketika mengikuti pembelajaran dalam talian sepenuhnya.

“ketiadaan semangat kerana belajar seorang.” (P2)

“Kesibukan dan kepenatan dari sudut emosi dan mental merupakan salah satu cabaran pembelajaran dalam talian sepenuhnya dengan jadual penuh.” (P17)

“Kurang tumpuan, banyak masa dihabiskan dengan gadget iaitu kelas dan perlu sambung menyiapkan tugas menyebabkan sakit mata dan badan, emosi kurang stabil.” (P24)

“Saya menghadapi cabaran untuk terus memberi perhatian atau fokus semasa kelas sedang berlangsung.” (P32)

“Emosi terganggu apabila internet terlalu perlahan untuk menyertai kuliah, ini menyebabkan fokus pelajar semakin hilang dan akhirnya menyebabkan wujudnya rasa malas dan berputus asa (kalau sekali dua takpe, tapi setiap hari nak hadap benda sama, sakit, yang pernah hadap je akan faham.” (P36)

iii. Persekitaran

Selain daripada itu, isu luaran yang berkait dengan suasana tidak kondusif turut diluahkan oleh pelajar. Suasana yang kurang membantu ini menyebabkan proses pembelajaran mereka terganggu. Pelajar yang berada di rumah masing-masing tidak mempunyai persekitaran yang sepatutnya dinikmati oleh pelajar institusi tinggi. Jika di kampus, mereka mempunyai rakan-rakan yang dapat melakukan perbincangan bersama serta perpustakaan yang menyediakan ruang yang selesa serta bahan yang dapat membantu untuk mengulang kaji dan menyiapkan tugas. Manakala ketika kelas berlangsung secara bersemuka pelajar akan berada dalam kelas yang telah dikhaskan tanpa ada sebarang gangguan.

“Persekitaran yang tidak sesuai kerana kekurangan ruang belajar.” (P3)

“Suasana ketika pembelajaran dan waktu yang sangat terhad jika tinggal di rumah.” (P13)

“pelajar belajar secara online di rumah, pelajar mudah hilang fokus kerana suasana di rumah tidak begitu kondusif seperti pembelajaran bersemuka di kelas.” (P16)

“Keadaan sekeliling tidak kondusif untuk belajar.” (P28)

“Kurang semangat disebabkan faktor persekitaran.” (P48)

iv. Tugas

Pelajar juga meninggalkan komen bahawa mereka menerima tugas yang agak banyak daripada segelintir pensyarah dan memerlukan masa untuk menyelesaikannya. Tidak dinafikan apabila pembelajaran berlangsung secara dalam talian, maka tugas yang diberikan juga berbentuk elektronik dan perlu dihantar sama ada melalui emel atau dimuat naik ke tempat yang telah dikhaskan. Sebahagian besar tugas memerlukan pelajar untuk menyediakannya dalam bentuk video. Untuk menghasilkan video, prosesnya memakan masa dan memerlukan sedikit kemahiran. Pelajar yang kurang mahir akan memerlukan masa yang lebih lama untuk menyediakannya.

“Masa banyak dihabiskan untuk menyiapkan tugas berbanding mengulang kaji pelajaran.”(P4)

“Kerja lebih banyak daripada kelas face to face dan cepat burn out oleh sebab berada di hadapan laptop dalam masa yang agak lama untuk menyiapkan assignment.” (P10)

“Lambakan kerja yang diberikan dalam satu masa.” (P18)

“Antara cabaran mengikuti pembelajaran dalam talian adalah ketika merakam dan mengedit video.” (P51)

v. **Komitmen**

Sepanjang kelas dalam talian sepenuhnya berlangsung, majoriti pelajar tinggal bersama keluarga masing-masing. Keadaan ini menyebabkan mereka turut terikat dengan komitmen dengan ahli keluarga yang lain. Tanggungjawab sebagai anak, kakak, abang dan sebagainya di rumah menyebabkan sebahagian masa mereka perlu diperuntukkan untuk melunaskan tanggungjawab mereka. Keadaan ini sedikit sebanyak mengganggu proses pembelajaran mereka dan perhatian sepenuhnya terhadap pembelajaran tidak dapat diberikan. Berikut merupakan sebahagian coretan pelajar berkaitan komitmen mereka ketika di rumah.

“Sangat mencabar dengan pelbagai komitmen luar dari pembelajaran.” (P6)

“fokus terganggu bila duduk rumah sebab banyak tanggungjawab lain yang perlu diutamakan berbanding berada di kampus.” (P7)

“pelajar bila berada di rumah tugas pelajar bukan hanya sebagai pelajar sahaja malah sebagai anak juga.” (P18)

“Mempunyai banyak tanggungjawab yang perlu dibahagikan masanya.” (P35)

“Sukar untuk memberi komitmen sepenuhnya terhadap pembelajaran.” (P46)

vi. **Kerja kumpulan**

Isu tugas dalam kumpulan turut dinyatakan pelajar. Sebahagian kumpulan menghadapi masalah komitmen daripada ahli kumpulan. Ketua kumpulan terpaksa memainkan peranan besar bagi memastikan semua tugas yang diberikan dapat diselesaikan dengan jayanya. Perbincangan secara dalam talian tidak seperti perbincangan bersemuka. Para pelajar perlu memberi komitmen kepada kumpulan masing-masing, namun dengan kekangan yang ada, tugas berkumpulan dilihat agak sukar untuk disiapkan. Pelajar telah menyatakan beberapa isu berkaitan dengan kerja secara kumpulan.

“miscommunication antara ahli kumpulan juga menyukarkan kami berbincang tentang tugas kami.” (P10)

“Masalah dalam perbincangan bersama ahli kumpulan kerana tidak dapat berjumpa/berbincang secara bersemuka.” (P37)

“kurang dapat kerjasama daripada kawan-kawan.” (P40)

vii. **Peranti**

Pelajar turut menyatakan kemampuan peranti yang terhad. Tidak semua pelajar mampu menyediakan peranti elektronik yang canggih untuk mengikuti kelas pembelajaran dalam talian. Ketika sesi PdP dalam talian, peranti merupakan medium utama disamping capaian internet untuk memastikan pembelajaran berjalan dengan lancar. Keadaan peranti kurang memuaskan akan mengganggu proses pembelajaran dalam talian. Pelajar tidak dapat mengikuti kelas dan

pastinya akan ketinggalan berbanding rakan-rakan yang lain. Terdapat peranti yang tidak boleh digunakan secara berterusan dalam tempoh yang lama.

“Kemampuan peranti kurang memuaskan.” (P34)

Kelas yang mengikut jadual (2 jam), menjadikan peranti panas.” (P57)

Penutup

Pembelajaran dalam talian mempunyai kelebihan dan kekurangannya yang tersendiri. Kelemahan internet, gangguan emosi, persekitaran yang tidak kondusif, bebanan tugas yang diterima, mempunyai komitmen lain, isu tugas berkumpulan dan isu peranti yang digunakan merupakan isu yang perlu diberi perhatian. Isu ini pastinya dapat diatasi sekiranya semua pihak memainkan peranan masing-masing dan bersatu dalam mencari penyelesaian yang terbaik. Pihak institusi, pensyarah, pelajar mahupun ibu bapa mempunyai tanggungjawab tersendiri untuk memastikan proses pembelajaran dalam talian dapat berlangsung dengan jayanya.

Rujukan

- Abdul Rashid, A. A., Nathratul, A. Z., Mohd Zaini, O., & Nurul Najihah, M. (2021). Tinjauan Terhadap Tahap Tekanan Pelajar Universiti Semasa Pendemik Covid-19. *Malaysian Journal of Social Science & Humanities*, 6(10), 15-20.
- Alias, N., Hasin, A., & Daud, Z. (2020). Covid-19: Isu Dan Solusi Pelaksanaan Pdp Dalam Talian Bagi Kursus Hifz Al-Quran Iv Di USIM.
- Amiti, F. (2020). Synchronous and asynchronous E-learning. *European Journal of Open Education and E-Learning Studies*, 5(2).
- Amin, A. H. S., & Abdul Rashid, A. A. (2021). Anxiety Management among IPTA Students during Pandemic COVID-19. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 25(2), 128-144.
- Bing, W. A., & Jamaludin, K. A. (2021). Pembelajaran Dalam Talian (E-Pembelajaran) Semasa Pandemik Covid-19. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 408-414.
- Bezovski, Z., & Poorani, S. (2016). The evolution of e-learning and new trends. In *Information and Knowledge Management* (Vol. 6, No. 3, pp. 50-57). Iiste.
- Goliong, L., Kasin, A., Johnny, M., & Yulip, N. G. (2020). Cabaran pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran jarak jauh (PDPCJJ) semasa perintah kawalan pergerakan (PKP). Retrieved from <https://www.academia.edu/43147586>
- Shafie, B. H. M. (2020). Pelaksanaan pdpc dalam talian (oll) semasa perintah kawalan pergerakan (pkp) fasa 1 dan 2 covid-19. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(2), 213-221.
- Zamri, W. F.H.W., Abidin, Z. Z., & Harun, Z. (2021). Cabaran Pembelajaran Era Pandemik: Simptom Stres di Kalangan Pelajar Program Kejuruteraan Mekanikal UKM. *ASEAN Journal of Teaching & Learning in Higher Education*, 13(2), 113-135.

BAB 16

STRATEGI PEMBELAJARAN BERPUSATKAN PELAJAR MENGUNAKAN TEKNIK PEMIKIRAN VERBAL

Siti Salwa Mohd Noor & Norasyikin Osman

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

Pengenalan

Manusia dituntut untuk mempelajari ilmu pengetahuan dan menguasainya dengan sebaik mungkin agar memperoleh manfaat daripadanya serta menggunakannya untuk manfaat kepada orang lain. Kedudukan penuntut ilmu di sisi Islam telah disebut dengan jelas di dalam al-Quran al-Karim. Allah SWT telah meninggikan darjat orang-orang yang diberi ilmu beberapa darjat, sebagaimana disebut dalam al-Quran al-Karim dalam surah al-Mujadalah ayat 11:

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ

Maksudnya:

Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu beberapa darjat.

Dan sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Zumar ayat 23:

قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ۗ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ

Maksudnya:

Katakanlah: "Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?" Sesungguhnya orang yang berakallah yang dapat menerima pelajaran.

Terbukti daripada dua ayat al-Quran yang mulia ini bahawa penuntut ilmu mempunyai martabat, kedudukan dan status yang tinggi dalam masyarakat. Mereka menerima manfaat daripada ilmu yang dipelajari, mengamalkannya dan memberi manfaat kepada orang lain. Oleh itu, adalah menjadi satu kepentingan untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyokong proses tuntutan ilmu dan menggalakkan pembelajaran yang aktif dan positif. Persekitaran pembelajaran ini haruslah berfokus kepada peranan pelajar yang aktif dalam proses pembelajaran. Ini kerana pembelajaran dan pengajaran masa kini bukan semata-mata bergantung kepada guru seperti yang berlaku dalam kaedah pengajaran tradisional. Bahkan pelajar memainkan peranan secara berkesan untuk menambah ilmu baru menggunakan teknik dan strategi yang pelbagai.

Kertas ini bertujuan mengenal pasti teknik pemikiran verbal sebagai salah satu strategi pembelajaran berpusatkan pelajar. Konsep pembelajaran yang berpusatkan pelajar muncul daripada idea teori konstruktivisme yang berusaha untuk melibatkan peranan dan fungsi pelajar dalam menuntut ilmu. Kertas ini memberi tumpuan terhadap definisi teknik pemikiran verbal dan langkah pelaksanaan teknik pemikiran verbal dalam pengajaran kemahiran bertutur dengan

menggunakan pendekatan induktif untuk mengumpul maklumat melalui tinjauan kajian lepas dan tinjauan buku ilmiah yang berkaitan.

Teori Konstruktivisme

Teori dalam pendidikan membantu para pendidik dan pakar yang berminat dalam proses aplikasi bidang idea pendidikan dalam melaksanakan dan membangunkan kurikulum pendidikan yang diinginkan untuk pelajar. Data dan maklumat yang berkaitan dengan pendidikan telah dibahagikan dan dinamakan bidang ilmu yang terdiri daripada frasa yang menerangkan, menjelaskan dan meramalkan fenomena atau kebenaran dalam dunia pendidikan, dan penjelasan dan penjelasan ini dinamakan teori (Ahmed Saadeh & Mohamed Ibrahim, 2014).

Pembelajaran berpusatkan pelajar berasal daripada idea teori konstruktivisme yang menganjurkan idea pengajaran untuk pemahaman. Teori ini mendukung prinsip penuntut ilmu adalah pelajar yang aktif dan positif, manakala guru adalah seorang jurulatih dan pemimpin proses pembelajaran. Teori ini melihat bahawa pengetahuan dibina secara aktif oleh pelajar sendiri melalui integrasi maklumat dan pengalaman baru daripada maklumat atau pengalaman terdahulu supaya pembelajaran menjadi bermakna bagi pelajar (Qatami, 2013). Teori ini mempercayai bahawa setiap pelajar mempunyai kaedah tersendiri dalam memahami maklumat dan mempunyai konsep yang unik dari segi makna dan cara membina. Minda manusia membina pengetahuannya sebagaimana pelajar membina pengetahuannya sendiri. Pengetahuan adalah aktiviti pelajar, dan ia adalah alat untuk menyelesaikan masalah yang pelajar ingin selesaikan.

Ahli konstruktivis telah mengenal pasti ciri-ciri pelajar dan peranannya dalam pembelajaran. Antara peranan ini termasuklah pelajar berbincang, berhujah, membina hipotesis dan menyiasat, membina makna, mengembangkan pengetahuan aktif, membina pemahaman, konsep dan ramalan yang boleh diuji. Oleh itu, apabila pelajar terlibat secara aktif dan positif dalam proses mengembangkan dan membina ilmu, pengetahuannya akan sentiasa berkembang. Qatami (2013) telah mengenal pasti ciri-ciri tugas pelajar mengikut teori ini antaranya ialah pelajar melakukan latihan untuk mencapai matlamat. Pelajar perlu belajar membuat keputusan, menimbulkan soalan dan mencari serta menjawab soalan. Pelajar juga perlu melaksanakan aktiviti perbincangan dalam kumpulan kerana melalui ini pelajar akan menerima penambahan maklumat, membina kebebasan dalam menyatakan pendapat dan perasaan, seterusnya mampu mengukur tahap kemajuannya dalam pembelajaran.

Berdasarkan perkara di atas, teori konstruktivisme memberi tumpuan kepada keperluan interaksi pelajar di dalam bilik kelas. Melalui definisi pembelajaran yang terhadid daripada teori ini maka muncul pula konsep pembelajaran berpusatkan pelajar. Bertitik tolak dari itu, pelbagai strategi pembelajaran dan pengajaran telah muncul dan guru mula menunjukkan kepelbagaian dan inovasi dalam kaedah pengajaran yang menggalakkan penggunaan minda dan idea. Ini bertujuan menambat hati pelajar untuk membina pengalaman baharu, dan menghubungkannya dengan maklumat pelajar sebelumnya. Topik seterusnya akan membincangkan konsep pembelajaran berpusatkan pelajar, dan peranan guru serta pelajar berdasarkan strategi ini.

Pembelajaran Berpusatkan Pelajar

Strategi pengajaran yang baik membolehkan guru dan pelajar mencapai kepuasan yang optimum dalam proses penyampaian dan pemerolehan ilmu serta pengalaman baru. Topik dan kemahiran berbeza yang dipelajari dalam sesuatu kursus atau subjek harus menerapkan strategi yang pelbagai

untuk meraikan perbezaan dalam kalangan pelajar dari segi minat, kecenderungan dan kemahiran. Umumnya strategi pengajaran dibahagikan kepada dua iaitu strategi pengajaran berpusatkan guru dan strategi pengajaran berpusatkan pelajar. Kupasan lanjut akan diberikan kepada strategi pembelajaran berpusatkan pelajar.

Teori tradisional melihat guru sebagai tumpuan pembelajaran dan pelajar sebagai pasif dari segi menerima maklumat. Guru membangkitkan idea dan berusaha untuk mengubah idea pelajar menjadi makna bagi pelajar yang perlu menghafal dan mengingat. Sebaliknya, teori konstruktivisme melihat pelajar sebagai fokus utama pembelajaran dan mempunyai peranan yang besar, positif dan aktif dalam pembelajaran. Guru memberi peluang kepada pelajar untuk membina pengetahuan dan budaya mereka sendiri, dan berinteraksi dengan data dan maklumat untuk membina maklumat mereka sendiri. Muhammad (2012) mendefinisikan pembelajaran berpusatkan pelajar sebagai kaedah yang menumpukan sepenuhnya kepada aktiviti pelajar seperti penyelesaian masalah, kerja projek, main peranan, pembelajaran rakan sebaya, sumbang saran, peta konsep, dan strategi pengajaran lain yang boleh digunakan dalam bilik darjah.

Dalam definisi lain, pembelajaran berpusatkan pelajar ialah pendekatan pengajaran yang memfokuskan kepada pelajar dengan mengambil kira pengalaman, latar belakang, bakat, keinginan, kecenderungan dan keperluannya. Matlamat pendekatan ini adalah untuk belajar menggunakan kaedah pembelajaran yang berkesan, membangunkan motivasi dan keupayaan pembelajaran (Mccombs dan Whisler, 1997).

Strategi pengajaran dan pembelajaran adalah teknik, kaedah atau pendekatan yang digunakan oleh pengajar dan pelajar dalam mencapai objektif kursus yang telah ditetapkan. Strategi pengajaran adalah sebahagian daripada rancangan pengajaran yang disediakan pengajar mengandungi topik kursus, objektif, kaedah pelaksanaan pengajaran dan bahan atau material yang digunakan pengajar sepanjang proses pembelajaran berlangsung serta kaedah penilaian. Bertitik tolak dari itu, kertas ini mencadangkan teknik pemikiran verbal sebagai salah satu strategi pembelajaran berpusatkan pelajar untuk meningkatkan kemahiran bahasa pelajar terutamanya kemahiran bertutur.

Teknik Pemikiran Verbal

Teknik pemikiran verbal telah diguna pakai secara meluas dalam bidang kajian yang melibatkan pemikiran dan minda manusia untuk memperoleh jawapan atau penyelesaian kepada isu atau permasalahan yang timbul (Lubna & Arnida, 2021). Teknik pemikiran verbal mempunyai pelbagai definisi dan takrifan. Menurut Beyer (1987) teknik pemikiran verbal ialah cara seseorang meluahkan fikirannya semasa memikirkan sesuatu isu atau masalah. Definisi lain pula merujuk kepada teknik di mana pelajar menyatakan idea mereka secara lisan semasa proses membaca (Kene & Zimmerman, 1997). Dalam definisi lain, berfikir dengan lantang adalah teknik yang meningkatkan keupayaan pelajar untuk menilai dan hala tuju sendiri hasil daripada individu yang sama dalam kedua-dua aspek akademik dan sosial (Park, 2004). Menurut Zaleha (2004) teknik pemikiran verbal juga dikenali sebagai Protokol Pemikiran Verbal (PPV) adalah satu teknik yang digunakan untuk mendapat maklumat yang berlaku dalam proses kognitif.

Manakala Coiro (2011) mentakrifkannya sebagai cara pelajar meluahkan fikiran mereka secara lisan apabila mereka membaca, dan dengan itu menunjukkan strategi yang mereka gunakan untuk memahami teks. Strategi ini bertujuan untuk menjelmakan proses berfikir pelajar semasa dia terlibat dalam tugas yang memerlukan pemikiran. Pelajar berfikir menyatakan dengan lantang semua perasaan, sensasi, dan pemikiran yang berlaku semasa melaksanakan tugas. Ini dilakukan melalui pelajar, di mana salah seorang pelajar bercakap tentang isu itu dan menerangkan proses pemikirannya manakala rakan sekerjanya mendengarnya dan bertanya

kepadanya soalan untuk membantunya menjelaskan idea (Hamud, 2013). Teknik ini sangat penting kerana ia membantu pelajar untuk bercakap dengan lantang tentang pemikiran, perasaan, dan proses metakognitif mereka daripada proses perancangan, pemantauan, penilaian dan semakan yang mereka gunakan dalam proses pembelajaran. signifikan, seperti yang dikehendaki oleh teori pembelajaran kognitif konstruktivis (Siti Salwa, 2017).

Terdapat banyak langkah teknik pemikiran verbal dan di antara langkah-langkah tersebut adalah seperti yang ditunjukkan oleh Qatami (2013), di mana beliau menyenaraikan beberapa strategi yang digunakan semasa proses pemikiran verbal, iaitu mengenal pasti masalah, menyelesaikan masalah, menggambarkan masalah, meramalkan apa yang akan berlaku, membuat perbandingan, dan membuat komen atau kesimpulan. Kajian semasa bergantung kepada enam langkah ini dalam percubaannya untuk mengaplikasikan teori konstruktivis secara praktikal dalam kajian membaca dalam bahasa Arab sebagai bahasa asing sebagai model.

Teknik pemikiran verbal memerlukan penglibatan aktif guru dan pelajar dalam mencapai penglibatan pelajar dalam strategi ini. Ia adalah dalam mensimulasikan langkah-langkah asas, termasuk guru mengintegrasikan strategi berfikir lantang di hadapan pelajar semasa membaca teks dengan tujuan untuk memodelkan cara mereka diaplikasikan kerana biasanya pelajar tidak pasti bagaimana untuk memulakan proses pemodelan. Matlamat kedua adalah untuk mencetuskan penglibatan pelajar dalam aktiviti strategik (Sahebkheir & Aidinlou, 2014), kemudian pelajar bercakap dengan lantang tentang langkah-langkah yang mereka lalui semasa membaca. Ketika salah seorang daripada mereka bercakap dan menerangkan proses pemikirannya, rakan sekelasnya akan mendengar dan bertanya soalan yang membantu menjelaskan pemikiran, dan berfikir tentang cara berfikir rakannya yang bertutur. Secara tidak langsung, teknik ini membantu dalam membangunkan kemahiran komunikasi, refleksi sendiri dan menyoal konsep (Qatami, 2013).

Langkah Pelaksanaan Teknik Pemikiran Verbal

Langkah pelaksanaan teknik pemikiran verbal pada asasnya adalah sama iaitu guru memilih bahan untuk aktiviti ini. Kertas ini mengambil contoh pelaksanaan teknik pemikiran verbal di dalam bilik darjah terhadap teks yang dibaca oleh pelajar di dalam kelas. Ia boleh dilaksanakan mengikut langkah berikut:

1. Guru meminta pelajar membaca teks secara sendiri selama dua minit.
2. Guru menugaskan beberapa orang pelajar untuk membaca teks di hadapan kelas .
3. Guru meminta pelajar membaca satu atau dua baris dan kemudian berhenti sebentar untuk menyatakan pemikirannya secara verbal.
4. Guru memberi pelajar peluang untuk bertanya soalan.
5. Guru membiarkan pelajar berlatih secara lisan atau berfikir dengan suara lantang dengan rakan sekelas ketika mereka membaca teks pendek.
6. Pelajar boleh memulakan teknik berfikir secara verbal seperti dalam langkah berikut:
 - a) Mentakrifkan masalah (contoh: teks berkenaan dengan siapa yang bertanggungjawab terhadap masalah keruntuhan akhlak).
 - b) Menenal pasti masalah (contoh: masalah akhlak telah merebak ke seluruh dunia Islam).
 - c) Meramalkan perkara yang akan diperkatakan oleh pengarang (contoh: pengarang akan bercakap tentang pihak yang terlibat dalam mendidik masyarakat).
 - d) Membuat perbandingan atau ulasan (contoh: semua pihak perlu memikul tanggungjawab khusus dalam mereformasi masyarakat).
 - e) Membuat kesimpulan tentang teks dengan gaya pelajar sendiri .
7. Guru bertanyakan soalan yang merangsang pemikiran pelajar seperti:

- a) Apakah yang dilaporkan media massa tentang masalah kemerosotan akhlak remaja lelaki dan wanita?
 - b) Bagaimana keluarga mempengaruhi sahsiah anak muda? Terangkan apa yang anda katakan.
6. Guru juga boleh membiarkan pelajar menggunakan teknik pemikiran verbal secara sendiri apabila membaca teks. Pelajar diminta merakam suaranya pada perakam audio dengan tujuan untuk mendengarnya semula dan kemudian menilai sendiri prestasinya. Pelajar harus memahami perbezaan antara apa yang berlaku semasa mereka membaca dan semasa mereka berfikir. Untuk merangsang pemikiran dan mengelak daripada berhenti berfikir secara lantang, pelajar boleh bertanya kepada diri mereka sendiri soalan ini, "Apa yang saya fikirkan?" Ini akan mengembangkan idea mereka melebihi teks yang dibaca.

Kelebihan Teknik Pemikiran Verbal

Teknik pemikiran verbal sesuai digunakan untuk membina kemahiran berfikir pelajar dan memberi kebebasan kepada mereka menyatakan idea dan pendapat. Selain itu, pelajar belajar untuk memahami realiti semasa, meningkatkan tahap pemahaman dan asimilasi, memperoleh dan mendalami serta memperhalusi pengetahuan dan kemudian menggunakannya dengan lebih bermakna. Ia juga merupakan strategi yang berkesan dalam meningkatkan pertumbuhan kognitif dan pengetahuan serta menghubungkan kait serta mengarah aspek kognitif. Teknik ini juga mampu meningkatkan pembelajaran dari aspek sosial dan mengurangkan fenomena lupa yang mungkin berlaku apabila pelajar cuba mengumpul maklumat pada akhir aktiviti (Hammoud, 2013). Lau (2006) turut menyatakan bahawa teknik pemikiran verbal merupakan alat yang berkesan untuk mengenal pasti pengetahuan sedia ada pelajar dan menunjukkan proses pemahaman semasa membaca teks terpilih di dalam kelas.

Teknik pemikiran verbal membolehkan guru melihat proses kemahiran berfikir pelajar dan memberi peluang kepada guru memberi maklum balas apabila melihat penaakulan yang istimewa atau tidak lengkap. Ia juga memberi peluang kepada guru untuk mendengar pemikiran pelajar mereka secara aktif. Proses ini membantu membina pengetahuan pelajar apabila mereka berkongsi dan mentakrifkan strukturnya sambil mentafsir pengetahuan baharu dan mewujudkan integrasi antaranya dengan pengetahuan sedia ada (Abdul Hamid, 1999).

Menurut Mathews (2001) pula teknik pemikiran verbal merangsang pemikiran pelajar kerana ia merangkumi sesi melontarkan soalan dan perbincangan. Teknik ini menarik tumpuan perhatian pelajar, mengembangkan rasa ingin tahu dan meningkatkan pemahaman pelajar tentang konsep serta membangunkan kemahiran sosial dan konsep sendiri. Ia juga membantu pelajar untuk belajar di antara satu sama lain. Dalam bidang pembelajaran dan pengajaran bahasa lazimnya teknik pemikiran verbal digunakan secara meluas untuk mendapatkan data berkaitan dengan isu pembelajaran dan kemahiran bahasa seperti membaca dan menulis, sama ada dalam pembelajaran bahasa pertama atau bahasa kedua (Noor Aina & Zaleha, 2005).

Secara ringkasnya, teknik pemikiran verbal sangat bermanfaat dalam pengajaran kerana ia merangsang pelajar untuk leboh berperanan dalam proses pemerolehan ilmu pengetahuan dan pengalaman. Ia memberi ruang dan peluang kepada pelajar untuk membuat penerangan, mengembangkan dan memperbaiki proses berfikir ketika berhadapan dengan guru atau sekumpulan kecil rakan kelas. Oleh itu, tidak dapat dinafikan bahawa teknik pemikiran verbal adalah salah satu daripada strategi dan kaedah pembelajaran yang berpusatkan pelajar.

Kesimpulan

Teknik pemikiran verbal adalah sejenis pendidikan konstruktivisme kerana ia berpusatkan aktiviti di sekeliling pelajar. Guru memainkan peranan sebagai fasilitator dan pelajar bertindak aktif di dalam bilik darjah. Salah satu prinsip pembelajaran konstruktivisme ialah mencari dan menghargai pendapat dan idea pelajar kerana ia mendedahkan konsep semasa dan kebolehan inferensi mereka (Zaytoun, 2007). Prestasi pelajar dalam menggunakan teknik pemikiran verbal semasa menyelesaikan masalah atau membaca dinilai melalui pemerhatian guru terhadap perkembangan aktiviti pelajar di dalam bilik darjah. Justeru, dalam menilai kemahiran bertutur pelajar sebagai contoh perlulah mengambil kira aspek kemahiran asas lisan yang ingin diukur iaiti aspek intelektual, aspek linguistik dan aspek fonemik.

Kertas ini mencadangkan penggunaan teknik pemikiran verbal dalam pengajaran membaca dan bertutur dalam bahasa Arab sebagai bahasa asing di Malaysia. Ini kerana teknik ini merupakan salah satu strategi pembelajaran berpusatkan pelajar kerana ia mengaktifkan peranan pelajar secara positif dan aktif. Ia menggalakkan pelajar untuk berkongsi buah fikiran dan emosi mereka secara bebas secara verbal. Pelajar juga akan belajar untuk berdepan dengan kegelisahan apabila menyatakan pendapat di dalam kelas dan tidak lagi perlu gusar dengan ejekan rakan kerana ia adalah satu proses pembelajaran. Strategi pembelajaran berpusatkan pelajar ini sangat penting kerana ia bukan sahaja membolehkan pelajar bercakap dengan lantang tentang pemikiran dan proses metakognitifnya seperti merancang, memantau, menilai dan menyemak semasa dia menggunakannya dalam proses pembelajaran, tetapi juga mengembangkan keupayaannya untuk mengetahui proses berfikir yang digunakan. Sekaligus membantu pelajar mengeksploitasi kebolehan semaksimal mungkin seperti yang dicadangkan oleh teori pembelajaran konstruktivis kognitif.

Namun demikian, guru harus sedar bahawa matlamat teknik pemikiran verbal bukanlah untuk menentukan betul dan salah, tetapi untuk memahami gaya berfikir, cara membuat inferens dan mendengar andaian dan perasaan pelajar. Perlu diingat bahawa guru mesti menggunakan lebih daripada satu strategi pengajaran dalam pengajaran dan menggunakan cara yang berbeza untuk menarik perhatian pelajar kepada pembelajaran dan mempengaruhi mereka secara positif. Apabila guru memilih strategi pengajaran yang berkesan, menggunakannya dengan tepat, dan merancang kedudukan pengajaran yang menarik, hasilnya akan menjadi satu kejayaan yang bermanfaat buat pelajar.

Rujukan

Al-Quran al-Karim

Abdul Hamid, Jabir. (1999). *Istiratijiyat al-tadris wa al-taalum*. Kaherah: Dar al-Fikr al-Arab

Ahmed Saadeh, Jawdat dan Mohamed Ibrahim Abdullah. (2014). *Al-manhaj al-madrasiy al-muasir*. Amman: Dar al-Fikr.

Beyer, B. K. (1987). *Practical Strategies for the Teaching of Thinking*. Boston: Allyn & Bacon. Retrieved from <ftp://download.intel.com/education>

Coiro, J. (2011). Talking About Reading as Thinking: Modelling the Hidden Complexities of Online Reading Comprehension. *Theory into Practice*, 50(2), 107-115.

Hamud, Ahlam Ali. (2013). Istiqsa faaliyyah kulli lk istiratijiyah al-tafkir bi saut ali murtafi' wa istiratijiyah azm samakah fi tanmiah al-istidlal al-ilm wa tahsilihm li al-maarifah al-ilmiah. *Majallah al-Ustaz*, 1(206), 451-480.

Keene, E., & Zimmermann, S. (1997). *Mosaic of thought: teaching comprehension in a reader's workshop*. Portsmouth, NH: Heinemann.

- Lubna Abd Rahman¹, Arnida A.Bakar. (2021). Kerelevanan aplikasi kaedah protokol pemikiran verbal (think-aloud protocols) dalam terjemahan: analisis corak kajian lepas. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(3), 120 – 133.
- Matthews, B. (2001). *Improving Science and Emotional Development (The ISED Project) Emotional Literacy, Citizenship, Science and Equity*. London: Goldsmiths.
- McCombs, B. L., & Whisler, J. S. (1997). *The learner-centered classroom and school: strategies for increasing student motivation and achievement*. The Jossey-Bass Education Series.
- Muhammad, Taher Muhammad al-Hadi. (2012). *Usus al-manhaj al-muasiroh*. Amman: Dar al-Masirah.
- Noor Aina Dani & Zaleha Abd. Rahman. (2005). Protokol pemikiran verbal dalam pemahaman bacaan teks bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, 5(1), 136-171.
- Park, Y.J. (2004). *A study on English vocabulary learning strategies*. (Unpublished master thesis), Konyang University, Daejun, Korea.
- Qatami, Yusuf (2013). *Istitatijyyat al-taallum wa al-taalim al-ma'rifiyyah*. Amman: Dar al-Masirah.
- Sahebkheir, Farnaz & Aidinlou, Nader Assadi. (2014). The Role of Think-Aloud Strategies Including Think Aloud Flashcard Games on Improving Iranian EFL Learners' Reading Comprehension. *Indian Journal of Fundamental and Applied Life Sciences*, 4(3): 216-224.
- Siti Salwa Mohd Noor. (2017). *Athar istikhdam istiratijyyat al-talkhis wa al-tafkir bi sautin alin fi Tahsin maharah al-tahadduth wa al-qiroah al-jahriyyah lada al-natiq bi ghairiha*. (Unpublished doctoral thesis), WISE University, Jordan.
- Zaleha Abd Rahman. (2004). Protokol pemikiran verbal dalam pembelajaran bahasa Melayu (Unpublished doctoral dissertation), Universiti Putra Malaysia

BAB 17

PERBEZAAN JAWAPAN PELAJAR DAN PANDANGAN PENSYARAH DARI ASPEK PENGUASAAN KEMAHIRAN BERBAHASA ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR PSMBA DI IPTA MALAYSIA

Khairatul Akmar Ab Latif, Ahmad Redzaudin Ghazali dan Mohd Rofian Ismail
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Pendahuluan

Penguasaan yang baik dalam kemahiran berbahasa Arab sangat penting bagi pelajar yang mengikuti program pengkhususan bahasa Arab di IPTA. Ini kerana pelajar menghabiskan tempoh masa yang lama iaitu hampir empat hingga lima tahun untuk menyempurnakan pengajian mereka sehingga akhirnya dianugerahkan sekeping sijil menandakan keupaya mereka yang khusus dalam bidang bahasa Arab. Dengan sijil ini juga pelajar berpeluang untuk melangkah lebih jauh ke hadapan bersesuaian dengan kemahiran yang mereka miliki serta melaluinya, mereka berkupayaan untuk menikmati perjalanan hidup yang baik pada masa akan datang dengan memiliki pekerjaan yang setimpal dengan tahap dan kelulusan pembelajaran mereka.

Keberkesanan Pembelajaran

Tindakan mempraktikkan pengalaman yang diperoleh oleh seseorang individu termasuklah pelajar dianggap sebagai perubahan tingkah laku. Ini menggambarkan suatu pembelajaran yang sebenarnya telah berlaku. Terdapat beberapa pentakrifan yang dibuat untuk menerangkan maksud perkataan keberkesanan antaranya iaitu mencapai sasaran atau kesan yang dijangkakan serta berupaya menghasilkan sesuatu keputusan yang dikehendaki. Beberapa tinjauan literatur berkenaan dengan keberkesanan silibus kurikulum pernah dilakukan. Antaranya kajian yang dijalankan oleh Little et al. (2007). Kajian berkaitan dengan kesan terhadap satu silibus khas yang dinamakan sebagai silibus kurikulum “Javits”.

Silibus Little et al. (2007) direka khas untuk kegunaan pelajar-pelajar berpotensi tinggi bagi peringkat rendah dan menengah. Ia memberi penekanan terhadap semua aspek persekitaran dan faktor yang merangsang pembelajaran pelajar. Keberkesanan silibus ditunjukkan melalui peningkatan prestasi dan pencapaian pelajar dalam pembelajaran. Respon yang positif terhadap silibus dapat dikesan melalui beberapa perkara. Antara perkara tersebut iaitu tindak balas yang dilakukan seperti tindak balas dalam konsep pemikiran kritikal, proses pembelajaran dan pengajaran dan reaksi guru semasa mempersembahkan pengajaran.

Gallagher (1989) berpendapat bahawa keberkesanan silibus berkait rapat dengan elemen-elemen yang terdapat di dalam silibus. Penekanan ditumpukan kepada kepentingan dan peranan matlamat, sukatan, kaedah penyampaian dan penilaian silibus. Ini bertujuan supaya ianya digunakan sepenuhnya semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Manakala van Tassel-Baska et al. (2002) menekankan bahawa keberkesanan silibus adalah berdasarkan signifikasi yang diberikan oleh seseorang pelajar melalui hasil pembelajaran (learning outcomes) yang dicapai. Beliau dan rakan-rakannya berpendapat bahawa faktor jantina tidak memainkan peranan penting dalam menentukan hasil yang baik dalam pembelajaran.

Melvin (1997) pula mengkaji keberkesanan silibus di dalam pembangunan kemahiran pemikiran kritikal (critical thinking skills) dalam program kejuruteraan di Institut Technology Wentworth, Amerika. Beliau mendapati bahawa terdapat perbezaan yang nyata antara pelajar program dari segi kemampuan pemikiran kritikal. Walaupun pelajar mengikuti program yang sama di institut berkenaan, perbezaan faktor latar belakang pelajar menjadi penyebab utama kemahiran teknikal (skill of technical) dan kemampuan menghasilkan reka bentuk yang menarik. Ia mempengaruhi cara dan corak pembelajaran pelajar dan seterusnya memberi kesan kepada kemahiran pemikiran.

Suhre et al. (2007) pernah membincangkan perkara berkaitan dengan persepsi pelajar mengenai kepuasan mereka (student's satisfaction) dalam pembelajaran. Beliau mendapati bahawa terdapat beberapa faktor memberi kesan kepada kepuasan tersebut yang mampu diperoleh daripada pelbagai sudut dan aspek. Kesan yang paling ketara iaitu adanya hubungan kait antara kecergasan akademik serta peningkatan dalam prestasi dan kemampuan belajar seseorang pelajar. Penurunan tahap kepuasan pelajar memberi kesan yang jelas dalam kelakuan dan motivasi pelajar. Faktor negatif ini turut memberi implikasi yang besar terhadap pelaksanaan sistem pendidikan semasa. Setiap persepsi mereka terhadap sistem pengajaran dan pembelajaran akan memberi kesan terhadap kelakuan pelajar.

Manakala Joanne dan Lynn (2004) pula pernah melakukan satu kajian berkaitan dengan persepsi pelajar terhadap keberkesanan perjalanan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa di sebuah kawasan pedalaman. Mereka ingin membuktikan keberkesanan strategi dan taktik yang digunakan bagi menarik perhatian pelajar dalam proses pembelajaran. Dapatan kajian menyatakan bahawa perlunya satu ikatan dibina antara pelajar dengan guru. Ia bertujuan untuk memupuk kepercayaan antara mereka di samping untuk mewujudkan suasana saling perlu memerlukan antara satu sama lain (guru dan pelajar).

Menurut Syed Hussein Al-Atas (Utusan Online 2005), pensyarah yang ada sekarang adalah produk daripada sistem yang sama. Sebelumnya mereka juga adalah pelajar yang didedahkan kepada sistem pendidikan yang sama. Maka seelok-eloknya sebahagian daripada pensyarah di universiti tempatan adalah dari luar negara. Mungkin bilangan tenaga akademik asing ialah 15 peratus daripada keseluruhan bilangan pensyarah.

Menurut Hassan Ali (1996), kecemerlangan boleh diertikan sebagai puncak kegemilangan yang boleh dicapai oleh seseorang pelajar. Kecemerlangan dilihat dari aspek kemampuan pelajar mendapat kelulusan yang cemerlang dalam satu-satu peperiksaan. Kemampuan dan kesanggupan pelajar mengatur dan mengambil berat mengenai pelajaran bergantung kepada faktor-faktor yang mempengaruhi system pembelajarannya. Ini adalah berkait rapat dengan kejayaan dan kegagalan dalam kehidupannya.

Pembelajaran merupakan proses memperoleh pengetahuan, kemahiran, sikap dan nilai yang baru. Ia akan menghasilkan perubahan tingkah laku yang dikehendaki yang meliputi aspek pengetahuan, kemahiran menggunakan fakta dan mengubah nilai diri. Pembelajaran berlaku apabila minda seseorang individu dirangsang untuk menjadi pengalaman dan pengalaman ini pula digunakan untuk tingkah laku atau tindakan. Pelajar yang sudah belajar iaitu pelajar yang sudah mengetahui dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran nilai dan sikap yang baru.

Kaedah pengajaran yang sesuai memainkan peranan penting dalam membantu proses keberkesanan pembelajaran. Rahmat Abdullah (1992) menyarankan supaya proses pembelajaran bahasa Arab memberi penekanan kepada morfem-morfem yang berkongsi antara bahasa Arab dengan bahasa Melayu. Ini untuk memastikan keberkesanan pembelajaran bahasa Arab. Saranan tersebut akan memudahkan proses pembelajaran dan kefahaman pelajar.

Kerajaan menerusi Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) juga turut menggalakkan kepelbagaian pendekatan pengajaran (Abd. Razak Habib 1998). Menurut Maimun (1997), pendekatan tradisional masih diamalkan dan memainkan peranan penting dalam proses pengajaran. Ia merupakan cara paling mudah dalam menyampaikan maklumat dan ilmu pengetahuan. Kaedah pengajaran mestilah berkesinambungan dan logik (Tu'aimah 1989). Bermakna bahawa dalam pembelajaran bahasa Arab, semestinya didahulukan dengan pembelajaran empat kemahiran asas berbanding pembelajaran tatabahasa.

Mohd Abd Kadir (1982) menyarankan pendedahan bahasa Arab semestinya bermula sejak zaman kanak-kanak. Ia akan memudahkan perancangan pembentukan matlamat pembelajaran kelak apabila mereka mampu untuk memilih bidang yang ingin mereka ceburi (Abdul Alim Ibrahim 1976). Namun, menurut Maimun (1997), tiada pendekatan yang terbaik.

Setiap pendekatan mempunyai kelebihan dan kekurangan. Pendekatan tradisional lebih berkesan untuk memahami perkataan dan menambah perbendaharaan kata pada peringkat permulaan.

Persoalan Kajian

Kajian ini ingin menjelaskan lagi pandangan para pelajar dan pensyarah berkaitan dengan penguasaan kemahiran berbahasa Arab pelajar bagi PSMBA. Tumpuan kajian ini dapat dilihat dalam beberapa persoalan kajian yang telah digariskan iaitu:

1. Apakah pendapat para pelajar dan pensyarah tentang penguasaan kemahiran berbahasa Arab pelajar bagi PSMBA.
2. Apakah peratusan tertinggi dan terendah tentang penguasaan kemahiran berbahasa Arab pelajar bagi PSMBA.
3. Apakah cadangan ke arah penambahbaikan terhadap penguasaan kemahiran berbahasa Arab pelajar bagi PSMBA.

Metodologi Kajian

Kajian ini adalah berbentuk kajian deskriptif yang melibatkan nilai peratusan dalam penggunaan perisian SPSS versi 20. Para responden terdiri daripada para pensyarah yang mengajar PSMBA di tahun akhir pengajian di 5 Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia yang menawarkan program bahasa Arab iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Putera Malaysia (UPM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Data-data diperolehi melalui kaedah kajian lapangan yang melibatkan pengedaran set soalan soal selidik kepada para responden terbabit seramai 37 orang pensyarah yang dikumpul daripada lima universiti yang terlibat. Mengikut taburan data yang dikumpul daripada lima universiti yang terlibat didapati bahawa secara keseluruhannya peratus responden (pensyarah) yang tertinggi datang dari Universiti Sains Islam Malaysia dengan 24.3 peratus. Kemudian diikuti oleh Universiti Kebangsaan Malaysia 21.6 peratus. Pensyarah dari Universiti Malaya dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia iaitu sebanyak 18.9 peratus serta Universiti Putera Malaysia sebanyak 16.2 peratus. Manakala pembahagian dari segi jantina pula didapati sebanyak 56.8 peratus adalah lelaki dan selebihnya iaitu 43.2 peratus adalah perempuan.

Dari segi umur pula, 13.5 peratus responden terdiri daripada mereka yang berumur 25 hingga 30 tahun. Terdapat 56.8 peratus pula terdiri daripada mereka yang berumur 31 hingga 35 tahun. Sebanyak 29.7 peratus pensyarah umurnya 36 tahun ke atas. Mengenai pengalaman mereka dalam mengajar bahasa Arab pula, peratusan tertinggi adalah sebanyak 59.6 peratus iaitu mereka berpengalaman dalam mengajar bahasa Arab selama 9 hingga 11 tahun. Sebanyak 24.3 peratus yang berpengalaman mengajar selama 6 hingga 8 tahun.

Pensyarah yang paling sedikit iaitu sebanyak 10.4 peratus merupakan mereka yang mengajar bahasa Arab 3 hingga 5 tahun dan 5.2 peratus pula mereka yang mengajar kurang dari 2 tahun. Dalam segi bahasa pertuturan responden di rumah, didapati sebanyak 43.2 peratus mereka berhubung dengan menggunakan bahasa Arab. Manakala 27 peratus menggunakan bahasa campuran antara Arab dan Melayu. Sebanyak 16.2 peratus menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya. Terdapat 8.1 peratus pensyarah menggunakan bahasa campuran Arab, Melayu dan Inggeris serta 2.7 peratus menggunakan lain-lain bahasa di rumah.

Ditinjau dari penggunaan bahasa pertuturan di universiti pula, sebanyak 45.9 peratus yang menggunakan bahasa Melayu. Seramai 18.9 peratus menggunakan bahasa campuran Melayu, Inggeris, Arab dan Jawa. Selebihnya, pensyarah berbahasa campuran Arab, Inggeris, Melayu peratus yang menggunakan bahasa Arab di universiti. Mengenai latar belakang keluarga pula, sebanyak 70.3 peratus dari kalangan keluarga yang bukan berpendidikan Arab. Selebihnya iaitu sebanyak 29.7 peratus para responden datang daripada kalangan keluarga yang mempunyai latar belakang pendidikan bahasa Arab.

Dalam kajian ini nilai jawapan pelajar dan pensyarah diberi dalam bentuk skala dan peratusan. Nilai tersebut memberikan indikator bahawa semakin tinggi peratusan yang diberi, menunjukkan semakin positif jawapan sukatan pelajaran tersebut. Manakala jika skala dan peratusan yang kurang dari 3 atau 50 peratus akan menunjukkan jawapan pelajar dan pensyarah yang semakin negatif. Aras perbezaan dan kayu ukur antara keduanya adalah 3 bagi nilai skala dan 50 bagi nilai peratusan. Skalanya adalah sepertimana berikut: 1 = cemerlang, 2 = baik, 3 = sederhana, 4 = lemah, 5 = sangat lemah.

Penemuan Kajian dan Perbincangan

Disertakan di sini jadual perbezaan jawapan pelajar dan pandangan pensyarah dari aspek corak pembelajaran pelajar. Untuk melihat perbezaan jawapan pelajar dan pandangan pensyarah dari aspek corak-corak pembelajaran, ia dapat dilihat dalam Jadual 5.1, 5.2 dan 5.3 berikut.

Jadual 5.1 Data kekerapan dan peratus jawapan pelajar dari aspek penguasaan bahasa (kemahiran berbahasa).

No.	Kemahiran/Tahap Penguasaan	PELAJAR				
		Cemerlang bil/%	Baik bil/%	Sederhan abil/%	Lema hbil/ %	Sangat Lemah bil/%
1	Kemahiran mendengar	<u>35/23.3</u>	<u>72/48</u>	42/28	0/0	<u>1/0.7</u>
2	Kemahiran bercakap	19/12.7	64/42.7	<u>59/39.3</u>	<u>7/4.7</u>	<u>1/0.7</u>
3	Kemahiran membaca	<u>28/18.7</u>	<u>71/47.3</u>	<u>47/31.3</u>	<u>3/2</u>	<u>1/0.7</u>
4	Kemahiran menulis	<u>21/14</u>	<u>69/46</u>	<u>52/34.7</u>	<u>8/5.3</u>	0/0
Purata keseluruhan		26/ 17	69/46	50/33	4.5/3	0.5/1

Nota: Nilai purata kurang daripada 3 adalah menunjukkan kemahiran berbahasa positif.

(Nota : 1 = cemerlang, 2 = baik, 3 = sederhana, 4 = lemah, 5 = sangat lemah)

Keterangan

Melalui data yang diperoleh daripada jawapan pelajar dalam item kemahiran berbahasa pelajar, secara umumnya menunjukkan purata seramai 26 pelajar yang telah menjawab *cemerlang* dengan purata peratus antara 17 peratus, 69 pelajar telah menjawab *baik* dengan mewakili sebanyak 46 peratus, 50 pelajar telah menjawab *sederbana* yang mewakili sebanyak 33 paratus, 4.5 pelajar menjawab *lemah* yang mewakili sebanyak 3 peratus dan 0.5 pelajar telah menjawab *sangat lemah* yang mewakili sebanyak 1 peratus.

Jawapan *cemerlang* terbanyak diperoleh daripada *kemahiran mendengar* dengan jumlah seramai 35 daripada 150 orang pelajar telah menjawab jawapan yang sama yang mewakili sebanyak 23.3 peratus, kemudian diikuti pula dengan *kemahiran membaca* dengan jumlah seramai 28 orang pelajar dengan 18.7 peratus dan *kemahiran menulis* dengan jumlah seramai 21 pelajar dengan 14 peratus.

Manakala jawapan *baik* terbanyak diperoleh daripada *kemahiran mendengar* dengan jumlah seramai 72 daripada 150 orang pelajar telah menjawab jawapan yang sama yang mewakili sebanyak 48 peratus, kemudian diikuti pula dengan *kemahiran membaca* dengan jumlah seramai 71 orang pelajar dengan 47.3 peratus dan *kemahiran menulis* dengan jumlah jawapan seramai 69 orang pelajar dengan 46 peratus.

Dalam masa yang sama, jawapan *sederhana* terbanyak diperoleh daripada *kemahiran bercakap* dengan jumlah seramai 59 daripada 150 orang pelajar telah menjawab jawapan yang sama yang mewakili sebanyak 39.3 peratus, kemudian diikuti pula dengan *kemahiran menulis* dengan jumlah seramai 52 orang pelajar dengan 34.7 peratus dan *kemahiran membaca* dengan jumlah jawapan seramai 47 orang pelajar dengan 31.3 peratus.

Demikian pula jawapan *lemah* terbanyak diperoleh daripada *kemahiran menulis* dengan jumlah seramai 8 daripada 150 orang pelajar telah menjawab jawapan yang sama yang mewakili sebanyak 5.3 peratus, kemudian diikuti pula dengan *kemahiran bercakap* dengan jumlah seramai 7 orang pelajar dengan 4.7 peratus serta *kemahiran membaca* seramai 3 orang dengan nilai sebanyak 2 peratus. Akhir sekali, jawapan *sangat lemah* terbanyak diperoleh daripada tiga kemahiran iaitu *kemahiran mendengar*, *kemahiran bercakap* dan *kemahiran membaca* dengan jumlah yang sama iaitu seramai 1 daripada 150 orang pelajar telah menjawab jawapan yang sama yang mewakili sebanyak 0.7 peratus.

Jadual 5.2 Data kekerapan dan peratus pandangan pensyarah dari aspek penguasaan bahasa (kemahiran berbahasa).

No.	Kemahiran/Tahap Penguasaan	PENSYARAH				
		Cemerlang /%	Baik /%	Sederhana /%	Lemah/ %	Sangat Lemah/ %
1	Kemahiran mendengar	0/0	5/13.5	28/75.7	4/10.8	0/0
2	Kemahiran bercakap	0/0	3/8.1	28/75.7	6/16.2	0/0
3	Kemahiran membaca	0/0	5/13.5	26/70.3	6/16.2	0/0
4	Kemahiran menulis	0/0	4/10.8	26/70.3	7/18.9	0/0
Purata keseluruhan		0/0	4.25/11.5	27/73	5.75/15.5	0/0

Nota: Nilai purata kurang daripada 3 adalah menunjukkan kemahiran berbahasa positif. (Nota : 1 = cemerlang, 2 = baik, 3 = sederhana, 4 = lemah, 5 = sangat lemah).

Keterangan

Melalui data yang diperoleh daripada jawapan pelajar dalam item kemahiran berbahasa pelajar, secara umumnya menunjukkan purata seramai 26 pelajar yang telah menjawab *cemerlang* dengan purata peratus antara 17 peratus, 69 pelajar telah menjawab *baik* dengan mewakili sebanyak 46

peratus, 50 pelajar telah menjawab *sederhana* yang mewakili sebanyak 33 peratus, 4.5 pelajar menjawab *lemah* yang mewakili sebanyak 3 peratus dan 0.5 pelajar telah menjawab *sangat lemah* yang mewakili sebanyak 1 peratus.

Jawapan *cemerlang* terbanyak diperoleh daripada *kemahiran mendengar* dengan jumlah seramai 35 daripada 150 orang pelajar telah menjawab jawapan yang sama yang mewakili sebanyak 23.3 peratus, kemudian diikuti pula dengan *kemahiran membaca* dengan jumlah seramai 28 orang pelajar dengan 18.7 peratus dan *kemahiran menulis* dengan jumlah seramai 21 pelajar dengan 14 peratus.

Manakala jawapan *baik* terbanyak diperoleh daripada *kemahiran mendengar* dengan jumlah seramai 72 daripada 150 orang pelajar telah menjawab jawapan yang sama yang mewakili sebanyak 48 peratus, kemudian diikuti pula dengan *kemahiran membaca* dengan jumlah seramai 71 orang pelajar dengan 47.3 peratus dan *kemahiran menulis* dengan jumlah jawapan seramai 69 orang pelajar dengan 46 peratus.

Dalam masa yang sama, jawapan *sederhana* terbanyak diperoleh daripada *kemahiran bercakap* dengan jumlah seramai 59 daripada 150 orang pelajar telah menjawab jawapan yang sama yang mewakili sebanyak 39.3 peratus, kemudian diikuti pula dengan *kemahiran menulis* dengan jumlah seramai 52 orang pelajar dengan 34.7 peratus dan *kemahiran membaca* dengan jumlah jawapan seramai 47 orang pelajar dengan 31.3 peratus.

Demikian pula jawapan *lemah* terbanyak diperoleh daripada *kemahiran menulis* dengan jumlah seramai 8 daripada 150 orang pelajar telah menjawab jawapan yang sama yang mewakili sebanyak 5.3 peratus, kemudian diikuti pula dengan *kemahiran bercakap* dengan jumlah seramai 7 orang pelajar dengan 4.7 peratus serta *kemahiran membaca* seramai 3 orang dengan nilai sebanyak 2 peratus. Akhir sekali, jawapan *sangat lemah* terbanyak diperoleh daripada tiga kemahiran iaitu *kemahiran mendengar*, *kemahiran bercakap* dan *kemahiran membaca* dengan jumlah yang sama iaitu seramai 1 daripada 150 orang pelajar telah menjawab jawapan yang sama yang mewakili sebanyak 0.7 peratus.

Jadual 5.3 Ujian t-berpasangan perbezaan pandangan pensyarah dan pelajar dari aspek penguasaan bahasa (kemahiran berbahasa)

Kemahiran Berbahasa							
No	Kemahiran/Tahap Penguasaan	PELAJAR		PENSYARAH		Nilai t	Nilai Signifikan
		Purata	Sisihan piawai	Purata	Sisihan piawai		
1	Kemahiran mendengar	2.070	0.757	2.973	0.499	-3.851	0.000
2	Kemahiran bercakap	2.380	0.791	3.081	0.493	-3.995	0.000
3	Kemahiran membaca	2.190	0.781	3.027	0.552	-3.312	0.002
4	Kemahiran menulis	2.310	0.778	3.081	0.546	-3.071	0.004
Purata Keseluruhan		2.237	0.776	3.040	0.522	-4.190	0.000

Nota: Nilai purata kurang daripada 3 adalah menunjukkan kemahiran berbahasa positif. (Nota : 1 = cemerlang, 2 = baik, 3 = sederhana, 4 = lemah, 5 = sangat lemah).

a. Huraian mengikut perspektif pelajar

Kajian menunjukkan bahawa tahap penguasaan bahasa Arab pelajar (kemahiran berbahasa) yang paling positif adalah penguasaan mereka dalam kemahiran mendengar (purata = 2.07). Ia diikuti pula oleh penguasaan mereka dalam kemahiran membaca (purata = 2.19), penguasaan mereka dalam kemahiran menulis (purata = 2.31) dan kemahiran bercakap (purata = 2.38). Dapat dirumuskan bahawa secara keseluruhan tahap penguasaan bahasa Arab pelajar (kemahiran berbahasa) dalam kajian ini adalah positif.

b. Huraian mengikut perspektif pensyarah

Kajian menunjukkan, dari aspek pandangan pensyarah, tahap penguasaan bahasa Arab pelajar (kemahiran berbahasa) yang paling positif adalah penguasaan mereka dalam kemahiran mendengar (purata = 2.973). Ia diikuti pula oleh penguasaan mereka dalam kemahiran membaca (purata = 3.027), penguasaan mereka dalam kemahiran menulis (purata = 3.081) dan kemahiran bercakap (purata = 3.081). Dapat dirumuskan, dari aspek pandangan pensyarah, secara keseluruhannya, tahap penguasaan bahasa Arab pelajar (kemahiran berbahasa) dalam kajian ini adalah positif.

c. Nilai Signifikan

Terdapat perbezaan signifikan ($t=-3.851$, $p=0.000$) antara pandangan pensyarah dengan pandangan pelajar dari aspek penguasaan bahasa (kemahiran berbahasa) dalam kalangan pelajar IPTA iaitu kemahiran mendengar. Melihat kepada nilai min peratus antara kedua-dua pihak, kajian menunjukkan pelajar lebih bersetuju (min =2.07) dan percaya bahawa mereka telah menguasai kemahiran mendengar dengan baik berbanding dengan pandangan pensyarah mereka sendiri (min =2.97).

Terdapat perbezaan signifikan ($t=-3.995$, $p=0.000$) antara pandangan pensyarah dengan pandangan pelajar dari aspek penguasaan bahasa (kemahiran berbahasa) di kalangan pelajar IPTA iaitu kemahiran bercakap. Melihat kepada nilai min peratus antara kedua-dua pihak, kajian menunjukkan pelajar lebih bersetuju (min =2.38) dan percaya bahawa mereka telah menguasai kemahiran bercakap dengan baik berbanding dengan pandangan pensyarah mereka sendiri (min =3.08).

Terdapat perbezaan signifikan ($t=-3.312$, $p=0.002$) antara pandangan pensyarah dengan pandangan pelajar dari aspek penguasaan bahasa (kemahiran berbahasa) di kalangan pelajar IPTA iaitu kemahiran membaca. Melihat kepada nilai min peratus antara kedua-dua pihak, kajian menunjukkan pelajar lebih bersetuju (min =2.19) dan percaya bahawa mereka telah menguasai kemahiran membaca dengan baik berbanding dengan pandangan pensyarah mereka sendiri (min =3.02).

Terdapat perbezaan signifikan ($t=-3.071$, $p=0.004$) antara pandangan pensyarah dengan pandangan pelajar dari aspek penguasaan bahasa (kemahiran berbahasa) di kalangan pelajar IPTA iaitu kemahiran menulis. Melihat kepada nilai min peratus antara kedua-dua pihak, kajian menunjukkan pelajar lebih bersetuju (min =2.31) dan percaya bahawa mereka telah menguasai

kemahiran menulis dengan baik berbanding dengan pandangan pensyarah mereka sendiri (min =3.08).

Secara keseluruhan, terdapat perbezaan signifikan ($t=-4.190$, $p=0.000$) antara pandangan pensyarah dengan pandangan pelajar dari aspek kemahiran berbahasa pelajar. Ini bermakna bahawa hipotesis Ho4 yang menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pandangan pensyarah dengan pandangan pelajar mengenai kemahiran berbahasa berjaya ditolak.

Cadangan Terhadap Penambahbaikan Proses Pembelajaran

Terdapat banyak kajian yang telah dilakukan oleh para pengkaji berkaitan dengan penambahbaikan silibus kurikulum. Beberapa definisi dibuat untuk menerangkan perkataan “penambahbaikan”. Antaranya iaitu yang terdapat dalam “Ardictionary”. Ia menentukan teknik terbaik dalam mengaplikasikan peralatan terbaru. Ia dapat berupa proses dalam menghasilkan barangan atau perkhidmatan. Terdapat satu lagi pentakrifan lain mengenai penambahbaikan. Penambahbaikan iaitu satu aktiviti berterusan bermula daripada yang paling mudah (paling bawah) menuju ke satu tahap yang lebih baik (tahap yang lebih kompleks). Ia juga satu proses pertumbuhan dan kemajuan sesuatu ke arah yang lebih baik.

Distlehorst dan Robbs (1998) pernah membincangkan satu corak penambahbaikan silibus kurikulum melalui faktor kecekapan dan pemahaman terhadap silibus yang dipelajari oleh dua golongan pelajar. Silibus kurikulum pertama adalah berdasarkan kecekapan dan pemahaman melalui interaksi terhadap “problem- based learning”. Silibus kurikulum kedua berdasarkan “student-directed curriculum atau standard curriculum students”. Dapatan yang diperoleh menunjukkan tidak terdapat perbezaan antara silibus yang dilalui oleh kedua-dua golongan pelajar dalam menguasai silibus yang ditawarkan. Ini kerana kedua-duanya mempunyai kelebihan dan kekurangan.

Keputusan yang diperoleh turut disemak semula dan dipersetujui oleh beberapa pakar pendidik seperti Berkson (1993), Albanese dan Mitchell (1993) dan Vernom dan Blake (1993). Malahan mereka juga turut menyediakan satu rangka kerja (framework) dalam membuat penganalisan kejayaan pelajar melalui penyediaan jawapan soalan kajian yang disediakan. Roehrig dan Kruse (2005) juga turut memperkatakan tentang keberkesanan proses pembelajaran dan pengajaran dalam bidang sains di Amerika. Pembelajaran mengikut standard yang ditetapkan oleh National Science Education Standards.

Beberapa kajian untuk meningkatkan keberkesanan tersebut telah dicadangkan. Antaranya melalui perlaksanaan kaedah inquiry-based instruction. Kajian penggunaan kaedah

inquiry-based instruction menunjukkan keberkesanan kaedah tersebut selepas beberapa data dipungut di 12 buah sekolah tinggi. Walau bagaimanapun, keberkesanan tersebut bergantung dengan beberapa faktor sampingan. Antaranya corak pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan, kemahiran dan pengalaman guru yang mengajar.

Albanese dan Mitchell (1993) pula menekankan faktor tahap kognitif yang sepatutnya dicapai oleh pelajar dalam kurikulum yang dipelajari. Kajian dijalankan terhadap penguasaan pelajar berkaitan dengan ilmu sains. Tahap asas maklumat berkaitan ilmu sains (basic sciences information) amat memainkan peranan penting. Kejayaan pelajar dalam bidang perubatan menjadikan mereka maju ke hadapan untuk menerokai ilmu-ilmu perubatan baru. Ini dicanggah oleh Berkson (1993). Beliau menyatakan bahawa tidak silibus yang lebih baik dari satu kurikulum lain jika setiap bahagian yang terdapat di dalam elemen silibus memainkan peranan masing-masing yang berkesan.

Morris (1996) pula pernah membuat analisa penambahbaikan silibus kurikulum berdasarkan silibus kurikulum yang sedia ada di Hong Kong. Beliau menganalisa bersama dengan beberapa pakar kurikulum lain sekitar tahun 1996 hingga 2000. Penambahbaikan bertujuan bagi pembinaan silibus kurikulum baru dan akan digunakan oleh masyarakat baru Hong Kong. Penggunaan tersebut selepas kerajaan diambil alih semula oleh China pada tahun 1997 daripada tangan British. Kumpulan penyelidik ini dinamakan sebagai Target Oriented Curriculum (TOC). Kajian dijalankan melalui analisa semula polisi dokumentasi, temu ramah dengan beberapa pihak yang menggubal polisi. Soal selidik melibatkan lebih dari 600 orang guru dari pelbagai peringkat. Kajian ini memakan masa hampir tiga tahun dan melibatkan 14 buah institusi pengajian. Dapatan beliau tersebut turut dimasukkan dalam Journal Education Policy pada tahun 2002.

Ciri-ciri asas dalam kajian analisa pembentukan baru silibus melibatkan perubahan pada beberapa perkara. Antaranya pindaan terhadap tumpuan pembelajaran daripada tumpuan kepada matlamat khusus sesuatu subjek (subject specific goals) kepada tumpuan kemahiran (generic skills). Tumpuan kemahiran iaitu meliputi kemahiran penyelesaian masalah, sebab, pertanyaan, komunikasi dan konseptual. Tumpuan pembelajaran lainnya iaitu tumpuan pembelajaran berasaskan guru (teacher-centered) dan pembelajaran berasaskan kerja (task-based learning). Pindaan juga berlaku dari pedagogi bilik darjah (class pedagogy) kepada aktiviti pelajar (pupil activity), interaksi, dan penyamaan perbezaan pelajar.

Walaupun bagaimanapun, usaha terhadap perubahan tersebut mendapat maklum balas yang positif dan negatif. Banyak permasalahan yang dihadapi tertumpu pada institusi pengajian

terutama yang berkaitan dengan pensyarah yang menjalankan aktiviti pengajaran dalam kelas. Permasalahan turut dinyatakan oleh Kwan dan Ng (2000) yang mengulas terhadap perubahan yang tidak berkesan. Permasalahan berlaku kerana sikap lepas tangan dan tidak mendapat sokongan sepenuhnya daripada pembuat dan pelaksana polisi (Lo 2000).

McKenney dan Akker (2005) pula telah membuat kajian berkaitan dengan faktor penerokaan potensi komputer dalam membantu perkembangan kurikulum Sains dan Matematik di Afrika Selatan. Satu program khas komputer yang dinamakan sebagai CASCADE-SEA (Computer Assisted Curriculum Analysis, Design and Evaluation for Science Education in Africa) telah dibangunkan untuk pelajar di sana. McKenney dan Akker berpendapat bahawa program ini dapat membantu pelajar mempertingkatkan pembelajaran Sains di Afrika Selatan. Program tersebut membekalkan bahan pembelajaran yang berkualiti melalui proses pembangunan yang dilakukan. Pendapat ini turut disokong oleh Nieveen (1997) dengan menyatakan program sebegini dapat menjimatkan masa dan turut membantu dalam mempertingkatkan rancangan penilaian dan aktiviti pelajar.

Mengikut pendapat Cailods et al. (1996), kekurangan bahan yang membantu dalam proses pembelajaran di kebanyakan negara dunia ketiga amat kritikal. Oleh itu, sebarang pembangunan bahan dalam kurikulum mesti dilakukan. Penyediaan peruntukan bagi pensyarah yang terlatih amat diperlukan. Pelaburan yang dibuat dalam penyediaan bahan-bahan pembelajaran dan pembangunan kurikulum mesti dilakukan untuk mengubah tahap pendidikan dengan lebih meluas (Ball dan Cohen 1996).

Poetter (2005) pula mengambil pandangan para guru di bawah seliaan beliau dalam membantu pembentukan dan pemilihan kurikulum yang bersesuaian bagi pelajar. Beliau berpendapat bahawa guru-guru mempunyai pengalaman dan daya intelek yang cukup dalam bidang masing-masing untuk membantu pembentukan sesuatu kurikulum. Usaha yang dilakukan Poetter sebenarnya bertujuan mencari cara baru dan memecahkan tradisi pembelajaran yang biasa dilakukan. Pembelajaran hanya dilakukan dengan membaca buku, mendengar syarahan, menghadapi peperiksaan dan mendapat gred tertentu. Proses ini menyebabkan pelajar akhirnya lupa apa yang diajarkan. Perjalanan yang disebutkan tadi seolah-olah menjadi rutin biasa proses pembelajaran pelajar.

Pembentukan satu identiti yang lebih professional dan perubahan dalam bilik darjah mampu memperbaiki pedagogi pembelajaran yang lebih praktikal pada masa depan. Keberkesanan proses pembelajaran juga akan lebih terjamin. Terdapat beberapa faktor penilaian pembelajaran. Faktor-faktor tersebut iaitu faktor fizikal pembelajaran (keadaan persekitaran,

kebudayaan, tempoh pelaksanaan), ekonomi, sokongan organisasi (kemudahan pembelajaran, politik dan perundangan) dan sahsiah pelajar. Semua faktor ini dapat memberi kesan yang positif. Namun, ia juga boleh memberi kesan yang sebaliknya kepada kurikulum itu sendiri.

Semua faktor-faktor di atas dibincang serta diperdebatkan dalam kalangan para pendidik yang pada akhirnya mereka sepakat untuk membuat satu kesimpulan bahawa kesempurnaan kurikulum adalah berkaitan dengan kemampuan sesuatu kurikulum untuk menyerap kepelbagaian pemboleh ubah yang berlaku terhadap kurikulum. Ia pula perlu mengikut arus perkembangan semasa. Cara tersebut dimaksudkan untuk menjamin perkembangan kurikulum dari masa ke semasa. Cara sebegini dapat menjadikan kurikulum tidak ketinggalan dan selalu ke hadapan.

Al-Daami dan Wallace (2000) menjalankan kajian yang melibatkan lebih 500 orang guru. Kajian bertujuan untuk mendapat maklumat berkaitan perbezaan pencapaian pelajar miskin dan kaya di Jordania. Terdapat tiga elemen yang menyokong pembelajaran pelajar tanpa mengira status sosial atau ekonomi. Elemen tersebut meliputi peranan pihak sekolah, peranan penjaga atau ibu bapa dan polisi yang dibuat oleh pihak kerajaan. Ketiga-tiga elemen dianggap sebagai elemen awal yang memainkan peranan penting bagi kejayaan pembelajaran pelajar. Al-Daami dan Wallace juga turut menekankan keseimbangan ketiga-tiga elemen dalam pelaksanaan kurikulum. Kegagalan salah satu daripada tiga elemen akan membantutkan pencapaian pelajar. Ia juga melebarkan lagi perbezaan pencapaian pelajar kaya dengan pelajar yang miskin.

Sebagai kesimpulan, sebagaimana yang diutarakan oleh Ali Ismail Muhammad (1997) iaitu apa-apa kurikulum (silibus) yang dirancang hendaklah bertujuan membentuk seorang insan yang mampu hidup berdikari, berinteraksi dengan masyarakat. Ia juga sebaiknya dapat memberi sumbangan kepada bangsa. Manakala Al-Wakil (1991), Muhammad Izzat (1981), Muna Habib dan QasimSaaban (1983) serta Tu'aimah (1998) memberi pandangan yang lebih luas dan menyeluruh berkaitan dengan silibus program. Mereka berpandangan bahawa sesuatu program atau silibus yang dirancang dibina hendaklah sesuai dan mengikut kehendak semasa. Kualiti pencapaian akademik yang baik akan mempertingkatkan keupayaan sendiri setiap pelajar JPTK. Ia sebagai bakal pendidik yang mampu melahirkan pelajar yang boleh memberi sumbangan yang besar kepada negara.

Rujukan

- Abdul Halim Mohamed. 2009. Tahap komunikasi dalam bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education* 1(1). 1-14. UKM.
- Ahmad Atory Hussain. 2002. *Pengurusan Organisasi*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Crow, L.D. & Crow, A. 1983. *Psikologi Pendidikan untuk Perguruan (terjemahan)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Husaini, Muhd Harun. 2007. *Tablil Kutub Ta'lim Al-Lughah Al-Arabiyyah Bil Muassasat At-Ta'limiyah Al-Ulya Al-Khassah*. Tesis Dr Fal, Universiti Malaya.
- Ismail Suardi Wekke. 2008. Amalan pendidikan bahasa Arab berasaskan kepelbagaian budaya di pesantren Sulawesi Selatan, Indonesia. Tesis Dr Fal. UKM.
- Jaseem, Ali Jaseem. 1992. *Fi Turuqta'lim Al-Arabiyyah Li Ghai An-Natiginbiba*. Kuala Lumpur
- Rahimi, Nik Mohd. 2005. Penilaian kemahiran mendengar dalam kurikulum bahasa Arab komunikasi di Sekolah-sekolah Agama kerajaan negeri. Tesis Dr Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Rozmi Ismail. 2011. *Psikologi Sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Fatimah & Ab. Halim. (2010). Persepsi guru terhadap penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi multimedia dalam pengajaran j-QAF. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2) 2010 53 – 64.

BAB 18

KESEDIAAN GURU PELATIH DALAM MELESTARIKAN PELAKSANAAN PEDAGOGI DIGITAL ERA ENDEMIK

Nor Azhan Norul'Azmi¹, Noor Shamshinar Zakaria² & Shahirah Sulaiman³

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor¹², Universiti Sains Islam Malaysia³

Pendahuluan

Pedagogi digital mula digunakan apabila sistem pendidikan beralih kepada persekitaran baharu melalui pengajian jarak jauh (PJJ) atau *distance learning*. Pedagogi jenis ini menggunakan teknologi digital moden sebagai alat untuk pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP). Ia boleh dilaksanakan melalui persekitaran atau mod dalam talian (*online learning*), hibrid atau bersemuka (*face-to-face learning*). Demikian, guru atau pensyarah mampu menjalankan sesi PdP bagi pendidikan terbuka (*open education*) melalui ***Open Educational Resources*** (OERs), perkongsian sukatan pelajaran, perkongsian material pengajaran, pelaksanaan projek pelajar berasaskan minat sendiri dan juga menyalurkan dan menerbitkan bahan-bahan PdP secara akses terbuka dan perbincangan rakan sekelas.

Medium ini bukan sekadar mempromosi penggunaan teknologi digital untuk PdP sahaja, malah ia lebih menjurus kepada memahami secara kritis tentang setiap alat yang membantu PdP. Justeru, pedagogi digital ini lebih mudah difahami sebagai kaedah PdP melalui penggunaan alat digital dengan teliti supaya seorang guru dapat menentukan masa yang sesuai untuk memanipulasi teknologi ini (bila untuk mengguna pakai dan bila untuk tidak mengguna pakai) dan adakah pelaksanaannya memberi kesan kepada pencapaian pelajar dalam pembelajaran. Jelas, pedagogi ini mempunyai hubungan yang rapat dengan teori konstruktivisme yang diasaskan oleh Vygotsky dan cendekiawan lain khususnya dalam menekankan konsep pelajar mempelajari sesuatu benda baharu melalui pengalaman.

Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan (PTPK) terbahagi kepada tujuh komponen utama iaitu Pengetahuan Teknologi (PT), Pengetahuan Pedagogi (PP), Pengetahuan Kandungan (PK), Pengetahuan Teknologi Kandungan (PTK), Pengetahuan Teknologi Pedagogi (PTP), Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) dan Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan (PTPK) (Mohammad Rusdi, 2017).


Justeru, kelestarian pedagogi digital dapat dilaksanakan sekiranya guru mempunyai pengetahuan tentang dunia teknologi digital. Seterusnya, menjadikannya satu amalan yang memberi kesan kepada pencapaian objektif isi kandungan. Pedagogi digital memberi peluang kepada guru untuk memanipulasi pelbagai sumber yang ada melalui perkakasan, perisian dan saluran internet. Bahan pengajaran digital termasuklah untuk kuliah, tutotial, aktiviti membaca, buku teks, komponen multimedia dan lain-lain sumber untuk sesuatu mata pelajaran. Bahan-bahan ini boleh diguna pakai untuk pelaksanaan kelas secara fizikal dan juga maya. Walau bagaimanapun, ia perlu diubah suai dan direka bentuk semula supaya menjadi efektif untuk persekitaran digital.

Kajian Literatur

Proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Arab tidak menafikan ledakan penggunaan teknologi digital. Ia bukan sahaja keperluan yang perlu menjadi amalan guru, malah sebagai jawapan kepada isu semasa yang sentiasa mengubah landskap sistem pendidikan. Salah satu daripada isu semasa yang menjadikan proses PdP bergantung kepada teknologi ialah berlakunya pandemik COVID-19 pada penghujung tahun 2019. Penggunaan teknologi digital adalah salah satu strategi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab era milenial bagi memastikan guru dapat merancang sesi tersebut dengan lebih baik dan efisien (Lubis, Taib & Ismail, 2020). Bertitik tolak daripada kesan pandemik yang tercetus, maka pedagogi digital telah mengambil sebahagian peluang dan tempat untuk menyokong PdP semasa era endemik.

PdP abad ke-21 menitikberatkan keberhasilan pelajar yang berdaya saing dan berfikiran kritis. Hasil ini dapat dicapai sekiranya proses yang dilaksanakan bermula dengan guru sebagai tulang belakang kepada pembelajaran pelajar. Contohnya, ia boleh dilaksanakan dengan integrasi penggunaan kit media dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Bahasa Arab di mana akan dapat merangsang aktiviti KBAT dalam kalangan pelajar sebagai fokus dalam pendidikan (Ramli, Abdul Ghani, Atoh & Romli, 2019). Pembelajaran menggunakan teknologi digital lebih menumpukan kepada pembelajaran berpusatkan pelajar di mana guru bertindak sebagai pemudah cara yang menyalurkan maklumat dan memberi tunjuk ajar jika perlu sahaja. Ini kerana, ruang dan masa yang terhad mendorong pelajar lebih aktif untuk dalam pembelajaran dan bukan semata-mata menerima isi kandungan yang disampaikan.

Kelestarian pedagogi digital berkait rapat dengan kerangka penilaian bahan pengajaran digital yang telah diperkenalkan oleh Rice and Ortiz (2021). Kerangka ini dicadangkan untuk digunakan di premis PdP melalui bahan pengajaran dalam talian berkualiti yang boleh diakses oleh pengguna, menggalakkan penglibatan aktif pelajar, menyokong penyertaan, dan bertanggungjawab terhadap piawai standard dan privasi data.



Rajah 1: Kerangka 4A bagi Penilaian Bahan Pengajaran Digital (Rice and Ortiz, 2021)

Bahan sumber digital untuk pengajaran mempunyai kelebihan berbanding tradisional. Selain daripada tujuan pemulihan, rujukan dan pengayaan, ia mempunyai sifat mudah digunakan, disesuaikan, diperbanyak dan diedar dengan cepat dan meluas (Fadzliaton Zainudin, 2015). Beberapa sumber pendidikan digital ialah laman web, portal, pembelajaran dalam talian,

persekitaran pembelajaran maya dan CD-ROM/VCD/DVD/CD Audio. Oleh yang demikian, guru perlu bijak dan mempunyai kemahiran dalam mencari, memilih, memproses, menggunakan dan menyebarkan maklumat dan bahan digital tersebut.

Selain yang dibincangkan di atas, guru juga tidak lari dari menghadapi cabaran dan masalah untuk melunaskan tugas sebagai pendidik di era baharu. Menurut Ismail (2020) terdapat tiga cabaran dalam pengurusan pembelajaran digital: adaptasi teknologi (teknikal dan perubahan sikap), pemegang taruh (pengurusan, pensyarah dan pelajar), celik digital dan lancar digital. Cabaran yang dinyatakan menggambarkan bahawa guru terpaksa berdepan dengan cabaran yang datang dari pelbagai pihak, dan bukannya dari satu sudut sahaja. Ia mungkin dari guru, teknikal, pengurusan institusi dan pelajar sendiri.

Isu dan cabaran dalam kalangan guru Pendidikan Islam juga adalah: perspektif masyarakat terhadap pendidikan digital, amalan guru pendidikan Islam dalam pelaksanaan pendekatan pembelajaran melalui pendidikan digital, tahap kesediaan ibu bapa dan murid-murid terhadap penerapan pendidikan digital, penguasaan ilmu dan kemahiran teknologi, beban tugas guru pendidikan Islam dan cabaran penerapan nilai murni (Bashah & Zulkifli, 2022). Ia cabaran sejagat yang dihadapi bukan sahaja kepada guru dalam Pendidikan Islam/Pengajian Islam malah mata pelajaran lain untuk penerapan pendidikan digital dalam PdP. Tambahan lagi, terdapat tiga kekangan lain untuk pelaksanaan pengajaran abad ke-21 termasuklah sumber dan kemudahan, pengetahuan dan kemahiran serta masa (Rusdin & Ali (2019).

Permasalahan Kajian

Kesediaan dan keupayaan guru dalam melaksanakan tugas hakiki sebagai pendidik menentukan keberkesanan pengajaran. Antara kesediaan dan keupayaan ini termasuk belajar dan menggunakan sumber daripada ledakan teknologi terkini. Kemajuan teknologi khususnya dalam dunia pendidikan menjadi isu yang tidak dapat diselesaikan oleh guru kerana mereka perlu memanfaatkan setiap sumber yang ada secara optimal (Sagita & Nisa, 2019). Ia tidak akan berhenti hanya dengan satu solusi dan terhad kepada masa tertentu sahaja, bahkan sentiasa memerlukan penambahbaikan dari masa ke masa. Kelemahan guru dalam mengikuti arus teknologi untuk tujuan pengajaran akan menyebabkan keberkesanan PdP tidak mencapai ke suatu tahap yang boleh dibanggakan.

Pengetahuan dan sikap guru sangat penting dalam menentukan proses pengajaran dapat dilaksanakan secara berkesan dan menarik minat pelajar. Kebanyakan guru Bahasa Arab masih lagi bergantung kepada kaedah pengajaran tradisional dan lemah dalam menguasai teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran yang menyebabkan pelajar menjadi pasif dan berasa bosan dengan pembelajaran (Hilmi, Mohd Zakaria, & Nur Fuad, 2020). Selain itu, Zakaria dan Mahalle (2017) mendakwa bahawa sikap guru Bahasa Arab tidak berminat untuk melakukan perubahan dalam kaedah pengajaran mereka. Ini memberikan satu fenomena yang tidak sihat kepada pembelajaran aktif pelajar. Menurut Hilmi, Mohd Zakaria dan Nur Fuad (2020) lagi, guru lebih gemar menggunakan pendekatan memberi kuliah kerana ia dianggap lebih mudah dan menjimatkan masa. Sikap guru yang tidak mengambil berat tentang pengajaran berkesan dan penggunaan bahan bantu pengajaran (BBP) juga terutama komputer berada pada tahap lemah (Hussain, Yusoff, Lubis & Jusoh, 2020).

Justeru, senario ini tidak mencerminkan kreativiti dan inovasi sebagai seorang tenaga pengajar yang sepatutnya menjadi agen pengubah seseorang pelajar. Ia ditegaskan oleh Ambikapathy, Halili dan Ramasamy (2020) dalam kajian mereka bahawa guru mempunyai kemahiran yang sederhana dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), manakala

sekolah yang menjadi sampel kajian juga mempunyai prasarana yang tidak memuaskan. Jika guru dan kemudahan asas untuk pengajaran digital adalah faktor kepada kelemahan amalan pengajaran digital, maka suatu perubahan perlu dibuat segera. Ini memungkinkan pengajaran abad ke-21 dapat diimplementasi sewajarnya mengikut wawasan Kementerian Pelajaran Malaysia.

Tambahan lagi, dapatan daripada kajian Mohammad Rusdi (2017) menunjukkan walaupun Pengetahuan Pedagogi (PP) guru berada pada tahap tinggi, namun komponen lain bagi PTPK masih berada pada tahap sederhana tinggi. Ini menunjukkan hanya satu komponen yang dapat dikuasai oleh guru, manakala selebihnya perlu diberi tumpuan khusus supaya wujudnya keberkesanan dalam PdP. Perkara ini penting untuk dikaji semula kerana guru sentiasa berdepan dengan perubahan pedagogi dalam dunia digital. Pelajar pula adalah kelompok sasaran yang hidup dengan arus pembangunan digital dalam segenap aktiviti harian mereka. Maka dengan itu, keperluan untuk menyelami dan menilai persepsi guru terhadap pedagogi digital amat dituntut terutama dalam menghadapi fasa endemik di mana aktiviti PdP tidak terkecuali dari menerima perubahan ini.

Hal lain adalah isu latihan guru sebagai tonggak utama pelaksanaan pengajaran digital. Pelaksanaan pengajaran digital dan melestarikan amalan berasaskan teknologi memerlukan pengetahuan guru dalam penerapan media berasaskan digital seperti sosialisasi atau pelatihan khusus bagi guru (Kiama, 2020). Jika guru pelatih dan guru dalam perkhidmatan tidak dibekalkan dengan latihan yang cukup untuk memastikan PdP secara digital dapat dilaksanakan, maka timbul keengganan dan kesukaran menjalankan tugas semasa fasa pelaksanaan dijalankan.

Objektif Kajian

Kajian ini menggariskan tiga objektif utama untuk dicapai, ia merangkumi:

1. Meninjau persepsi guru pelatih Bahasa Arab terhadap pelaksanaan pedagogi digital era endemik.
2. Mengenal pasti tahap kemahiran guru pelatih Bahasa Arab terhadap pedagogi digital era endemik.
3. Mengenal pasti cabaran guru pelatih Bahasa Arab terhadap pedagogi digital era endemik.

Persoalan Kajian

Melalui objektif yang telah dinyatakan di atas, maka persoalan kajian ini ialah:

1. Apakah persepsi guru pelatih Bahasa Arab terhadap pelaksanaan pedagogi digital era endemik?
2. Sejauh manakah tahap kemahiran guru pelatih Bahasa Arab terhadap pelaksanaan pedagogi digital era endemik?
3. Apakah cabaran guru pelatih Bahasa Arab terhadap pelaksanaan pedagogi digital era endemik?

Metodologi

Populasi dan Persampelan Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan dengan edaran soal selidik kepada sampel. Kajian ini telah dijalankan ke atas sampel yang terdiri daripada 66 orang guru pelatih yang mengajar Bahasa Arab di sekolah-sekolah negeri Selangor semasa menjalani praktikum. Sampel kajian ini adalah pelajar Diploma Pendidikan Islam dan

Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dalam kalangan pelajar Semester 5. Soal selidik telah dibina melalui guna pakai (verbatim), ubah suai (adaptasi) dan petikan daripada sorotan literatur. Seterusnya, pengumpulan data dilaksanakan dengan menggunakan *Google Form* dan dianalisis dengan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* versi 26 untuk mendapatkan nilai peratus, min dan sisihan piawai bagi setiap item.

Instumen Kajian

Seperti yang dinyatakan, kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Soal selidik kajian ini mengandungi empat bahagian utama. Bahagian A dalam soal selidik mengandungi item ciri-ciri demografi responden seperti jantina, peringkat pengajian, jenis sekolah menengah terdahulu, jenis dan lokasi sekolah semasa praktikum dan pengetahuan tentang penggunaan teknologi. Manakala bahagian B, C dan D soal selidik mengandungi konstruk-onstruk seperti Persepsi Guru Pelatih Bahasa Arab Terhadap Pelaksanaan Pedagogi Digital Era Endemik, Tahap Kemahiran Guru Pelatih Bahasa Arab Terhadap Pelaksanaan Pedagogi Digital Era Endemik dan Cabaran Guru Pelatih Terhadap Pedagogi Digital Era Endemik. Kesemua item setiap konstruk diukur dengan menggunakan skala Likert lima mata iaitu, 1 = sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = kurang setuju, 4 = setuju dan 5 = sangat setuju. Borang soal selidik disediakan dalam format *Google Form* dan diedarkan kepada responden menerusi aplikasi *WhatsApp*. Hasil ujian mengesahkan kebolehpercayaan soal selidik kajian dengan nilai $\text{Alpha} = 0.954$.

Keputusan Kajian

